

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 20	Khamis	9 April 2015
----------------	---------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 (Halaman 24)
Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014 (Halaman 260)

USUL-USUL:

Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan
Ketiga Rang Undang-undang (Halaman 1)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 23)

Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat (Halaman 215)

USUL MENTERI DALAM NEGERI:

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985
- *Terus Berkuat kuasa Bagi Tempoh 5 Tahun Lagi* (Halaman 264)

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

Akta Pendanaan Kerajaan 1983 (Halaman 273)
Akta Tatacara Kewangan 1957 (Halaman 275)
Akta Kastam 1967 (Halaman 280)
Akta Eksais 1976 (Halaman 283)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Khamis, 9 April 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, "Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, D.R.1/2015 Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di nombor 3, dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini, ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa pada mesyuarat akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah kerajaan akan membina tembok bagi menggantikan pagar kawat yang sedia ada di sempadan Malaysia/Thailand terutama sekali di kawasan kritikal yang telah dikenal pasti sebagai tempat penyeludupan; dan
- (b) bilakah kerajaan akan memasang mesin pengimbas yang canggih supaya setiap kenderaan yang keluar-masuk negara ini dapat diimbas dengan sepenuhnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Kubang Pasu,

Semalam banyak kelekatu,

Saya jawab soalan nombor satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya juga mengalu-alukan ketibaan Yang Berhormat Gombak yang telah lama tidak nampak. Bakal Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pagar sepanjang 129 kilometer telah dibina di sempadan negara yang melibatkan tiga buah negeri iaitu Perlis, Kedah dan juga Perak. Kerajaan sedang mengkaji pembinaan pagar sempadan yang baru serta menggantikan pagar yang lama dengan mengambil kira spesifikasi dan kos yang terlibat.

Pembinaan pagar sempadan khususnya di sempadan Malaysia-Thailand perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Thailand melalui Jawatankuasa Bersama Malaysia-Thailand. Jawatankuasa ini perlu memutuskan mekanisme pelaksanaan pembinaan pagar sama ada secara bersama pihak Thailand atau secara *unilateral*, dengan izin. Mesyuarat Jawatankuasa ini telah berlangsung pada 9 sehingga 11 Mac 2015 di Bangkok dan pihak Thailand telah menyatakan hasrat bagi konsep *co-management*, dengan izin, dalam pengurusan sempadan Malaysia-Thailand. Justeru, proses rundingan masih berjalan di antara Malaysia dan Thailand dalam mengenal pasti konsep *co-management*, dengan izin, berdasarkan kepada kesesuaian semasa.

Yang keduanya, mesin pengimbas telah sedia dipasang di kawasan tempat masuk lori kontena dan juga kenderaan berat. Bagi kenderaan persendirian, ia berada dalam perancangan, namun kerajaan menumpukan aspek keselamatan secara keseluruhan.

Mesin pengimbas yang ada pada masa kini adalah dimiliki oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang boleh digunakan untuk mengimbas kenderaan seperti lori, treler dan kontena. Jabatan Kastam Diraja telah mula menggunakan mesin pengimbas kargo ini sejak tahun 2001 dan sehingga April 2015, terdapat 16 unit mesin pengimbas yang beroperasi.

Jabatan Kastam kini dalam usaha berterusan memperbaiki dan mengganti mesin pengimbas lama yang sering rosak serta menambah bilangan dan lokasi pemasangan mesin di pelabuhan dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di seluruh negara.

Bagi tahun 2015, Jabatan Kastam sedang memasang dua unit mesin baru di Pasir Gudang dan CIQ Tanjung Kupang dan akan memasang dua unit lagi di Pelabuhan *North Butterworth Container Terminal* dan juga CIQ Tanjung Kupang. Jabatan Kastam juga dijangka mempunyai lapan unit mesin baru dan akan memutuskan lokasi pemasangan apabila mesin-mesin tersebut diterima.

Dalam masa yang sama, dengan adanya pelbagai agensi di kawasan sempadan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan agensi keselamatan yang lain, kerajaan percaya bahawa agensi-agensi ini mampu untuk membanteras jenayah di pintu-pintu masuk sempadan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang panjang lebar berhubung dengan soalan yang saya tanya.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri, kita sedar bahawa masalah keselamatan merupakan masalah yang penting bagi sesebuah negara. Kita tengok dalam masa dua hari ini kita berbahas mengenai untuk memperkenalkan akta-akta demi menjaga keselamatan negara. Namun

demikian, kita juga mesti mengambil beberapa langkah yang lain seperti memperkemaskan, memperketatkan keluar masuk di pintu-pintu masuk di sempadan terutama di utara Malaysia.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berhubung dengan masalah pagar yang kita dapati bahawa banyak pagar itu telah rosak dan kita mempunyai lorong-lorong tikus di mana dibolosi oleh penyeludup dan juga oleh PATI yang banyak masuk ke negara kita ini.

Apakah usaha-usaha yang akan dijalankan oleh Kerajaan? Adakah kita akan tunggu sampai kita mendapat persetujuan daripada pihak Thailand untuk kita mengatasi masalah-masalah lorong-lorong tikus ini? Ini kerana pandangan saya ialah supaya kita membina atau memperkemaskan di tempat-tempat yang kritikal iaitu membina tembok di tempat yang kritikal untuk menghalang kegiatan yang tidak diingini ini.

■1010

Selain daripada itu juga Yang Berhormat, saya difahamkan dan saya biasa melawat ketika saya menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri itu ialah berkenaan CCTV. Kita mempunyai CCTV di Padang Besar yang diawasi oleh MKN. Namun demikian, saya tengok bahawa CCTV itu tidak berkesan. Sepatutnya, CCTV ini *diupgrade* dan diperkemas dan dibuat sepanjang jalan keselamatan di persempadanan itu.

Satu lagi adalah berkenaan dengan elektrik. Kita dapati bahawa tiang-tiang elektrik telah dibina dan sambungan wayar telah dibuat, saya ingat sudah hampir 10 tahun yang lalu. Namun demikian hari ini, kita tidak dapat menyalurkan elektrik untuk kita beri keselesaan kepada pihak penguatkuasaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Jadi, saya minta supaya kedua-dua perkara ini dititikberatkan supaya kita dapat mengawal keselamatan di sempadan dengan lebih baik lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada empat soalan. Pertama, mengenai lorong tikus dan juga kemas kawasan tembok. Jadi, sementara kita menunggu cadangan pengurusan bersama dengan pihak Thailand, kita ada Unit Penyelenggaraan yang potong rumput, dan pada masa yang sama mereka menyiratkan kembali lorong tikus ini.

Memang kita ada cadangan iaitu untuk membina tembok dari Perlis, Padang Besar sehingga ke Bukit Kayu Hitam. Cadangan ini telah pun lama tetapi sudah pasti oleh sebab Yang Berhormat telah bangkitkan di Parlimen, ini akan mempercepatkan cadangan ini terutama selepas pembentangan rancangan Malaysia nanti. Jadi yang itu lorong tikus ini kita akan pastikan ia dijaga walaupun nampaknya ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa lorong tikus ini boleh bertambah kerana pagar semakin mereput. Ini kerana dari Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam menggunakan pagar sementara Bukit Kayu Hitam sehingga ke Lubuk Sireh menggunakan tembok.

Dalam dunia ini cuma ada dua buah tembok besar iaitu Tembok Besar Negara China dan juga tembok besar di Negeri Perlis. Inilah yang ada sekarang. Sudah pasti kalau rancangan untuk membina

tembok ini dapat diteruskan, ia adalah satu yang cukup baik. Walau bagaimanapun, kita tidak akan bertolak ansur dengan keselamatan, lorong tikus ini akan diperbaiki dari semasa ke semasa.

CCTV Yang Berhormat, CCTV ini kita ada 31 semuanya sepanjang di antara Bukit Kencana. Bukit Kencana ini- nama yang kita bagilah. Akan tetapi dulu orang panggil bukit- sebab di situ ada tokong Cina, tokong Cina ini di sebelah Malaysia tetapi Thailand punya. Jadi oleh sebab itu dinamakan semula sebelah Malaysia ini sebagai Bukit Kencana sehingga ke Chuping, ada sepanjang 5.3 kilometer. Yang di sempadan ini, MKN yang uruskan, sementara dalam kompleks, diuruskan oleh KDN. CCTV ini daripada 31, yang boleh beroperasi cuma 20. Yang lain rosak dan sedang diperbaiki.

Kemudian, sama ada ia ada mendatangkan kesan ataupun tidak, ia mendatangkan kesan. Kita bukan saja boleh mengesan penyeludupan tetapi kita boleh nampak agensi kita yang bekerja juga. Kalau ada apa-apa pergerakan kita boleh nampak walaupun yang berfungsi hanya 20 tetapi MKN hendak pastikan supaya semua pergerakan yang berlaku sama ada penyeludupan dari Thailand ke sini ataupun dari sini ke Thailand.

Kemudian keempatnya adalah elektrik. Terima kasih atas teguran Yang Berhormat. Ini kena dipastikan ia menyala kerana memang tiang dipasang, tidak ada elektrik dalam jangka masa yang begitu lama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tanggungjawab keselamatan sempadan ialah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan saya paling bimbang apabila begitu banyak lorong tikus ini akhirnya menjadi lorong penjenayah.

Apa yang saya ingin tanya dalam soalan tambahan saya ialah, sejauh mana persiapan kerajaan dalam membantu keselamatan di sempadan antara Kelantan dan Thailand? Sebanyak mana penyediaan contoh daripada segi CCTV, mesin pengimbas dan keselamatan pagar ataupun tembok sebagai mana yang dibuat di Perlis, adakah cadangan untuk dibuat juga di Kelantan? Sejauh mana pemantauan pihak kementerian dari sudut penyeludupan terutama yang menggunakan kenderaan asing yang datang ke negara kita?

Contohnya mengambil minyak dan sebagainya, termasuk juga penyeludupan senjata api yang mana banyak kes berlaku dalam kawasan saya sebelum ini yang melibatkan tembakan bersenjata. Jadi, sejauh mana tahap pemerhatian dan kepekaan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan keselamatan di sempadan Kelantan-Thailand dapat terjamin? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita bagi perhatian yang serius fasal keselamatan dan kita tidak akan bertolak ansur fasal keselamatan. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri semasa melawat Kelantan baru-baru ini telah mengumumkan bahawa pagar keselamatan akan dibina di Kelantan. Sudah pastilah konsepnya hampir sama yang kita buat di Kedah, Perlis dan juga Perak.

Setelah itu perkara ini telah dibawa kepada Kabinet dan Jemaah Menteri telah mengarahkan supaya KDN membina pagar sempadan di Kelantan dan juga Thailand. Cumanya sekarang ini, kita sedang ada kawasan tuntutan bertindih iaitu kawasan Bukit Jeli dan juga Sungai Golok, yang itu harus diselesaikan. Dalam masa yang sama, kita tidak bolehlah kerana tuntutan bertindih ini, kita melambatkan pembinaan pagar di kawasan yang tidak bertindih. Jadi yang itu kita akan bagi perhatian.

Lain-lain Yang Berhormat berhubung dengan penyeludupan senjata dan kenderaan asing, ini memang menjadi percakapan-percakapan di bawah sana bahawa ada terdapat suasana dan keadaan pergerakan yang berleluasa terutamanya pada pihak Thailand. Kita mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya sebut di sini bahawa pihak Malaysia tidak akan bertolak ansur daripada segi keselamatan sebab kalau kita mula memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk membuat perkara-perkara yang melanggar undang-undang, ia akan jadi besar, membesar dan sebagainya. Jadi walau sedikit kita mendapat maklumat, kita akan ambil tindakan. Buat masa sekarang ini, pagar belum dibina, penguatkuasaan ditingkatkan oleh pihak keselamatan. Terima kasih.

2. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) usaha dan program kementerian untuk mempromosikan pelancongan domestik, dan bagaimana dengan tawaran tambang-tambang untuk pengangkutan seperti penerbangan, bas dan rel kereta api; dan
- (b) adakah kementerian bersedia mengecualikan duti hiburan ke taman-taman tema memandangkan pengunjung-pengunjung taman-taman ini majoritinya pelancong tempatan.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terutama saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang mengajukan soalan ini.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta agensi di bawahnya iaitu *Tourism Malaysia* bersama 14 buah pejabat negeri sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dan kerajaan negeri dalam mempromosi dan menerapkan budaya melancong dalam negara dalam kalangan masyarakat tempatan sekali gus meningkatkan lagi pergerakan pelancongan domestik di dalam negara dengan slogan "*Cuti-Cuti 1Malaysia*".

Antara langkah-langkah yang diambil Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mempromosikan pelancongan domestik adalah seperti berikut:

Pertama, penyebaran maklumat pelancongan secara langsung kepada para pelancong domestik dan asing dilaksanakan melalui 22 buah pusat penerangan di seluruh negara;

■1020

Di samping itu, para pelancong juga boleh berhubung terus dengan *Tourism Malaysia Call Centre* di talian *Tourism Infoline* 1-300-88-5050 untuk mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti, acara, destinasi dan produk pelancongan.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui *Tourism Malaysia* turut menjalinkan kerjasama pintar dengan syarikat-syarikat swasta bagi mempromosikan aktiviti pelancongan domestik seperti mempromosikan destinasi pelancongan sepanjang laluan Lebuhraya Utara-Selatan dengan kerjasama PLUS Malaysia Berhad dengan *Touch 'n Go*. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi kempen *Cuti-Cuti 1Malaysia*, jalinan kerjasama turut dijalankan dengan majalah-majalah pelancongan tempatan bagi menarik minat pembaca serta menggalakkan mereka melancong.

Ketiga, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia turut menyertai pameran atau ekspo pelancongan seperti *Corporate Travel Bazaar*, Karnival Pelancongan Belia, Expo Pertanian Negeri, *Malaysia International Shoes Festival* dan *MATTA Fair 2015*, di mana *Tourism Malaysia* telah menyewa 70 *booths* khususnya untuk jualan pakej-pakej pelancongan domestik oleh 108 orang peserta yang terdiri dari agensi pelancongan, hotel dan *product owner*.

Keempat, penganjuran *Corporate Travel Bazaar* turut diadakan bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan mengadakan lawatan insentif dalam negara bagi menyemarakkan lagi sektor MICE negara.

Kelima, kementerian ini juga turut meneruskan kempen pengiklanan dan promosi pakej pelancongan melalui media cetak dan elektronik serta melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter terutamanya bagi mempromosikan pakej-pakej pelancongan istimewa sempena acara yang menjadikan tarikan utama seperti perlumbaan *Formula 1*, *Moto GP*, *Magic of the Night* dan sebagainya.

Keenam, penerbitan risalah 1001 pakej yang menawarkan pakej-pakej pelancongan yang mengetengahkan produk-produk pelancongan baru seperti *cruise*, *diving*, *two wheel tourism* iaitu *bicycle* dan *motorbike*, *fabulous food*, *spa*, *voluntarism*, *park and garden*, *golf academy*, *homestay*, *contemporary arts* dan lain-lain turut membantu mempromosi serta dijadikan panduan kepada pelancong-pelancong domestik.

Tourism Malaysia turut mengenal pasti produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dijadikan pakej pelancongan dengan kerjasama penggiat industri untuk dipasarkan kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Antara produk tersebut ialah pakej pelancongan *Food Trail*, pakej pelancongan berbasikal, pakej pelancongan Islam dan homestay, pakej ekopelancongan.

Pada kebiasaannya, penggiat industri pelancongan akan menyesuaikan harga pakej pelancongan dengan harga tambang pengangkutan awam seperti penerbangan, bas dan kereta api. Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa dalam perbincangan dengan semua syarikat penerbangan tempatan untuk mempromosikan pakej pelancongan yang lebih menarik untuk pasaran domestik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa keputusan asal penguatkuasaan duti hiburan iaitu Pengecualian Bagi Taman Tema (Pembatalan) 2013 yang berkuat kuasa pada 2 Januari 2014 hingga akhir tahun 2015 dikekalkan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri boleh mengenakan kadar duti hiburan yang lebih rendah melalui pengecualian oleh pihak berkuasa negeri di bawah peruntukan seksyen 12(2) Akta Duti Hiburan. Sehubungan itu, semua permohonan pengecualian duti hiburan termasuk bayaran masuk ke taman tema bolehlah dikemukakan untuk

pertimbangan Menteri Kewangan atau kerajaan negeri yang berkenaan, bukan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi promosi dan pakej-pakej dan program yang dianjurkan oleh kementerian Yang Berhormat, bolehkah saya diberitahu dalam kajian kementerian, apakah yang paling diminati pelancong tempatan daripada program ini. Saya difahamkan kita masih perlu meningkatkan perancangan domestik kerana masih ada warga-warga kita yang pilih untuk melancong ke negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Singapura. Apakah kajian Yang Berhormat Menteri dapat daripada program-program dan pakej-pakej yang telah dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa soalan daripada Yang Berhormat ini, saya akan minta kepada pegawai-pegawai saya untuk memberikan jawapan secara bertulis untuk mendapat maklumat yang tepat bagi jawapan itu.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan untuk Menteri, adakah kementerian bersedia memperbesarkan ataupun *enhance events* bersejarah di negara kita yang sebenarnya banyak dan berpotensi untuk menjadi produk pelancongan. Sebagai contoh, *event* yang berkaitan dengan *World War II*. Di Labuan ada satu *event* yang dinamakan *Remembrance Day* di mana ia diadakan setiap tahun, *almost* macam sambutan NZ di Australia dan New Zealand, tetapi dalam skala yang kecil di mana ia lebih dilaksanakan oleh kerjasama dengan Kementerian Pertahanan. Saya lihat ia sesuatu yang mempunyai potensi yang tinggi. Jadi, adakah kementerian bersedia untuk mengadakan kerjasama *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bersama dengan Kementerian Pertahanan yang mana ia melibatkan Australia, New Zealand, India, Britain, Bangladesh yang selama ini mereka menghantar pegawai-pegawai daripada *embassy* dan juga pegawai-pegawai ketenteraan, tetapi berskala kecil. Ia adalah satu *ceremony* yang cukup cantik saya lihat kalau *dienhanced*, diperbesarkan, memang akan menjadi produk yang baik untuk kita di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawabannya ya. Kita sememangnya memang mencari perkara-perkara bersejarah yang boleh dijadikan sebagai produk pelancongan. Sebagai contoh Yang Berhormat sendiri sebut di Sandakan, bagaimana tempat *War Memorial Cemetery*...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sorry. Labuan, Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *Remembrance Day* itu dibuat di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak apa Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita bersetuju kerana macam di Sandakan, Yang Berhormat sendiri sebut iaitu bahawa war memorial iaitu tanah perkuburan tentera-tentera dari Fiji, Australia dan juga New Zealand. Pada tiap-tiap tahun telah dijadikan sebagai tempat ziarah bagi mereka yang mempunyai *ancestors* yang telah pun terkorban waktu peperangan. Begitu juga di Pulau Pinang, kita lihat bagaimana di Fort Cornwallis, dan juga baru-baru ini tanah perkuburan tentera-tentera Rusia

yang telah mati kerana *submarine* dia tenggelam, telah pun dijadikan sebagai pusat pelancongan dan telah pun dilawati oleh pelancong-pelancong dari Rusia.

Sebagai contoh di Sarawak juga, kita mempunyai sebuah kapal selam yang telah pun tenggelam dan telah dijumpai baru-baru ini. Dia telah menjadi pusat pelancongan bagi orang-orang Jepun untuk *diving* melihat *ship wreckage*, *submarine wreckage* kerana ini merupakan hasil peninggalan Perang Dunia Kedua. Jadi sementara mereka datang, *dive*, melihat *wreckage* itu, kita juga telah menyediakan tempat sembahyang bagi orang Jepun secara *Zen Tourism*. Ini telah pun menarik banyak pelancong dari Jepun, terutamanya anak-anak muda untuk melihat sejarah negara mereka juga.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Labuan iaitu kalau sekiranya ada tempat di Labuan yang mempunyai satu peninggalan bersejarah, tak kiralah Perang Dunia Pertama atau Perang Dunia Kedua, *World War I*, *World War II* ataupun apa juga, asalkan dia boleh menarik pelancongan, kita akan hantar pasukan kita. Saya harap Yang Berhormat akan memaklumkan kepada pejabat warisan kami, saya akan hantar wakil dari Jabatan Warisan Negara untuk melihat keadaan di sana. Terima kasih.

■1030

3. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah garis panduan dan prosedur operasi standard Polis Bantuan di lapangan terbang dalam menangani barangan berbahaya (*risk item*) yang diangkut melalui pesawat komersial.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan dan prosedur untuk menangani barangan berbahaya ataupun *risk item*, dengan izin, yang diangkut oleh pesawat komersial adalah seperti mana yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa iaitu ICAO dibawa *Annex 17, aviation security* iaitu Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) di bawah dokumen *National Civil Aviation Security Programme*. Garis panduan dan prosedur adalah seperti berikut:

- (i) semua barangan yang dilarang ataupun *prohibited item* seperti pisau, senjata tajam, pistol, peluru dan barangan berbahaya lain tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam pesawat awam. Sekiranya barang-barang ini dikesan pada penumpang atau pada bagasi, ia akan dirampas dan dilupuskan; dan
- (ii) mana-mana penumpang yang memiliki lesen individu untuk *carry and use*, membawa senjata api melalui pesawat awam akan tertakluk kepada prosedur-prosedur pengendalian senjata api syarikat penerbangan sendiri. ICAO juga telah mengeluarkan arahan penguatkuasaan larangan membawa bahan-bahan cecair aerosol dan gel ataupun *liquids, aerosols and gels* bagi semua penumpang penerbangan antarabangsa kecuali ia tidak melebihi satu liter bagi setiap penumpang dalam sesebuah *recyclable plastic bag* yang disediakan. Barang-barang yang dirampas akan dilupuskan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan kepada soalan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pengalaman saya iaitu pada 19 Januari 2015, berlaku dalam penerbangan dari Sibu ke Kuala Lumpur pada jam 6.35 pagi dari Sibu sampai jam 8.30 pagi. Saya menunggu dekat satu jam senjata api tidak naik. Hujung-hujung saya sudah tanya kenapa begitu lama, dia kata tunggu. Nanti *you* punya senjata api naik daripada *luggage* punya beg. Bukan orang *carry* sampai berjam itu polis bantuan punya pejabat. Daripada *luggage* punya beg naik.

Kalau senjata api di tengah jalan hilang. Itulah tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, memang semua undang-undang ada tetapi tidak ada orang yang melakukan *return check*. Apabila saya tanya pegawai kenapa buat macam itu? Oh dia cakap ini biasa kita buat. Senjata api ini naik daripada *luggage*. Itulah masalah *airport* kita, orang *rating* kita punya *airport* menjadi transit *point* dadah kah dan macam-macam. Kita punya undang-undang memang ada tetapi tidak ada orang pergi *return check* *whether* dia ikut kah, tidak ada ikut. Betul-betul buat kah tidak ada?

Ini perkara yang serius. Kalau senjata api pun boleh dibiarkan apakah lagi yang lain-lain. Kalau senjata api itu hilang, saya ingat satu *airport* akan kelam kabut pergi mencari senjata itu, itulah saya tanya. Soalan tambahan, saya mahu tanya kita kata *AirAsia* tidak boleh *carry* ini am ini semua, tidak cukup syarat. Akan tetapi sekarang ini kementerian ada lihat kah tidak? Kalau *AirAsia* tidak boleh angkat, apabila kita naik *AirAsia*, senjata api tidak boleh dibawa. Kenapa tidak boleh MAB membuat satu perbincangan bersama *AirAsia* meminta mereka menyediakan *security compartment* kah apa, kenapa *FireFly* pun tidak boleh, Malindo pun tidak boleh. Kita sepatutnya buat, dia orang mesti ada *compartment* boleh bantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah saya tanya adakah kementerian bersedia untuk mengadakan perbincangan bersama syarikat penerbangan yang ada di negara kita - bila mereka boleh menyediakan *security compartment* untuk membawa senjata api dan sejauh manakah polis bantuan yang ditugaskan benar-benar memahami konsep-konsep dan peraturan berkaitan keselamatan lapangan terbang. Syarikat penerbangan dan pengurusan barangan bahaya (*dangerous good*) melalui utara serta adakah mereka berupaya menentukan terhad keselamatan lapangan terbang syarikat penerbangan dan pengurusan barangan bahaya berdasarkan undang-undang negara *International Civil Aviation Organization*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai pengurusan senjata api. Biasanya mengikut SOP, setiap pembawa senjata api akan mendaftarkan kepada polis bantuan dan polis bantuan akan mendaftarkan senjata api itu dan dimasukkan ke dalam sebuah plastik beg setelah peluru-pelurunya dikeluarkan. Dalam plastik beg ini, senjata api akan dimasukkan dan dibawa ke *compartment* yang dipanggil *deep locker* ataupun *security locker* dalam kargo. Paling bawah dekat kargo itu ada satu *security locker* dan di situ diletakkan senjata api tersebut.

Setibanya di destinasi, ia akan diserahkan di balai ketibaan kepada pemilik senjata api tersebut. Jadi apa yang dialami oleh Yang Berhormat Bintulu ini agak peliklah. Itu tidak mengikut prosedur. Jadi pihak kerajaan akan menyiasat perkara tersebut kerana memang tidak boleh senjata api dimasukkan ke dalam *baggage*, itu tidak mengikut SOP. Jadi saya akan membuat siasatan tentang perkara itu.

Mengenai dengan apa yang didakwa pesawat *AirAsia* dan juga *Malindo* tidak membenarkan membawa senjata api. Pada dasarnya pihak kerajaan memang membenarkan tetapi syarikat-syarikat penerbangan ini mungkin tidak menyediakan kemudahan tersebut. Jadi pihak kerajaan akan berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan yang tidak menyediakan perkhidmatan tersebut agar dapat memberi kemudahan kepada penumpang-penumpang. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pertamanya berkaitan dengan barang berbahaya dalam pesawat komersial ini.

■1040

Apabila terhempasnya MH370 satu daripada perkara yang dibangkitkan dan nampaknya tidak memuaskan lagi orang yang menanya ialah apakah kargo yang ada di dalam MH370 itu sebenarnya? Adakah ia sekadar manggis berpuluh-puluh tan jumlahnya ataupun ada benda lain yang tidak lagi dimaklumkan secara rasmi dan terbuka oleh pihak kerajaan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu tadi bertanya tentang pesawat-pesawat komersial. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apa hal pula dengan pesawat-pesawat peribadi, *executive jet* misalnya Yang Berhormat Bintulu ada ataupun *executive helicopter* yang apabila berlaku permasalahan akan ada kaitannya dengan apa kargo di dalamnya. Sama ada misalnya *executive jet* memuatkan sejumlah wang-wang yang banyak nilainya dibawa keluar negara ke Hong Kong atau Singapura ataupun apabila berlaku terhempasnya helikopter adakah dikaitkan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kargo atau muatan barangan yang ada di dalamnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai kargo MH370 ia tidak melibatkan mengenai kehilangan pesawat tersebut. Oleh sebab apa yang telah dijelaskan dalam *interim statement*, kargo-kargo itu semua telah dijelaskan dalam *interim statement* sebanyak 600 muka di dalam *website* dan ianya tidak ada kena-mengena ataupun menjejaskan dalam penerbangan MH370.

Mengenai helikopter ataupun pesawat persendirian ini semuanya tertakluk dengan peraturan ICAO apabila ia berlepas daripada landasan. Jadi ia seperti barangan-barangan itu semuanya akan terikat dengan peraturan keselamatan kastam dan juga polis. Terima kasih.

4. Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kerajaan mewujudkan program spesifik untuk melahirkan para saintis genius dalam bidang-bidang tertentu untuk kepentingan negara. Jika ada sila nyatakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa atas soalan mengenai program spesifik melahirkan para saintis genius. Terima kasih, Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenal pasti inisiatif pengukuhan STEM ataupun *Science Technology Engineering Mathematics*. Sebagai satu daripada 100 inisiatif utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025, pelaksanaan inisiatif pengukuhan STEM dalam Pelan Pembangunan Malaysia 2013/2025 telah mengambil kira laporan strategi mencapai dasar 60:40 ataupun 60 aliran sains teknikal dan 40 sastera. Antara strategi pengukuhan STEM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ialah seperti berikut:

- (i) meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baru dan pemantapan kokurikulum;
- (ii) menggabungkan kemahiran berfikir aras tinggi, meningkatkan penggunaan kemudahan pengajaran yang praktikal dan menjadikan kandungan relevan dengan kehidupan harian atau meningkatkan minat;
- (iii) meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru termasuk melatih guru di sekolah rendah dan menengah untuk mengajar kokurikulum yang disemak semula; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran murid dan orang awam dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan murid tentang STEM melalui kempen kebangsaan.

Antara usaha yang sedang dilaksanakan dalam aspek pelaksanaan kokurikulum adalah:

- (i) mengukuhkan kebolehan pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi;
- (ii) menambahkan bilangan soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi dalam peperiksaan mulai tahun 2013;
- (iii) pembelajaran secara *enquiry* penemuan;
- (iv) menambahkan bilangan waktu mengajar mata pelajaran Sains Tulen daripada empat waktu kepada lima waktu dan memperuntukkan satu waktu seminggu untuk guru sains dan matematik berkongsi amalan terbaik pengajaran; dan
- (v) pembelajaran serta penggunaan teknologi maklumat dalam komunikasi secara meluas dalam bilik darjah.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chempu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Menteri yang menjawab. Kita tahu bahawa pembangunan negara berkait rapat dengan saintis yang kita bina. Pembangunan negara bergantung juga kepada sejauh mana kita dapat membina saintis yang dapat mencipta bukan saintis yang menjiplak.

Oleh yang demikian, kita tengok seperti contoh perkembangan automotif kita walaupun telah 30 tahun tetapi kita masih berada di tahap yang sama. Begitu juga dengan sistem pertahanan dan sebagainya. Saya maksudkan bahawa adakah kerajaan, pihak Yang Berhormat Menteri menyediakan program yang spesifik ini untuk kegunaan negara terutamanya dalam sistem pertahanan, sistem aeroangkasa dan sebagainya.

Kalau kita tengok bahawa kita tidak kurang dengan pelajar-pelajar yang hebat. Ada yang dapat mencapai 14A, 17A, 21A dalam sistem pelajaran kita. Namun demikian, oleh sebab kita tidak ada

program spesifik untuk melahirkan saintis, maka kita biarkan mereka ini memilih bidang-bidang yang kadang-kadang tidak berupa program biasa. Oleh yang demikian, itu soalan saya adakah kita serius untuk mengadakan, mewujudkan saintis kita untuk membangunkan negara kita. Sekian.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Kementerian sentiasa bersedia untuk mewujudkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang saintis dan apa juga bidang yang dapat menambah baik prestij pendidikan negara. Ini merupakan satu hala tuju kita. Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan MOSTI, Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan semua kementerian melibatkan insentif-insentif atau inisiatif-inisiatif kepada pelajar-pelajar.

Contoh yang saya boleh berikan kita juga telah mengambil bahagian, ada pelajar-pelajar dari Kolej Vokasional Slim River yang telah mengambil bahagian dalam *Asia Pacific Regional Space Agency Forum* yang diadakan di Jepun dan mereka telah menjadi juara. Ini merupakan pendedahan-pendedahan yang telah kita beri kepada mereka dan kita akan terus memperkukuhkan juga memberi perangsang untuk pelajar-pelajar kita melibatkan diri dalam bidang-bidang sains seumpama ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulung]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah boleh tidak Yang Berhormat menyatakan contoh-contoh pencapaian pelajar yang boleh dijadikan contoh dan juga ikon dalam STEM sebab apa tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa kerajaan memberikan penumpuan dalam bidang sains ini dan Yang Berhormat ada menyatakan tadi 60% dalam Sains dan 40% dalam Sastera. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulung. Memang benar kita memberi kaedah nisbah 60:40 di mana 60 dalam bidang sains dan 40 dalam bidang sastera walaupun permohonan contoh di IPTA, permohonan untuk masuk Sastera lebih daripada permohonan untuk masuk jurusan sains, kita menggalakkan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tentang pencapaian, memang banyak. Kalau hendak sebutkan setiap satu mungkin masa tidak cukup. Akan tetapi biar saya beri sedikit maklumat tentang pencapaian-pencapaian yang kita sudah megahkan yang mana pelajar-pelajar dari sekolah kita mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa yang kita dapat megahkan.

Contoh dalam *55th International Mathematical Olympiad*, Sekolah Menengah Tinggi Johor memperoleh pingat emas. SMJK Chung Ling Butterworth mendapat pingat emas, gangsa serta Anugerah *Honorable Mention*. SMK Sin Min Kedah mendapat pingat perak, SMK USJ 12 Selangor mendapat Anugerah *Honorable Mention*. Semasa *45th International Physics Olympiad*, Kolej MARA Banting dan SMK Tinggi Klang, Selangor mendapat Anugerah *Honorable Mention* dalam STEP-ITE Sunburst Innovation Programme Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur mendapat tempat ketiga. Dalam *International Science and Engineering Fair USA* pelajar-pelajar dari SMK Lintang Sarawak, *MARA Junior College*, Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin mendapat kemenangan yang cemerlang.

■1050

Baru-baru ini pelajar-pelajar SJK(T) Kulim memenangi *Double Gold Award* dalam *Program British Invention Show* dan dua minggu lalu saya sendiri menerima pelajar-pelajar SJK(T) Ramakrishna yang telah menjadi johan *35th Beijing Youth Science Competition*. Ada banyak lagi yang boleh saya senaraikan. Ini semua menunjukkan bahawa sistem yang kita beri kepada pelajar-pelajar kita memang bertaraf antarabangsa dan pelajar-pelajar seumpama inilah yang kita akan mengguna pakai menjadi ikon kepada pelajar-pelajar lain supaya dapat lagi cemerlang pelajar-pelajar ini dan kita dapat megah dengan pencapaian mereka. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

5. **Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, langkah-langkah dan penyelidikan yang dibuat oleh kementerian dan agensi berkaitan bagi mengatasi serangan penyakit terhadap tanaman padi

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya langkah-langkah penyelidikan yang dibuat oleh kementerian dan agensi berkaitan bagi mengatasi serangan penyakit terhadap tanaman padi.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan MARDI agensinya telah melaksanakan pelbagai langkah termasuklah penyelidikan bagi mengatasi serangan penyakit terhadap kandungan padi seperti berikut.

Pertamanya, menggalakkan petani mengamalkan amalan pertanian baik. Apakah amalan baik ini? Panjang lebar ceritanya. Jadi saya tak payah sebut, mungkin saya boleh bagi *handbill* boleh Yang Berhormat baca, ataupun siapa-siapa baca di sini. Amalan Pertanian baik, penyakit reput perang, ludang dan karah dapat dikawal dengan sentiasa melaksanakan amalan pertanian baik. Kalau baca ini nanti panjang lebar pula. Jadi saya boleh bagi buku inilah ya tapi ringkasnya melalui amalan ini, para petani akan didedahkan dengan pengurusan ladang terbaik terutama daripada segi pembajaan, sanitasi dan kebersihan ladang, peranan musuh semula jadi dalam mengawal perosak serta kepentingan penggunaan racun yang bersesuaian dan mesra alam supaya ketiadaan wabak penyakit dapat dicegah. Itu ringkasan dialah.

Langkah yang diambil ialah melaksanakan sistem pengawasan dan ramalan perosak diawasi dan ramalan dibuat dengan mengkaji populasi penyakit dan perosak sentiasa dipantau untuk mengesan sebarang serangan awal perosak yang melebihi tahap ambang ekonomi. Dalam bahasa Inggerisnya disebut *economic threshold level*. Ini pun agak teknikal tetapi saya ada juga di sini maklumatnya. Ini *economic threshold level* perosak tanaman padi.

Kalau bena perang, *threshold* dia berapa? Sepuk sepuluh setiap perdu padi. Kalau bena perang dewasa, lima bagi setiap perdu padi. Panjang senarai dia. Jadi ini pun boleh kita edarkan untuk Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat sebelah sana yang banyak kawasan padi. Jadi apabila didapati

sesuatu poin *threshold*, lidah pun keras nak sebut *threshold*, iaitu tahaplah. Kalau dia sudah sampai ke tahap yang itu, maka tindakan mesti diambil. Kalau di bawah atau *below threshold, it's okay, no problem*.

Ketiga, menjalankan program latihan kepada petani dan juga pegawai di lapangan dalam aspek pengenalan dan pengurusan penyakit dan perosak tanaman padi demi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran petani dalam mengenal dan menguruskan penyakit dan perosak. Petani kita ini banyak yang masih lagi kekurangan daripada segi ilmu dan pengetahuan berkenaan dengan macam mana nak menguruskan sawah.

Sekarang ini bahaya satu, petani kita dah jadi *landlord*. Dia tak bertani dah, duduk rumah *relax*. Yang pergi bertani siapa? Orang Indonesia. Upah semua dah. Jadi kita ajar depa pun tak tahulah macam mana. Patut kita ajar orang Indonesia itu pula sebab dia yang buat kerja itu tapi *the spirit is*, semangatnya ialah kita hendak latihan ini memungkinan petani menjadi petani yang berilmu dan berpengetahuan dan boleh menguruskan sawah padi dia dengan cara yang baik terutama dalam mencegah penyakit dan perosak.

Langkah seterusnya ialah varieti padi. Pembangunan varieti padi yang rentang penyakit. Ini istilah rentang ini pun nak faham juga apa dia. Rentang ini maksudnya dalam bahasa Inggeris disebut *resistance*, daya tahan la agaknya maksudnya. Rentang penyakit, dia boleh tahan daripada penyakit. Macam manusia ini kita ada antibodi. Antibodi kita sekarang tak berapa kuat. Minum air perigi, sakit perut. Minum air sungai, sakit perut tetapi kita dulu kecil-kecil di kampung, air sungai ke air perigi ke air parit ke tambah bulan puasa, menyelam. Sambil menyelam, minum. Kan? Siapa pun tak tahu. Sikit-sikitlah, itu bagi hiburan sikit. *Very technical* pun boring juga.

Jadi dia ada daya tahan, *varieti* seperti MR219, MR220, MR232, MR253, MR263 dan MR269. Ini hasil daripada kajian oleh MARDI, oleh Kementerian Pertanian tetapi saya difahamkan juga, daya tahan setiap *Varieti* ini pun dia tak boleh selama-lamanya. Sampai satu peringkat, maka yang 10 tahun dia punya daya tahan kurang. Pasal apa kurang? Rupanya musuh ini, makhluk perosak ini, dia pun kaji juga. *Varieti* ini kuat sangat lawan dia, dia pula cari jalan macam mana nak melemahkan daya tahan *Varieti* padi. Jadi itu sebabnya kadang-kadang lepas sesuatu *variety* itu diperkenalkan, mula-mula bagus lama-lama dia menurun. Ini cakap orang kampung sahajalah ya. Parlimen ini pun banyak orang kampung tapi berlagak macam orang pekan [Ketawa]

Seterusnya kawalan serangga perosak dan penyakit padi secara bersepadu. Ini apa yang disebut sebagai *integrated pest management* atau ringkasnya IPM. Jadi kalau mengikut pengurusan secara bersepadu ini, dia kawalan-kawalan pertama sekali disebut kultura iaitu pengawalan daripada segi menggunakan padi, *Varieti* jenis rentang, pengurusan air, pengurusan ikut jadual. Jadi ini perlu diambil kira supaya jangan terus guna racun, guna *chemical*. Dia berperingkat-peringkat. Lepas itu kawalan daripada segi *biology*, ha ini menggunakan musuh-musuh semula jadi yang boleh membantu, burung pungguk umpamanya. Burung pungguk ini rupanya dia musuh semula jadi yang boleh tolong. Dia makan tikus, sebuah rumah dia ada satu famili.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Manakah Yang Berhormat Jelutong itu? Siapakah yang bersuara itu? Pasal dia tak makan beras, dia tak minat. Bila cerita padi, beras, dia tak minat. Dia mahu cerita kapal terbanglah, itulah inilah. Jadi, sekiranya sudah sampai satu peringkat yang memerlukan menggunakan kimia, kimia adalah *last resort* iaitu kaedah terakhir. Akan tetapi kimia tidak boleh digunakan sembarangan ataupun berlebihan. Ia akan menjadikan masalah kepada pesawah padi. Itulah jawapan untuk peringkat pertama.

■1100

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Malaysia ada 673,000 hektar kawasan tanaman padi melibatkan 172,000 orang pesawah, di mana 125,000 adalah daripada Semenanjung. Banyak negeri yang menanam padi, hasilnya lebih kurang 2.4 juta tan setahun iaitu lebih kurang 70% SSL negara dan kita masih mengimport 30% beras. Kerajaan mempunyai hasrat murni iaitu hendak mencapai 100% SSL pada tahun 2020. Saya yakin ini realistik, sebab hari ini pun kalau di kawasan MADA kita dapat *average* 6.5 tan. Jadi, *new KPI* kita ialah 7 tan. Jadi, kalau 673,000 hektar ini kita dapat tingkatkan satu hektar satu tan, darab pula dua musim, maka *insya-Allah* SSL akan tercapai.

Namun, kita sedar bahawa industri tanaman padi ini *very dynamic*. Ia *susceptible* kepada pelbagai ancaman penyakit seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi. Baru-baru ini, musim yang lalu, kita telah menghadapi penyakit yang cukup teruk mengakibatkan hasil kita, tuaian kita turun, ada setengah lebih daripada satu tan satu hektar. Kalau diambil pun *average* satu tan satu hektar, di kawasan MADA sahaja mencecah 100,000 tan. Jadi, kalau didarab dengan harga padi sahaja, menjadikan RM120 juta kesannya. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri kata, kita kena guna GAP, *rice check*, ini alasan selalu yang diberikan. Oh, petani tidak dapat *yield* yang baik kerana tidak ikut GAP. Petani tidak guna *rice check* dan sebagainya.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya melihat bahawa selain daripada kajian terhadap rintang penyakit, benih rintang penyakit, kita juga perlu mengolah pada teknologi baru. Mungkin daripada segi *seed coating* dan sebagainya. Namun, soalan saya adalah, adakah kita melihat bahawa pegawai-pegawai kita ini komited, turun ke bawah, melihat dan membantu petani-petani? Oleh sebab macam MADA, KADA semua ini adalah mewakili petani. Kita tidak ada pakar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang sangat.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Jadi, apabila masalah ini timbul, kita perlukan kepada sokongan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya hendak menjawab, saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat sebagai Pengerusi MADA agar dapat meningkatkan produktiviti hasil padi. Sejak ada pengerusi baru ini nampak ada kemajuanlah.

Sebagai menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan di sini, Kementerian Pertanian dan agensi di bawahnya mempunyai kepakaran ataupun pakar-pakar yang hebat-hebat belaka, yang boleh mengkaji dan juga *come out with* macam-macam kajian yang membantu

menyelesaikan masalah makhluk perosak dan penyakit ini dan membantu petani secara keseluruhan. Saya hendak sebut di sini, kita ada *pathologist* iaitu pakar penyakit dan *entomologist*, pakar serangga. Kita ada *agronomist*, pakar dalam bidang tanam-tanaman. Ini semua logis. *Nematologist*, apa benda pula ini? Selepas itu, *urologist*, pakar dalam bidang virus-virus. Macam Yang Berhormat Segambut ini dia sudah kena virus. Hari-hari kena virus. Di mana mereka ini, fasal salah pakai baja. Rambut tidak tumbuh. Akan tetapi satu *compliment* saya beri kepada Yang Berhormat Segambut. *There is one English saying, you know what? "Grass doesn't grow on a busy street."* [Ketawa] *So, that is a compliment.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Fasal dia sibuk kepala dia, macam-macam, hari-hari. Macam mana hendak tumbuh? Jadi, Jabatan Pertanian ada, di MARDI ada, di MADA ada, UPM pun ada, di UKM pun ada. Seramai 50 orang pakar ini.

Selain daripada itu, kita juga ada agen pengembangan di setiap kawasan, daerah dan mukim. Cumanya, rajin atau tidak rajinlah. Saya selalu tekankan di kawasan saya, saya *check*. Dia orang buat jadual. Dia melawat kawasan-kawasan pertanian itu. Kadang-kadang banyak dia tidak pergi, duduk kedai kopi sembang politik tidak habis-habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Sikit-sikitlah. Jadi, kita sebagai pemimpin, wakil rakyat, tolong *check*lah pegawai-pegawai ini supaya buat kerja, ikut jadual dia melawat kawasan-kawasan. Jadi, dengan itu dapat membantu petani-petani.

Lagi satu, pusat penyelidikan khusus untuk padi, MARDI. Di Seberang Perai, kita ada pusat penyelidikan padi. Di situ ada 70 *research officer*, pegawai penyelidikan. Jadi, maknanya daripada segi kakitangan, daripada segi kepakaran, kita banyaklah. Cuma penggembelangan mereka, itu urusan saya dengan bos saya. Tuan-tuan tolong bantulah sebagai wakil rakyat di peringkat bawah. Terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang datang dari kampung tetapi bercakap Orang Putih pandai, jadi nampak macam orang bandar [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan tambahan.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: ...Saya dari kampung juga. Soalan tambahan saya, kita tahu bahawa masalah yang terbesar yang dihadapi oleh petani-petani di kampung ialah kerana mungkin kerana sikap mereka dalam pertanian ini dan juga masalah politik. Dua bendalah yang saya tengok menjadi masalah besar, yang menyebabkan masalah penyakit ini sentiasa datang dan berubah-ubah. Kita lihat di sana itu ada juga yang mana usaha yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang usaha menanam padi secara organik, yang mana sedikit sebanyak boleh menjimatkan dan juga mengurangkan penyakit-penyakit.

Saya ingin tahu, apakah perancangan pihak Kerajaan Pusat untuk menggalakkan pertanian secara organik ini? Bagaimanakah penerimaan petani-petani kita di bawah sana dengan usaha-usaha

ini? Adakah dengan banyaknya penyakit yang datang dan bermacam-macam sekarang ini sudah tidak menjadi sesuai untuk kita mengusahakan cara organik itu? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, hari terakhir Sesi Soal Jawab Lisan semua pertanyaannya panjang-panjang. Yang bertanya tidak mengarahkan kepada Pengerusi, yang menjawab pun tidak mengarahkan kepada Pengerusi. Ya, cara baru. Sila. Oleh sebab nak panjang-panjang tu, mukanya tidak menghadap kepada Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Mereka ni waktu *live telecast*, muka kena menghadap kamera [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi Pengerusi tidak ada peluanglah masuk TV. Sila, sila Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Ya, betul apa nama perkembangan masa kini ialah orang suka kepada yang organik. Akan tetapi untuk tanaman organik ini, padi kah, sayur-sayuran kah dan sebagainya, ia punya kos tinggi. Macam di Cameron Highlands, itu tanaman bukan padilah, *the cost is more, it is higher*. Cakap Orang Putih sikit ya, orang kampung. Jadi, apabila kos ia tinggi, esok petani kena jual padi pada harga yang lebih tinggi dan beras tinggi.

■1110

Jadi rakyat kita pula yang akan menghadapi masalah. Jadi dengan sebab itu kita tak boleh hendak keluarkan hasil tanaman padi organik semuanya ataupun dengan *percentage* yang lebih besar sehingga menjejaskan rakyat. Jadi kita buat sedikit demi sedikit mengikut keperluan rakyat yang mampu macam Yang Berhormat Lembah Pantai mampu, dia makan organik. Pergi *supermarket* beli yang organik. Akan tetapi orang kampung saya tak mampu pergi *supermarket*, dibeli di pasar tani, tidak organik. Murah lagi, itu jawapan dia. Terima kasih.

6. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta Perdana Menteri menyatakan, kelemahan-kelemahan yang sedia ada dalam Akta Kebankrapan 1967, apakah status cadangan menggantikan akta itu dengan akta baharu dan jumlah kes kebangkrutan mengikut jantina, bangsa, negeri dan kumpulan umur di bawah 30 tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua hendak masuk TV juga. Jadi saya menghadapi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mengarahkan ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua. Ya, terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya, terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi peluang Setiausaha Dewan pun masuk TV [Ketawa]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga bahagian dalam soalan dari Yang Berhormat Segambut ini dan soalnya, jawapannya kalau dikira saya jawab secara penuh, memang panjang. Hendak bagi peluang kawan lain juga hendak masuk TV. Jadi dengan itu saya jawab secara *summary*nya. Kalau diperlukan, saya boleh bagi secara *detail*, memang jawapan yang saya bagi nanti secara detail.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Detail*nya secara bertulis.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Bertulis. Namun begitu terdapat tiga bahagian yang saya nyatakan tadi, kelemahan yang sedia ada dalam Akta Kebankrapan yang kita kenal pasti di mana Akta Kebankrapan 1967 iaitu Akta 360 tidak pernah dipinda secara menyeluruh semenjak dikuatkuasakan. Namun begitu pindaan hanya melibatkan peruntukan-peruntukan kecil yang tidak memberi perubahan besar kepada landskap pentadbiran kes kebangkrutan di Malaysia.

Jadi menyedari hakikat ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedang menggubal undang-undang kebangkrutan yang baru. Justeru sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Insolvensi Malaysia ataupun dalam *in short form*, dengan izin, MDI kini dalam proses memuktamadkan beberapa cadangan pembaharuan untuk dimasukkan dalam undang-undang baru ini. Kita telah kenal pasti di antara kelemahan-kelemahan yang di dalam akta ini iaitu:

- (i) penyampaian notis kebangkrutan dan petisyen kebangkrutan yang dibenarkan diserahkan secara serahan ganti. Hendak tahu *detail*nya saya boleh bagi;
- (ii) kelemahannya adalah dari segi mekanisme perintah dua tahap atau dengan izin *two-tier order*;
- (iii) pemilikan harta oleh bankrap. Di sini pemilikan harta bankrap di mana yang hanya boleh dimiliki termasuk peralatan, pakaian, tempat tidur dan lain-lain keperluan bagi dirinya dan pasangan yang nilainya keseluruhannya tidak melebihi RM5,000; dan
- (iv) tempoh masa untuk memfailkan tuntutan hutang di bawah akta 360 sedia ada tiada tempoh masa ditetapkan untuk pemiutang memfailkan tuntutan hutangnya kepada bankrap.

Itu secara *summary*nya. Seterusnya, dalam bahagian kedua soalan tadi mengenai undang-undang baru. Penggubalan akta baru bagi menggantikan Akta Kebankrapan 1967 ini Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang dipertimbangkan untuk dikaji semula ialah setelah kita mengenal pasti masalahnya tadi ataupun kelemahannya, kita mengkaji:

- (i) penyampaian notis kebangkrutan dan petisyen kebangkrutan secara penyampaian ganti;
- (ii) memperkenalkan perintah tunggal (*single order*) dengan izin, bagi menggantikan perintah dua tahap (*two-tier order*). Perintah tunggal ini akan menggambarkan bahawa seseorang penghutang itu tidak dapat lagi diselamatkan daripada

kebankrapan. Mekanisme penyelamat (*rescue mechanism*) dengan izin, akan diperkenalkan bersekali dengan perintah tunggal ini; dan

- (iii) nilai harta yang boleh dimiliki oleh bankrap juga akan dipertimbangkan untuk ditetapkan pada kadar yang lebih munasabah. Jadi proses konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan misalnya seperti institusi kewangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan seranta awam dijadualkan untuk diadakan dalam tahun ini juga.

Untuk soalan bahagian ketiganya iaitu mengenai statistik kebangkrutan mengikut jantina, bangsa, negeri dan kumpulan umur di bawah 30 tahun, secara umumnya saya nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahagian ketiga soalan Yang Berhormat ini berhubung statistik kebangkrutan di mana dari tahun 2008 hingga 31 Januari 2015, jumlah kes kebangkrutan 132,543.

Daripada jumlah tersebut, 93,036 orang lelaki iaitu mewakili 70.2% dan 39,507 orang perempuan iaitu 29.8%. Daripada jumlah tersebut, 63,011 adalah berbangsa Melayu iaitu 48%, 41,732 orang adalah berbangsa Cina iaitu 31%, 17,271 orang adalah berbangsa India iaitu 13% dan 10,529 orang adalah berbangsa lain-lain, yang bercampur-campur iaitu 8% yang telah diisytiharkan bankrap. Manakala statistik individu yang diisytiharkan bankrap mengikut negeri. Dia banyak dan saya bagi secara bertulis.

Cuma saya hendak tekankan di sini seperti yang disoalkan ialah statistik kes kebangkrutan. Jabatan Insolvensi Malaysia merekodkan kes berdasarkan kumpulan umur iaitu bawah 25 tahun dan seterusnya kumpulan umur antara 25 tahun hingga 34 tahun. Sebab Yang Berhormat minta 30 tahun ke bawah, jadi kita beri mengikut kategori ini. Oleh yang demikian, statistik individu yang diisytiharkan bankrap di bawah umur 25 tahun ialah 1,883 orang, manakala individu berumur antara 25 tahun hingga 34 tahun 27,700 orang. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya mengenai ramai orang bankrap kerana menjadi penjamin. Apa langkah-langkah kerajaan memperketat syarat-syarat bagi tindakan bankrap di mahkamah terhadap penjamin, *guarantor*? Dan apakah cadangan kerajaan mewajibkan bank dan institusi kewangan mengambil segala tindakan yang boleh terhadap peminjam terlebih dahulu sebelum tindakan bankrap boleh diambil terhadap penjamin? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam akta yang baru ini, inilah di antara yang kita tekankan. Kita minta supaya si penghutang dahulu, jangan pergi kepada penjamin. Kita juga membantu terutama kepada mereka yang menjadi penjamin sosial, terutama penjamin sosial. Misalnya mereka menjadi penjamin kepada yang mendapatkan *scholarship* dan juga peminjam perumahan, peminjam sewa kereta, sebab mereka tidak mendapatkan keuntungan daripada itu. Jadi memang itu antara perkara yang menjadi perkara utama yang kita ambil perhatian dan *insya-Allah* dalam akta baru kebangkrutan ini.

Jadi setakat ini kita memang minta supaya institusi kewangan sebab merekalah- pemiutanglah saya tidak adil bagi kita hanya menyentuh kepada institusi kewangan sebab pemiutang itu seharusnya pergi kepada penghutang dahulu. Jangan menyaman si penjamin. Adalah tidak adil bagi mereka. Namun

begitu pada masa ini, undang-undang yang ada tidak ada menjelaskan perkara seperti ini. Jadi oleh sebab itu dalam akta yang baru nanti *insya-Allah*, memang itulah di antara yang kita tekankan. Terima kasih.

■1120

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk serba sedikit bertanya persoalan kepada Yang Berhormat Menteri dalam soalan tambahan. Kalau kita melihat daripada statistik yang dilakukan, golongan muda ini yang paling ramai yang ditakrifkan ke dalam kebangkrutan iaitu yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri disebabkan oleh pinjaman kereta, pinjaman perumahan, kad kredit yang mungkin berbelanja boros. Saya setuju juga dengan Yang Berhormat Segambut sebentar tadi supaya penjamin jangan ditekan disebabkan peminjam yang bersenang-lenang. Peminjam bersenang-lenang kadang-kadang dan penjamin yang jadi mangsa, yang ditekan oleh pihak-pihak tertentu ini.

Soalan saya, kalau kita melihat daripada pinjaman kereta umpamanya, kecil sahaja. Pinjaman kereta. Apabila beliau tidak membayar lebih kurang dalam tiga bulan sepuluh hari ataupun 100 hari, maka si peminjam kereta ini akan dimasukkan ke dalam CTOS dan apabila masuk dalam CTOS, dia bukan bankrap lagi tetapi apabila dimasukkan dalam CTOS ini, segala aktiviti beliau tidak boleh dilakukan.

Apa yang menjadi persoalannya, kenapa pihak CTOS ini, apabila dibayar sahaja tiga bulan yang tertunggak itu tetapi CTOS itu masih tidak melepaskan beliau daripada pinjaman itu sedangkan tiga bulan yang tergantung itu telah diselesaikan. Jadi, ini juga perlu dikaji. Kalau dia ada masa dua tahun lagi, aktiviti perniagaannya atau sebagainya tidak dapat dilakukan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Sebenarnya CTOS ini bukanlah di bawah saya. Namun begitu, dalam hal ini, saya hendak nyatakan di sini sekali lagi bahawa *to declare somebody as a bankrupt*, dengan izin, bukanlah MDI. Yang *mendecclare* mereka bankrap itu adalah si pemiutang itu melalui mahkamah. Jadi, apabila sudah *declare* bankrap dengan izin, barulah MDI masuk. Kita hanya mentadbir hartanya. Jadi dalam hal masalah CTOS itu, kita ambil perhatian dalam apa yang nyatakan di sini.

Namun begitu, setakat ini kalau dinyatakan dalam tiga bulan tidak bayar, belumlah sampai peringkat bankrap. Jadi, ini saya rasa pihak-pihak yang berkenaan misalnya pihak bank perlu mengambil perhatian. Saya mengharapkan juga kementerian yang berkaitan di sini mengambil perhatian dalam hal ini supaya kita mempunyai satu *connectivity* daripada segi perkhidmatan kita. Jadi, saya hendak ulang sekali lagi bahawa ini bukan tanggungjawab MDI tetapi tanggungjawab Bank Negara dalam hal ini. Saya harap mereka mengambil perhatian. Terima kasih atas soalan tersebut, Yang Berhormat.

7. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, prestasi perdagangan luar negeri kita pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 serta unjuran kita pada tahun 2015 ekoran daripada impak kejatuhan minyak mentah, kemerosotan nilai RM dan persekitaran ekonomi yang *“hostile”*.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Prestasi perdagangan luar negara pada tahun lepas masih lagi positif iaitu 5.9% dengan jumlah RM1,449.99 bilion berbanding dengan tahun 2013. Dari situ, eksport juga positif sebanyak 6.4% dengan nilai RM766.13 bilion manakala import juga menunjukkan peningkatan iaitu 5.3% dengan nilai RM682.98 bilion. Ini telah mencatatkan lebih dagangan berjumlah RM83.15 bilion, peningkatan sebanyak 16.6%. Lebih dagangan ini adalah bagi tahun ke-17 berturut-turut sejak November 1997.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak *zoom* sedikit, permintaan yang kukuh produk pengilangan terutamanya elektrik dan elektronik mencatatkan peningkatan sebanyak 8.1% dan produk kimia peningkatan sebanyak 8.5%, yang lain itu saya tidak sebut sebab terlalu *detail*, terlalu terperinci. Saya boleh jawab, mungkin minum di luar kah. Akan tetapi yang penting ialah tentang unjuran ataupun sasaran pertumbuhan perdagangan dan eksport tersebut tahun depan. Kerajaan telah mengambil kira keadaan pasaran global yang dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana iaitu sebanyak 3.5%, sederhana. Sehubungan dengan itu, perdagangan dan eksport luar Malaysia tahun depan disasarkan sederhana iaitu antara 2% hingga 3%. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama sekali, saya hendak ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mencatatkanimbangan dagang secara positif berturut-turut selama 17 tahun semenjak tahun 1997. Ini kerana eksport ini ialah penyumbang kepada GDP kita. Jadi, apakah sebenarnya langkah-langkah selain yang telah dibuat oleh kerajaan? Sebenarnya kita mahu melihat supaya kita dapat terus meningkatkan eksport terutamanya dalam keadaan kelemahan ringgit kita pada ketika ini. Eksport ini kita mahu berikan keutamaan kepada barangan buatan negara Malaysia terutama SME dan produk-produk halal.

Jadi dalam masa yang sama, insentif yang telah kerajaan berikan adalah cukup banyak termasuk dalam sektor eksport ini. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada insentif tersebut, berapa peratuskah sumbangan sistem percukaian GST kepada peningkatan daya saing syarikat-syarikat pengeksport ini? Seterusnya apakah sebenarnya sumbangan kepada peningkatan keseluruhan kepada sektor eksport kita. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang cukup ke hadapan. Seperti yang saya sebut tadi, eksport banyak dipengaruhi oleh faktor luar. Faktor dalam juga menyumbang kepada eksport tersebut terutamanya dasar kerajaan. Sukacita saya maklumkan di sini, bukan perkara baru iaitu GST tidak dikenakan ke atas semua produk yang dieksport bertujuan untuk menjadikan eksport produk kita lebih berdaya saing. Lebih *competitive*. Ini satu perkara yang juga menjadi punca kepada eksport yang lebih *competitive* berbanding dengan sebelum ini. Sebelum ini, eksport dikenakan SST. Ini di antaranya.

Yang Berhormat Jasin menyebut tentang berapakah unjuran. Tadi saya sebut unjuran masih sederhana iaitu 2% hingga 3% kerana kita dipengaruhi oleh pasaran global. Walau bagaimanapun, kita optimis. Biasanya kita *target* rendah. Seperti tahun lepas kita *target* rendah tetapi mencapai- saya sebut

sebagai contoh tahun lepas. Tahun lepas, *target* sebanyak 5.2% total *trade* atau jumlah dagangan tetapi pencapaian 5.9% di mana *projected* ataupun *target* eksport 6% tetapi kita capai 6.4%. Maknanya yang saya sebut tadi, kita *target* rendah tetapi kita capai tinggi dan kita yakin dengan eksport tanpa GST ini akan menyebabkan daya saing kita ataupun eksport kita lebih baik pada masa akan datang secara keseluruhan. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta Menteri Kesihatan menyatakan, mengapa tidak vaksin pneumokokal salah satu vaksin yang diberikan kepada semua kanak-kanak di Malaysia secara rutin. Banyak negara memberi vaksin ini kepada kanak-kanak sebagai langkah berjaga-jaga walaupun tidak memenuhi kriteria WHO.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Batu. Soalannya ialah berkenaan dengan *vaccination* untuk *pneumococcal disease* di kalangan kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kementerian Kesihatan telah pun mengkaji perkara ini dan mempertimbangkan untuk keperluan pemberian vaksin secara rutin kepada kanak-kanak di seluruh Malaysia sejak tahun 2010 lagi. Akan tetapi sementara itu, kita mengkaji juga senario di negara keliling kita dan juga negara maju.

■1130

Kalau mengikut kehendak WHO, negara-negara yang ada kematian lebih daripada 50 per 1,000 *life birth*, maknanya 50 kematian kanak-kanak di bawah lima tahun per 1,000 *life birth* ya, lebih daripada itu kena bagi *vaccination* secara rutin untuk *pneumococcal disease*. Senario di Malaysia, kita ada lapan kematian untuk 1,000 *life birth*. Lapan kematian. Maknanya kita rendah berbanding dengan negara-negara jiran kita contohnya macam *Singapore*, tiga sahaja; Brunei, 10 kematian per 1,000 *life birth*; China, 13; UK, lima; dan Malaysia, lapan kematian per 1000 *life birth*. Kematian ini pula berbagai-bagai sebab. Saya tengok bacaan di sini memang banyaklah. Sebab-sebab *respiratory system*, *genitourinary*, *prenatal diseases*, *congenital defect* dan berbagai-bagai.

Di Malaysia, tadi saya sebut lapan kematian per 1,000 *life birth* ini menjadikan jumlahnya untuk tahun 2012 hingga tahun 2013 lebih kurang sama juga, 4,702. Kematian akibat *respiratory diseases* ini yang kena mengena dengan *pneumococcal* ialah 338 kes dan *gross estimate* Tuan Yang di-Pertua, untuk kematian akibat *pneumococcal* ini ialah 71 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah *pneumococcal disease* ini, dia ada lebih daripada 90 stereotaip. Vaksin yang ada sekarang Tuan Yang di-Pertua, cuma boleh cover, boleh melindungi 13 stereotaip saja. Didapati juga negara-negara yang menjalankan rutin *vaccination*, didapati stereotaip yang lain pula meningkat. Yang bagi *vaccination* ini sudah kurang tapi stereotaip yang lain meningkat. Jadi maknanya kes akibat daripada kuman *pneumococcal* ini memang tidak berkurangan. Itu maksudnya, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, kita akan buat kajian seterusnya. Memang sekarang ini pihak IMR Malaysia terus mengkaji stereotaip-stereotaip yang ada di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEBAJIKAN HAIWAN 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan untuk menyatakan fungsi lembaga, untuk mempromosikan kebajikan dan pemilikan bertanggungjawab haiwan dan perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR.17/2015, Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 dan DR.23/2015, Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014 seperti yang tertera di No. 1 dan No. 2, dan Usul-usul Menteri Dalam Negeri di No. 4 dan Usul Menteri Kewangan di No.5 hingga No. 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG HASUTAN (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Menteri Dalam Negeri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, ada peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf Yang Berhormat Menteri, ada *point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang dicadangkan untuk pindaan ialah rang undang-undang DR.17/2015. Saya bangkit Tuan Yang di-Pertua...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih. Selamat datang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih *[Tepuk]* Saya tidak di mana-mana. Saya di luar. Saya memerhatikan dari luar. Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit dengan bersandarkan kepada Peraturan Mesyuarat 36(2) di mana kalau dengan izin saya pohon kebenaran untuk baca, dinyatakan seperti berikut. Ini berkenaan dengan peraturan-peraturan mesyuarat apabila kita membicarakan ataupun membahaskan satu rang undang-undang di Dewan yang mulia ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut dalam peruntukan ini adalah seperti berikut. *"Reference shall not be made to any matter which is subjudice in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice in the interest of parties thereto."*

Jadi apa yang penting dua perkataan yang perlu kita beratkan. Pertama Tuan Yang di-Pertua, perkara sub judice dan kedua, *the opinion of the Chair*. Jadi maknanya sekiranya saya boleh menunjukkan ada atau wujudnya sub judice, Tuan Yang di-Pertua masih ada budi bicara untuk membuat penentuan sama ada ataupun tidak kita dibenarkan untuk bahas. Jadi saya minta izin supaya diberikan

alasan atas mana saya membuat bantahan ataupun menyatakan bahawa rang undang-undang ini tidak boleh dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara rang undang-undang untuk meminda Akta Hasutan 1948, undang-undang pokoknya ataupun *mother act* yang ingin dipinda ialah Akta Hasutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bawa Tuan Yang di-Pertua kepada satu perkara yang kini didengar ataupun dalam pertimbangan Mahkamah Persekutuan Malaysia iaitu permohonan jenayah No. 06-5-12/2014. Saya ulangi Tuan Yang di-Pertua, permohonan jenayah No. 06-5-12/2014(W) iaitu satu perkara yang dibawa oleh Profesor Dr. Azmi bin Sharom lawan pendakwa raya di mana dalam permohonan, dua perkara ataupun dua soalan telah pun dirujuk pada Mahkamah Persekutuan dan soalan-soalan tersebut itu berhubung kait dengan keberperlembagaan ataupun *constitutionality* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *of the Sedition Act*.

Jadi dalam perkara itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibahaskan dan saya ingin juga untuk rekod menyatakan bahawa perkara ini telah pun timbul dan dibicarakan di Mahkamah Persekutuan pada 24 Mac yang lalu.

■1140

Sebelum saya teruskan, saya ingin juga *to declare my interest* Tuan Yang di-Pertua. Saya menjadi salah seorang daripada peguam yang mewakili Dr. Azmi dan saya pohon kebenaran supaya saya boleh teruskan Tuan Yang di-Pertua. *It does not involve any remuneration. We are doing it for free,* Tuan Yang di-Pertua. *So there is no monetary consideration, matter of public interest [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kes ini telah pun didengar dan pihak responden ataupun pihak bersebelahan diwakili oleh Jabatan Peguam Negara. Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar hujahan daripada kedua-dua pihak, mahkamah telah pun *reserve* keputusan. Maknanya, mahkamah telah pun tidak memberi keputusan secara terus, mereka hendak menimbangkan hujah-hujah yang berbangkit dan keputusan itu telah pun ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan diumumkan kemudian. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu berapa lama akan diambil. Akan tetapi memandangkan Tuan Yang di-Pertua kes ini juga berkait kepada banyak kes lain di Mahkamah Sesyen di seluruh Malaysia, saya rasa ia kemungkinan besar akan didengar dan diputuskan dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, isu dalam kes itu berkaitan dengan sama ada ataupun tidak Akta Hasutan, *its constitutional*. Secara ringkas saya bangkitkan hujahan kami di situ adalah bahawa Akta Hasutan ini menjadi satu akta yang wujud sebelum merdeka. Kalau wujud sebelum merdeka, ia dikenali sebagai *Sedition Ordinance*. Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, apabila kita merdeka dan kita di Malaysia ada Perlembagaan Persekutuan, kita ada peruntukan di bawah Artikel 10(2) Perlembagaan Persekutuan yang cukup jelas menyatakan bahawa, *"Parliament may by law impose restriction on freedom of speech"*.

Jadi isu yang berbangkit adalah sama ada ataupun tidak Akta Hasutan yang digubal bukan oleh Parlimen tetapi oleh *Law Reform Commission* masa itu ialah satu akta yang selari dan selaras dengan Artikel 10(2). *So that is basically an essence in a nutshell the submission. I am not going to go into detail Tuan Yang di-Pertua because I do not think there is a need for others to be here for the whole day.*

Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua adalah ini. Rang undang-undang yang di hadapan Dewan yang mulia ini, bercadang untuk meminda satu perkara yang kita dalam kes itu menyatakan adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Jadi satu isu yang berbangkit secara cukup jelas adalah ini. Sekiranya benar akta ini ataupun akta ibu dalam *constitutional*, maka apa yang akan kami buat di dalam Dewan yang mulia ini adalah satu tindakan yang sia-sia, *if I can use it loosely. That means it is an exercise in futility*. Ini kerana kalau Mahkamah Persekutuan setuju dengan kita dalam masa hadapan, maknanya Dewan yang mulia ini telah pinda ataupun membawa pindaan kepada satu peruntukan atau satu undang-undang yang tidak berperlembagaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan, sekiranya ia dibenarkan, saya akan bangkitkan isu-isu yang berkenaan dengan *constitutionality*. Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah memasukkan cadangan saya sendiri untuk pindaan dan ada kertas pemberitahuan Tuan Yang di-Pertua dalam warna *pink* yang jelas menunjukkan bahawa isu-isu yang akan saya bangkitkan ini isu-isu yang bersangkutan-paut dengan isu di hadapan Mahkamah Persekutuan.

Jadi saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, *with greatest respect* bahawa apa yang dicadangkan oleh Dewan yang mulia ini seharusnya ditangguhkan sementara menunggu keputusan Mahkamah Persekutuan supaya Tuan Yang di-Pertua kita tidak dalam Dewan yang mulia ini membahaskan perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Mahkamah Persekutuan. Itu yang pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya dibenarkan untuk berhujah secara mendalam berkenaan dengan isu-isu seperti mana yang saya sebut tadi yang mana menyebabkan saya fikir bahawa undang-undang ibu itu adalah *constitutional*, maka tidak adil kepada pihak pendakwa yang telah pun di Mahkamah Persekutuan membawa hujah-hujah mereka di sini dan tidak diwakili di sini. So Tuan Yang di-Pertua, *I am just pointing out and I do not want to be unfair to the opponent because they are not here to have their version heard* dan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu kemudiannya *to be accused of not having put forward their version to the Dewan as well. That I think would be unethical for any Members of Parliament or any members of this Dewan to do*.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham walaupun ada hujahan ataupun pendapat bahawa sebarang keputusan dalam Dewan yang mulia ini mungkin tidak ikat secara terus, *there would have no indirect bearing on the decision of the Federal Court, that would be one of the views taken*. Akan tetapi apa yang saya hendak bawa kepada perhatian Dewan ini adalah, apabila kita membahaskan pindaan ini, ia akan menyebabkan banyak pendapat yang berbeza diutarakan dalam Dewan ini. Kepada saya perkara itu kemungkinan Tuan Yang di-Pertua, akan mempunyai ataupun ada kesan terhadap keputusan itu. Itu yang pertama. *So direct influence because here in this Dewan kita akan menyatakan it is constitutional and can be amended*.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya semua Ahli Dewan ini faham perasaan mereka yang telah memfailkan permohonan ini termasuk Ahli Parlimen Padang Serai, Ahli Parlimen Seputeh dan juga Yang Berhormat Shah Alam. Ketiga-tiga mereka ini telah dituduh untuk kes-kes di bawah Akta Hasutan yang mana mereka di mahkamah telah pun membawa hujah-hujah mereka dan mereka menunggu keputusan Mahkamah Persekutuan.

Jadi di sini kepada saya Tuan Yang di-Pertua adalah tidak adil yang mana sementara menantikan keputusan itu, dilihat seolah-olah Parlimen telah pun membahaskan dan meluluskan rang undang-undang atas persefahaman bahawa sebenarnya Akta Ibu itu *it is a constitutional. I think that will be a sequence* kerana kalau Dewan yang mulia ini setuju dengan saya ia tidak *constitutional, then of course the question of amending something which is unconstitutional also doesn't arise.*

So saya percaya Tuan Yang di-Pertua sebab kita ada peruntukan di bawah 36(2) ini adalah untuk mengelak daripada keadaan sedemikian. *We want to avoid a scenario* Tuan Yang di-Pertua yang mana apa yang disebut di dalam Dewan yang mulia ini, kemungkinan ada kesan terhadap satu keputusan dalam satu perkara yang *pending in court*, nombor satu.

Nombor dua, 36 itu wujud supaya tidak ada sebarang pendapat yang dikemukakan dalam Dewan ini yang akan *affect the parties* kepada permohonan itu. Jadi ini menjadi dua sebab atas mana saya Tuan Yang di-Pertua dan cukup penting Tuan Yang di-Pertua, *whether you like it or not, we have a standing order. I stand guided by* Tuan Yang di-Pertua *all these years* apa yang penting Tuan Yang di-Pertua adalah *standing orders* dan kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mulia ini, kita harus memberikan kesan kepada *standing orders* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ada mungkin pendapat yang menyatakan *for legislation and I think* Tuan Yang di-Pertua *we would have looked at this earlier research will show that it may not apply to legislation.* Akan tetapi apa yang saya sebut Tuan Yang di-Pertua adalah ini. Dalam perkara membahaskan pindaan kepada undang-undang ini, kita tidak membahaskan *the legislation itself. The legislation currently challenged in court.* Perkara itu Tuan Yang di-Pertua, *it is a light issue before a court* dan kepada saya ia termaktub dalam lingkungan takrifan *Order 36(2).*

Jadi saya tidak mahu terikat dalam penghujahan atau perbahasan saya. Saya sebagai Ahli Parlimen, saya minta supaya Tuan Yang di-Pertua dan saya yakin Tuan Yang di-Pertua juga faham dan juga menyokong bahawa semua Ahli Parlimen perlu diberikan kebebasan yang cukup penuh untuk membahaskan apa-apa rang undang-undang. Saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua satu keadaan yang mana dalam perkara yang seserius ini kita lihat pindaan kepada Akta Hasutan, saya tidak boleh ataupun saya disekat dalam perbahasan saya oleh sebab wujudnya 36(2) ini dan keputusan ataupun perkara yang masih *pending*, dengan izin di Mahkamah Persekutuan.

Dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, menjadi pendapat saya dengan segala hormatnya bahawa rang undang-undang ini tidak seharusnya ataupun disekat daripada dibahaskan di Dewan yang mulia ini oleh sebab halangan daripada Artikel 36(2). Seperti mana yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua kepada saya, kalau saya lihat perkataan *the wording of 36(2)*, Tuan Yang di-Pertua *has a discretion.*

Jadi maknanya walaupun ia dibentangkan tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh menyatakan ataupun boleh menyekat satu perbahasan berkenaan dengan rang undang-undang ini dan terpulang kepada Menteri yang mana ada keadaan bahawa ia *subjudice* dan Speaker berpendapat *the vision of discussing then I think the Menteri will have to make a decision. I cannot go beyond that.* Saya memohon agar Tuan

Yang di-Pertua menimbangkan masalah ini dan memberikan keputusan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membuat respons ataupun keputusan terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong,

■1150

Saya suka menjemput kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Oleh sebab Yang Berhormat faham apa yang dihujah oleh Yang Berhormat Puchong. Sama ada pendirian kerajaan masih lagi untuk meneruskan perbahasan akta pada ketika ini atau menangguh kepada satu ketika yang akan diputuskan nanti. Memandangkan bahawa sekarang ini perbicaraan itu sudah pun selesai. Cuma menunggu keputusan daripada para hakim. Jadi, apa yang dihujah oleh Yang Berhormat Puchong ialah seandainya keputusan hakim-hakim itu menyebelah kepada pihak yang mengatakan di mahkamah bahawa Akta Hasutan itu adalah tidak sah daripada segi *constitution*, maka apa yang kita bahas ini *will become* akademik.

Yang Berhormat menekankan Peraturan Mesyuarat 36(2), mengenai dengan hal subjudis. Oleh sebab apa-apa yang dibincang di sini mempunyai *bearing* sama ada ia akan mempengaruhi keputusan hakim dan sedemikianya. Itu jelas. Jadi, sebelum saya buat keputusan, saya mahu pendirian kerajaan sama ada meneruskan perbahasan. Saya juga terikat dengan Peraturan Mesyuarat 15. *The agenda of the government must take priority*. Tugas saya ialah cuma membuat *guidance* ataupun *ruling* kepada sama ada peraturan mesyuarat dipatuhi atau tidak. Sila.

11.51 pg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, kami mengucapkan selamat kembali bertugas kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita memberikan penghargaan atas kehadiran beliau [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara. Mereka berpendapat bahawa perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah dengan apa yang kita akan pinda sekarang ini bukanlah merupakan suatu perkara subjudis kerana ia adalah melibatkan pindaan. Manakala, perkara yang sedang diperbahaskan itu undang-undang induk yang sedia ada. Jadi, kerajaan berhasrat untuk meneruskan pembentangan pindaan Akta Hasutan 1948 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah saya mendapat tahu bahawa pindaan kepada Akta Hasutan ini dibawa pada hari ini, maka saya sendiri telah membuat penyelidikan mengenai dengan tafsiran skop 36(2) iaitu subjudis. Dalam persidangan-persidangan biasa, biasanya hujah-hujah di Parlimen yang berkait rapat dengan kes yang sedang dibicarakan di mahkamah seboleh-bolehnya kita elakkan supaya jangan disentuh. Atas sebab apa nanti yang kita sentuh di sini, kalau ia difikirkan oleh Speaker dia mempunyai *bearing* untuk mempengaruhi hakim-hakim dan kita tidak bersikap adil kepada pihak-pihak yang berbicara di mahkamah, maka kita elakkan itu. Itu *standard practice*.

Akan tetapi dalam pada itu juga, ada perkara-perkara yang patut kita bincang walaupun di mahkamah tetapi jangan *direct* kepada *facts case*. Ada begitu. Akan tetapi di Parlimen ini biasanya kita kata, okey tidak apa, *across the board*, kalau boleh elak, elakkanlah. Perkara ini belum pernah berlaku sepanjang ingatan saya di Parlimen Malaysia, di mana satu ordinan ataupun akta dibawa ke mahkamah dan minta mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa ia *unconstitutional*. Selepas itu pulak, ada perkara sebegini.

Jadi, apabila saya membuat rujukan kepada Parlimen-Parlimen di luar sana, saya baca Erskine May, saya baca *authority* buku-buku daripada negara yang lain, saya baca *precedent* dari mana-mana. Saya dapat satu *authority* daripada *practice Parliament of India, the biggest democracy in the world*. Saya baca apa yang disebut dalam buku ini, nama buku ialah *Practice and Procedure of Parliament*, ini apa yang dikatakan mengenai dengan subjudis. *The rule of subjudice cannot stand in the way of legislation. Where legislation has to be brought, the law making has to be done, the rules of subjudice does not apply.*

Oleh sebabnya ialah *if the rule of subjudice were to be made applicable to the legislation, it would not only make legislatures subordinate to the courts in that matter, but would make enactments impossible because numerous cases concerning a large number of statutes awaits adjudication in all times in one court or the other*. Maksudnya di sini ialah apabila sesuatu rang undang-undang dibawa di Parlimen dan subjudis itu kita gunakan supaya rang undang-undang itu tidak dibahas, apa pun merit *court case* itu, implikasi yang jelas ialah seolah-olah Parlimen itu pula bertanggungjawab kepada kuasa lain di luar. Sedangkan Parlimen mempunyai kuasa mutlak, muktamad, untuk membuat rang undang-undang.

Kedua, kalau Parlimen yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat yang berkhidmat untuk rakyat ini, pada sesuatu ketika mendapati bahawa satu rang undang-undang itu didapati tidak menurut perlembagaan atas sebab-sebab tertentu, Parlimen juga boleh menggubal lagi satu rang undang-undang untuk mengatasi apa yang disebut oleh mahkamah, tidak *constitutional*. Dalam soal ini, saya benar-benar ambil perhatian apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong kerana itu soal subjudis yang belum pernah kita *handle* di Dewan Rakyat ini. Jadi, kalau secara kebetulan Mahkamah Persekutuan menyebelahi kepada kes sekarang yang dalam mahkamah ini, Yang Berhormat Puchong mengatakan bahawa apa yang kita bincang pada hari ini *will become academic because they call it unconstitutional anyway*.

Akan tetapi memang begitu tugas Parlimen, sentiasa bekerja untuk rakyat dan biar kehakiman yang *interpret* dahulu. Kalau Parlimen berfikir bahawa kalau menyebelah nanti kepada Yang Berhormat Puchong punya kes, tidak apa. Oleh sebab kita menghormati penghakiman, hukuman dari mahkamah. Kalau pula kementerian yang berwajib melalui Parlimen, menggubal satu rang undang-undang pula supaya apa yang disebut oleh hakim itu pada pendapat eksekutif kerana mewakili kerajaan tidak betul, maka boleh lagi rangka satu rang undang-undang. Itu logik dia.

Jadi, apabila saya mendengar hujah Yang Berhormat Puchong, saya rasa saya dengar juga hujah daripada pihak kerajaan, mahu juga meneruskan akta ini, maka saya tidak nampak ia melanggar

peraturan mesyuarat. Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong ialah beliau khuatir apabila nanti mereka membahas, Speaker akan menegur bahawa kami tidak boleh sentuh perkara-perkara yang akan nanti dikatakan akan melanggar Peraturan 36(2). Dalam hal ini, oleh sebab ini satu perkara yang perlu juga kita dengar hujah masing-masing. Saya akan bercadang untuk duduk sehingga rang undang-undang ini selesai [*Tepuk*]

Kalau nanti saya dengar bahawa Yang Berhormat Puchong berhujah, yang patut saya fikir perlu saya menggunakan budi bicara saya, kalau saya tidak tegur, hujah sahaja. Menteri juga akan menjawab. Dalam soal ini apabila nanti kita membahas rang undang-undang ini, saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat biarlah kita berhujah secara berhemah, biar itu *speeches quality* kerana semua masuk dalam *Hansard*. Semalam tiga rang undang-undang ditarik balik bukan pasal apa, oleh sebab masa tidak mengizinkan. Jadi, saya hendak daripada pihak kerajaan dan pihak pembangkang, siapa yang para pembahas itu, pilih mereka yang benar-benar faham dengan soal ini. Pilih satu dua. Ini kerana saya perhatikan bahawa pada peringkat Jawatankuasa nanti ada dua, tiga. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pilih juga di situ nanti siapa penghujah, begitu juga di sebelah kerajaan. Oleh sebab kalau saya benarkan semua berhujah, keputusannya nanti akan belah bahagi. Jadi, biarlah hujah itu hujah yang benar-benar berkualiti.

■1200

Tidak ada faedah ramai yang berhujah tapi *at the end we will end up with the saluting matter*. Sudahlah itu. *It's enough*. Tadi saya diucap baik oleh Ahli Yang Berhormat bahawa selama timbalan bertugas saya tidak ke mana-mana Yang Berhormat. Saya menyamar. Saya pergi berjalan Masjid India, saya pergi Chow Kit pada ketika kamu berbahas saya tanya macam mana MP-MP sekarang ini

Persepsi luar Yang Berhormat. Tidak baik. Jadi saya menyamar ini cuma saya melaporkan. Jadi kalau boleh elakkan *saluting matters* itu. Kalau boleh berbahas secara berhemah. Tolong. Jadi supaya kita dapat bekerja dengan cara baik.

Jadi dengan keputusan yang sedemikian saya mahu semua hormati kita teruskan perbahasan dan siapa nanti yang berbahas saya duduk, saya perhatikan. Yang Berhormat Puchong saya akan benarkan nanti untuk berbahas apa sahaja yang disebut di mahkamah itu. Sebab biasanya kalau kita di Dewan Rakyat ini kita sebut perkara-perkara yang kadang-kadang saya tegur orang luar tidak dapat pertahankan tapi itulah keistimewaan Yang Berhormat Puchong sebagai Ahli Parlimen. Apa yang *you* hujah di sini, *you burst it outside, cannot complaint*. Okey, sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menghormati pendapat dan pandangan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi ada membacakan petikan buku Parlimen yang disebut. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua untuk rekod, oleh sebab ini perkara yang penting untuk Parlimen. Ungkapan yang dibaca itu diteruskan dengan saya percaya Tuan Yang di-Pertua kalau tidak silap *and please correct me if I'm wrong*. Ada *exception* kepada kenyataan itu dan saya *only for record* Tuan Yang di-Pertua. *I want to ask if there is an exception perhaps it could be read to record for guidance later when it comes to debate*. Kalau tidak silap Tuan

Yang di-Pertua *from what I read there was also* dinyatakan bahawa *it becomes to the body of legislation itself.*

Oleh sebab di sini kita Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak persoalkan buat akta. Kita persoalkan pinda satu akta yang mana kesahihannya dibawa sebagai isu di mahkamah. *I'm not sure if there is the exception but I just want* Tuan Yang di-Pertua *just for the record at least we are clear and the Hansard will be quite clear* kalau saya boleh. *If I can trouble Tuan Yang di-Pertua, just perhaps look at that and I do apologize.*

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat tetapi *direct to the point. If I may read again* dia kata *a bill's seeking to replace an ordinance and will discuss in the house not with standing the fact that the ordinance is been challenged in a court of law and the court should or* bermakna *can.* Dalam hal ini saya tidak nampak ia melanggar peraturan mesyuarat. Boleh cuma kalau kerajaan memikirkan bahawa ditangguhkan, saya tidak bermasalah. Tugas saya sama ada mengikut peraturan mesyuarat atau tidak. Mengikut peraturan mesyuarat boleh dibahas tetapi sewaktu Ahli Yang Berhormat nanti berbahas sama ada perbahasan itu termasuk dalam ruang lingkup pengertian 36(2) itu tidak apa. Saya yang membuat budi bicara. Saya boleh benarkan untuk berhujah atau tidak. Itu sebab saya bercadang untuk duduk sehingga rang undang-undang ini selesai.

Jadi *I want a quality debate.* Kalau umpamanya macam Yang Berhormat Shah Alam tidak payahlah bercakap dikasi sama Yang Berhormat Sepang. Kasilah sama Yang Berhormat Sepang kerana Yang Berhormat Sepang dia pengamal guaman. Kalau umpamanya yang lain-lain itu tidak apa macam Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pasal dia pakar ekonomi so disebut juga pasal 1MDB. Janganlah ikut dengan Akta Hasutan ini. Kasilah kawan lain. Itu maksud saya. *Let have a quality debate, then on the other side also* kemukakan hujah yang benar-benar berkualiti.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, *I don't think that a fair statement for you to make. You should listen to my hujah before you...*

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma mengatakan begitu. Saya kata begitu bukan apa-apa Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, saya pun hendak beritahu pada Tuan Yang di-Pertua, tidak adil kalau Tuan Yang di-Pertua buat keputusan begitu sebelum mendengar hujah saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma mencadangkan Yang Berhormat Shah Alam. Saya tidak ada sebut bahawa Yang Berhormat Shah Alam tidak boleh berdiri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, bagus. Saya takut Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Sejak bilakah juga segala cadangan saya ini diikuti oleh Yang Berhormat Shah Alam?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya mahu Tuan Yang di-Pertua menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sejak bilakah pula segala cadangan saya diikuti? Sila.

Tuan N. Surendran A/L Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri juga sebagai satu pihak yang mempunyai...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk, duduk. *Point of order?*

Tuan N. Surendran A/L Nagarajan [Padang Serai]: *Point of order on 36(2).* Saya berdiri juga sebagai...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, *what is the point of order.*

Tuan N. Surendran A/L Nagarajan [Padang Serai]: *On 36(2)* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Sila.

Tuan N. Surendran A/L Nagarajan [Padang Serai]: Sebagai juga saya, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Seputeh sebagai pihak yang mempunyai kepentingan dalam kes ini dan saya hanya hendak menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua isu 36(2) iaitu perkataan yang jelas mengatakan bahawa, *reference should not be made to any matter with subjudice in such a way as my opinion the chair prejudice the interest of the party there too.*

Saya hanya hendak sebut bahawa jika perbahasan ini diteruskan isu *constitutional* akan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong dan pembahas lain dan jawapan akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Soalnya adakah ia akan memprejudis bukan sahaja perjalanan perbicaraan dan keputusan dalam kes Professor Madya Dr. Azmi Sharom tetapi juga dalam kes-kes Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Shah Alam dan saya sendiri. Apabila saya membawa 36(2) perkataan *keyword* di sini adalah *which in the opinion of the chair prejudice the interest of the party there too.*

Pendapat saya perhatian perlu diberi kepada perkataan-perkataan di dalam 36(2). Walaupun Lok Sabha mungkin menyatakan perkara yang lain tetapi *we can confine it to what is in our rules*, saya rasa isu prejudis atau *interest of the parties* adalah *key assurance*. Ini perlu diambil kira dan pada pendapat saya jika perbahasan ini diteruskan dan isu *constitutional* ditimbulkan ia akan prejudis bukan sahaja kes-kes Azmi Sharom tetapi kes-kes lain yang pending keputusan itu. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masih lagi saya berpendirian bahawa ini menurut peraturan mesyuarat dan saya rasa oleh sebab ini adalah satu *bill* dan saya mempunyai keyakinan bahawa lima orang barisan panel hakim yang diketuai oleh CJ sendiri tidak akan terpengaruh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan nanti *[Ketawa]* Minta maaf Yang Berhormat Kinabatangan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit sahaja dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua bagi dengan izin *caution* kepada Yang Berhormat Menteri bila jawab soalan ini jangan terlalu beria-ia untuk menegaskan bahawa *constitutionality* ini *valid* dalam ini sebab ini adalah satu perkara sebab termasuk saya sendiri dalam mahkamah menantikan keputusan mahkamah sama ada undang-undang ini selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Bolehkah Tuan Yang di-Pertua beri amaran kepada Yang Berhormat Menteri supaya jangan terpengaruh dengan *statement* yang mungkin mempengaruhi keputusan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Ini sudah dimaklumi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Apabila kita berbahas di Parlimen in yang kita hujah itu cuma pendapat kita. Jadi ini semua diketahui oleh pengamal undang-undang juga bahawa sehingga pendapat kita itu diputuskan oleh mahkamah maka itu tinggal pendapat sahaja. Selepas pula mahkamah memutuskan tidak semestinya juga kita bersetuju dengan apa yang diputuskan oleh mahkamah tetapi itulah sistem kita terpaksa kita akur sehingga kita pergi peringkat *appeal*, sehingga semua *due process* berakhir. Itulah sistem demokrasi. *You have to agree in disagree whether you like it or not*. Begitu. Ada lagi Yang Berhormat Kinabatangan? Cukuplah Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat cuma *angle* berbeza iaitu saya merujuk kepada 36(12) saya ingin tahu sebab pada minggu yang sudah saya telah mengemukakan satu usul untuk merujuk Ahli Parlimen Kota Kinabalu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sebab Yang Berhormat ini telah mengelirukan Dewan. Telah *mislead the* Dewan dengan menyatakan bahawa pertumbuhan penduduk negeri Sabah orang bumiputera Islam meningkatkan 200%.

Jadi setelah kita semak tidak ada peningkatan begitu. Jadi saya mohon penjelasan, pencelahan daripada Tuan Yang di-Pertua bagaimana kedudukan ini pula. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh buat respons Yang Berhormat Kinabatangan kepada perkara yang dibangkitkan itu. Saya kena tanya dahulu kepada dua-dua timbalan saya di mana perkara itu telah dibawa.

■1210

Okey, ada fail di depan saya. Saya baru sedar bahawa saya juga yang menandatangani ini, cuma tidak dimaklumkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Selasa, 24 Mac 2015 Yang Berhormat Kinabatangan telah mengesyorkan Yang Berhormat Kota Kinabalu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Merujuk kepada usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kota Kinabalu dikatakan telah membuat suatu kenyataan yang mengelirukan Dewan. Yang Berhormat Kinabatangan menyatakan bahawa Yang Berhormat Kota Kinabalu telah memesongkan Dewan Rakyat dengan fakta yang tidak betul, membuat tuduhan-tuduhan liar dan palsu yang cuba untuk memesongkan Dewan Rakyat dengan tujuan menghasut.

Dalam ini Yang Berhormat Kinabatangan merujuk kepada suatu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu mengenai dengan populasi penduduk Sabah yang telah dikatakan telah bertambah dengan angka luar biasa dan telah melebihi populasi penduduk di Sarawak. Yang Berhormat Kota Kinabalu juga turut menyatakan bahawa wujud pertambahan etnik Melayu dari tahun 1970 hingga tahun 2000 di Sabah yang dikatakan telah meningkat kepada 1,552%. Kenyataan tersebut telah dibuat semasa perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja pada hari Rabu, 11 Mac 2015 oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu dan penjelasan Yang Berhormat Menteri Kementarian Dalam Negeri pada hari Selasa, 24 Mac 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tujuan memberi keadilan kepada semua pihak, saya telah meneliti *Penyata Rasmi* yang berkaitan dan juga penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan perkara tersebut. Berdasarkan penyata rasmi dan penjelasan yang dikemukakan oleh Kementerian Dalam Negeri, saya mendapati bahawa kenyataan Yang Berhormat Kota Kinabalu tersebut adalah merujuk kepada kenyataan yang terkandung dalam *RCI Report* dan tujuan Yang Berhormat Kota Kinabalu adalah bagi maksud mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian.

Isu yang ada di hadapan Majlis Mesyuarat sekarang adalah sama ada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu kenyataan yang mengelirukan Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) sebagaimana yang diusulkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan seseorang ahli itu disabitkan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) dan seterusnya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, maka ada tiga elemen yang berikut hendaklah dipenuhi:

- (i) kenyataan yang diberikan itu hendaklah suatu kenyataan yang mengelirukan Dewan;
- (ii) Ahli Yang Berhormat yang membuat kenyataan itu hendaklah tahu bahawa pada masa kenyataan itu dibuat, kenyataan tersebut adalah tidak tepat; dan
- (iii) semasa memberikan kenyataan tersebut, Ahli tersebut memang berniat mengelirukan Dewan.

Oleh yang demikian, setelah meneliti semua perkara yang ada di hadapan Majlis, saya mendapati bahawa kenyataan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu tidak berniat untuk mengelirukan Dewan dan oleh itu tidak terjatuh di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Terima kasih [*Tepuk*]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum menteri meneruskan, saya ada satu *standing order* Tuan Yang di-Pertua dan memerlukan panduan daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa satu usul telah pun saya masuk kepada Tuan Yang di-Pertua di bawah Perkara 127, Perlembagaan Persekutuan, Peraturan Mesyuarat 20(3) dan 36(8), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat mengenai tindakan dan kelakuan Hakim Mahkamah Persekutuan dalam keputusan Dato' Seri Anwar Ibrahim, pendakwa raya lawan pendakwa raya.

Mungkin ada *communication breakdown* Tuan Yang di-Pertua, saya melihat mungkin *ordered paper* kita mungkin akan ada kelulusan dari Tuan Yang di-Pertua untuk perbincangan hal ini. Namun pun begitu saya telah pun mendapat salinan jawapan Tuan Yang di-Pertua bahawa Tuan Yang di-Pertua menolak usul ini, saya hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua. Namun pun begitu Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang Tuan Yang di-Pertua beri pada perenggan tiga, saya baca dengan hormatnya, "*Saya telah meneliti usul tersebut dan mendapati bahawa inti pati usul tersebut adalah untuk mempertikaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dan bukan untuk membincangkan kelakuan hakim-hakim. Oleh yang demikian, usul ini adalah bertentangan dengan Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 36(8).*"

Namun pun begitu Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua melihat usul yang saya maksudkan, semua yang dibincangkan ialah tentang bagaimana hakim-hakim berkelakuan yang tidak

sepertinya berlaku. Oleh yang demikian, saya memohon pandangan dan panduan Tuan Yang di-Pertua bagaimanakah Tuan Yang di-Pertua dapat *decide* yang ini bukanlah yang sepatutnya berlaku. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setiap kali saya berhadapan dengan isu-isu rumit seperti begini, saya membuat keputusan apabila saya menimbanginya secara teliti. Pertama, konsep demokrasi yang kita amalkan ialah *separation of power*. Kadang-kadang ada benda-benda dan *impose on ourselves* misal kata macam *subjudice*. *Actually we impose it upon ourselves because* Peraturan Mesyuarat kita buat begitu kerana atas dasar hormat bahawa yang disebut di mahkamah supaya tidak dibangkitkan, begitu. Jadi Parlimen juga secara konvensyen mengatakan bahawa apa-apa prosiding dalam Parlimen tidak boleh disoal di mahkamah. Dua buah institusi hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Usul Yang Berhormat itu mengenai dengan soal hukuman yang dikenakan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang telah melalui *due process of law*. Yang Berhormat Permatang Pauh diwakili oleh 27 orang peguam yang terkemuka. Kes tersebut telah mengambil masa bertahun-tahun untuk memberi kesempatan kepada semua pihak yang berkenaan, kalau perlu untuk ditangguhkan, tangguhkan, mana yang perlu di *appeal*, di *appeal*. Kalau saya benarkan usul Yang Berhormat itu untuk dimasukkan kepada order *paper* ataupun di bahas, bermakna kita di Parlimen ini terus menyerang kredibiliti kehakiman sedangkan mereka itu masih lagi duduk di sana.

Apa pun yang kita bincang di Parlimen ini yang harus kita ingat sama ada hujah-hujah kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang kita tidak juga kekal sebagai Ahli Yang Berhormat kerana mungkin pilihan raya akan datang kita tidak dicalonkan lagi, mungkin kawan lain masuk. Yang kita harus ingat ialah sebagai Ahli Yang Berhormat, *legislator* kita harus ingat institusi-institusi yang sedang ada sekarang tidak *perfect*. Kita pun sebagai Ahli-ahli Parlimen tidak *perfect*. Orang di luar sana pun tidak *perfect* tetapi seboleh-bolehnya kita mempunyai tanggungjawab bahawa institusi yang kita ada itu walaupun tidak *perfect* mesti kita pertahankan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *In other word, nobody perfect* Tuan Yang di-Pertua ya [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab kenapa perkara seperti begini macam mana pun *I have to guard the integrity of Parliament* sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai ahlinya dan institusi kehakiman. Jadi dalam soal itu, hak Yang Berhormat Permatang Pauh walaupun dibuatnya melalui keluarga untuk membuat petisyen ataupun rayuan supaya diampunkan dan proses undang-undang telah pun dibuat. Jadi sememangnya bukan semua dalam dunia ini kita akan puas hati dengan sesuatu perkara, tidak. Jadi cuma pengayuh masih di tangan masing-masing, pilihan raya Permatang Pauh akan tiba, Rompin juga begitu, tahun 2018 juga akan tiba lagi.

Jadi pergi lagi di padang sana berhempas pulas, bawa isu-isu yang patut dibawa, biarlah rakyat nanti yang akan menghakimi dan kalau nanti ditakdirkan tuhan bahawa yang sebelah sini pula duduk sebelah sini. Institusi yang sama akan juga digunakan. Cuma personaliti sahaja akan berubah. Jadi jangan rosakkan institusi kerana kita bukan macam negara lain apabila satu prosiding naik, dirombak

institution. Selepas itu buat lagi satu dia kata demokratik. Selepas presiden itu enam tahun, lepas itu dia bagi masuk dalam penjara. Datang lagi satu presiden. Kita dalam Malaysia *alhamdulillah* tiada itu. Cuma kita pertingkatkan sahaja kelemahan-kelemahan yang ada kita perbaiki, kita mengaku semua kita ada kelemahan. Sila Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara sahaja. Di bawah 36(8), ringkas sahaja di bawah 36(8). Kepentingan saya Tuan Yang di-Pertua, saya juga antara peguam yang berhujah bagi pihak Yang Berhormat Permatang Pauh di Mahkamah Persekutuan dalam bulan Oktober dan November. Yang saya hendak tambah di sini Tuan Yang di-Pertua Parlimen di sini hanyalah satu-satu tempat di mana kita boleh membincangkan salah laku hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, di luar tidak boleh. Jadi disebabkan itu perlembagaan membenarkannya di bawah Fasal 127, satu per empat jumlah Ahli-ahli Parlimen jika tandatangani usul perlu dibincangkan.

■1220

Lebih 70 Ahli Parlimen telah pun menandatangani. Sama ada, ada salah laku atau tidak dan perbincangan terpulang kepada Dewan apabila ia dibincang di dalam Dewan. Keputusan itu jika memihak, keputusan bahawa ada salah laku terpulang kepada ahli-ahli semasa perbahasan jika perbahasan dibenarkan. Jadi apa yang saya nyatakan di sini keputusan itu perlu diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen di sini dan usul perlu dibenarkan untuk perbahasan supaya Ahli-ahli Parlimen di sini boleh membahaskan dan membuat keputusan sama ada, ada atau tidak salah laku pada pihak lima orang hakim Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan tersebut. Di mana dalam usul telah dinyatakan bahawa keputusan tersebut keputusan yang *perverse* dan mencerminkan salah laku ke atas lima-lima hakim tersebut. Itu saya rasa yang penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat itu sebab ada Tuan Yang di-Pertua duduk di atas. Tugas Tuan Yang di-Pertua setahu saya Yang Berhormat sedia maklum ialah mentafsir peraturan-peraturan mesyuarat. Tidak semestinya tafsiran Tuan Yang di-Pertua itu adalah betul atau tidak atau dipersetujui oleh semua. Soal pokoknya ada *decision* yang dibuat. Okey. Keputusan yang saya buat itu kalau juga tidak dipersetujui ada juga peraturan mesyuarat menyatakan bahawa buat lagi satu usul persendirian.

Dalam soal ini sudah saya buat pendirian bahawa usul daripada Yang Berhormat Sungai Petani saya kata tidak boleh kerana menurut pengertian saya ialah *attacking the institution of judiciary*. Kita juga sebagai Ahli Parlimen bertanggungjawab. Mungkin itu perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi perasaan saya yang saya duduk saya terpaksa ambil kira.

Ini kerana kalau kita di Parlimen ini *we want our independence* tidak boleh campur orang lain maka begitu juga institusi itu. Malangnya bagi mereka dia orang tidak boleh bercakap macam kita dengan sewenang-wenang. Mereka terpaksa duduk di sana baru boleh bercakap dan mendengar bukti. Itu kelebihan kita di Parlimen kerana kita ada kebebasan untuk bercakap. Pun kebebasan itu juga mesti disaluti ataupun disulami dengan kebertanggungjawaban. Jadi itu respons saya, saya masih berpendirian bahawa saya sudah buat keputusan dan keputusan saya itu adalah muktamad.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan sedikit mengenai Peraturan Mesyuarat 36(2) ini.

Keputusan Tuan Yang di-Pertua mengenai permintaan Yang Berhormat Puchong tadi bagi saya, saya anggap sebagai suatu *landmark decision*lah dengan dibantu oleh keputusan di Lok Sabha kah, India. Dalam kes yang dibawa oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi itu keputusan Tuan Yang di-Pertua, tidak adakah *precedent* di Lok Sabha kah yang boleh kita pakai untuk membantu mencari satu ruang di mana perkara tersebut boleh dibahaskan kerana kita rasa perkara itu penting. Itu yang pertama, ataupun rujukan mana-mana Dewan yang lain di merata dunia ini.

Keduanya saya hendak minta penjelasan. Keputusan Tuan Yang di-Pertua tadi hanya adakah hanya terpakai kepada perkara yang melibatkan *drafting* sahaja ataupun misalnya soalan-soalan yang kami kemukakan. Bertanya tentang royalti Kelantan yang dikatakan *sub judice* atau hanya kepada masalah *drafting* sahaja kerana ini *landmark decision*. Keputusan Tuan Yang di-Pertua ini akan dipakai pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Persoalan itu dua rangkai ini sahaja yang saya *entertain* selepas itu biar Menteri nanti berucap. Pertama, saya tidak tahu mungkin perasaan saya, saya sensitif. Soalan pertama itu ada kesinisan bahawa ada lagikah yang saya respons kepada Yang Berhormat Padang Serai. Boleh Yang Berhormat, saya boleh bawa segala perkara Yang Berhormat tuntutan. Kedua, itu sebab saya tekankan ini perundangan rang undang-undang dibawa oleh kerajaan. Kalau kita gunakan *subjudice* untuk menghalang rang undang-undang bermakna kita memperkecilkan *supremacy of Parliament*. Tidak boleh dihalang biar pun mahkamah mengatakan Parlimen tidak boleh membuat rang undang-undang ini tidak betul.

Ini kerana Parlimen punya tugas merangka rang undang-undang tidak boleh oleh peraturan yang dibuat oleh kita sendiri ataupun mahkamah mengarahkan bahawa tidak boleh buat rang undang-undang kerana itu tugas kita. Jadi tidak boleh dia dihalang oleh peraturan, tidak boleh dihalang oleh peraturan mesyuarat kerana rang undang-undang. Walaupun rang undang-undang ini nanti melalui apa yang dihujah oleh Yang Berhormat Puchong dalam mahkamah didapati bahawa *unconstitutional*, Parlimen boleh ubah lagi balik undang-undang itu dengan satu rang undang-undang. Jadi kalau pula hakim-hakim sana juga rasa *jealous* undang-undang yang kita gubal nanti dia akan *unconstitutional*, Parlimen boleh lagi buat satu rang undang-undang.

You see, begitu. That is the logic. Jadi soal mengenai dengan kalau ada kes yang seperti royalti Kelantan itu memang *sub judice rules applicable* kerana itu soal spesifik mengenai dengan soal bukan paksa Parlimen, itu hak seseorang. Itu pula budi bicara Tuan Yang di-Pertua sama ada benarkan atau tidak, sama ada dia *turn a blind eye* atau tidak, sama ada pura-pura dia tidak dengar atau tidak. Itu kebijaksanaan siapa yang duduk di sini. Macam main bola, bola di kaki tidak semena-mena kita punya *adversary slide fault*. Akan tetapi, kalau *you* bawa itu bola datang dekat *goal*, *referee* kadang-kadang tidak boleh wisel pasal *advantage*. Itulah kerja kami, itulah kerja saya. Sila Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat Yang Berhormat Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya. Peraturan 36...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Nanti dahulu Menteri kita bagi pada Yang Berhormat. Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Peraturan mesyuarat 36(2). Tuan Yang di-Pertua saya bukanlah pengamal undang-undang tetapi saya kira saya salah seorang penggubal undang-undang. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua benarkan saya bercakap sedikitlah tentang 36(2) ini. Saya ingin bertanya kepada Tuan Yang di-Pertualah, setelah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Puchong sebentar tadi mengapakah rang undang-undang dan pindaan ini harus terburu-buru untuk dibawa dalam sesi kali ini. Sedangkan penjelasan yang diberikan tadi saya kira agak jelas di mana perkara-perkara pokok itu masih lagi dalam perbincangan di peringkat Mahkamah Persekutuan dan ia belum lagi diputuskan.

Walaupun Tuan Yang di-Pertua telah menegaskan bahawa ia tidak mempunyai elemen *sub judice* tetapi saya kira kita juga mengambil maklum bahawa Akta Ibu ini, Akta Hasutan ini bukannya digubal oleh Dewan yang mulia ini. Ia disemak dan digubal oleh yang disebut tadi LRC oleh sebab ianya telah dibentuk sebelum merdeka. Bagaimana satu Akta Ibu akta yang begitu penting yang sedang *dichallenge* dan dicabar dalam Mahkamah Persekutuan hendak dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya kira pandangan Yang Berhormat Puchong tadi cukup jelas dan nyata. Kita tidak perlu terburu-buru sedangkan kita, mungkin walaupun kita tidak tahu bilakah mahkamah akan membuat keputusan. Akan tetapi, saya kira dalam masa terdekat mahkamah akan membuat keputusan dan sekali lagi Dewan yang mulia ini boleh membawa sebarang pindaan terhadap apa-apa juga keputusan yang dibuat oleh mahkamah.

Saya mengambil peluang untuk berbincang dan mendapat pandangan Tuan Yang di-Pertua kerana Tuan Yang di-Pertua berpandangan ia tidak *subjudice*. Apa juga keputusan di mahkamah nanti kita masih boleh bawa sebarang semakan atau pindaan dalam Dewan. Mengapa kita tidak ambil pendirian yang lain kerana hujah Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Padang Serai tadi jelas kita boleh tangguhkan. Saya lihat banyak rang undang-undang yang begitu penting terburu-buru dibawa sampai pukul 2.30 pagi. Seolah-olah apakah ini kerana arahan UMNO untuk membawa pindaan ini?... [Dewan riuh] [Disampuk] Tidak nanti dahulu. Sebab Tuan Yang di-Pertua, sebab saya juga ada maklumat Tuan Yang di-Pertua. Saya ada maklumat di mana ada 60 orang Ketua-ketua UMNO Bahagian baru-baru ini telah bertemu dengan Peguam Negara. Mereka yang mendesak Peguam Negara supaya membawa pindaan ini di dalam Parlimen.

■1230

Jadi, bagaimana satu pindaan yang akan memberikan kesan besar kepada rakyat untuk menghalang kebebasan bersuara yang jelas menyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Artikel 10(2) tadi, di mana sebarang rang undang-undang ataupun pindaan yang ada kaitan dengan kebebasan bersuara mesti dibuat di dalam Parlimen. Oleh sebab itu kita minta supaya rang undang-undang atau pindaan ini mesti diteliti dengan secara menyeluruh, bukan kerana asakan daripada beberapa orang

tokoh UMNO yang semakin lemas dan memaksa kami untuk mengambil bahagian dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi saya minta sungguh-sungguhlah Tuan Yang di-Pertua, sebab Tuan Yang di-Pertua pun ada budi bicara untuk memutuskan sama ada sebarang rang undang-undang itu boleh dibincangkan atau boleh ditangguhkan. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua juga agak tegas dalam perkara ini dan bebas, tidak senang dengan beberapa pendirian UMNO sekarang... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua sanggup pergi Masjid India, Chow Kit Road, sebab saya dapat menyelami perasaan Tuan Yang di-Pertua, lemas dengan UMNO dan Barisan Nasional sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Terima kasih. Terima kasih

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua, tunjukkan bahawa Tuan Yang di-Pertua seorang Speaker yang bebas dan tegas demi kedaulatan negara...

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Sila, terima kasih, terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Demi kedaulatan negara dan juga kemuliaan Dewan ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini nak kempen jadi Ketua Umum.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Peraturan mesyuarat apa dia Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya nak pergi 36(2) juga yang mana Yang Berhormat Gombak bangkit tadi. Saya nak baca betul-betul 36(2) ini, *"Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu."* Tadi Tuan Yang di-Pertua dah memberi jaminan bahawa akan mengawal perbahasan, tunggu sampai habis, tidak akan menegur kita kalau kita pergi kepada kes-kes yang tertentu.

Akan tetapi kalau kita berbahas, tidak sebut nama kes-kes tertentu, kita tidak dikatakan subjudis. Akan tetapi kalau kita sebut kes 'A', kes 'A', kes 'B', itu betul. Pada pendapat saya, itu Tuan Yang di-Pertua kena bagi teguran. Jadi tadi, kalau Tuan Yang di-Pertua yang diberikan kuasa di bawah peraturan ini, atas budi bicara dan pertimbangan Tuan Yang di-Pertua, boleh mengawal mesyuarat kita ini supaya tidak tertanding dengan artikel 36(2), maka tidak sebab kita mesti mempersoalkan keputusan yang telah dibuat oleh Speaker. Itu yang pertama.

Kedua, saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua. Tadi Tuan Yang di-Pertua ada mengatakan bahawa kes kita mengamalkan *separation of power*, bahawa mahkamah dah buat keputusan, dan kita tak perlulah kita nak mempersoalkan. Ini kerja mahkamah, sama juga saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Kerja kita buat undang-undang, kerja mahkamah mentafsir undang-undang. Jadi dia tidak perlulah kalau kata dia tidak boleh bagi tahu kita, ini tak boleh buat. Kita pun tak mahu kacau kerja dia,

kerja mahkamah dan mahkamah pun tak boleh kacau kerja kita. Baik, ini *separation of power*. Adakah dipanggil pendapat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ini, terpakai juga? Boleh tidak terpakai atau patut juga diikuti secara dasarnya oleh Dewan Undangan Negeri yang lain?

Ini kerana saya dimaklumkan di negeri Selangor esok, satu usul akan dibawa untuk membahaskan kes Yang Berhormat Permatang Pauh di Parlimen. Dia tak berjaya bawa di Parlimen ini, dibawa ke Dewan Undangan Negeri Selangor. Jadi saya hendak tanya, adakah terpakai juga apa yang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua cakap tadi, supaya juga dihormati juga oleh Speaker di Dewan Undangan Negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, jangan bingungkan saya Ahli Yang Berhormat. Saya sudah cukup bingung, bantu saya. Respons saya kepada Yang Amat Berhormat Gombak. Kalau sekiranya saya tidak bangkitkan autoriti daripada Parlimen lain yang lebih tua daripada kita, yang lebih besar daripada kita, maka saya kata saya bersetuju dengan apa yang diujah oleh Yang Berhormat Puchong di bawah 36(2). Kalau nanti ada daripada Yang Berhormat pembangkang, kerajaan, dia berdiri, dia kata, Tuan Yang di-Pertua, ada satu autoriti sini dibaca, *the rule of subjudice cannot stand in a way of legislation. I got to make a decision. Then, I would to agree with this because this is a legislation. You see. So, don't put me in a situation whereby you let me decide like a judge.*

Kedua, yang soalan kedua tadi sama ada apa yang saya sebut sini sebagai saya punya *ruling* diikuti oleh *state assembly* yang lain. Ini bukan Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Tinggi yang apa yang sebut sini *binding on the law for that state*. Masing-masing *state* mempunyai autonomi, mempunyai kuasa tersendiri, di bawah perlembagaan negeri-negeri itu. Akan tetapi kalau Speaker di *state* bahawa mereka ikut, itu terpulang. Begitu juga saya, kerana itu sistem demokrasi kita apabila peguam-peguam berhujah di mahkamah, mereka *always cite cases* di mana yang relevan dengan kes mereka yang membantu. Mereka tidak boleh dielakkan. Dia akan *cite* Indian punya cases, New Zealand punya cases, *Commonweal cases, that's the practice. You see.* Selepas itu pula, hakim-hakim membuat keputusan daripada hujah kedua-dua belah pihak. Begitu.

Jadi di sini, untung bagi saya, bukan saya yang menentukan siapa nanti betul atau tidak selepas berbahas kerana ada belah bahagian. *You see.* Jadi, ketidakpuasan itu bawa di luar sana, bagi tahu kepada masyarakat bahawa pilihan raya akan datang, pilih mana puak yang kita nak. Akta Hasutan atau tiada Akta Hasutan? ISA atau tiada? Itu bukan soal saya. Soal saya, perbahasan berjalan dengan lancar dan saya akan pandu mengikut apa yang saya fikir dengan seadil-adilnya. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Artikel 36(2) tadi. Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak ada bercadang untuk ini Tuan Yang di-Pertua, saya pendek sahaja.

Sebenarnya kami pun rindu suara Tuan Yang di-Pertua ini. Tuan Yang di-Pertua, saya nak dapatkan *guidance* dari Tuan Yang di-Pertua ini. Artikel 36(2) tadi, saya baca dalam bahasa Inggeris, *"Reference shall not be made to any matter which is sub judice in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of parties thereto."*

Saya rasa apabila Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada *precedent* di India itu, saya terima kasihlah, sekurang-kurangnya ada satu panduan untuk kami. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, yang saya agak ingin dapatkan penjelasan, adakah daripada segi prosedur pembuat keputusan Tuan Yang di-Pertua tadi itu, apabila ayat ini mengatakan, “...*in a such a way as might in the opinion of the Chair...*”. Makna bagi saya, perkataan ‘*in the opinion of the Chair*’ itu, mestilah satu *opinion* yang *independent*. Saya tak kata, saya tak tuduh Tuan Yang di-Pertua tidak membuat *independent*, tak *independent*.

Cumanya yang saya agak nak tanya pada Tuan Yang di-Pertua ini, mengapakah dalam membuat keputusan itu, seharusnya dirujuk dahulu kepada *Minister*, adakah dia nak teruskan atau tidak. Bagi saya, sepatutnya selepas sahaja Yang Berhormat Puchong membuat bantahan itu, membuat perdebatan itu, seharusnya Tuan Yang di-Pertua, *in your opinion without hearing from any side*. Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua terus membuat keputusan itu. Jadi kalau itu yang Tuan Yang di-Pertua buat, mungkin... [*Dewan riuh*] Relakslah, yang ini tadi saya tak kacau ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya hendak katakan bahawa adakah, saya risau nanti menjadi *precedent* pula. Selepas ini kalau adanya bantahan nanti, kena tanya *Minister* dulu, baru kita buat keputusan. Walaupun saya yakin Tuan Yang di-Pertua boleh berdiri sendiri tanpa membuat keputusan merujuk mana-mana pihak. Akan tetapi yang saya risau, *precedent* itu...

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat. Saya faham. Masalah kita Yang Berhormat, yang saya bingung ini adalah begini, kerana setia pengamal guaman, saya rasa kita tahu istilah mesti ada kita dengar sebelah. *We go to listen to both sides, impossible. I'm practicing that now. See, I go to listen to the Minister because* saya dalam hati saya, sudah saya buat keputusan. Kalau tidak ada autoriti dari Parlimen lain yang mengatakan *full stop, the rule of sub judice cannot stand in the way of legislation. Full stop.*

■1240

See, meaning apa pun pengertian Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) *where that decision what even debates in the bearing on decision its unilateral already. Sub judice it's not strong in the way of legislation because the prying function of you* Ahli-ahli Yang Berhormat duduk sini *is as a legislature. How penal rule stop you from* membahaskan rang undang-undang. *You have to understand that. See,* kerana apabila itu saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat Puchong, bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat ini sudah *subject to a rule that you cannot discuss, you cannot bentang* rang undang-undang. Ini rang undang-undang. *Your job is to* bahas rang, “*The Speaker is hear that discussion on a bill the subject matter of it is sub judice vice virtue, an appeal pending in the Supreme Court.*” Undang-undang.

You see, kalau saya baca di sini, ini pernah berlaku di India, “*The Speaker is hear that discussion on a bill the subject matter of it is sub judice vice virtue an appeal pending in the Supreme Court.*” Bermakna *similar. Now court case pending* dengar keputusan. *Is also in order. Sub judice* sudah bikin balik *provided.* Ini yang saya tidak baca ini. Ini *interestingnya provided members refrain from referring to the facts of the particular case under appeal. Meaning I already give to* Yang Berhormat Puchong. Kalaupun Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas, lebih daripada apa yang tadi disebut ini, *I can tell blind*

eye, I can place my left ear. I give you already a latitude. Sebab saya tanya kepada Menteri oleh sebab hujah daripada Yang Berhormat Puchong itu kalau kerajaan memikirkan bahawa itu adalah sebaik-sebaiknya supaya ditangguhkan, itu hak kerajaan kerana Menteri datang di sini bukan dia membabi buta datang. Ada juga penasihat-penasihat di belakang sana daripada *AG Chambers*.

You see kerana dia pemegang amanah kepada demokrasi bahawa dia kerajaan sekarang ini. Mana yang dia fikir *fit*, itu dia buat sama ada itu tidak betul di pandangan rakyat itu lain cerita Yang Berhormat. Kalau soal ini nanti menjadi beban di luar sana bahawa kerajaan ini tidak hadir dalam ini, mungkin juga menguntungkan Yang Berhormat akan menang dalam Pilihan Raya 2018. Itu bukan kerja saya. Jadi Menteri yang berkenaan harus memikirkan sudah semua ini kan?

Kalau mahu menang pilihan raya akan datang bermakna dia tidak buat perkara-perkara yang Ahli Yang Berhormat buat ini. Perlu lagi saya *lecture* panjang-panjang? Saya bukan *lecturer*. *You see* kalau *you* saya tidak kasi dia peluang, *I am breaking, a bridge natural justice, I to hear him*. Sila Yang Berhormat sudah cukup kepala saya sakit. Sudah saya minta air tadi, tekak saya. Tolong sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itulah lain kali kena kerap datang, baru tidak sakit kepala.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

12.43 tgh.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Dewan harus memberikan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memang seorang tokoh yang hebat [*Tepuk*]

Saya harap mereka yang tidak faham undang-undang, fahamlah dengan syarahan undang-undang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi supaya faham. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan 1948 pada asalnya digubal untuk mengekang aktiviti komunis di Tanah Melayu khususnya daripada segi penyebaran propaganda yang dilakukan oleh pengganas komunis melalui penyebaran risalah-risalah yang menghasut rakyat pada ketika itu supaya menyertai perjuangan Parti Komunis Malaya.

Selain daripada itu akta ini juga turut dipinda selepas insiden 13 Mei 1969 dengan membuat penambahbaikan terhadap seksyen 3, akta tersebut dengan memasukkan peruntukkan prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia bertujuan untuk memastikan keamanan dan keharmonian kaum pada ketika itu terus terpelihara. Pindaan terakhir yang dibuat terhadap akta tersebut pada tahun 1975 iaitu 40 tahun yang lalu. Justeru sudah sampai masanya kerajaan melihat kembali akan kesesuaian akta ini mengikut perkembangan semasa di negara kita ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kajian terhadap akta ini telah pun mula dijalankan sejak tahun 2012 selari dengan agenda program transformasi politik

kerajaan. Beberapa siri perbincangan yang melibatkan Jabatan Peguam Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Polis Diraja Malaysia telah diadakan.

Hasil daripada beberapa perbincangan tersebut, kata sepakat telah dicapai iaitu supaya pindaan baru yang bakal dibuat kelak tidak akan mengubah perkara-perkara yang berkaitan dengan hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif seperti mana yang diperuntukkan dan dilindungi di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- (a) Bahagian Ketiga berkaitan dengan isu kewarganegaraan;
- (b) Perkara 152 - berkaitan dengan isu bahasa Kebangsaan;
- (c) Perkara 153 - berkaitan dengan isu perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu dan anak negeri antara mana-mana negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (d) Perkara 181 - berkaitan dengan kekecualian bagi kedaulatan dan sebagainya Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengekalkan elemen-elemen yang berkenaan adalah bagi menyahut semangat atau spirit semasa pindaan Akta Hasutan 1948 ini dibuat pada 18 Ogos 1970 melalui warta PU(A)282/1970 dengan memasukkan elemen-elemen berkaitan dengan prerogatif ke dalam akta induk selepas berlaku Peristiwa 13 Mei 1969 seperti yang telah saya nyatakan tadi. Ini adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara.

Berdasarkan perkembangan terkini, saya percaya semua pihak sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 November 2014 telah pun mengumumkan pendirian kerajaan untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan membuat beberapa penambahbaikan seperti berikut:

- (i) pindaan dengan memasukkan peruntukan untuk melindungi kesucian agama Islam dan agama-agama lain tidak boleh dihina; dan
- (ii) tindakan kepada sesiapa yang cuba menghasut supaya Sabah dan Sarawak atau mana-mana negeri keluar dari Malaysia.

Dalam pada itu Kementerian Dalam Negeri juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Tertinggi dengan izin, *High Level Committee* bagi membantu dalam proses memformulasikan hala tuju pindaan Akta Hasutan 1948 seperti mana yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri. Rentetan daripada beberapa perbincangan yang telah diadakan, jawatankuasa tersebut telah bersetuju selain daripada perkara-perkara yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beberapa perkara lagi telah dicadangkan oleh jawatankuasa tersebut sebagai tambahan terhadap pindaan yang akan dibuat ke atas Akta Hasutan 1948 seperti berikut:

- (i) elemen-elemen hasutan yang disebarkan melalui media sosial atau sebarang platform turut dimasukkan ke dalam pindaan;
- (ii) memotong peruntukan yang melarang kritikan terhadap kerajaan;
- (iii) mencadangkan untuk memasukkan hukuman penalti minimum dan maksimum serta memasukkan hukuman denda bagi kesalahan di bawah akta ini; dan

- (iv) mencadangkan untuk menaikkan hukuman yang menghasut dan mengakibatkan kecederaan kepada anggota dan harta benda.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pendirian yang dinyatakan oleh kerajaan, Akta Hasutan 1948 ini telah pun dicadangkan untuk dipinda bagi menyesuaikan dengan perkembangan semasa. Antara elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

■1250

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan tarif, “*by electronic means*” berbangkit daripada kemasukan peruntukan baru yang menggunakan ungkapan itu.

Fasal 3 adalah bertujuan meminda seksyen 3 seperti berikut, di bawah subfasal (a)(i) perbuatan mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi menyakitkan perasaan ke tidak setia kepada kerajaan tidak lagi menjadi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Pindaan ini adalah selaras dengan kerajaan untuk mewujudkan satu pentadbiran yang lebih telus dan *accountable* kepada Kerajaan Malaysia demi manfaat negara dan rakyat keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, kritikan terhadap kerajaan yang melangkaui batas sehingga ia terjumlah kepada perbuatan fitnah terhadap kerajaan perbuatan yang memudaratkan Demokrasi Berparlimen masih merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dalam sub fasal (a)(ii) dan memasukkan misal perenggan subfasal 3(1)(b), Akta Hasutan 1948 untuk memperjelaskan bahawa perenggan ini merangkumi perbuatan menghasut sesuatu negeri untuk keluar dari Malaysia.

Kedua, fasal (a)(iii) memotong perenggan 3(1)(c), Akta Hasutan 1948. Berhubung dengan perbuatan yang mendatangkan kebencian ataupun penghinaan pentadbiran keadilan kerana jika sesiapa yang menghina keputusan mahkamah ia merupakan satu perbuatan menghina mahkamah.

Ketiga, dalam subfasal (a)(v) dengan memasukan perenggan baru 3(1)(ea) bagi menjadikannya kesalahan untuk mana-mana orang yang membangkitkan perasaan niat jahat, permusuhan dan kebencian atas alasan keagamaan. Perkara ini adalah selaras dengan niat kerajaan dan kita untuk melindungi kesucian pelbagai agama yang dianuti oleh pelbagai kaum di Malaysia atau golongan penduduk dan menghindar penghinaan agama.

Keempat, dalam subfasal (c) dengan memasukkan perkataan “*or cause to be published*” dalam subseksyen 3(3), Akta Hasutan 1948 untuk memperluas liputan akta ini bagi menangani percetakan secara tidak langsung yang mengandungi elemen-elemen hasutan.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) dengan menggantikan dengan penalti yang sedia ada bagi kesalahan di bawah subseksyen 4(1) dengan penalti minimum iaitu pemenjaraan tiga tahun dan maksimum tujuh tahun. Selain daripada menaikkan penalti di bawah subseksyen 4(1), fasal ini juga bertujuan untuk memasukan subseksyen baru 4(1A) bagi mengenakan penalti yang lebih tinggi bagi kesalahan di bawah akta ini yang sekiranya menyebabkan kecederaan pada tubuh badan dan kerosakan harta benda.

Fasal 5 bertujuan untuk mewujudkan seksyen baru 5A dan 5B. Seksyen 5A, memperuntukkan bahawa jika mana-mana orang dipertuduh di bawah subseksyen 4(1A) dan adalah diperakukan secara bertulis oleh pendakwa raya bahawa kesalahan itu melibatkan kepentingan awam maka tertuduh tidak boleh diberikan ikat jamin. Seksyen 5B pula memberi mahkamah kuasa untuk mengeluarkan satu perintah kepada orang yang dituduh di bawah seksyen 4 yang telah dilepaskan dengan ikat jamin supaya menyerahkan pasport atau dokumen perjalanan antarabangsa yang lain. Bagi orang yang dituduh di bawah seksyen 4 yang tidak mempunyai pasport atau dokumen perjalanan yang lain, satu perintah boleh dikeluarkan oleh mahkamah terhadap Ketua Pengarah Imigresen untuk tidak mengeluarkan apa-apa dokumen perjalanan sehinggalah semua prosiding berkaitan pertuduhan terhadap orang itu selesai.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6, dengan memotong keperluan bagi *collaboration of evidence* di bawah akta ini. Ini adalah untuk mengelakkan kesulitan dalam pendakwaan kes di bawah kesalahan hasutan yang memerlukan bukti sokongan.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukan seksyen baru 6A bagi memperjelaskan bahawa seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah kurungan akta atau dikenali sebagai Akta 593 tidak terpakai bagi mana-mana kesalahan di bawah subseksyen 4(1A) seksyen 173A Kanun Tatacara Jenayah kuasa mahkamah. Untuk melepaskan mana-mana orang yang tertuduh dengan syarat tanpa merekodkan sabitan kesalahan yang tertakluk kepada kehendak yang disenaraikan di bawah subseksyen 173A, 293 manakala seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan pertama boleh dilepaskan dengan satu *bond* berkelakuan baik.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 10 untuk memberi mahkamah kuasa untuk mengeluarkan satu perintah bagi menyekat edaran lanjut dan menghapuskan mana-mana penerbitan yang dibuat secara elektronik yang berkecenderungan menghasut seperti di internet sebagaimana dilarang di bawah subseksyen 10(1).

Fasal 9 memasukkan subseksyen 10A untuk memberi mahkamah kuasa khas untuk mengeluarkan perintah bagi mencegah *access* kepada penerbitan yang dibuat secara elektronik yang mengandungi kecenderungan menghasut oleh orang tidak dapat dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bertindak tepat apabila menyatakan pendirian yang jelas untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan membuat penambahbaikan tertentu ini kerana Akta 1948 ini telah sekian lama digunakan. Semenjak ia dikuatkuasakan, telah terbukti keberkesanannya sebagai alat yang paling berkesan untuk menghadapi isu-isu berbaur hasutan dalam memastikan keamanan yang di kecapai selama ini akan terus terpelihara. Langkah dalam mengekalkan Akta Hasutan 1948 ini juga bukan bermakna kerajaan melangkah ke belakang daripada janji untuk melakukan pembaharuan sebaliknya apa yang dilakukan itu demi melindungi kepentingan rakyat tanpa mengira kaum dan agama bagi mencegah sesuatu yang buruk daripada berlaku di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan dalam fasal-fasal yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah turut diambil kira oleh pihak kerajaan. Perincian pindaan berkenaan akan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa kelak. Justeru, saya menyeru semua pihak supaya mengetepikan perbezaan

fahaman politik dan kepentingan diri kita masing-masing. Bagi membuat penilaian secara rasional demi kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Kita boleh meraikan perbezaan pendapat di kalangan kita, namun lalui dengan kaedah *Tasawuf*, *Adabul Ikhtilaf* dalam soal-soal keamanan dan keselamatan negara kita. Jangan kita bertelingkah sesama kita dalam soal-soal keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya mahu menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hasutan 1948 dibacakan untuk kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Sebelum saya panggil Yang Berhormat Bagan untuk berucap. Saya telah dapat dua nama daripada *whip* PAS dan saya mahu juga dua nama daripada PKR dan daripada DAP.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua benarkan berapa orang Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Berapa orang dibenarkan?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ramai yang mahu berbahas, jadi kita hadkan masa. Fikiran saya tadi, kalau dua-dua orang jadi bermakna setengah jam seorang. Jadi kalau tiga orang, sembilan daripada pembangkang bermakna sembilan juga daripada BN. Ya okey. Kalau tiga nama bermakna tiga-tiga. Jadi daripada *backbencher* juga sembilan. Sembilan berbahas, jadi nanti...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya hanya mahu menyatakan ramai Ahli-ahli Parlimen yang bakal mendapat kesan daripada pindaan hari ini. Ramai yang akan disiasat dan didakwa jadi saya fikir tidak boleh kita berikan had masa yang begitu pendek bagi satu akta yang penting telah kami libatkan diri bertahun-tahun lamanya. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sistem demokrasi yang setahu saya ia kalau di Parlimen yang lebih *advance* daripada kita, mereka mempunyai sistem *shadow* Kabinet. Tujuannya ialah supaya mengehadkan bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang boleh berhujah oleh sebab masa sentiasa tidak cukup dalam apa pun kita buat. Itu sebab ada *shadow* Kabinet. Jadi oleh sebab itu tidak dapat diwujudkan pembangkang, maka saya berpandu kepada apa yang saya fikir seadil-adil. Saya tadi menyuruh agar biarlah seorang hingga dua orang yang berhujah tetapi hujah itu hujah yang benar-benar berkualiti bukan saya kata bahawa semua tidak boleh berhujah, Yang Berhormat semua boleh berhujah. Kalau diberi, sampai kiamat dunia pun tidak selesai berhujah... [*Dewan riuh*] Kalau saya biar Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan seorang, seminggu dia boleh berhujah.

Jadi kalau umpamanya daripada DAP tiga orang, okey saya ikut itu tiga. Lepas itu daripada PAS tiga, daripada PKR tiga. Yang Berhormat Lembah Pantai boleh hujah, Yang Berhormat Gombak boleh berhujah misalan, kalau itu yang dikehendaki. Jadi hujahlah pada masa yang diberi itu setengah jam, kasi

keluar segala 'biji benih' yang lama, yang mahu dikasi keluar, segala perkataan yang belum saya dengar. Bongkar semua. Jadi begitu juga dari pembangkang nanti kerana pada akhirnya Yang Berhormat apa yang kita bahas, semua pun berbahas, pada akhirnya belah bahagi juga... *[Dewan riuh]* Jadi, kalau kita belah bahagian juga pada pukul 4 pagi esok baguslah kita belah bahagian pada pukul 4. Itu pendapat saya. Jadi tiga, tiga, tiga, tiga juga sembilan. Lepas itu, nanti sebelah tengah hari saya akan bagi masa sama ada setengah jam, 45 minit dan sedemikian.

Okey, memandangkan sekarang sudah pukul satu. Saya nampak Yang Berhormat Bagan telah berdiri. Yang Berhormat Bagan akan mulai perbahasan nanti jam 2:30 petang. Masa akan saya tentukan pasal saya juga akan duduk di sini. Sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Masa jangan tentukan Tuan Yang di-Pertua sebab ini... *[Dewan riuh]* Ini satu rang undang-undang yang penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat Gombak. Saya akan fikir. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat kita tangguhkan sehingga 2:30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.33 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan, duduk dulu Yang Berhormat Bagan. Ada sedikit saya ingin maklumkan. Pada jam 1 petang tadi sebelum kita tangguhkan Mesyuarat, saya ada nyatakan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berhujah. Masa tadi saya belum tentukan berapa. Akan tetapi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang kata bahawa jangan kita hadkan masa kerana ramai yang bercakap.

Jadi ini sebagai makluman. Kalau daripada pembangkang sembilan orang berhujah, daripada pihak kerajaan sembilan orang juga, ini kiraan yang kami buat sekejap tadi di dalam *antechamber* iaitu kalau pembahas pertama daripada pihak pembangkang, setiap ketua parti umpamanya, *first speaker* saya beri setengah jam dan kalau saya beri pembahas seterusnya dari parti berkenaan 15 minit, totalnya ialah kalau daripada pembangkang 180 minit iaitu tiga jam. Kalau daripada *backbencher*, bilangan orang yang sama sembilan orang, pembahas pertama setengah jam, yang berikutnya 15 minit, bermakna 150 minit. Jadi *total* lima jam 30 minit. Kalau tidak ada gangguan apa-apa, 8.00 malam baru selesai. Ini belum termasuk sembilan pindaan pada peringkat jawatankuasa.

Jadi saya suka ingatkan terutama kepada Yang Berhormat Menteri, kepada Yang Berhormat Kinabatangan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, malam ini malam Jumaat. Jadi sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang punya tanggungjawab kepada rakyat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ramai yang bujang, bujang itu.

Tuan Yang di-Pertua:Kita juga ada tanggungjawab lain yang *equally important*.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya punya pandangan begini. Saya panggil Yang Berhormat Bagan *half an hour*. Selepas itu pembahas seterusnya daripada DAP selama 15 minit. Begitu juga daripada PAS dan juga PKR. Daripada kerajaan, pembahas pertama setengah jam dan yang berikutnya 15 minit, 15 minit. *Stick to the time*. Kalaupun kita *stick to the time*, pukul 8.00 berhenti. Itu belum lagi masuk dalam Jawatankuasa. Jadi fikir-fikirkan lah waktu berbahas. Jadi, jangan *repetitive* kerana jangan apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Bagan nanti diujah balik oleh Yang Berhormat Shah Alam. Itu *repetitive* namanya, juga tidak dibenarkan dalam peraturan mesyuarat.

Jadi untuk tidak membuang masa, sila Yang Berhormat Bagan, *half an hour*.

2.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan pendirian parti DAP yang dengan tegas menentang dan mengecam cadangan pindaan terhadap Akta Hasutan 1948 kerana pengukuhan yang lebih tegas terhadap undang-undang yang terjijik ini adalah satu tindakan pengkhianatan kebangsaan terhadap negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyat Malaysia yang tidak lain tidak bukan adalah pelancaran 10 cadangan yang ganas terhadap rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat bahawa menjelang Hari Malaysia 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggegarkan dan menggembirakan rakyat Malaysia apabila beliau berjanji akan memansuhkan Akta Hasutan dan janji ini telah diulangi sebanyak dua kali. Sekali pada tahun 2012 bulan Julai, dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 pada 2 Julai 2013 semasa ditemu ramah oleh BBC. Dekat luar negeri, ditemu ramah oleh BBC, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji untuk memansuhkan Akta Hasutan, tetapi beliau telah memilih untuk bertindak sebaliknya, memungkiri janji dengan tidak memansuhkan ISA.

Ini saya rasa satu pengkhianatan oleh Kerajaan BN terhadap janji yang dibuat kepada rakyat Malaysia. Janji sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-13. Ini menunjukkan bahawa untuk pihak Barisan Nasional bahawa bukanlah tradisi membela rakyat, tapi sebenarnya tradisi temberang rakyat.

Apa yang lebih menyedihkan ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pun meminta maaf secara umum atau melahirkan rasa kesal kerana tidak menunaikan janji yang dibuat tiga kali untuk memansuhkan Akta Hasutan.

Kami daripada pihak pembangkang dan juga khususnya daripada DAP, rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan parti-parti komponen Barisan Nasional patutlah bertanggungjawab secara peribadi atas tindakan bersejarah melakukan pengkhianatan nasional terhadap prinsip, terhadap janji, terhadap kegagalan untuk menegakkan dan pertahankan demokrasi berparlimen, dan yang penting sekali, mengkhianati rakyat Malaysia.

Lebih teruk lagi, kini Kerajaan BN cuba mengumpulkan dan menambahkan kuasa yang lebih luas dan lebih rakus dengan memohon untuk membuat pindaan-pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden Amerika yang tersohor, Abraham Lincoln, pernah menyatakan dengan izin, *“Nearly all men can stand adversity, but if you want to test a man’s character, give him power.”* Hari ini kita lihat watak sebenar parti-parti Barisan Nasional apabila memegang kuasa di peringkat Kerajaan Pusat. Inilah balasan kepada rakyat. Tentulah 52% rakyat Malaysia telah membuat keputusan betul dengan tidak menyokong Barisan Nasional pada PRU Ke-13 [Tepuk]

■1440

Akan tetapi 48% yang menyokong Barisan Nasional, saya rasa mereka akan rasa tertipu kerana apa gunanya sebuah kerajaan yang tidak boleh berpegang kepada janjinya, khususnya dari Sabah dan Sarawak. Ya, Yang Berhormat ‘Menteri Undang-Undang’ boleh cakap kita tidak hormati mahkamah tetapi itu tidak bermakna ia tidak sah daripada segi undang-undang. Saya tidak tahu apa makna seorang ‘Menteri Undang-Undang’ boleh cakap macam itu. Secara terus terang kerajaan boleh tidak menghormati mahkamah. Ini tidak masuk akal langsung, Tuan Yang di-Pertua. Yang tidak pernah akan disebutkan oleh mana-mana ‘Menteri Undang-Undang’ di dunia kecuali di Malaysia sahaja [Tepuk]

Rakyat Malaysia pun rasa dikhianati apabila tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa mereka yang melahirkan keinginan untuk berpisah daripada mana-mana negeri. Ini tertumpu pada Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua kerana perkara ini tidak timbul di Semenanjung Malaysia. Hanya di Sabah dan Sarawak, kerana melahirkan seruan untuk berpisah, ini dianggap sebagai satu tindakan menghasut. Saya hendak tanya sekiranya rakyat Sabah dan Sarawak rasa mereka dikhianati kerana janji-janji yang telah diberikan semasa menubuhkan Malaysia pada tahun 1963. Sekiranya ia tidak ditunaikan, ia tidak dihormati, ia tidak ditegakkan dan oleh sebab itu mereka bertanya kalau janji-janji ini tidak bermakna, apa gunanya kita di dalam Malaysia? Adakah ini dianggap sebagai tindakan pemisahan? [Tepuk] Adakah ini dianggap sebagai satu tindakan menghasut? Itulah yang saya hendak tanya.

Kalau ini dianggap sebagai tindakan menghasut, bukankah mereka yang tidak menghormati hak rakyat Sabah dan Sarawak, mereka juga dianggap sebagai menghasut? [Tepuk] So kalau mereka yang ingin berpisah dianggap menghasut, maka mereka yang gagal menghormati hak asasi rakyat Sabah dan Sarawak juga harus dianggap sebagai menghasut. Mengapakah ada *double standard* sedemikian? Itu yang rakyat Sabah dan Sarawak tidak boleh terima dan tidak boleh setuju. Ini kerana kalau mengkhianati Perlembagaan Malaysia yang dirangka pada tahun 1963, bukankah ini juga satu pengkhianatan yang harus dianggap sebagai penghasut?

Saya harap Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak boleh sokong cadangan saya. Sesiapa yang mempersoalkan hak rakyat Sabah dan Sarawak, harus dianggap sebagai menghasut! Beranikah? [Tepuk] Itulah cabaran daripada Parti DAP...

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Oleh sebab itu kita lihat tentang cadangan bahawa seruan ini mungkin akan digugurkan. Kalau ia digugurkan seperti yang kita lihat dalam *measure* kita yang akan dibentangkan, saya rasa nanti oleh Yang Berhormat Menteri, adakah ini bermakna sekarang kalau rakyat Sabah dan Sarawak tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, tidak menghormati hak mereka, tidak mengambil kira masalah yang dihadapi oleh mereka, tidak memberi hasil

ekonomi yang saksama kepada mereka, adakah apabila mereka melahirkan perasaan tidak puas hati, termasuk mungkin isu-isu yang dibangkitkan tadi? Ya, sekarang digugurkan. Adakah ini bermakna sekarang seruan pemisahan bukanlah satu tindakan menghasut?

Seorang Ahli: Menghasut.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sekiranya inilah keadaannya, maka rakyat Sabah dan Sarawak berhak untuk membuat seruan sedemikian sekiranya hak asasi mereka tidak dihormati. Saya rasa itu penting kerana rakyat Sabah dan Sarawak merasakan mereka terpinggir. Kadangkala dianiaya, dianiaya oleh Kerajaan Persekutuan yang tidak mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh mereka. [Disampuk] Saya tidak mahu cakap panjang lebar tentang perkara ini kerana ia akan dijelaskan dengan lebih lanjut oleh rakan saya dari Yang Berhormat Bandar Kuching nanti berkaitan dengan perasaan tidak puas hati rakyat Sabah dan Sarawak, tidak kira apa-apa isu sama ada tentang kakitangan kerajaan, guru-guru dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pindaan yang rakus ini, satu serangan terbuka ke atas rakyat Malaysia berdasarkan sepuluh aspek utama.

Satu, serangan ke atas hak asasi manusia khususnya kebebasan berucap dan kebebasan bersuara yang telah pun termaktub dalam *United Nations Universal Declaration of Human Rights* dan juga Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sebelum ini, selalu kita sebut bahawa kita mungkin ada kebebasan berucap tetapi tidak ada kebebasan selepas berucap. Akan tetapi selepas pindaan-pindaan hari ini, termasuk dipenjarakan sampai 20 tahun yang tidak pernah saya rasa dibayangkan sebelum ini. Bukan sahaja tidak wujud lagi kebebasan selepas berucap, saya rasa kebebasan berucap pun akan hilang sama sekali. Ini yang pertama, serangan yang pertama.

Kedua ialah serangan ke atas kebebasan akhbar, khususnya media *online*, dengan izin. Sebelum ini, media *online* ada sedikit kebebasan tetapi selepas pindaan hari ini, akan memberikan ruang dan kebenaran kepada Kerajaan BN memperluaskan jaringan untuk melenyapkan dan juga membisukan suara-suara bebas dalam *online media*. Seperti mana yang mereka lakukan dan memanipulasi *mainstream media* atau media aliran utama. Ini yang kedua.

Serangan ketiga adalah ke atas kedaulatan undang-undang yang mana banyak pakar guaman mengatakan tidak ada sebarang penjelasan. Apakah sebenarnya kecenderungan menghasut? Apakah *sedition tendency* dalam seksyen 3(1) Akta Hasutan? Akan tetapi sekarang pula ada satu fasal *sedition tendency* yang agak kabur sekali. Mana ada keadilan bila tidak ada sebarang pertimbangan diberikan tentang *sedition tendency*. Termasuk juga kes-kes yang berlaku ke atas seorang belia yang masih mentah lagi ataupun *first time offender*, pesalah kali pertama. So saya rasa ini adalah satu serangan ke atas kedaulatan undang-undang untuk memastikan keadilan.

Keempat, serangan ke atas badan kehakiman yang mana ditetapkan bahawa hukuman mandatori sekurang-kurangnya tiga tahun penjara ditetapkan. Ini adalah satu campur tangan yang tidak sepatutnya berlaku ke atas budi bicara badan kehakiman. Lagipun kerajaan telah pun menyatakan, betul, mereka tidak menghormati badan kehakiman tetapi itu tidak salah di sisi undang-undang. Ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua, tidak lain dan tidak bukan, *subjudice*, adalah satu penghinaan ke atas mahkamah.

Sekiranya kerajaan boleh cakap bahawa mereka tidak menghormati badan kehakiman, saya rasa itu tidak sepatutnya berlaku kerana kita rasa - tadi disebut dengan panjang lebar Yang Berhormat Puchong bahawa ia masih menunggu keputusan dari mahkamah tertinggi kita sama ada Akta Hasutan adalah berperlembagaan.

■1450

Kelima, serangan ke atas Parlimen dan proses Parlimen dengan mengehadkan hak-hak asasi wakil rakyat sama ada Ahli Parlimen ataupun ADUN-ADUN untuk menikmati kebebasan perundangan tentang ucapan yang mereka buat dalam Dewan sama ada Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Rakyat. Contohnya, apabila ADUN DAP dari Pulau Pinang, ADUN Seri Delima, Yang Berhormat RSN Rayer. Apabila beliau membuat ucapan yang menyerang UMNO dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, beliau boleh didakwa menghasut dalam mahkamah. Sungguhpun sebagai seorang ADUN, beliau menikmati kebebasan undang-undang.

Lagipun Barisan Nasional menganggap Parlimen sebagai satu *rubber stamp*, satu cop getah dengan memaksa rang undang-undang diluluskan dengan notis yang pendek secara tergesa-gesa, secara terburu-buru dalam masa dua hari untuk membahaskan satu rang undang-undang yang begitu penting. Saya rasa ini memang tidak menghormati sistem badan Parlimen dan juga proses Parlimen.

Keenam, serangan ke atas tingkah laku bermaruah. Bermaruah dengan memastikan seseorang itu akan menepati janji, khususnya pemimpin kerajaan. Kalau seseorang gagal menunaikan janji, ini akan memberikan nama yang kurang baik kepada semua ahli politik, lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan seorang Perdana Menteri yang boleh buat begitu tanpa berasa sebarang perasaan kesal. Saya rasa ini adalah sesuatu yang amat kesal sekali.

Ketujuh, ini juga merupakan satu serangan ke atas Malaysia sebagai ahli *United Nations Human Rights Council*, Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu. Macam mana kita boleh menjadi ahli Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu sekiranya kita meluluskan undang-undang yang menjahanamkan hak asasi manusia. Macam mana kita boleh mempromosikan hak asasi manusia dengan pindaan yang melenyapkan hak kebebasan bersuara. Saya rasa ini menunjukkan bahawa peranan Malaysia tidaklah bermoral. Kalau rang undang-undang ini diluluskan pada hari ini, lebih baik Malaysia meletakkan jawatan daripada menjadi ahli Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu.

Kelapan, ia merupakan satu serangan ke atas kreativiti dan inovasi untuk bakat-bakat modal insan yang bergantung kepada *treaty of talent, technology and tolerance of new ideas*. Kalau ada Akta Hasutan sedemikian, mana ada *tolerance of new ideas*. Mana kita boleh dapat modal insan yang baik dan baru.

Kesembilan, serangan ke atas masa depan kita. Ini kerana dengan pindaan Akta Hasutan, generasi masa depan akan hidup dalam suasana yang penuh dengan ketakutan dan kebimbangan. Apa bezanya masa depan anak Malaysia daripada apa yang kita menonton *movie The Hunger Games*, di mana *sedition*, hasutan juga akan dikenakan hukuman yang berat.

Kesepuluh, ini merupakan satu serangan ke atas parti pembangkang yang telah lama dimangsakan oleh pendakwaan terpilih dan *double standard* di mana penambahan hukuman dengan

pindaan sedemikian akan sekali gus melucutkan hak Ahli Parlimen, pemimpin-pemimpin atau wakil rakyat pembangkang. Di sini saya ada senarai 16 orang Ahli Parlimen yang telah pun disiasat dan didakwa di bawah Akta Hasutan.

Di antaranya ialah ahli EXCO Pulau Pinang, Yang Berhormat Chong Eng. Disiasat di bawah Akta Hasutan. Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Ng Wei Aik juga disiasat di bawah Akta Hasutan. Yang Berhormat RSN Rayer, ADUN Seri Delima yang didakwa di bawah Akta Hasutan. Yang Berhormat Phee Boon Poh, ADUN Sungai Puyu. Yang Berhormat Nga Kor Ming, Ahli Parlimen Taiping dan ADUN Kepayang berkaitan dengan hukuman ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ahli Parlimen Kampar, Tuan Ko Chung Sen juga disiasat di bawah Akta Hasutan atas kenyataan tentang pengajian ataupun pembelajaran tamadun Islam sebagai satu perkara di universiti. Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Thomas Su, juga disiasat dan didakwa tetapi ini di bawah *Peaceful Assembly Act* iaitu Akta Perhimpunan Aman. Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, kesian sikit selain daripada di saman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga disiasat di bawah Akta Hasutan. Akhir sekali, Ahli Parlimen Seputeh, Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim kerana *Wonderful Malaysia*. Takkan Malaysia tidak boleh menjadi *wonderful*? Akan tetapi disiasat dan didakwa.

Yang Berhormat Seremban, Tuan Loke Siew Fook didakwa di bawah Akta Perhimpunan Aman. Ahli Parlimen Rasah, Yang Berhormat Tuan Teo Kok Seong oleh sebab terlibat dalam program Kita Lawan. Yang Berhormat Kulai, Puan Teo Nie Ching kerana mengkritik IGP tentang kes Teo Beng Hock. Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang juga berkaitan dengan kes Teo Beng Hock. ADUN Johor Jaya, Yang Berhormat Liow Cai Tung berkaitan dengan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim. Yang Berhormat Cheo Yee How, ADUN Pengkalan Rinting juga berkaitan dengan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim dan akhirnya, Yang Berhormat Tuan Oscar Ling Chai Yew, Ahli Parlimen Sibul berkaitan dengan sekolah-sekolah Cina, disiasat di bawah Akta Hasutan.

Inilah pemimpin-pemimpin parti DAP yang disiasat dan didakwa di bawah Akta Hasutan. Ada ramai lagi pemimpin-pemimpin PKR dan PAS. Kalau saya sebut, saya tidak cukup masa. So, itulah sebab mungkin mereka akan sebut nanti. Tidak ada begitu ramai Ahli Parlimen Barisan Nasional yang disiasat di bawah Akta Hasutan. Malah dalam kes PERKASA yang ingin membakar *Bible* pun dibuang kes, tidak ada kes langsung. Saya pun tidak faham macam mana ini boleh berlaku. Kes Dato' Dr. Mashitah Ibrahim yang telah membuat fitnah ke atas kaum Cina di Kuala Kedah dengan menyatakan bahawa masyarakat Cina membakar kitab suci al-Quran dan ia dilakukan oleh seorang Melayu Islam yang tidak siaman tetapi tidak ada tindakan diambil terhadap beliau [*Tepuk*]

Ini adalah *double standard* yang saya sebut tadi bahawa Akta Hasutan pindaan ini akan digunakan, diperalatkan untuk mengenakan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional sekarang menganggap mereka yang melakukan kesalahan menghasut adalah sama serius dengan kes bunuh, dengan tidak mahu memberikan jaminan atau *bail* untuk kes-kes penghasut yang teruk atau *aggravated sedition*, dengan izin. Ini sesuatu yang tidak adil sama sekali kerana ini akan menyamakan berucap yang dianggap menghasut sama serius dengan kes bunuh.

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan ada lima minit lagi, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan habiskan. Mengapa kes-kes rasuah tidaklah diletakkan pada tahap yang sama. Mengapakah sekarang menghasut sama serius dengan membunuh dan melakukan rasuah tidaklah begitu serius. Tuan Yang di-Pertua, sekarang nampaknya ada dua Malaysia, dua buah negara Malaysia. Kita tidak mahu melepaskan impian Malaysia kita. Impian Malaysia kita yang dijanjikan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjamin keadilan, menjamin kebebasan, menjamin kesaksamaan dan menjamin peluang yang sama kepada semua berbanding dengan igauan Malaysia ketidakadilan, kerakusan kuasa, kronisme, rasuah dan diskriminasi.

Dengan memastikan semua kuasa ini diletakkan pada badan eksekutif? Pemisahan kuasa sekarang terhakis dan juga keunggulan Parlimen dan kebebasan badan kehakiman sekarang atau kini diragui dan dipersoalkan. Dengan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, ini akan memberikan kuasa yang lebih kepada Peguam Negara, kepada polis dan mungkin juga kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Kalau ini dibenarkan ini akan memberikan satu gambaran bahawa mereka gila kuasa. Saya tidak mahu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dianggap sebagai gila kuasa.

Oleh itu saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri supaya balik ke pangkal jalan, balik ke pangkal jalan. Jangan lagi sesat. Pastikan bahawa pindaan ini ditarik balik, ditangguhkan ataupun kalau boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan supaya dapat dirundingkan [*Tepuk*] Bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dirundingkan bersama dengan rakyat. Jangan dua hari hendak luluskan. *Don't bulldoze through.*

Kita di sini bukan *rubber stamp* kita di sini Parlimen yang menyuarakan masalah rakyat dengan baik, dengan teratur supaya mereka dapat jaminan masa depan yang cerah dan bestari. Pastikan bahawa anak-anak kita hidup bebas. Bebas daripada ketakutan. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali minta kalau boleh marilah kita adakan bukan semestinya cadangan kita diterima tetapi sekurang-kurangnya adakan perbincangan dengan masyarakat madani. Apa gunanya kita pakai istilah masyarakat madani kalau kita tidak mahu mengadakan sebarang perbincangan dan rundingan dengan NGO-NGO. Adakan perbincangan dengan Jawatankuasa Pilihan, dengan rakyat dan tengok sama ada mereka setuju atau tidak dan biarkan mereka berikan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menentang [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Bagan berhenti seminit sebelum tempoh masa saya panggil. Jadi tahniah Yang Berhormat Bagan. Ahli Yang Berhormat Kinabatangan ikut, contohi Yang Berhormat Bagan. Setengah jam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat saya lagi bagus daripada dia Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pertama, Tuan Yang di-Pertua tahniahlah Yang Berhormat Bagan sebab lama tidak nampak datang di Dewan dan hari ini dia datang sebab Akta Hasutan ini. Saya hari-hari tengok Yang Berhormat Bagan kalau ada dia ada tetapi dia sibuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertama ingin mengalu-alukan kepada Akta Hasutan ini sebab di negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mansuhkan ISA, kita sudah mansuhkan Akta Tahanan, Rumah, macam-macam kita mansuh. Di negara maju mereka memperkukuhkan undang-undang mereka. Akta Hasutan ini Tuan Yang di-Pertua, dia umpama sebuah rumah. Macam juga Dewan kita, Dewan yang lama bumbungnya sudah bocor maka perlu *direpair*, perlu diperkukuhkan. Kita punya lapangan kawasan kereta tidak ada, kita sediakan jadi akta ini mencakupi, memperkukuhkan akta induk hasutan itu sendiri.

Dari dahulu saya punya *statement* jelas Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak ada niat menghasut, kenapa kita takut. Kenapa kita takut? Tadi Yang Berhormat Bagan menyatakan bahawa akta ini merupakan satu jenayah dilakukan oleh Barisan Nasional untuk menganiaya pembangkang tetapi sehingga hari ini tidak adapun pemimpin pembangkang kita tangkap dan tidak dibicara yang dibaca tadi melanggar undang-undang. Ahli Parlimen Barisan Nasional pun kalau langgar undang-undang memang ditangkap... [*Dewan riuh*] Yang buat demonstrasi lawan Tuan Yang di-Pertua yang saya tahu kita akan berlawan di waktu pilihan raya. Selepas pilihan raya siapa menang ada pemerintah tidak ada lawan lagi. Ini kita lawan, lawan apa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Lawan kezaliman.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*].

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lawan ubatnya mahkamah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Batu tadi Yang Berhormat Bagan berdiri, Yang Berhormat Batu tidak akan bertanya. Jadi saya pun 30 minit ini saya gunakan yang sebaik mungkin. Yang Berhormat Batu ada giliran nanti.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi Yang Berhormat Lenggong sahaja. Bagi Yang Berhormat Lenggong sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Lenggong bolehlah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Lenggong tidak berucap dia hanya mencelah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Kita dengar tadi Yang Berhormat Bagan sebut 10 perkara kononnya Akta Hasutan ini menyekat kebebasan. Kebebasan bersuara, menyekat kebebasan hak asasi manusia. Yang Berhormat kita tengok kepada diri yang berucap sendiri, Yang Berhormat. Tidak payah kita pergi jauh. Dalam partinya sendiri pun bukan amalan kebebasan bersuara, disuburkan.

Yang Berhormat Kinabatangan hendak bercakap dalam Dewan ini pun mereka tentukan siapa yang hendak berucap. Rakan-rakan kita Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Alor Setar... [*Dewan riuh*]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [*Bangun*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tengok, kemudian kalau mereka juga menjadi kerajaan nauzubillah Yang Berhormat Kinabatangan. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan lihat mereka akan menjadi sebuah kerajaan yang mendengar suara rakyat? Tengok bila berucap lari keluar, bukan dia, kerusi pun lari. Itu contoh bahawa mereka akan menjadi parti yang menutup telinga, tidak mahu mendengar orang lain. Apakah itu amalan kebebasan yang diperjuangkan? Betul tidak Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, memang jelas Yang Berhormat Lenggong. Pembangkang ini dia kalau saya berhujah Tuan Yang di-Pertua bukan *double standard, triple standard*. Tiga kali ganda. Dia kata orang, Barisan Nasional dia kata menganiaya rakyat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi saya tanya rakyat di negara ini bangkit, bangunlah. Mana rakyat di negara ini yang dianiaya oleh Barisan Nasional... [*Dewan riuh*] Mana? Pembangkang kata ramai tetapi satu nama pun tidak ada. Ini masalah sedangkan pemerintah yang bertanggungjawab mengurus negara, mengurus rakyat, pemerintah yang berani mengetengahkan apa juga undang-undang untuk memelihara negara, memelihara rakyat walaupun pembangkang tidak setuju. Kita tidak peduli.

Ia bawa isu ini untuk pilihan raya, bawalah. Kalau rakyat ikut dia, ikutlah tetapi saya tahu rakyat di luar sana mereka bijaksana. Mereka boleh menilai mana yang baik, mana yang tidak baik. Mana yang kaca, mana yang permata...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada masa, tidak ada masa.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Takut!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, dengar saya cakap bukan takut. Yang Berhormat Kinabatangan tidak pernah takut. Dia kata...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit, sedikit bagi, sedikit bagi. Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk sebab itu kita Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Junior pun takut, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita berjumpa dengan *the authority*, dengan pihak Menteri kita tidak bersetuju dengan beberapa pindaan. Contohnya, mengkritik kerajaan dan juga *judiciary*.

■1510

Kita kata tidak boleh sebab kalau ini pun menjadi kesalahan, saya kata saya berhenti jadi ahli politik kalau ini kesalahan. Menteri, kerajaan mendengar kita. Mereka bersetuju untuk sebab sudah ada, siapa-siapa mengkritik *judiciary*, dia sudah ada akta menghina mahkamah. Buat apa masuk sini? Menghina kerajaan saya kata biarkan, biarkan dia. Orang bercakap soal kerajaan asalkan ada batas-batas dia. Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rindu juga kami dengan Tuan Yang di-Pertua. Menteri setiap sini ada dalam dewan. Sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan, saya tertarik hujah Yang Berhormat yang mana kita Ahli-ahli Parlimen dari sini, daripada Barisan Nasional boleh berunding dengan kerajaan. Kita wakil rakyat, kita mendengar keluhan, rintihan rakyat. Jadi sebab itu, kita senang berjumpa dengan Menteri. Menteri bila mendengar kita punya keluhan daripada rakyat, Menteri dengar. Apa yang Yang Berhormat sentuh tadi itu, apa yang tidak sesuai bagi negara kita, kita tanya kita suruh Menteri keluarkan mana-mana yang tidak baik didengar oleh rakyat. Terutama juga dengan perasaan-perasaan keluar daripada Malaysia ini.

Menteri ini, Yang Berhormat kita dengar keluhan daripada rakyat. Bukan sahaja sahabat kita dari Bagan. Dia menjadi hero, dia menjadi wira supaya rakyat di Sabah dengar. Tahu itu, kami tidak beli. *We don't buy that kind of stuff. We are here, we're here, the wakil rakyat from Sabah representing the people,* dengan izin [*Tepuk*] *We're representing, not* Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Kinabatangan, kita sebagai wakil rakyat negeri Sabah ini, rakyat kita di Sabah dan Sarawak mendengar kita memperjuangkan perasaan orang Sabah, orang Sarawak. Oleh sebab itu kerajaan mendengar sama kita. Jadi, setuju kah Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya, Yang Berhormat Putatan ini hujah dia walaupun dia cara dia berbeza. Hujah dia begitu meyakinkan [*Ketawa*] Memang benar.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang benar. Tugas kita, sebab itu cubaan pembangkang untuk menawan Sabah, tidak boleh. Sebab kita bekerja untuk rakyat. Kita hambakan diri kita untuk rakyat. Kita tidak rakus kuasa. Buat apa rakus kuasa, kuasa bukan boleh bawa mati pun. Kuasa macam mana pun yang kita ada, kalau Tuhan mahu rampas, dirampas juga. Itu saya peringat dengan rakan-rakan dalam Barisan. Kita jangan lupa bahawa kuasa yang lebih mutlak, kuasa Allah SWT. Akan tetapi kalau kita berjuang di landasan yang benar bahawa akta ini benar-benar menjamin keutuhan rakyat, maka kita tawakal, kita berusaha, kita tawakal, kita reda dengan ketentuan Allah. Bukan macam Yang Berhormat Seputeh, dia tak pernah reda pun.

Seorang Ahli: ...Dia berlakon boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia berlakon boleh. Dia berlakon, lepas itu kena tahan polis, dia marah. Mana boleh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Kinabatangan, Perdana Menteri janji nak menghapuskan ISA, sudah dihapuskan. Apabila ISA dihapuskan, apa yang berlaku? Cuba Yang Berhormat Kinabatangan tunjukkan, rasa tidak hormat kepada agama, rasa tidak hormat kepada Raja-raja, rasa tidak hormat kepada keharmonian antara kaum telah berlaku.

Minta Yang Berhormat Kinabatangan tengok. Kalau kita tengok Yang Berhormat Tanjong bercakap tadi, rakyat di Pulau Pinang yang sudah duduk 200 tahun... [*Dewan riuh*] Ah, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan. Minta maaf.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Gerik tidur tidak sedar diri ya? Mana ada Yang Berhormat Tanjong ada cakap tadi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sesat tertidur tadi. Yang Berhormat Tanjong sini. Yang Berhormat Bagan sana. Itu pun tidak tahu.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: [*Bangun*]

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Perkampungan 200 tahun tidak diambil endah. Ini apa benda hak kebebasan rakyat? Minta Yang Berhormat Kinabatangan bagi ulasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Gerik. Ini Yang Berhormat Bagan ini, pembangkang ini, dia memang begitu, "*Telunjuk lurus, kelingking berkait*". Dia kata kita, tapi sebetulnya mereka yang mengamal apa yang mereka hujah.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita perlu suntikkan dalam elemen akta ini iaitu halangan di media sosial. Oleh sebab selama ini saya buka *Facebook*, *Twitter*, macam-macam, orang *criticized* soal agama, soal perkauman begitu berleluasa. Dikatakan Yang di-Pertuan- sampai dia kata Yang di-Pertuan Agong perlu dibunuh, dimandikan darah. Kalau di Thailand, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada bicara, hukum tujuh tahun penjara. Orang tidak kisah, kenapa? Ha, ini tengok. Inilah contohnya, Yang Berhormat Ipoh Barat dia menghina Raja. Dia kata itu Thailand, bermakna dia ada unsur-unsur untuk menghina Raja kita. Niat sudah ada.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh sebab itu, kalau saya, saya mahu letakkan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita letak tujuh tahun penjara. Ini wajar. Oleh sebab dia menghina.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ha, ini Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak – hina Yang di-Pertuan Agong. Hina Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu, duduk. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan ada 15 minit lagi. Kalau hujah itu agak panjang dan tidak boleh dihabiskan dalam 15 minit, jangan bagi laluan kepada yang mencelah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bagi sebab dia tidak berhujah, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila. Saya cuma ingin mengingatkan sahaja.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan. Kita bercakap tadi kononnya soal kreativiti menggunakan media sosial kemudian kita mempersendakan lagu kebangsaan, pun tidak diambil tindakan. Kemudian bendera kebangsaan, kemudian dipersendakan pula buka puasa dengan bak kut teh. Ini semua mungkin orang setengah berpendapat hanya kreativiti. Akan tetapi sebenarnya ia telah membakar jiwa orang Islam, membakar jiwa orang yang sayangkan negara. Adakah kita hendak tunggu sampai meletup, bergaduh antara kaum, baru kita nak ambil tindakan? Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ada perumpamaan. Kalau nasi jadi bubur, masih boleh ditelan, Tuan Yang di-Pertua. Tapi kalau nasi tumpah ke tanah, akhirnya jadi meranalah negara kita dan rakyat.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pada saya ada perumpamaan orang-orang tua kita dulu. Dia kata, *'adat bersaudara, saudara kita pelihara. Adat berkampung, kampung kita jaga. Adat berpeimpin, pemimpin mendahulukan rakyat'*. Akta ini untuk rakyat, melindungi rakyat. Jangan dizalimi sebab saya pun *concern* Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab banyak rakan-rakan wartawan bertanya. Saya kata, kerja wartawan juga macam wakil rakyat, macam juga peguam kena bertanggungjawab. Kalau mahu melapor, lapor dengan fakta, lapor dengan betul. Akan tetapi kalau laporan itu palsu, diambil tindakan, marah pula. Itu salah, itu bahaya. Oleh sebab itu kita ada undang-undang.

Macam ini saya Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca apa ini, dalam *Facebook*, *Facebook* ini Ahli Parlimen Taiping, Ngo Kar Ming. *'Why UMNO and Barisan Nasional government bought another BMW 7 series which people are just being burden by GST?'* Ini palsu. Ini BMW bukan kita beli. BMW hendak *sponsor*, apa salah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Itu soalan pun tidak faham, soalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *No*, ini bukan soalan. Ini menghasut. Ini menghasut. *Why*, kenapa?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jelaskanlah jika tidak betul. Cakap tidak betul, tidak apa. Soalan, soalan pun tidak faham. Bahasa Melayu tidak faham.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan mengapa. *Why*, kenapa? Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak mengetengahkan apa-apa tuduhan, biar berpatah sebab kalau tidak ada risiko dia. Macam saya pun, saya kena hati-hati. Dalam *Twitter* saya, dalam *Facebook* saya, di mana-mana. Kalau tidak akhirnya saya pun kena.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, ini boleh.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan ada menyatakan ataupun berucap berkenaan isu seperti pembelian BMW. Apakah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan berkenaan dengan komen-komen baru-baru ini oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

■1520

Di mana beberapa laporan polis telah pun dibuat terhadap beliau atas menghasut. Terutama komen-komennya berkenaan dengan kes Altantuya dan permintaan beliau untuk kes itu disiasat dan sebagainya. 1MDB, apabila beliau menjadi Perdana Menteri dalam tahun 90-an, beliau mengambil tindakan untuk mengurangkan kuasa Raja-raja. Semua itu di Parlimen, semua itu boleh didapati di *Hansard*, semua itu tidak dilindungi oleh *parliamentary privilege*. Adakah itu lebih serius daripada permintaan siapa membeli BMW?... [Dewan riuh] So, saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, adakah tindakan hasut sepatutnya diambil terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, sikit? Bagan Serai, sikit sahaja saya hendak hujah. Saya hendak sambung sikit, saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, kenapalah ketakutan yang sangat tinggi yang ada pada pembangkang? SOSMA takut, POKA takut, POTA takut, pindaan pun takut... [Dewan riuh] Penyalahgunaan kebebasan bersuara.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Itu undang-undang zalim.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kenapa Yang Berhormat Kinabatangan, kenapakah merasa sangat takut?... [Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Okey, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tasek Gelugor, Tun M ini...

Beberapa Ahli: Bukit Gelugor, Bukit Gelugor.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, Bukit Gelugor. Tasek Gelugor di sebelah saya. Yang Berhormat Bukit Gelugor, bukan 'Bukit Gugur' ya Yang Berhormat Bukit Gelugor. Soal Tun M, ini dia pun duduk dalam negara demokrasi... [Dewan riuh]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *Triple standard* ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini *standard* apa ini? Ini bukan *double standard*, tetapi *triple standard*. *Standard* apa ini?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apa punya *standard*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apabila duduk dalam negara demokrasi, pembangkang mengatakan kita tiada kebebasan bersuara. Tun M memainkan peranan sebagai seorang rakyat menggunakan kebebasan suara.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Kami pun menggunakan kebebasan suara rakyat juga Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Kebebasan suara? Habis kalau kita suara, hasutan?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Apa ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau polis dan AG rasa dia ada unsur-unsur hasutan, maka siasatlah. Apa masalah dia? Saya bukan polis. Saya kata serahkan dengan polis dengan Peguam Negara. Polis tidak ada *control*, Yang Berhormat Menteri pun tidak ada *control*. *Police is independence body*, tidak ada kontrol-kontrol punya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa boleh kontrol IGP? Tidak ada, tidak boleh. Itu sangkaan jahat Yang Berhormat Ipoh Barat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya rasa ada keraguan besar tentang mutu perbahasan dan kadar intelek, tahap intelek ini Yang Berhormat Kinabatangan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, bekas IGP kata Menteri campur tangan...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Bolehkah dia pendekkan ucapan dia?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: ...Bekas IGP kata Menteri campur tangan urusan polis.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, ada orang lain mahu mengambil tugas Tuan Yang di-Pertua. Itu masalah. Dia kata dia tidak bersetuju polis mengambil undang-undang – peguam punya hal tetapi dia sudah arah Tuan Yang di-Pertua. Bermakna dia ambil tugas orang lain, lama-lama. Oleh sebab itu, pembangkang ini tidak mendapat hidayah daripada Allah SWT, sebab tidak pernah bersyukur. Apabila tidak ada hidayah, tidak diberi hidayah oleh Allah dia akan terus – tengok ini...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita bersyukur kita bersama pembangkang dan bukan dengan Kerajaan Baling Barisan Nasional.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tengok, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita cukup bersyukur, kita bersama Pakatan Rakyat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, siang malam kerja dia orang seperti Yang Berhormat Shah Alam ini jiwa dia tidak tenteram, meronta, merana macam mana hendak jatuhkan Barisan Nasional. Dia lupa pertama, rakyat di belakang Barisan. Kedua, Allah SWT memberi hidayah kepada...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: 47% sahaja, mana ada di belakang. Pakatan Rakyat 52% Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sebab kita ikhlas menjaga rakyat. Ada 20 minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, ada *class* kah?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat saya akan ingatkan nanti, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh sebab itu, hujah yang dilontar oleh Yang Berhormat Bagan bahawa...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tanjong? *[Ketawa]* Jangan menyesatkan. Ini Yang Berhormat Shah Alam mahu menyesatkan. Yang Berhormat Bagan, dia kata rakyat Sabah tidak ada hak untuk menyuarakan masalah. Bukan tidak ada akta, ini jelas. Mana-mana bukan sahaja di Sabah dan Sarawak, kita pun tidak mahu ada *special* macam Sabah dan Sarawak. Mana-mana kita mahu minta kementerian pinda mana-mana negeri di negara ini...

Seorang Ahli: Termasuk Pulau Pinang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Termasuk Pulau Pinang, kalau ada unsur-unsur Yang Berhormat Bagan hendak bawa keluar, tangkap dia.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ini minta tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ada...*[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini jangan – ini lebih, ini kena tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, saya tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini tarik balik. Ya, tarik balik. Ini jangan main-main perkara ini. Jangan main-main perkara ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ada, tetapi saya tahu Yang Berhormat Bagan tidak ada niat. Yang Berhormat Bagan orang baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan mesyuarat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat Shah Alam itu bahaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan *point of order*. Okey, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan Mesyuarat 36(1) – duduk dahulu. Peraturan 36(1), “*Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara lain.*” Sekejap, sabar dahulu. Dia melanggar dua. Satu dia melanggar 36 ini. Satu lagi melanggar arahan Tuan Yang di-Pertua, mestilah ucapan berkualiti. Ini ucapan tidak berkualiti. Melanggar arahan Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya sokong ini, tepat sekali. Betul, tidak ada mutulah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah, inilah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Langsung tidak ada *class*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Inilah Barisan Nasional.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia mengambil alih tugas Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Habis berkualiti, habis kualiti.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tengok ini pembangkang saya kata, dari awal-awal saya cakap mereka tidak ada reda. Oleh sebab itu jiwa dia meronta. Dia berkobar-kobar sentiasa melihat kenapa...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, suruh dia duduk lah. Jangan kasi malu sama orang Sabah. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita tidak boleh menang? Oleh sebab rakyat...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak langsung ada berkualiti.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Macam ini pun ada.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini orang...dia cakap orang tidak ada *standard*, dia pun tidak ada kualiti.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua pun sudah ketawa. Tuan Yang di-Pertua kita pun sudah ketawalah. Malulah, duduk lah. *[Dewan riuh]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Mana 'u' Borneo spirit?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kemaluanlah *you*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta pandangan Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam-macam usaha pembangkang, hendak mengheret konon-konon akta ini – duduklah. Ini berkualiti kah? Tidak pun minta apa-apa ini nama-nama pembangkang ini. Tidak ada *class* betul, tidak ada *class*. Tengok Yang Berhormat Puchong...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini bukan fasal *class*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Puchong dari dulu saya *respect*. Oleh sebab dia tidak berdiri sembarangan, dia berdiri ada isi. Oleh sebab itu saya sampai hari ini saya *salute* dia. Dia memang *first class* punya MP. *First class lawyer* di negara ini. Lain-lain ini 'lauwiya', tidak boleh pakai punyalah. Yang Berhormat Sepang lagi teruk. Semua kes dia ambil, semua kalah. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, tidak betul itu Tuan Yang di-Pertua. Saya...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, itu niat jahat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia saman *Utusan Malaysia*, saya menang, saya menang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, duduklah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tarik balik, dia kena tarik balik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Sepang sebagai *peguam cara* saya...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Sepang menang lawan kes dengan Tan Sri Shafee Abdullah. Menang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa main tembak sahaja cakap. Tak betul itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan bangunlah tarik balik. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini Yang Berhormat Kinabatangan tidak tahu...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah tidak ada *class* punya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, saya ingatkan balik malam ini malam Jumaat. Sila, teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, lelaki-lelaki kena balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh mencelah sekejap Yang Berhormat Kinabatangan? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan hujah Yang Berhormat Kinabatangan tadi, boleh saya mendapat pandangan Yang Berhormat Kinabatangan berkenaan dengan *movement* SSKM yang ada di Sabah pada waktu ini. Adakah permintaan mereka itu jelas dan Yang Berhormat Kinabatangan setuju dengan permintaan mereka? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu permintaan orang gila saya rasa, sebab pergerakan dia ini tidak ada pergerakan. Ketua dia yang *lead* ini barang sudah lari keluar negara. Kalau dia bertanggungjawab, "*Berani kerana benar, takut kerana salah.*" Gerakan ini di mana negara? Kita tengok bagaimana pergerakan Aceh suatu ketika dahulu, berapa puluh ribu orang mati? Sehingga hari ini, tidak pun Aceh boleh merdeka. Cuma mendapat autonomi. Kita tengok perjuangan *Southern Philippines*, 80,000 orang mati, tidak juga merdeka sampai sekarang. Rakyat Malaysia, pemimpin Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita ke *Philippines* mewujudkan perdamaian.

Jikalau ini Yang Berhormat maksudkan, lupakanlah Yang Berhormat. Oleh sebab kita ini adalah tanah tumpah kita, tanah air kita, negara kita Malaysia. *[Tepuk]* Kita bukan duduk di mana-mana. Kita kena ada kesetiaan. Oleh sebab itu, akta ini mencukupi, melindungi keharmonian seluruh inci padu tanah negara ini. Siapa yang ada hasrat untuk mengeluarkan mana-mana negeri dari Malaysia ini tangkap mereka.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Kinabatangan, *just* sekejap sahaja. Boleh tambah sikit sahaja?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan. Saya setuju dengan – *I mean* saya faham hujah Yang Berhormat Kinabatangan.

■1530

Dari itu sebagai wakil rakyat dari Sabah, setujukah Yang Berhormat Kinabatangan bahawa dengan izin menyelesaikan hal ini, *to solve this problem*, setujukah Yang Berhormat Kinabatangan bahawa semua wakil rakyat dari Sabah dan Sarawak, merunding dengan kerajaan ini untuk mereviewkan

Perjanjian Malaysia tahun 1963 dan kita kenal pasti apa yang sudah dilaksanakan ataupun tidak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, ada 5 minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak tahu bagaimana cara kita di Barisan Nasional, Ahli Parlimen, saya, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Tuaran dan lain-lain, bagaimana kita bekerja. Kita pun tidak mahu merujuk perjanjian 22 pun, 20 perkara kah sebab kita melihat, apa yang penting keikhlasan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan negeri Sabah itu. Kita tahu, kita sedar negeri Sabah ketinggalan disebabkan pergolakan politik negeri Sabah ketika itu terlalu dahsyat iaitu dia tukar pemerintah setiap 9 tahun...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: USNO 9 tahun, BERJAYA 9 tahun, PBS 9 tahun, akhirnya...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pertukaran pemerintah itu menyebabkan rakyat Sabah menderita. Bukan disebabkan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi disebabkan oleh politik yang tidak menentu.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh sebab itu UMNO dan BN masuk, Sabah sekarang mula membangun dan mengejar pembangunan negeri-negeri yang lain.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sabah masih negeri yang termiskin di Malaysia. Sabah negeri termiskin di Malaysia sekarang.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Kinabatangan, mencelah sekejap. Yang Berhormat Kinabatangan, Sepanggar, Sepanggar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita tidak nafikan tetapi kita membangun. *[Ketawa]* Kalau dibandingkan dengan Kelantan, Kelantan lagi jauh tinggal. *[Dewan riuh]* Air pun tak ada, air pun kuning. Kita minum oren di Kelantan, mana boleh.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta laluan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Air tak ada.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat Penampang dan juga Yang Berhormat Bagan bawa isu dari Sabah iaitu Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa rakyat Sabah dirampas hak-haknya di dalam negara ini, sementara Yang Berhormat Penampang membawa isu SSKM dan isu Perjanjian Malaysia.

Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju jika saya katakan bahawa rakyat Malaysia di Sabah masih menyokong penuh Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Ini jelas daripada manifestasi keputusan pilihan raya umum yang lalu, kita menang dua per tiga dalam negeri dan kita masih lagi mendapat 23 daripada 25 kerusi Parlimen dalam Dewan ini. *[Tepuk]* Apa yang amat penting sekali, Kerajaan Barisan Nasional telah melonggarkan penggunaan kalimah Allah bagi Sabah dan Sarawak.

Bukankah ini dilihat sebagai satu keadilan sosial yang telah disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional? Apa pendapat Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Sepanggar. Dengar itu Yang Berhormat Sepanggar punya penjelasan? Itulah hasratnya Tuan Yang di-Pertua, sebab cubaan-cubaan pembangkang ini tidak berkesan langsung. Dia bawa apalah isu yang untuk menyatakan rakyat Sabah ditindas, Sarawak dibiarkan, tidak berkesan. Oleh sebab kita ini wakil rakyat Barisan Nasional, kita menjaga rakyat.

Kalau Kerajaan Persekutuan tidak adil, sayalah orang pertama yang tidak menyokong dasar kerajaan. Akan tetapi saya *round* Tuan Yang di-Pertua. seluruh negara ASEAN saya pusing, saya pusing, saya tengok Tuan Yang di-Pertua. Saya tak tahu, kalau kita pergi Cambodia Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai 10% pun dia tapak di Malaysia. *[Disampuk]m[Ketawa]* Kita pergi Thailand Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Shah Alam pergi Selatan Thailand, mungkin kena tembak Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia pergi Selatan Filipina, mungkin kita kena bayar *lump sum* untuk dia. Kalau dia pergi Indonesia, mungkin pun dia boleh kena tahan. Kalau dia pergi Myanmar, pergi Vietnam, apa lagi? Tolak Singapuralah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Zimbabwe ada, Zimbabwe, Zimbabwe.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi kalau dibayangkan, *we are the lucky country* Tuan Yang di-Pertua. Kitalah negara yang amat bertuah. Kita pergi Filipina, tidak ada subsidi. Kita pergi Indonesia, tidak ada subsidi. Kita pergi Thailand, tidak ada subsidi. Di sini semua ada.

Oleh sebab itu, kenapa rakyat macam mana pun dusta pembangkang menjatuhkan kerajaan, rakyat terus berdiri di belakang Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa, tempoh masa Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya sebab itu pada saya, Kinabatangan mengalu-alukan pindaan tambahan undang-undang ini untuk kita luluskan dan pembangkang harus sedar...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tanpa ini, negara kita akan menjadi padang jarak, padang tekukur. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai. *Half an hour.*

3.35 ptg.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah ancaman yang terbesar kepada kebebasan dan hak asasi rakyat negara ini sejak berdekad-dekad. Saya pun tidak boleh ingat ataupun tidak ada memori sesuatu rang undang-undang yang begitu berbahaya seperti ini. Mengapa?

Saya bermula dengan *explanatory statement* ataupun huraian yang telah dimasukkan ke dalam akta ini. Dalam huraian permulaan menyatakan, mengaku bahawa Malaysia Day 2011 dan Julai 2012,

Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Akta Hasutan akan dimansuhkan. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan tadi, janji ini telah dimungkiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perenggan ini adalah antara yang paling memalukan di dalam mana-mana dokumen di dalam sejarah Parlimen negara kita. Dengan izin, *the most shameful words in the annals of our Parliament*, bahawa seorang Perdana Menteri boleh membuat janji seperti itu tetapi memungkirkannya. Untuk apa? Apa sebabnya? Juga dinyatakan di sini, *“Events since that date have demonstrated the continued relevance of the Sedition Act 1948.”*

Soalnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang sudah berlaku sejak Julai 2012? *Events*, yang dikatakan menunjukkan *continued relevance of the Sedition Act*, apa dia? Kita pun tak tahu. Apa yang kita tahu adalah terutamanya sejak Ogos tahun lalu, ada *groups* berhaluan kiri yang sering tiap-tiap minggu membuat laporan polis dan selepas *groups* kecil NGO haluan kiri yang menyokong UMNO Barisan Nasional ini membuat laporan polis, segera ada pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional pun meminta supaya tindakan diambil. *Utusan Malaysia*, TV3 pun mengulangi bahawa perkara ini telah berlaku dan jangan lupa *Twitter* Ketua Polis Negara pun akan dengan segera mengarahkan tindakan diambil dan tangkapan dibuat. Tiap-tiap minggu, dua, tiga seperti itu sejak Ogos tahun lalu.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, *events* yang kononnya telah berlaku, situasi ini sebenarnya direka dan dicipta oleh pemimpin-pemimpin dan NGO-NGO ini termasuk pemimpin-pemimpin UMNO Barisan Nasional. Itu yang berlaku. Dengan izin, *artificial situation created by them*. Setelah mereka mencipta keadaan itu, mereka pula menggunakannya sebagai alasan untuk membawa akta seperti ini, yang mana tujuan akta ini adalah untuk mendiamkan suara yang menentang Kerajaan Barisan Nasional dan suara yang menentang kerajaan yang sedang berkuasa pada masa ini. Itu yang telah berlaku sejak baru-baru ini.

Saya juga hendak tanya kerana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ada di sini, saya juga hendak tanya, apabila *sedition crack down* ini bermula bulan Ogos 2014, mengapakah beberapa hari sahaja sebelum *sedition crack down* bermula pada 14 Ogos 2014, 60 Ketua Bahagian UMNO berjumpa *close door meeting* dengan Peguam Negara? Apa yang berlaku di dalam perjumpaan antara 60 Ketua Bahagian UMNO dengan Peguam Negara pada tanggal 14 Ogos 2014? Ini kerana kesemua tangkapan, kesemua *increase* di dalam kes-kes hasutan, *sedition crack down* bermula hanya dua, tiga hari selepas perjumpaan itu. Kita sudah tanya soalan ini sejak Ogos tahun lalu, sampai hari ini, tidak ada jawapan langsung dari Pejabat Peguam Negara ataupun daripada Kerajaan Barisan Nasional. Itu dia. Apa ada *instruction? Is it a coincident?* Tak mungkin Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu kita lihat, sejarah Akta Hasutan adalah sejarah menindas dan mendiamkan suara mereka yang tidak sehaluan pendapat dengan kerajaan. Dari dulu, dari zaman British.

■1540

Tadi Yang Berhormat Menteri semasa memulakan bacaan kedua tadi, menyatakan bahawa Sedition Act 1948 ini digunakan disebabkan ancaman komunis. Mana ada, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. *Which communist?* Komunis mana yang ditangkap di bawah Akta Hasutan?

Saya boleh beritahu Yang Berhormat Menteri hari ini, siapa yang kena tangkap di bawah Akta Hasutan pada masa itu. Siapa? Samad Ismail. Samad Ismail ditangkap. Sekarang diakui sebagai wira negara. Siapa lagi ditangkap di bawah Akta Hasutan pada masa itu? Ahmad Boestaman ditangkap. Satu lagi wira negara. Oleh siapa? Oleh pihak penjajah. Menggunakan undang-undang apa? Menggunakan undang-undang Akta Hasutan ini. Oleh itu perkara yang sama dilakukan dalam tahun 1950-an. Sama juga. Penuntut-penuntut universiti yang mengkritik kerajaan ditangkap di bawah Akta Hasutan. Sejak 1948 sehingga Merdeka tidak ada orang komunis yang ditangkap di bawah akta ini.

Sebenarnya di bawah penjajah, akta ini kurang digunakan. *Between 1948 to 1957* saya rasa tidak ada tangkapan yang saya lihat. Akan tetapi di bawah negara Malaysia yang merdeka, beratus-ratus tangkapan. Beratus-ratus tangkapan telah dijalankan terutamanya 2014 dan 2015. Bermakna kita telah memasuki era kegelapan di dalam sejarah negara ini, 'wheezawe' hak asasi rakyat negara ini.

Apa yang saya lihat adalah bahawa Yang Berhormat Menteri juga menyatakan bahawa kerajaan tahu bahawa rakyat juga mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat. Oleh itu di bawah undang-undang lama, telah dibatalkan bahagian yang menyatakan *except this affection against any government* dan juga dinyatakan bahagian yang menyatakan *except this affection against administration of justice* dibuang. Jadi kerajaan menyatakan bahawa ini menunjukkan kerajaan prihatin mengenai hak untuk bersuara. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri lupa untuk membaca kepada kita seksyen 3(1)(d) yang masih kekal yang menyatakan dengan izin *to raise discontent or disaffection amongst the subjects of the Yang di-Pertuan Agong or the Ruler of any State or amongst the inhabitants of Malaysia*. Bermakna masih lagi bersalah untuk *raise discontent disaffection amongst inhabitants of Malaysia*. Itu satu ungkapan yang begitu luas, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya sesiapa pun boleh ditangkap atas alasan mengkritik kerajaan seperti undang-undang yang sebelum ini juga, langsung tidak membawa manfaat kepada rakyat.

Ini kerana sejak Ogos tahun lalu apabila kerajaan tiba-tiba mengata bahawa Akta Hasutan akan dikekalkan, alasan yang sama diberi. Alasan apa? Keharmonian kaum, isu-isu agama telah dipermainkan dan sebagainya. Mantera yang sama diulangi dan ulangi dan ulangi daripada Ogos sehingga sekarang di dalam Dewan ini juga perkara yang sama disebut. Akta Hasutan diperlukan kerana hendak memelihara perpaduan kaum dan juga supaya agama tidak disindir dan sebagainya.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kes-kes tangkapan dan siasatan, siapa yang kena? Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh kerana apa? Adakah ia mempunyai kena mengena dengan perpaduan kaum? Ini kerana membuat satu video '*Onederful Malaysia*'. Tidak konsisten langsung dengan apa yang dinyatakan oleh kerajaan. Yang Berhormat Batu dituduh di bawah Akta Hasutan untuk apa?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Padang Serai. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai, saya mahu tanya apakah kemungkinannya Akta Hasutan dalam bentuk ini akan jadi satu penghalang untuk usaha kita untuk membina satu masyarakat yang majmuk dan yang berharmoni, menjadi satu halangan kerana kita ini harus berbincang isu-isu yang berkaitan dengan kaum, dengan agama, kita harus berbincang itu secara terbuka. Mungkin dengan dia punya *guideline*

dan semua, secara yang terhormat, kita kena bincang. Akan tetapi di sini dikatakan macam ini. EA yang baru.

Dia katakan apa-apa yang *promote, it will and hostility and hatred between person and groups on ground of religion* mungkin adakah dia ini sasar pada pihak yang lain. Katakan saya keluarkan idea saya berkenaan dengan agama dengan ikhlas. Akan tetapi satu kumpulan *extreme* di luar, dia katakan dia marah dengan saya. *Shouldn't the police handle that group*, bukan salahkan saya jika *intention* saya. Akan tetapi di sini juga dikatakan lagi *intention* tidak penting. Jika seseorang di luar itu marah dengan saya kerana saya bawa satu isu, akan tetapi saya disalahkan. Kenapa *you* bawakan isu, dia jadi marah. Akan tetapi orang yang jadi marah itu jika dia satu kumpulan yang *extreme* yang hanya mahu memainkan isu-isu agama, so ini akan halang dialog di antara kaum, di antara agama. Di mana orang yang bawa isu ini untuk dibincang secara ikhlas disalahkan tetapi orang *extreme* di luar yang hanya hendak lawan, dia tidak dilindungi. Jadi benar buat macam itu. *So it is going to be obstruction to us*.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Tadi saya dengar dengan hati-hati hujah Yang Berhormat Padang Serai menyatakan tidak boleh kritik kerajaan, tidak boleh sentuh isu agama. Kalau kita hendak puji agama, hendak puji kerajaan atau hendak mengkritik kerajaan, itu tidak apa. Akan tetapi kalau ada kata-kata di media sosial ataupun isu-isu yang boleh membangkitkan perpecahan seperti menghina, menghasut, ini yang dikatakan tidak boleh.

Polis tidak membabi buta menangkap seseorang. Memang kalau kita katakan tadi ada orang hendak cerita yang baik tentang agama, itu bagus. Akan tetapi apa yang dijangka berlaku, apa yang sudah berlaku ialah kata-kata yang menghiris perasaan, yang boleh meningkatkan kebencian dan ini boleh menggugat keselamatan negara. Itu sebab pindaan ini penting. Apa pendapat Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya jawab Yang Berhormat Bagan Serai dulu. Saya bagi satu contoh sahaja kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Kalau itu tujuan kerajaan untuk menghalang isu-isu perpaduan kaum dan sebagainya ini ditimbulkan, mengapa Yang Berhormat Pandan ditangkap, di reman dan digari tanpa selipar semata-mata kerana beliau meminta supaya Ahli Parti Keadilan Rakyat turun ke jalan raya dan berhimpun secara aman untuk meminta supaya Yang Berhormat Permatang Pauh dibebaskan. Apa kena mengena dengan perpaduan kaum? Apa kena mengena dengan isu agama? Itu sebab saya kata alasan yang diberi, alasan yang diberi oleh Perdana Menteri dan lain-lain sejak Ogos mengapa perlu kita kerana kepentingan negara, kita perlu Akta Hasutan ini, semunya adalah satu penipuan yang amat besar. *[Tepuk] We can utter lie*, dengan izin.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Untuk mengukuhkan hujah Yang Berhormat Padang Serai, mungkin boleh kita ingatkan kembali kisah ugutan seorang pemimpin NGO yang mengugut hendak membakar kitab-kitab Bible bahasa Malaysia dan apabila ia dilaporkan, maka amat malang apabila kita lihat bagaimana ada Menteri Barisan Nasional mengatakan itu dilakukan untuk memperjuangkan Islam. Apa

pandangan Yang Berhormat Padang Serai terhadap kes yang sebegitu yang sebenarnya benar-benar boleh menimbulkan ketegangan kaum dan agama. Apa pandangan?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Itulah Yang Berhormat Shah Alam masalahnya dengan akta ini dan sebenarnya saya akan sentuh selepas ini. Oleh kerana ia begitu luas, Yang Berhormat Shah Alam, tindakan penyiasatan dan pendakwaan boleh dijalankan sewenang-wenangnya menurut cita rasa '*Ketua Polis Twitter Negara*' dan juga Peguam Negara. Cita rasa kerana ia begitu luas. Sebab itu berbalik kepada soalan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, duduk sekejap dulu. Saya cuma hendak tanya. Ada dua tiga kali saya dengar tadi '*Ketua Polis Twitter Negara*'. *Title* baru itu apa? [Ketawa]

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah *title* yang kita telah beri kepada beliau oleh kerana beliau menyalahgunakan kuasa, mengarahkan dan mencabar rakyat di dalam *Twitter* dan mengarahkan siasatan-siasatan yang tidak munasabah dan menyalahgunakan kuasa terutamanya terhadap pemimpin pembangkang dan NGO dan peguam-peguam hak asasi. Sebab itu nama yang kita bagi, Tuan Yang di-Pertua. Itu penjelasan saya.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi, itu masalah dengan Akta Hasutan oleh kerana telah dikekalkan *it should promote feeling of ill will, hostility on ground of religion* dan sebagainya dan apabila dituduh terus tiga tahun jikalau didapati bersalah. Bermakna rakyat akan begitu takut, takut untuk menyebut, takut untuk membincang apa-apa isu yang berkaitan dengan *race* ataupun *religion*. Ini menyebabkan *tension* dan isu-isu di dalam masyarakat terpendam, menjadi satu *pressure cooker*. Ini tidak sihat untuk sebuah demokrasi. Oleh sebab itu kita kata masalah dengan Akta Hasutan ini adalah kerana ia begitu luas dan saya hendak secara cepat menyatakan apa masalah dengan akta ini kerana dari sebelah sana mereka menyatakan seolah-olah tidak ada *problem* dengan akta ini. Kalau tidak salah jangan takut.

Tiga masalah besar dengan akta ini dari segi perundangan, tiga masalah. Pertama sekali, takrifan *sedition*. Tidak ada takrifan. *It can be anything*. Apa-apa pun boleh menjadi *sedition*. Takrifan yang begitu luas, *wide* dan *arbitrary*, *sedition*. Kita sesiapa pun tidak tahu apabila kita menyatakan sesuatu, adakah ia jatuh di bawah *sedition* atau tidak? Adakah yang menghasut ataupun tidak? *Because it's so broad*. Saya rasa kalau saya tanya Yang Berhormat Menteri dengan memberi beberapa ilustrasi pun, beliau saya rasa tidak akan tahu adakah ia sebenarnya menghasut atau tidak. *Even* di dalam kes-kes yang telah diputuskan di mahkamah pun Tuan Yang di-Pertua, hakim dalam beberapa kes telah mengaku bahawa susah untuk ditakrifkan apakah *sedition*.

Jadi, bagaimana masyarakat biasa boleh tahu apakah yang salah, apakah yang betul? Boleh saya sebut ini, adakah saya tidak boleh sebut yang ini? Jadi apabila keadaan macam ini dan ada satu keadaan ketakutan yang dibina, ini hasutan, itu hasutan dan sebagainya, apa akan menjadi kepada masyarakat? Itu yang pertama, elemen pertama. Terlalu *broad sedition*. Kedua, tidak perlu menunjukkan bukti bahawa perkataan itu menyebabkan *violence* ataupun *disorder*...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Di dalam akta hasutan, tidak perlu. Maknanya apabila kenyataan itu dikeluarkan, sudah mencukupi. Itu undang-undang lama. Sekarang diteruskan lagi apabila undang-undang lama yang menyatakan keluar perkataan menghasut sudah salah, tambah pula sekali, kalau menghasut dan menyebabkan *bodily injury* kena lagi sehingga 20 tahun. So, yang lama masih dikekalkan, yang baru dibawa dan diteruskan lagi. Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Ini isu luasnya pindaan Akta Hasutan ini. Ini khusus kepada dua fasal yang terkandung dalam pindaan tersebut. Kalau kita rujuk kepada fasal 2, "*by electronic means*" dan fasal 3(c), "*caused to be published*". Ini bermakna kalau sebelum ini Akta Hasutan ada hak dari segi kezalimannya tapi dengan memasukkan kedua-dua fasal tersebut, tidak ada hak dari segi sekatan sempadan. Saya hendak bagi sebagai contoh had sempadan.

Sebagai contoh, *electronic means* termasuk *Twitter*, *Facebook*, termasuk internet dan sebaran ini buka dalam lingkungan sempadan Malaysia tapi boleh daripada luar negara. Kalau hari ini saya *Google innocent of Muslim*, saya boleh dapat material-material yang boleh dikatakan mungkin dikatakan menghasut dan adakah *Google* ini, tuan punya *Google* ini akan dipanggil untuk *di charge*, ditangkap sebagai Akta Hasutan ataupun sekiranya *President Philippine* misalannya mengatakan bahawa Sabah masih hak negara *Philippines*. Adakah beliau akan disiasat? Jadi, ini menimbulkan masalah-masalah *limitation* dari segi *boundary*, *limitation* daripada internet dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua ini masalahnya, apabila pindaan seperti ini dibawa. Maknanya semua rakyat biasa pun *affected*. Semua adalah *Twitter users*, *Facebook users* dan sebagainya. Sekarang semua tidak pasti apa yang boleh dinyatakan. Seolah-olah ada *big brother* di atas yang melihat apa yang di *post* oleh rakyat biasa. Ini adalah satu keadaan yang tidak sihat Yang Berhormat Menteri, tidak sihat bagi negara kita. Saya menyatakan tadi dua elemen. Elemen ketiga, yang ini paling teruk. Di dalam kesalahan hasutan ini, tidak ada, tidak perlu membuktikan *intention* dan ini adalah fundamental di dalam *criminal law* di negara kita sebenarnya.

Akta-akta lain mesti ada apa yang dikatakan *mens rea*, *intension* untuk melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta Hasutan *intension is irrelevant* dan seksyen itu dikekalkan. So, tiga masalah ini. Kita tidak tahu apa dia *sedition tendency*. Keluarkan kenyataan walaupun ia tidak menyebabkan apa-apa *riot* atau *disorder* pun salah. Ketiga bahawa *intension* tidak menjadi isu. Maknanya walaupun tidak ada apa-apa niat tetapi salah juga. Inilah sebabnya akta ini dilihat sebagai satu akta yang amat menindas dan itulah sebabnya kita minta supaya akta ini dimansuhkan sepenuhnya dan ini adalah...

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Permintaan bukan sahaja oleh kita, ia telah dikecam melalui *organization* di seluruh dunia. Ia telah menjadikan...

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Memberikan imej yang buruk bagi negara secara antarabangsa, Akta Hasutan. Ya, Yang Berhormat Batu *is it?*

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu Pahat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat tadi ada menyebutkan, tentang elemen yang ketiga, masalah yang ketiga. Tidak perlu membuktikan niat. Saya fikir Yang Berhormat Menteri faham tentang ini. Ada satu hadis Rasul SAW yang menyebutkan kualiti sesuatu amal itu ditentukan oleh niat. [*Membaca sepotong hadis*]. Jadi, niat itu kena ditentukan. Kalau tidak ada niat ataupun apa niatnya, maka itu yang menentukan kualiti perbuatan itu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [*Membaca sepotong hadis*] Jadi, amal itu mesti ada dengan niat. Saya mendengar dengan teliti tadi tiga perkara tadi, tidak perlu menyatakan *intension*, tidak perlu menyatakan niat. Saya hendak tanya Yang Berhormat Padang Serai lah, kalau orang tidak ada niat untuk menghasut, menghina, cakap buat apa, tulis buat apa? Kita tulis, cakap benda yang betul saja. Itu yang maksud saya itu. Memang tidak perlu sebut *intension* sebab memang tidak buat. Kalau buat, memang ada *intension*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Padang Serai, ini yang maksudnya di sebelah sana tidak faham maksud yang kita akan luluskan undang-undang ini. Saya hendak dapat daripada Yang Berhormat Padang Serai, saya *anticipate*, saya jangka Yang Berhormat Menteri akan kita luluskan undang-undang itu, lepas itu kita serah kepada hakim untuk buat keputusan dan tafsir. Akan tetapi daripada segi proses membuat undang-undang, yang *law maker* sendiri tidak senaraikan kekalahan itu. Lepas itu kita serah kepada hakim untuk buat keputusan. Adakah ini satu proses perundangan yang betul? Sila dapat pandangan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai dulu. Yang Berhormat Bagan Serai, ini adalah *basic* dalam undang-undang jenayah di dalam negara kita. Seseorang yang dituduh melakukan kesalahan perlu dibuktikan bahawa melakukan kesalahan itu dan beliau mempunyai niat untuk melakukan kesalahan itu. Itu adalah *basic fundamental* dalam undang-undang jenayah. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai mungkin boleh digunakan di negara Komunis China ataupun *North Korea* tetapi bukan di negara seperti kita yang mengamalkan sistem keadilan jenayah yang bertamadun.

Maknanya niat di dalam melakukan tindakan itu adalah penting dan seperti yang disebut sebelum ini oleh Yang Berhormat Batu, rang undang-undang ini perlu diteliti semula. Tidak akan kita hendak *pass*

lepas itu buat pindaan lagi? Hari ini pun ada pindaan yang akan dibawa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit mengenai...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai.

Puan P. Kashthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Boleh?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya.

■1600

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Padang Serai, saya hendak tanya satu perkara yang agak merunsingkan saya dari tadi. Mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi berkaitan dengan pentakrifan, agak susah untuk kita membuat pentakrifan apa itu hasutan sebenarnya.

Katakan saya keluar dan berhujah mengatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia adalah pembohong nombor satu kerana telah memungkirkan janji yang telah dibuat kepada rakyat Malaysia. Katakan saya buat ucapan seperti ini. Boleh kah saya buat atau pun saya akan ditangkap di bawah Akta Hasutan? Saya tidak tahu.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Boleh ditangkap di bawah Akta Hasutan ini...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Disebabkan ada seksyen yang menyatakan *discontent or disaffection amongst the inhabitants of Malaysia*. Jadi kalau Yang Berhormat Batu Gajah menyatakan seperti itu, boleh dinyatakan bahawa beliau telah melakukan kesalahan hasutan. Oleh sebab itu kita kata Yang Berhormat Menteri, akta ini, undang-undang ini tidak boleh pakai lagi di Malaysia moden ini.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Padang Serai.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya hendak tunjuk kepada Yang Berhormat Menteri...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Padang Serai, apa yang saya cakap itu adalah benda yang betul. Bukan saya tipu. Macam mana saya boleh ditangkap di bawah Akta Hasutan?

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Walaupun apa Yang Berhormat Batu Gajah bercakap benar tetapi Undang-undang Hasutan tidak pedulikan. Kalau mereka menyatakan ia adalah *seditionous tendency*, maka salah.

Saya katakan tadi Malaysia moden. Saya nak tunjuk, Yang Berhormat Menteri, ini dia...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Padang Serai. Pada tahun 1987

yang ramai sedia maklum, Operasi Lalang dijalankan oleh kerajaan. Dalam operasi itu, ratusan ahli politik dari Kerajaan Barisan Nasional dan DAP, PAS masa itu bersama dengan *academician* dengan izin, pensyarah, *religious leaders* dengan izin, telah dicekup, *big sweep* dalam negara ini.

Antara dakwaan terhadap mereka adalah, dengan izin, *for example*, mendiang ayah saya, salah satu dakwaan adalah, *that you, P. Patto were at a ceramah in this place, on this date, and this time and in the ceramah you said things that would insight hatred among the Malay and the Chinese*, dengan izin. Akan tetapi pada masa itu tiada apa-apa ceramah dijalankan pada tarikh itu, pada masa itu, pada tempat itu di Ipoh memandangkan tempat itu adalah simpang jalan dalam Bandar Ipoh.

So, when something like this can be thrown against you and you have no chance to defend yourself, how do we know that the sedition will not be, again like this, abused? Apa pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, *you have another three minutes*, tiga minit.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: *Three minute, okay.* Jadi, seperti saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat *the origin of this law*, ini saya ada *minute of the Meeting of the Legislative Council, February 1948*. Ini dia permulaan atau punca Undang-undang Hasutan ini yang sekarang diagung-agungkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tahun 1948 ada tiga orang putih, *Attorney General, Financial Secretary and juga the Secretary of the Board. Mr Bella, Rickby and Bryson*. Bahasnya setengah muka surat sahaja dan di dalam bahas itu sebelum Ordinan Hasutan ini diluluskan, *acting Attorney General, Bella* menyatakan, *"This ordinance is based on the model ordinance which are understand were send to this country some years ago by the colonial office."*

Ini dia Tuan Yang di-Pertua, punca undang-undang yang diagung-agungkan oleh belah sana sekarang. Satu undang-undang kolonial yang digunakan untuk menyerang dan memenjarakan dan menuduh mereka-mereka yang pada satu masa dahulu berjuang untuk kemerdekaan negara seperti Samad Ismail, Ahmad Boestamam dan undang-undang yang sama digunakan terhadap Mahatma Ghandi dan sebagainya. Undang-undang yang menindas yang digunakan oleh Empayar British. Sekarang di Britain tidak ada lagi.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Mereka tidak menggunakan Akta Hasutan terhadap rakyat mereka. Tidak ada lagi, sudah dimansuh. Kita pula yang pada satu masa dijajah – yang menjajah dia sudah *move on already*. Yang dijajah masih mengagung-agungkan undang-undang penjajah. *[Tepuk]* Untuk apa, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Dengan cepat Tuan Yang di-Pertua, *features of the new bill* yang kita kata yang lebih teruk lagi adalah hukuman minimum tiga tahun. Mengapa? Untuk apa? Undang-undang yang lama pun sudah teruk dah, sudah mengekang suara dan kebebasan rakyat, sekarang hendak teruk kan lagi. Apakah niat dan tujuan ini? Niat buruk, niat untuk

mendiamkan pembangkang dan niat untuk terus memerintah di negara ini tanpa boleh dicabar oleh sesiapa. Ini niat jahat di sebalik Rang Undang-undang Hasutan ini.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: *Feature-feature* lain semua teruk. [Dewan riuh]

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sekejap. Yang Berhormat Padang Serai, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Padang Serai. Memandangkan ada pertikaian sama ada kita dilindungi oleh *privilege* untuk *sedition*, adakah kami di dalam bahaya di dalam *debate* ini terutamanya MP-MP Pakatan kerana boleh dicaj untuk *sedition* di Parlimen?

Memandangkan keadaan tersebut, adakah lebih wajar untuk *debate* ini ditangguhkan sehingga keputusan Mahkamah Persekutuan yang perlu memutuskan isu *constitutionality* dengan izin, akta tersebut patut diputuskan dahulu? Apa pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Padang Serai, boleh sambung sedikit?

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Okey.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, terima kasih.

Tadi ada beberapa kritikan kata kita boleh kritik *government* lepas ini, tidak ada masalah dan sebagainya melalui pindaan baru, walaupun saya nampak Yang Berhormat berbeza pendapat.

Akan tetapi saya hendak tanya kepada kerajaan, apakah pihak polis dan pendakwa raya akan membuang semua kes tangkapan, siasatan dan pendakwaan yang dikaitkan dengan kritikan terhadap kerajaan setakat hari ini? Kalau betul itu semangat mereka, niat mereka, perlu dibuktikan dengan membuang kes-kes ini terlebih dahulu. Baru kita boleh percaya mereka. Jangan duduk dalam selimut buat lain, cakap lain. Terangkan.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali Yang Berhormat Bukit Gelugor. Ya, menurut Perlembagaan dan undang-undang – malangnya, apa yang kita sebut di sini pun boleh menjadi subjek siasatan di bawah Akta Hasutan. Yang Berhormat Lembah Pantai sudah kena masuk lokap semalam dan memang sebab itu pagi tadi kita kata tangguhkan perbahasan tetapi keputusan telah dibuat.

Mengenai pengguguran caj ini, sepatutnya kesemua tuduhan ini sepatutnya tidak dibawa. Tengok tuduhan terhadap Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Shah Alam dan sebagainya, langsung tidak boleh dibenarkan di sebuah negara yang kononnya mengamalkan Demokrasi Berparlimen seperti negara kita.

Akhir sekali saya ingin menggulung Tuan Yang di-Pertua, dengan menyatakan bahawa...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Padang Serai, sekali lagi boleh? Yang Berhormat Padang Serai sekali lagi.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Siapa?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: *Very short* ya. Saya kena gulung.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Very short*, tidak ada hujah. Saya dengar dengan teliti tadi Yang Berhormat Kapar dan ada juga sebutan tentang Yang Berhormat Lembah Pantai yang kata kita cakap kena tangkap. Ini siapa-siapa pun boleh fikirilah. Memang ia *very broad* tetapi antara kata-kata untuk mengkritik supaya jadi baik dan kata-kata untuk mengkritik untuk menjahanamkan, tentu jelas. Jadi kalau untuk menjahanamkan, elok kena. Kalau mengkritik untuk kebaikan, tidak ada. Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu contoh sahaja kepada Yang Berhormat Bagan Serai, mengapakah ADUN Selangor yang beberapa bulan yang lalu disiasat di bawah Akta Hasutan kerana mengkritik bajet PERMATA? Mengapa? Ini menunjukkan tidak ada kejujuran dalam menggunakan Akta Hasutan.

Yang Berhormat Menteri terpaksa mengaku ia disalahgunakan dan ia akan terus disalahgunakan jika kita benarkan. Jadi saya hendak mintalah supaya tarik balik rang undang-undang ini, mansuhkan Akta Hasutan seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Pekan yang tidak hadir pada hari ini, yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Pekan kepada rakyat negara ini. Kotakan janji tersebut.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Selangor, 15 minit kerana Yang Berhormat penghujah kedua.

4.09 ptg.

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015.

Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan yang telah dinikmati menjadikan Malaysia sebuah negara berdaulat yang gah di mata dunia dan sepanjang 57 tahun ini.

■1610

Malaysia telah membuktikan bahawa sistem yang diamalkan oleh pemimpin dan tokoh negara telah berjaya membawa Malaysia ke satu tahap yang membanggakan. Kepimpinan yang dilaksanakan oleh enam orang Perdana Menteri telah memacu Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Segala yang kita lihat tidak datang dengan mudah dan sendirinya. Cabaran dan liku-liku perjalanan yang dilalui oleh Malaysia, tidak mudah untuk ke tahap ini. Apatah lagi menjadi sebuah negara yang dihuni oleh pelbagai kaum dan latar belakang serta latar agama, malah juga kepelbagaian budaya dan corak pemikiran.

Justeru itu, apa yang kita kecapai hari ini adalah berlandaskan kepada semangat perpaduan yang kukuh dan utuh, adalah amat membanggakan dan ini ialah realiti yang tidak dapat dicantas. Perpaduan dan semangat bersama adalah asas dan tunjang yang mendefinisikan Malaysia sebagai negara berbilang kaum. Sesungguhnya, perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia ialah elemen utama di

dalam memastikan aspirasi Wawasan 2020 dapat dicapai. Perpaduan yang kita kecapai hari ini tidak dibina dalam sehari atau dua hari tetapi memakan masa yang begitu lama, hasil pengorbanan dan keringat wira-wira negara. Maka, tidak adil bagi mana-mana pihak untuk menghancurkan perpaduan yang telah terbina dengan sewenang-wenangnya demi kepentingan peribadi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedih melihat kelakuan sesetengah individu yang cuba menghasut dan menghancurkan segala apa yang telah kita bina dengan izin, *I have heard enough of contentious leaders that is still hatred and racism deem to be seditious by some irresponsible individuals which is a far cry from what our founding fathers hope to see.*

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini, semakin banyak perlakuan menghasut di sebalik wajah kebebasan bersuara, mempunyai implikasi negatif yang amat besar jika dibiarkan terus berlarutan. Harus difahami bahawa hak kebebasan bersuara tidak pernah bersifat mutlak di mana-mana negara yang mana hak ini mempunyai hadnya yang tertentu. Untuk rekod, sememangnya hak kebebasan bersuara diiktiraf sebagai hak asasi manusia dalam Perkara 19 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan diiktiraf dalam Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dalam Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak-Hak Sivil dan Politik (ICCPR). ICCPR dalam konteks ini mengiktiraf hak kebebasan bersuara sebagai hak mendapatkan pendapat tanpa gangguan dan semua manusia akan mempunyai hak untuk menyatakan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui di Malaysia Perkara 10(1) klausa (a) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "*Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara*". Walau bagaimanapun, yang menjadi isunya ialah apabila pendokong kebebasan bersuara ini gagal memahami impaknya apabila kebebasan ini disalah gunakan untuk kepentingan-kepentingan tertentu. Ini menjadi lebih serius apabila semakin banyak kes dan insiden penyalahgunaan kebebasan bersuara khususnya di laman media sosial seperti *Facebook, Twitter, blog, YouTube* dan sebagainya. Kesan penyalahgunaan media sosial amat berbahaya memandangkan sesiapa sahaja akan mempunyai akses dari seluruh pelosok dunia.

Isunya di sini bahawa terdapat pihak yang menyatakan tanpa memikirkan kesannya terhadap kepentingan awam atau dengan izin, *public interest*. Ini ialah golongan yang mementingkan diri tanpa memikirkan sensitiviti masyarakat yang dapat menyebabkan perselisihan faham dan keretakan perpaduan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, inilah yang menjadi asas kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengekalkan Akta Hasutan. Malah wajib diperkasakan dengan penambahbaikan dan pindaan beberapa peruntukan. Dengan izin, *we cannot keep quiet when it comes to issues pertaining to sedition 'is breach' we got to confirm the issue at this core and must be nipped in the bud.*

Tuan Yang di-Pertua, sejarah membuktikan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 meletus hanya kerana segelintir pelampau perkauman mempertikaikan hak dan kedudukan istimewa bangsa Melayu seperti yang diperuntukkan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Ini ialah satu contoh kebebasan bersuara yang melulu yang kita sama sekali tidak mahu insiden hitam berulang sebegitu rupa.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Hari ini kita dapat melihat bukan sahaja hak dan keistimewaan bangsa Melayu dipertikaikan.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Kuala Selangor, boleh sekejap? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jika hasrat adalah untuk memelihara harmoni, kenapa kita ada seksyen macam 6A yang mana seksyen 173, 293 dimansuhkan, tidak dikuatkuasakan? Macam 293 ini adalah untuk *youthful offender* yang mana hakim boleh memberi dia satu hukuman yang rendah. Boleh dikatakan di sini boleh bagi dia *lighter sentence*, *admonition*, bagi bon pada ibu bapa dia.

Akan tetapi akta ini, pindaan ini tidak bagi ruang itu kepada Majistret ataupun *Sessions Court Judge* untuk beri satu *warning* sahaja untuk satu *youthful offender* dan juga dalam 294 adalah untuk *first offender*. Jadi kita katakan seksyen dalam CPC ini menyatakan memang dia sudah salah. Selepas diadili, memang salah tetapi ini bagi ruang pada hakim untuk tangguh *sentencing* kerana dia *young*. Akan tetapi ini nampaknya dalam kita punya pindaan, kita tutup ruang itu. Kita tidak bagi *discretion* pada hakim untuk *suspend the sentence* kerana dia *young*. So, kenapa ini perlu? Ini nampaknya *vindictive* untuk ajar. So, saya mahu dapatkan pendapat. Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya ingin merujuk kepada Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan yang mana kalau kita lihat Perkara 4 daripada segi sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah fasal Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf kedudukan istimewa, kedaulatan dan sebagainya.

Dalam konteks apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, sudah tentu ia terbuka kepada interpretasi mahkamah untuk menentukan sejauh manakah daripada segi hukuman ataupun prosedur mahkamah itu dapat dilakukan sebaik mungkin. Akta ini ialah merupakan akta pencegahan kepada elemen-elemen yang terkandung dalam Artikel 10 iaitu Perlembagaan Persekutuan. Jadi saya fikir dalam konteks apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, sudah tentunya kita haruslah yakin dan percaya kepada sistem kehakiman kita kerana dalam konteks ini, saya fikir, mereka mempunyai pelbagai *jurisdiction* yang boleh mereka lakukan berasaskan Perlembagaan Artikel 10 itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini. Saya melihat bahawa dalam konteks yang dikatakan pada hari ini iaitu kebebasan bersuara yang melulu, hari ini kita dapat melihat bukan sahaja hak dan keistimewaan bangsa Melayu dipertikaikan, malah kedudukan Islam dan Kedaulatan Raja-Raja Melayu juga turut dipertikaikan, mencabar kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, mempertikai hak istimewa bangsa Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak seperti yang dimaktubkan dalam Perkara 153 Perlembagaan dan pelbagai penghinaan secara konsisten terhadap pelbagai kaum dan agama yang sedang meruntuhkan teras dan asas negara ini. Jika tidak, ia dibendung segera.

Hak bersuara tanpa mendokong ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Yang Berhormat Kuala Selangor tahu, saya

didakwa di bawah Akta Hasutan pada Mei tahun lepas. Sebelum itu, kumpulan-kumpulan NGO UMNO mereka menuduh saya menghina Islam, saya menghina kaum Melayu, saya menghina Yang di-Pertuan Agong dan juga saya menghina keluarga polis yang mana terkorban dalam insiden Lahad Datu.

Akan tetapi bila saya dihadapkan ke mahkamah, semua yang tersenarai dalam *chart sheet* atau senarai dakwaan yang pada saya itu, tiada satu yang kena-mengena dengan semua tuduhan daripada UMNO dan daripada NGO-NGO yang pro UMNO yang mengatakan saya menghina mana-mana kaum, agama dan sebagainya. Malah saya hendak beritahu Yang Berhormat, dalam *chart sheet* atau senarai dakwaan itu, salah satunya ialah kerana dalam watak '*Onederful Malaysia*' itu yang mana salah seorang *Feng Shui master* kata, "*Tahun ini jangan pakai pakaian kuning kerana kalau pakai pakaian kuning, mungkin kamu akan terlibat dalam insiden berdarah*".

■1620

Itu sahaja satu *line* percakapan itu. Ini pun saya dijadikan satu dakwaan terhadap saya. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, bukankah Akta Hasutan ini dijadikan sebagai satu alat untuk menghukum di sebelah sini, kami wakil rakyat dan aktivis tanpa alasan yang kukuh dan juga tanpa asas. Bukankah ini satu alat dan senjata yang digunakan oleh pihak Barisan Nasional dan juga UMNO yang cuba mengurangkan bilangan kami yang berada di sini supaya kami semua ini masuk penjara sekurang-kurangnya tiga tahun kalau ikut pindaan akta ini supaya Barisan Nasional boleh menang besar lagi dalam pilihan raya yang akan datang.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kuala Selangor, boleh saya sentuh sedikit ada kaitan dengan Yang Berhormat Seputeh juga. Setujukah Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa kalau kita lihat setiap keganasan itu bermula daripada satu perkara yang amat kecil malahan...

Beberapa Ahli Pembangkang: [Ketawa]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Inilah masalahnya, diketawakan. Malahan, kedua-dua perang dunia bermula daripada perkara yang kecil. Perang Larut antara Ghee Hin dan Hai San bermula daripada meja perjudian dan juga kisah cinta antara anak kepada puak Ghee Hin dan Hai San. Bermula daripada situ. Saya tidak mahu menyentuh tentang teknikal tafsiran tetapi Yang Berhormat Seputeh tadi dia masih cuba mempertahankan kesnya. Cuba buat lagi. / *think* itu adalah contoh yang lebih besar daripada apa yang saya katakan kecil.

Semalam di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dari segi psikologi, Yang Berhormat Puchong terus ke sana. Sama ada berniat, tidak berniat, dari segi emosi dan psikologi terus ke sini untuk kononnya, saya tidak tahu, menyelamatkan adinda beliau ataupun menyelamatkan rakan-rakan lain ataupun oleh kerana keadaan dikawal oleh emosi dan psikologi, kita sudah di luar kawalan. Apabila Yang Berhormat Machang keluar ke pintu, maka Yang Berhormat Kapar menerjah. Kalau tidak ada bentara, sudah jadi pertumpahan darah di dalam Parlimen ini.

[Dewan riuh]

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh cakap, saya daripada Perak. Mana Yang Berhormat Thomas Su. Saya pernah bergesel dengan dia tapi saya dengan dia masih macam adik-beradik, masih kawan. Akan

tetapi ketika itu dikawal oleh emosi dan psikologi yang tidak menentu, maka terjadilah peristiwa itu. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak nyatakan bahawa bukan soal hitam putih, bukan soal niat tetapi di dalam dunia ini kehidupan itu penuh dengan *grey area*, penuh dengan *colorful* yang subjektif yang perlu kita tangani bersama kalau kita sayangi negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor?

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas pandangan yang beliau berikan. Sudah tentunya pandangan itu seiring tentang bagaimana interpretasi kehakiman terhadap apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Seputeh. Oleh kerana dalam konteks ini, antara isu yang menjadi kebimbangan mengapa Akta Hasutan ini harus dikekalkan. Antara isu ialah dari segi lontaran komen, penyebaran maklumat dan penerbitan yang boleh memudaratkan dan berniat jahat yang boleh menggugat ciri-ciri negara Malaysia dalam konteks toleransi dan keharmonian kaum. Perkara pokok dan asas Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya ungkapkan sebentar tadi ialah perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana inilah yang menjadi sifat negara kita sejak kita merdeka 57 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjurus kepada hak bersuara tanpa mendukung prinsip kebertanggungjawaban serta yang bertentangan dengan nilai etika, moral, budaya dan ideologi negara seperti ucapan benci, fitnah, kenyataan hasutan tidak boleh di kompromi sama sekali. Terdapat juga pihak yang mengkritik pindaan seksyen baru 5A. Antara lain menyatakan bahawa jika seseorang dipertuduh atas kesalahan di bawah seksyen 41A yang diperakui secara bertulis oleh pendakwa raya. Tidak ada jaminan yang boleh diberikan kepadanya. Mesti difahami ini adalah demi kepentingan awam. Kita pada masa yang sama harus mengutamakan, dengan izin, *public interest*.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu selari dengan cadangan untuk mengenakan hukuman yang lebih tinggi bagi kesalahan hasutan yang menyebabkan kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda. Seksyen baru 5B yang menghalang seseorang yang dituduh di bawah Akta Hasutan daripada meninggalkan negara. Jika dia dibenarkan untuk dilepaskan dengan jaminan, termasuklah memerintahkan orang yang dipertuduh itu menyerahkan dokumen perjalanannya. Adalah pindaan yang sangat penting supaya kita tidak mahu melihat seseorang yang dituduh meninggalkan negara untuk mendapatkan perlindungan atau, dengan izin, *asylum* di luar negara dan sebagainya.

Pada masa yang sama, cadangan pindaan fasal 3, rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 15, subfasal (a)(i), mengenai perbuatan yang tidak lagi menjadi kesalahan di bawah akta iaitu mengembangkan kebencian, penghinaan atau membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan yang termasuk tindakan mengkritik kerajaan kerana tidak berpuas hati dengan pentadbiran kerajaan.

Tuan Pengerusi: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk lebih terbuka dan membolehkan orang awam bebas...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: ...memberikan maklum balas kepada kritikan dan kerajaan. Yang Berhormat Putatan, sedikit ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sungguh dihormati. Yang Berhormat Kuala Selangor, saya ingin minta sedikit penjelasan ataupun penerangan Yang Berhormat soal ahli-ahli politik. Tidak kiralah di mana, sebelah sanakah, sebelah sini. Yang selalunya masuk keluar kampung di negeri Sabah dan Sarawak, menghasut perasaan orang-orang Sabah ini untuk keluar Malaysia ataupun membenci pentadbiran kerajaan. Jadi, salahkan dalam pandangan Yang Berhormat bahawa seseorang itu masuk ke negeri Sabah dan Sarawak yang betul-betul dibuktikan menghasut perasaan rakyat Malaysia di negeri Sabah, ditegah masuk ke negeri itu, terutama sekali Yang Berhormat daripada sana.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya melihat apa yang dilakukan oleh segelintir golongan yang tidak bertanggungjawab memasuki Sabah atau Sarawak, menghasut dan juga cuba melonggarkan solidariti perpaduan harus diambil tindakan yang serius. Oleh kerana ia bercanggah dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan, artikel 161 atau bahagian yang menyatakan bahawa perlindungan tambahan bagi negeri Sabah dan Sarawak. Ini teras kepada sistem sifat negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya dalam konteks pada hari ini kita mempunyai kekurangan dan tidak sempurna. Namun, kekurangan sebegini bukannya alasan untuk menghancurkan segala-galanya, dengan izin, *as a nation we have our share of constrain and deficiency in terms of racial and religion misunderstanding and conflicts. Be that this way, we can't afford to tolerate seditions especially complete insensitivity with prejudice and ignorance of the others is disastrous.*

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya menyokong penuh kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bahawa kerajaan tidak akan menarik kebebasan bersuara di media sosial. Akan tetapi kebebasan itu harus digunakan dengan prinsip kebertanggungjawaban. Sememangnya kerajaan mengamalkan sikap keterbukaan tetapi menjadi tanggungjawab rakyat, terutamanya untuk mengetahui bahawa setiap kebebasan itu ada batasannya.

Saya juga amat berharap dengan pindaan Akta Hasutan ini harus juga dikaitkan dengan pindaan Akta SKMM supaya untuk memastikan penulatan ini dapat kita bendung dan juga kita dapat kekang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Akta Hasutan (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Parit Buntar. Setengah jam Yang Berhormat.

4.29 ptg.

Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mendoakan supaya Tuan Yang di-Pertua dapat duduk di situ sampai hujung, dalam keadaan penuh sabar dan sihat. Begitu juga kepada seluruh Ahli-ahli Parlimen. Biarlah tajuk yang kita bincang ini panas tapi kepala kita sejuk, *insya-Allah*.

Saya memulakan dengan perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Hasutan ini dengan menyorot kembali sejarah negara kita. Setelah lebih kurang 58 tahun kita merdeka Tuan Yang di-Pertua, kita sudah memiliki satu masyarakat yang dididik dengan keterbukaan. Kita juga memiliki masyarakat yang sekarang ini mempunyai pelbagai pandangan. Tidak kurang pandangan-pandangan itu ialah berkenaan bagaimana negara itu harus ditadbir.

■1630

Negara itu harus kita bentuk kerana saya kira sepanjang perbahasan kita, walaupun yang disebut oleh rakan-rakan di sebelah sana tentang itu patriotisme kononnya pembangkang ini tidak sayangkan negara, pembangkang ini seolah-olah mengiakan hasutan-hasutan. Saya rasa itu mungkin hanya sekadar ucapan yang tidak ada asas dan bukti kerana apa yang kita faham daripada perbahasan kita dalam Dewan yang mulia ini adalah untuk kita memperbaiki negara ini. Pasti salah satu aspek yang boleh kita bentuk negara ini lebih baik ialah negara ini lebih baik tanpa Akta Hasutan. Ini kerana dengan adanya Akta Hasutan ini ia telah menimbulkan, saya berkhilaf dengan pandangan sahabat-sahabat di sebelah sana bahawa mereka menyatakan bahawa adanya Akta Hasutan adalah untuk menjaga perpaduan dan keharmonian nasional tetapi saya menyatakan sebaliknya. Apabila ada Akta Hasutanlah maka perpaduan nasional tergugat, keharmonian nasional tergugat. Itu satu fakta kerana negara ini dipandu dengan demokrasi, negara ini dipandu dengan kematangan, negara ini dipandu dengan kepelbagaian.

Maka dengan kita meletakkan Akta Hasutan berterusan ia adalah merupakan satu perkara yang boleh merosakkan perpaduan dan keharmonian nasional. Perpaduan dan keharmonian bukan bermakna semua kena bersatu, perpaduan dan keharmonian bukan bermakna semua kena bersetuju tetapi keharmonian yang hakiki, perpaduan yang hakiki ialah apabila ada ruang untuk kita berbeza pandangan tetapi Akta Hasutan menghalang perkara tersebut untuk berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan ini sebagaimana yang disebut oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Padang Serai adalah peninggalan British dan ketika British menyediakan undang-undang ini, *mind set* mereka ialah hubungan antara penjajah dan yang dijajah. Itulah *mind set* nya. Maka pastinya penjajah tidak akan bagi ruang kepada negara yang dijajah itu untuk *revoke*, untuk memberontak, untuk mengkritik pandangan-pandangan penjajah yang menjarah dan juga mengambil segala kekayaan negara ini.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya berasa agak kecewa setelah 58 tahun kita merdeka walaupun British sudah meninggalkan kita tetapi malangnya minda perundangan Akta Hasutan masih diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang hari ini menjadi kerajaan. Itu yang mengecewakan kerana kita melihat bahawa Akta Hasutan ini menyekat pandangan. Walaupun mereka kata pandangan itu kalau dia itu *seditionous* tetapi tadi rakan-rakan sebelah sini dah beritahu apa yang *seditionous* nya. Apa dia yang *seditionous*. Yang itu saya akan masuk nanti dalam inti pati Akta Hasutan itu sendiri yang perlu ditolak.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, setelah 58 tahun kita merdeka, seharusnya Perlembagaan Persekutuan yang kita jadikan sebagai rujukan khususnya di dalam perbahasan kita, sepatutnya

terselamat daripada unsur-unsur yang boleh menyekat apa yang disebut di dalam Artikel 10 di bawah *Fundamental Liberty* yang menyatakan tentang *freedom of speech*. Akan tetapi malangnya kalau saya boleh quote daripada buku ini, *Constitution of Malaysia Text and Commentary*.

Dia menyatakan bahawa, pengarangnya Aziz Bari, *'This is arguably the most controversial provision compared to other provision under the chapter of fundamental liberties and unlike in some jurisdiction such as United State where such provision is essential beyond the reach of legislature the position in Malaysia is different. Apparently the opening of Article 10(1) given that it's straight away mentioned the restriction to follow suggest the right under Article 10 are residual in nature and the court seems to have made the situation worse by holding that Article 10 guarantees the right of every citizen to freedom of speech this right are however subject to any law pass by Parliament'*.

Yang *this law* yang *pass by* Parlimen antaranya ialah Akta Hasutan ini yang menyekat *fundamental liberties* yang sudah tentu walaupun ditetapkan di dalam Artikel ataupun Perlembagaan Persekutuan tetapi telah diberikan peringatan oleh *Reid Commission* bahawa ia menyatakan *'The guarantee afforded by the constitution is the supremacy of the law and the power and the duty of the courts to enforce this rights and to 'announce' any attempt to subverts any of the rights whether by legislative or administration or otherwise'*. Maknanya Artikel 10 yang menjadi satu perdebatan hangat ini diburukkan lagi dengan kita meneruskan Akta Hasutan. Sepatutnya Artikel 10 ini tidak ada masalah yang menghalang daripada terlaksananya *fundamental liberties* iaitu hak kebebasan bersuara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar di sebelah sana tadi bahawa hak kebebasan bersuara itu bukanlah alasan untuk kita menimbulkan huru-hara. Saya setuju tetapi apa yang perlu kita faham bahawa tidak semestinya ada dua, tiga kes yang melanggar atau menyalahgunakan hak kebebasan bersuara memberikan kita lesen untuk kita menyekat hak kebebasan bersuara. Itu dua benda yang berbeza. Tidak ada siapa yang menyatakan kita mahu negara ini dihancurkan oleh sebab tidak ada *Seditious Act* ini. Apa yang kita kata ialah walaupun kemungkinan betul jika disabitkan ada kes-kes yang menyalahgunakan hak kebebasan bersuara Tuan Yang di-Pertua tetapi itu bukan bermakna kita mesti menghapuskan hak kebebasan bersuara.

Saya menyatakan dengan jelas di sini bahawa undang-undang yang ada di negara kita khusus menyebut tentang Artikel 10 ini juga menyebut tentang bagaimana boleh kita anggap di dalam kes-kes *landmark case* dalam kes hak kebebasan bersuara ini ialah macam mana yang disebut dalam kes Mark Koding menyatakan bahawa, *"It was held that freedom of speech did not form what was term as the basic structure of constitution and the restriction impose through Sedition Act 1948 was upheld"*.

Bagi saya, jelas dengan semua kes yang disebut ini seolah-olah mengarah kepada satu petunjuk Tuan Yang di-Pertua. Petunjuk itu cukup terang dan jelas umpama bulan purnama yang terang benderang iaitu kita Malaysia tidak perlukan Akta Hasutan ini. Itu saja *indication* nya setelah 58 tahun merdeka tetapi apa yang berlaku hari ini mereka bukan sahaja perlu keluar daripada *mind set* dan pemikiran perundangan penjajah, mereka mengajak rakyat Malaysia kembali menyekat hak kebebasan dengan mengekalkan Akta Hasutan ini. Saya juga ingin menyebut kata-kata Yang Berhormat Pekan pada tahun 2012 yang jika...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, silakan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Saya tertarik hendak sebut sedikit kerana saya masih ingat dengan jelas dalam setahun lepas masih diperkatakan tentang apa yang disebut Akta Keharmonian untuk menangani isu-isu orang mengendalikan dengan cara tidak sensitif isu-isu agama, kaum dan lain-lain lagi. Sepanjang yang saya ingat, itu ialah satu idea yang sangat baik, satu permulaan baru yang sangat baik untuk negara kita dan masyarakat kita kerana Akta Hasutan yang tercemar dari zaman British dulu kita gantikan dengan satu yang baru yang lebih sensitif dan peka kepada perkembangan terakhir dan lebih sensitif kepada isu-isu penghinaan dan lain-lain lagi yang kita bimbangkan dalam Akta Hasutan.

Itu idea yang cukup saya sokong sepanjang yang saya ingat yang saya ketahui *if my limited exposure to the ideas and the principal behind that*. Jadi yang saya hendak sebut di sini ialah apa yang terjadi dengan janji kerajaan untuk membawa Akta Keharmonian tadi kerana Yang Berhormat Parit Buntar terlibat, jadi mungkin beliau orang yang terbaik untuk memberikan komen. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Parit Buntar, Bagan Serai.

■1640

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sekejap Yang Berhormat Bagan Serai, bagi saya selesai yang ini dulu.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Okey.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya rasa apa yang diajukan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah itu ialah berpandukan kepada pada tahun 2012 Yang Berhormat Pekan mempunyai satu fahaman yang mungkin lebih kurang sama dengan kita apabila bercakap tentang kebebasan bersuara dan sebagainya. Lalu dia mengeluarkan kata-kata ini bahawa tujuan untuk kita melihat semula Akta Hasutan ini *it was to find mechanism that could ensure the best balance between the need to guarantee the freedom of speech for every citizen and the need to handle the complexity of plurality existing in the country*.

Maknanya Yang Berhormat Pekan telah menyebut bahawa perlunya satu penelitian semula tentang dua perkara iaitu *to preserve freedom of speech but at the same time* dengan izin *is to look into the complexity of our society*. Maknanya kebebasan mesti dipelihara *at what cause*. Akan tetapi pada waktu yang sama mesti juga melihat. Maka lahirlah idea daripada Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan sebagaimana yang diajukan itu satu idea yang dia kemukakan iaitu Akta Keharmonian Nasional Tuan Yang di-Pertua.

Saya kemudian telah dilantik di dalam jawatankuasa Majlis Konsultasi Perpaduan Negara, *National Unity Consultative Council (NUCC)*. Di mana saya diberi tugas sebagai Pengerusi untuk undang-undang dan polisi. Maka salah satu tugas besar kami ialah menyediakan input. Dalam jawatankuasa ini kepada *Council* melahirkan ataupun membentuk satu undang-undang yang kita namakan Akta Keharmonian Nasional dengan mengambil kira bahawa Akta Hasutan akan dihapuskan.

Akan tetapi soalan dia sekarang, bukan sahaja bayangan Akta Keharmonian Nasional itu pun tidak nampak, tiba-tiba muncul hantu Akta Hasutan semula. Muncul menghantui rakyat Malaysia.

Apa sudah jadi kepada Pekan, *was he pressured* dengan izin. Adakah dia telah ditekan atau dia telah dipaksa untuk menarik balik sedangkan dia yang mendatangkan idea, *a balance between freedom of speech* dan juga *complexity*, yang mana dia telah mengemukakan Akta Keharmonian Nasional di mana kami selama setahun menyediakan ruang. Kami buat *consultation*, kami pergi berjumpa dengan semua pihak termasuk MP-MP Pakatan Rakyat bagi memperkenalkan akta ini dan untuk dibawa kepada pihak berwajib. Akan tetapi di mana? Saya pun tidak tahu dan saya pun tidak ada jawapan kerana saya bukan Perdana Menteri. Jadi saya tidak tahu apa jadi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya mohon ruang untuk juga menanyakan kepada Yang Berhormat kerana saya kira sebelumnya ada diumumkan bukan sahaja sebuah jawatankuasa untuk merangka Rang Undang-undang Harmoni dan Rekonsiliasi Nasional. Termasuk juga sebuah suruhanjaya yang dicadangkan diwujudkan yang termasuk saranan Datuk Saifuddin Abdullah selaku pelopor *Global Movement of Moderate Foundation*. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat Menteri sebentar tadi semasa membentangkan pindaan telah menyatakan pindaan ini hasil daripada sebuah saranan jawatankuasa hala tuju pindaan Akta Hasutan.

Saya mahu tanya pada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada kewujudan tentang jawatankuasa ini? Bagaimanakah sebenarnya cara kerajaan kita mentadbir dan melaksanakan dasar? Ini kerana setahu saya jawatankuasa yang telah dihadiri dan dianggotai oleh Yang Berhormat itu sepatutnya merangka rang undang-undang yang mendapat dokongan oleh semua Timbalan Menteri Dalam Negeri. Mohon pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Sebenarnya itulah hakikatnya. Bahawa penubuhan Majlis Konsultasi ini adalah untuk memberi input kepada satu gambaran yang lebih besar iaitu membina dan mencipta perpaduan nasional dalam konteks hari ini. Salah satu daripada caranya untuk diadakan satu *blueprint* itu ialah dengan mewujudkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara. Tugas kami dibahagikan kepada beberapa bahagian. Salah satu daripadanya untuk melihat apakah undang-undang yang ada untuk kita buat penelitian semula mencadangkan dan kemudian kita akan bawa perkara ini kepada majlis dan kemudian akan dibawa kepada pihak berwajib.

Akan tetapi malangnya macam mana saya kata, dalam pada suasana kehangatan kita bersemangat untuk memberikan sumbangan kepada negara ini dalam konteks yang besar itu, tiba-tiba difahamkan adanya pindaan kepada Akta Hasutan. Sepatutnya Akta Hasutan bukan pindaan, Akta Hasutan itu kena buang terus. Akan tetapi didatangkan dengan pindaan dan diminta pula kami untuk menyokong. Macam mana kami hendak menyokongnya Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya terima kasih kepada soalan itu. Kami sebenarnya di peringkat Majlis Konsultasi Perpaduan Negara telah mencadangkan satu Suruhanjaya Reformasi Perundangan Tuan Yang di-

Pertua. Iaitu reformasi perundangan ini guna untuk melihat apakah undang-undang yang dikatakan sudah tidak relevan lagi, undang-undang yang sudah tidak boleh lagi dipakai dalam negara kita berpandukan kepada perkembangan masyarakat, berpandukan kepada suasana hari ini. Hingga hari ini kita tidak ada apa-apa respons daripada pihak kerajaan sama ada untuk menubuhkannya ataupun tidak. Begitulah halnya kami menerima kesannya Tuan Yang di-Pertua. Kesan juga kepada Tuan Yang di-Pertua terpaksa berbahas sampai pukul 2.00 pagi, 3.00 pagi kerana hendak *rush through bill* yang ada. Sedangkan kita sepatutnya ada ruang dalam jawatankuasa untuk bincang perkara ini dan diberikan cadangan daripada suruhanjaya-suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hendak masuk *point* yang kedua. [Disampuk] Okey saya ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tidak boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti saya tegur.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi masa Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Satu minit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut Yang Berhormat berkaitan dengan apa yang dijanji yang dibuat oleh Perdana Menteri. Mungkin adakah Yang Berhormat bersetuju ketika tahun 2012 itu di saat Barisan Nasional akan berdepan dengan – kita semua akan berdepan dengan Pilihan Raya Umum Ke-13, sudah tentu janji Perdana Menteri ketika itu untuk tarik pengundi. Apabila rakyat memberi mandat maka inilah balasan yang diberi kepada rakyat janji tidak ditepati akhirnya rakyat menjadi mangsa, Akta Hasutan ini dikembalikan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Untuk pendekkan ucapan, saya masukkan dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya masuk kepada *point*. Jadi *point* pertama tadi Tuan Yang di-Pertua di atas asas-asas tersebut maka saya menyatakan Akta Hasutan sudah tidak relevan. Benda yang tidak relevan kenapa kita hendak pinda sepatutnya kita buang dan kita gantikan dengan niat asal iaitu Akta Keharmonian Nasional yang lebih tuntas perbicaraan dia.

Seterusnya saya masuk kepada faktor kedua kenapa kita kena tolak Akta Hasutan ini. Kita kena tolak kerana tadi disebut oleh Yang Berhormat Padang Serai yang gagal difahami oleh Yang Berhormat Bagan Serai sebab mungkin nama dua-dua serai. Saya menyatakan bahawa asas prinsip kepada apa yang dikatakan sebagai *principle criminal law, intention is the principle of criminal law*.

Apa yang disebut sebagai [Bercakap bahasa Latin] Saya bahasa Arab boleh tetapi bahasa Latin saya kurang sedikit. Akan tetapi maksudnya *you guilty act unless there is guilty mind. But that it is vide of this principle* Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Akta Hasutan tidak ada itu. Ini yang kita lawan. Saya hendak beritahu kepada rakan-rakan sebelah sana bukan kerana kami takut ditahan. Apalah sangat kena tahan dengan Barisan Nasional tidak hairanlah Tuan Yang di-Pertua. Bukanlah kerana kami bersalah lantaran kami lakukan semua itu, bukan. Akan tetapi saya menyatakan ini adalah prinsip. Prinsip ini

bukan sahaja kena pada kita tetapi juga mereka harus menyokongnya. Oleh sebab itu saya menyatakan apabila Akta Hasutan ini tidak ada prinsip ini bukan sahaja Pakatan Rakyat kena tolak, Barisan Nasional pun kena tolak. Akan tetapi malangnya mereka tidak faham, ataupun mereka buat-buat tidak faham.

Sebenarnya prinsip ini adalah *maxim* yang perlu diperjuangkan. Dalam Islam ada yang dinamakan sebagai 'kosdu janaih', 'feduu janaih'. Kasad kepada jenayah itu apa? Apa perbuatan jenayah itu? Jika seseorang hanya berkata dan tidak ada niat untuk menimbulkan huru-hara, maka itu bukan satu *seditionous*. Akan tetapi hari ini yang berlaku by *mere saying* dan dikatakan ini bahaya dengan ucapan ini maka orang itu boleh didakwa. Ini maksud saya, inti pati kenapa kita menentang. Saya sudah bagi jelas orang-orang yang dia jadi mangsa kerana tidak adanya asas ini Tuan Yang di-Pertua. Kes Dr. Azmi Sharom, kes Karpal, ..., Melan Abdullah dan seorang lagi daripada ISMA, Abdullah Zaik. Walaupun saya mungkin tidak setuju dengan pandangan ISMA tetapi saya juga tidak bersetuju jika dia menjadi Akta Hasutan. Ini prinsip yang kita pegang bukan kerana orang tetapi kerana prinsip. Inilah membezakan kita dengan mereka.

■1650

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tanpa unsur niat dan kesan daripada ucapan itu, dia telah meletakkan Akta Hasutan ini kepada satu taraf yang mungkin tidak ada standard lagi untuk kita perlu pertahankan. Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi yang saya nak *highlight* di sini. Disebut tentang di bawah penjelasan akta ini, apa yang disebut tentang memasukkan perenggan baru 3(1) menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang yang mengembangkan perasaan jahat, permusuhan atau kebencian antara mana-mana orang atau kumpulan atas alasan agama.

Yang ini sebenarnya adalah antara Tuan Yang di-Pertua, cadangan kami daripada Majlis Konsultasi Perpaduan Negara di mana kita telah mencadangkan 3 bil di bawah Akta Keharmonian Nasional ini. Satu, Akta Keharmonian Nasional yang menjadikan kebencian kaum dan agama itu sebagai satu jenayah, ada. Yang kedua ialah kita telah memperkenalkan *equality rights* ataupun hak kesamarataan seperti mana termaktub dalam Artikel 8 Perlembagaan kita dan yang ketiga ialah penubuhan Suruhanjaya Keharmonian Nasional di mana salah satu daripada aspek yang kita cuba tangani ialah permasalahan yang menjadi pelbagai bentuk kekeliruan tentang bagaimanakah - saya setuju Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mencaci dan menghina mana-mana agama. Yang itu konsisten saya sebut di mana-mana.

Orang Islam, saya ulang balik, tidak boleh menghina agama-agama lain dan ini bukan kerana saya kata tetapi ini Al-Quran kata surah Al-An'am ayat 108. Seperti mana orang lain juga tidak boleh menghina agama Islam. Akan tetapi, *there's a big line there* di sana, Tuan Yang di-Pertua.

Adakah kita mengkritik *authority* agama bermakna kita mengkritik agama? [*Tepuk*]. Itu dua benda yang berbeza. Adakah apa dia *line* kita menyatakan menghina agama orang itu? Contohnya saya, saya mengambil pendekatan yang berdialog dengan Sister in Islam kerana fatwa mengatakan Sister in Islam ini dianggap sebagai sesat. Saya ingin bertanya kepada Jawatankuasa Fatwa, apa yang dikatakan sesat. Saya ingin tahu tetapi malangnya hari ini kita tengok ...

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh mencelah? Boleh? Sikit sahaja.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kejap, kejap. Saya nak bagi habis ini. Malangnya kita tengok hari ini mereka tidak dapat membezakan antara mengkritik pentadbiran agama dan penguasa agama dengan mengkritik agama itu sendiri. Itu dua perkara yang berbeza.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi kerana itu ...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sekejap, saya nak bagi habis poin ini takut nanti saya lari poin. **Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sikit sahaja.

Seorang Ahli: Bagilah Yang Berhormat Tasik Gelugor mencelah.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tak apa, saya bagi, tak ada masalah. Yang Berhormat Tasik Gelugor kawan saya, Yang Berhormat Tanjong Karang kawan saya tetapi kurang-kurang bagilah saya kebebasan untuk habiskan dulu saya punya poin ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagi jalan.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, ada **big line** di sana dan ini akan terdedah kepada pelbagai alasan. Saya tahu isu kalimah Allah itu memang satu isu yang sensitif, saya tahu dan memang terletak dalam enakmen negeri masing-masing bahawa kalimah Allah tidak boleh dipakai oleh orang bukan Islam. Ya betul, itu undang-undang. Akan tetapi yang saya kecewa ialah *the manner in which we handle the case*. Cara bagaimana kita menanganinya. Kita nak bakar gereja, kita nak bakar kitab Bible. Adakah ini caranya dan kenapa orang yang bercakap demikian tidak dikenakan Akta Hasutan?

Saya pernah berada di sebuah gereja untuk berdialog, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya nak kongsi bersama. Saya dah pergi 30 buah ke 40 buah gereja dah [*Tepuk*] sebab Islam itu agama yang rahmat, Tuan Yang di-Pertua bukan Islam itu agama yang mengancam orang. Salah satu gereja yang saya pergi pada 16 September iaitu Hari Malaysia, polis telah menahan dan mengatakan tak boleh teruskan sebab ada para demonstrasi di luar kerana menyekat saya untuk membuat dialog dengan Kristian. Kami terpaksa pindah dari tempat itu pergi ke gereja. Bila pergi ke gereja, mereka pada demonstran ini mengikut. Saya tak tahu siapa, pemuda UMNO kah apa saya tak tahu [*Dewan riuh*]. Saya tak tahu saya kata, saya tak tahu.

Okey, saya tak sebut, saya tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pihak polis tidak faham tentang hak kebebasan. Dia minta kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk membatalkan program hanya kerana 10 orang -20 orang membuat demonstrasi. Saya berkata kepada mereka, kamu polis, sepatutnya menghalau sepuluh orang, 20 orang ini mengganggu majlis dan hak kebebasan untuk saya berdialog di dalam gereja.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Itu mentalitinya. Jadi saya khuatir di sebalik saya bersetuju bahawa cetusan kebencian agama dan kaum itu memang perlu dijadikan satu jenayah dan kita tidak boleh menjadikan perkara itu berleluasa tetapi saya khuatir, sama masalah saya, dua

perkara itu. *Intent* dengan *harm* jika tidak ada maka dia akan *open for abuse*. Apatah lagi kalau kita tengok dalam - sebelum itu saya bagilah. Dah berdiri lama dah. Sila.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nak tanya pendek sahaja. Tadi Yang Berhormat kata berdialog dengan Sister in Islam kerana Jawatankuasa Fatwa mengatakan Sister in Islam ini tidak ikut ajaran Islam. Ada tak Yang Berhormat lepas jumpa Sister in Islam, ada tak Yang Berhormat berjumpa dengan Jawatankuasa Fatwa mana-mana negeri?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Satu soalan yang baik.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya *to be fair*.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, ya. Tajuk panas, kepala sejuk.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak, yang kawan-kawan lain marah ini pasal apa?

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya tak tahu, itu bukan masalah saya.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya Yang Berhormat Parit Buntar. Yang Berhormat Parit Buntar dengan saya ini, kita *gentleman*, kita *steady*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Tanjong Karang bertanya saya, saya akan jawab. Orang lain jawab jangan ambil kira. Jawapannya mudah sahaja.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Boleh saya tambah soalan sikit? Sikit sahaja.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kejap, kejap. Bagi saya habis dahulu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Di dalam konteks yang sama, mudah jawab sekali harung.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bagi saya habis dulu. Benda soalan mudah sahaja, saya jumpa atau tidak. Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, saya dah jumpa, alhamdulillah dan saya telah menerangkan bagaimana Islam itu perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas apabila kita mengeluarkan fatwa orang itu sesat, bahaya Tuan Yang di-Pertua. Bahaya kepada nyawanya, bahaya kepada keluarganya, bahaya kalau dia mati macam mana hukum sesat ini Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh tanya sikit? Jawatankuasa negeri mana?

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tadi dah tanya soalan.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sikit sahaja, jawatankuasa fatwa negeri mana? Boleh bagi tahu? Itu sahaja.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Selangorlah, Selangor yang mengeluarkan fatwa ini. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jumpa Selangor? Okey, terima kasih.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Habis. Saya balik kepada tajuk saya. Jadi saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Saya harus ucapkan tahniah atas inisiatif Yang Berhormat mengambil pendekatan terbuka, berdialog di gereja, berdialog dengan Sister in Islam. Saya fikir ini satu langkah yang baik cuma saya nak tanya Yang Berhormat, kalau begitu pendekatan Yang Berhormat, kenapa Yang Berhormat dan PAS tak mengambil pendekatan yang sama duduk dan berunding tentang hudud dengan DAP? Kenapa Yang Berhormat dok bergaduh benda-benda macam itu? Yang ini lagi penting. Ada dah sampai peringkat bawa usul tetapi kenapa tak ada *spirit* yang sama dalam kes hudud?

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan politik, Tuan Yang di-Pertua tetapi... [*Dewan riuh*]. Sabar, sabar.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Sahabat ku Yang Berhormat, kita kan semua orang politik, memanglah soalan politik.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, *I'm coming to that*. Saya punya perkataan seterusnya ialah memang kita orang politik jadi kita kena cakap juga soal politik. Cuma soalan saya Yang Berhormat Ketereh juga kena jawab, kenapa Najib sampai hari ini tak bagi sikap dia tentang hudud? [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: [*Bangun*]

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Pekan. Okey, saya rasa kita cukuplah. Ini panjang nanti, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Boleh bagi jalan?

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya nak bagi habis tentang tajuk kita ini. Saya mohon tidak ada pencelahan sebab saya tinggal tiga minit sahaja lagi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Boleh bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya rasa jawapannya sudah terang dan jelas. Dia bertanya secara politik, saya jawab secara politik, Tuan Yang di-Pertua. Saya orang politik.

Seorang Ahli: Tak boleh jawablah tu.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tak apalah, itu terpulang kepada pandangan Yang Berhormatlah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tak payah layanlah.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya bagi tahu contohnya, apakah *reference* kita yang dikatakan Islam itu agama rasmi Persekutuan, saya setuju dan tidak ada siapa pertikai di sini, saya rasa. Hak keistimewaan orang Melayu, tidak ada siapa pertikai di sini. Islam itu adalah agama rasmi Persekutuan, tidak ada siapa yang pertikai di sini dan saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan ini bukan nak jaga negara daripada semua ini tapi dia lebih kepada nak jaga UMNO dan Barisan Nasional [*Tepuk*].

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tepat sekali.

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Inilah *the worse thing that could happen*, kami dipaksa untuk bahas satu benda dan minta disokong hanya untuk mengekalkan kuasa UMNO dan Barisan Nasional [*Tepuk*]. Jadi bagi saya, Islam mesti dirujuk kepada maknanya yang luas, Tuan Yang di-Pertua. Apa maksud apabila orang itu menghina Islam. Adakah kerana dia berbahas daripada sudut *legality* sesuatu perkara, *administrative* sesuatu perkara yang ada kaitan dengan Islam, itu dianggap sebagai menghina Islam?

Perkara itu perlu diambil kira kerana kalau tidak, ia akan *open for abuse*. Kalimah Allah, banyak pandangan para ulama tentang soal ini. Adakah apabila ada satu pandangan yang menyatakan orang bukan Islam boleh guna kalimah Allah itu dianggap menghina?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sabah, Sarawak boleh.

■1700

•1700

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sabah Sarawak boleh pakai pula kalimah Allah, kenapa Semenanjung tidak boleh? Ini isu yang bagi saya *fundamental* dan paling saya khuatir Tuan Yang di-Pertua ialah apabila kita tidak tangani perkara ini dengan betul, maka buruk nama Islam. Sedangkan Islam itu [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ayat Al-Anbiya' 107, "*Tidak kami utuskan Engkau Muhammad melainkan untuk membawa rahmat.*" Membuka ruang untuk kita selesai masalah melalui dialog, membuka ruang untuk kita berbincang dan berkonsultasi, itu lebih baik daripada kita terus menghukum dan kita menghukum itu pula dengan nama Islam.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Orang kafir kata adakah ini Islam? Ini yang paling saya khuatir. Sahabat saya Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Okey terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk kepada apa Yang Berhormat Parit Buntar sebutkan dalam ayat, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Memang Islam itu didatangkan untuk seluruh alam, tetapi ia ada juga had dan tatacara. Oleh sebab itu Allah sebut dalam al-Quran [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], "*Bagi kamu agama kamu dan bagi kami agama kami.*" Maknanya ada batas-batas sempadan, ada perkara-perkara yang kita *compromise*kan, yang kita hidupkan secara harmoni tetapi ada perkara-perkara yang ada had masing-masing. Masing-masing agama ada *border*nya.

Jadi dalam hal ini, saya rasa Yang Berhormat Parit Buntar perlu jelaskan perkara ini dengan lebih terperinci supaya orang lebih faham bahawa dalam melaksanakan agama ada rasa hormat-menghormati, ada batas sempadan dan ada had-hadnya. Bukan semuanya terbuka sampai tidak ada langsung batas sempadan. Jadi, setujukah Yang Berhormat Parit Buntar begitu?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak ada kontradiksi...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, jawab yang itu. Selepas itu, seminit dua lagi gulung.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak ada kontradiksi dengan apa yang disebut ayat [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ia mesti dibaca dengan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Surah An-Nahlu ayat 125, "*Serulah kepada Tuhan mu dengan jalan yang penuh hikmah dan*

hendaklah kamu itu berbincang dengan cara yang paling baik.” Kalau terpaksa berdebat, berdebat dengan cara yang paling terbaik. Jadi ayat itu perlu dibaca bersama dengan hikmahnya Islam itu menangani kepelbagaian yang ada.

Akhir sekali saya ingin membuat rumusan Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada fakta bahawa setelah melalui 58 tahun kemerdekaan, Malaysia akan menjadi lebih baik tanpa Akta Hasutan. Itu satu fakta. Kedua ialah selagi Akta Hasutan ini tidak menangani masalah *intention* dan ham yang merupakan satu prinsip *maxim* dalam *criminal case*, selagi itulah kita terpaksa menolak perkara ini. Ketiga ialah dalam kesemua ini apabila dimasukkan Islam di sini sebagai rujukannya kepada hukum syarak sebagaimana yang termaktub di mana-mana, saya harap janganlah Islam yang disempitkan kepada Islam penguasa-penguasa, Islam yang ada kepentingan-kepentingan kerajaan, Islam yang ada pihak-pihak tertentu mempunyai kepentingan-kepentingan. Islam itu mesti ditafsirkan dengan maknanya yang luas kerana Islam itu sendiri adalah luas.

Dengan itu, saya memohon supaya akta ini dibawa kepada Jawatankuasa Khas, dibincangkan dan diteliti dengan lebih baik. Selagi tidak selesai tiga perkara yang saya sebut itu, sukar untuk kami menyokongnya. Oleh sebab itu, saya menolak rang undang-undang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Karang, 15 minit.

5.03 ptg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang membawa pindaan kepada Akta Hasutan ini. Saya mendengar sebelah sana tadi soal tangkap, soal kebebasan bersuara. Dalam dunia ini, termasuk dalam negara kita, mana tempat yang betul-betul kita bebas bercakap? Bukan sahaja bebas bercakap, kita ada imuniti lagi dan tidak boleh didakwa. Akan tetapi kalau kita tengok Peraturan Mesyuarat 36(10)(c), *“perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948.”* Ertinya, dalam kita di Parlimen ini ada imuniti, bebas bercakap semuanya, kita masih tertakluk di bawah Akta Hasutan. Sebab apa? Oleh sebab kita kena melihat sejarah Akta Hasutan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri kata tadi, betul kita mengenakan Akta Hasutan kerana kita hendak menjadikan negara kita ini aman, harmoni, lebih-lebih lagi negara kita ini berbilang kaum, agama, bangsa, budaya. Tidak ada negara dalam dunia ini yang sungguh istimewa macam seperti di Malaysia, berbagai-bagai agama dan sebagainya, tetapi kita boleh hidup aman dan harmonis selama ini.

Oleh sebab itu, kita lihat ancaman-ancaman yang boleh menyebabkan negara kita ini terancam, perpaduan kita ini tergugat, kerana apa? Oleh sebab perkara-perkara yang boleh menghasut rakyat. Oleh sebab itu, ancaman kita yang pertama ialah komunis. Kita sebelum merdeka, komunis merupakan ancaman kepada negara kita. Oleh sebab itulah diperkenalkan Akta Hasutan. Walaupun hari ini ada pihak sebelah sana kata pengganas itu merupakan komunis, merupakan pejuang kepada kemerdekaan

negara, tetapi sejarah tetap mengatakan bahawa komunis ialah pengganas. Oleh sebab itulah kita mengenakan Akta Hasutan dan aman sehingga kita berjaya menghapuskan komunis.

Apa pula ancaman kita yang kedua selepas kemerdekaan ialah 13 Mei. Sebab apa berlaku 13 Mei? Sebab kita semua tahu masalah kaum, rusuhan kaum kerana tidak berpuas hati di antara satu sama lain. Apabila berlaku 13 Mei berdasarkan kaum, maka sekali lagi akta ini dipinda. Kita lihat akta ini dipinda dan telah pun ditambah kepada 3(1)(c) iaitu tidak boleh menyoalkan apa-apa perkara hak terhadap kedudukan dan sebagainya yang sudah ada dalam Perlembagaan ini.

Sebab apa pindaan ini dibuat? Pindaan ini dibuat kerana pemimpin pada ketika itu tidak mahu lagi timbul perkara rusuhan kaum, berlaku lagi 13 Mei, sebab itu dibuat undang-undang ini. Akan tetapi malangnya, undang-undang ini dibuat sudah terlambat, sudah bergaduh, 13 Mei sudah berlaku baru buat undang-undang ini. Akan tetapi hari ini kerajaan kita lebih pandang ke hadapan kerana hari ini ancaman di depan mata kita ini bukan soal kaum lagi, tetapi soal agama yang cukup bahaya dan lebih sensitif. Ini semalam kita bincang ada orang sanggup mati, sanggup berjuang kerana agama. Jadi hari ini, kita lihat unsur-unsur untuk menghina agama, unsur-unsur untuk mencampuri urusan agama orang lain sampaikan isi khutbah pun mula dipersoalkan oleh orang bukan Islam. Siapa mereka hendak persoalkan khutbah kita sehinggakan kita lihat menghina Kaabah kita, menghina puasa kita, buka puasa kita dengan makanan yang tentu haram bagi orang Islam, menghina masjid kita, menghina Kaabah kita, menghina macam-macam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini satu penghinaan. Jadi Kerajaan Barisan Nasional pandang jauh ke depan. Bukan macam pembangkang, hendak tengok ke belakang kerana saya kata ini Akta Hasutan. Jadi oleh sebab itu kita hari ini, tahniah. Kita bubuhlah satu klausa yang baru, yang hari ini kita lihat kita satu rang undang-undang yang baru iaitu menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang yang mengembangkan perasaan jahat, permusuhan dan juga kebencian antara mana-mana agama. Bukan sahaja menghina agama Islam. Kalau ada orang Islam yang cuba menghina agama lain, ini juga merupakan satu kesalahan.

Oleh sebab itu kita kena mematuhi, kita kena mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kita yang ingin menjaga keselamatan di dalam negara kita dan

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Semangat yang diturunkan dalam pindaan akta ini sebenarnya bukan untuk menjaga satu kaum atau satu agama. Jelas, pindaan baru memasukkan peruntukan untuk melindungi agama Islam dan agama-agama lain. Maknanya, ia sesuai dengan Perlembagaan negara kita. Tidak timbul isu berkaitan kita menjaga satu pihak sahaja.

Tadi Yang Berhormat sebut mana negara yang beri kebebasan? Kita ambil negara yang sentiasa menjadi ikutan dan rujukan, idola kepada rakan-rakan di sebelah sana, Singapura. Singapura misalnya, kalau kita tengok ada kes-kes yang pernah rakyat negara berkenaan menghina agama dan sebagainya

diambil tindakan. Singapura sendiri mempunyai tindakan, mempunyai akta yang juga menyekat perkara-perkara seperti ini di negara mereka.

■1710

Jadi tidak timbul bahawa apa yang kita buat ini sebenarnya melanggar hak asasi manusia kerana negara yang mereka sanjung sendiri pun memiliki akta ini. Jadi saya tidak fikir bahawa apa yang kita buat ini adalah suatu yang luar daripada hak dan kebebasan kerana hak dan kebebasan mesti ada batas dan peraturannya. Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minta laluan Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan landskap politik negara telah berubah begitu banyak sekali. Beberapa tahun dulu, kita dapati suasana politik walaupun juga hangat pada ketika itu tetapi kita jarang sekali kedengaran perkara-perkara sensitif di bawa ke hadapan demikian rupa seperti mana berlaku akhir-akhir ini.

Kita lihat dulu walaupun ada berbezaan pandangan di kalangan tokoh-tokoh politik. Waktu dulu kita jarang melihat tokoh-tokoh politik terlibat dalam mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyentuh sensitiviti agama lain, sensitiviti institusi sultan dan sebagainya. Adakah juga Yang Berhormat Tanjong Karang bersetuju bukan sahaja landskap itu telah berubah, tetapi oleh kerana keadaan dan perkembangan teknologi? Kalau dulu barangkali teguran-teguran itu hanya dimuatkan dalam surat layang, di corong-corong mikrofon dan dalam ucapan secara langsung, tetapi sekarang dengan adanya media baru, trend itu menjadi lebih *exaggerated* yang lebih besar lagi sehinggakan kita lihat ada yang berumur 14 tahun, 15 tahun terlibat dalam kegiatan membuat kenyataan *posting* dan sebagainya.

Apakah Yang Berhormat Tanjong Karang setuju pada masa ini yang dilihat diserang bertubi-bertubi itu lebih terkena kepada institusi kesultanan, agama Islam, yang rata-rata orang Melayu dan orang Islam kelihatan itu sabar. Akan tetapi apakah Yang Berhormat Tanjong Karang bersetuju bahawasanya *the silent majority* ini turut *suffer* dalam keadaan hasutan demi hasutan yang mungkin satu hari, situasi akan turut berubah, maka orang Melayu, orang Islam mula menyerang, menghina agama Hindu, menghina agama Kristian dan sebagainya.

Dalam situasi yang demikian, jika kita tidak membendung daripada sayang maka kemungkinan sesuatu yang di luar imaginasi kita berlaku maka kebertanggungjawaban kerajaan dalam menangani suasana yang kompleks ini, yang sewaktu kita menggubal Perlembagaan Negara. Perkara-perkara yang tertentu itu telah dilihat oleh *our four fathers*. Perkara itu kalau tidak dikawal, tidak dibendung tentang sensitiviti ini keseluruhan kontrak sosial itu akan runtuh.

Apakah Yang Berhormat Tanjong Karang boleh bersetuju landskap yang berubah ini, teknologi yang berubah ini memerlukan kita ada satu set undang-undang yang dinamik dan diperkemas.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih sahabat saya dari Lenggong dan juga Yang Berhormat Ketereh. Saya memang setuju yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Lenggong. Kalau saya tidak silap di surat khabar, baru ini bila Lee Kuan Yew mati.

Ada kali budak umur 16 tahun, tidak silap saya telah pun didakwa di bawah Akta Hasutan. Kalau tidak silap saya. Betul, bawah Akta Hasutan? Berumur 16 tahun, apa yang tahu? Cuba dekat Malaysia buat, kalau buat dekat Malaysia runtuh Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua. Puak-puak ini akan buat demonstrasi jalananlah. Lawan tetap lawan, mana ada keadilan dan sebagainya.

Tapi di Singapura, okey. Sebab rakyat mereka itu bertamadun. Pembangkang mereka tidak macam pembangkang di Malaysia, yang tidak faham, yang hendak lebihkan kepada politik, bercakap tidak tahu apa yang di cakap. Contoh macam Yang Berhormat Parit Buntar cakap tadi kalimah Allah. Kenapa di Sabah dan Sarawak boleh buat? Ini sebab tidak faham. Sebab apa di Sabah Sarawak boleh? Ini kerana kita kena ingat bahawa di bawah Artikel 11(4) Perlembagaan negara kita memberikan kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk membuat undang-undang supaya agama-agama lain tidak boleh disebarkan oleh di kalangan orang Islam.

Diberi kuasa oleh kerajaan negeri, Selangor ada undang-undang itu ambil daripada Artikel 11(4) banyak negeri. Tetapi di Sabah dan Sarawak tidak ada enakmen seperti di negeri Selangor, seperti di negeri Kelantan. Tidak ada. Kerana itu kalau kita lihat apabila kitab *bible* dipulangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, dia tidak pulangkan kepada *Pope* walaupun kitab itu dirampas di Selangor, tetapi tidak dipulangkan kepada Selangor, dipulangkan kepada Paderi daripada Sabah dan Sarawak dan Bible itu di cop lagi. Tidak benar disebarkan di negeri Selangor.

Ini masalah kita, cakap pandai, pergi gereja keluar gereja, undang-undang pun tidak betul. Kalau ucapan macam ini pergi bercakap di Sabah dan Sarawak mesti dia kata, *"Eh, ini mana adil, Allah yang sama sebab apa Semenanjung tidak boleh? Sebab apa Sarawak boleh, sebab apa Sabah dan Sarawak boleh guna kalimah Allah"*. Ini kata tadi perlembagaan kita, kata kita bersetuju bila mengikut perlembagaan kita. Undang-undang ini datang daripada perlembagaan kita. Ini sebagai contoh bagaimana ceteknya mereka. Bagaimana mereka tidak faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh tanya sikit? Tanya tentang Artikel 11.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Pasal apa? Undang-undang? Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, Terima kasih pada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagi saya habiskan jawapan Yang Berhormat Ketereh. Nanti saya bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, ini contoh saya dah kata pun tadi. Tidak payah kata pergi negara-negara lainlah, kita dalam Parlimen ada imuniti cakaplah apa pun hendak cakap, tetapi kita masih lagi tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 36(10)(c) yang saya sebut tadi. Tidak boleh sentuh Akta Hasutan dan tidak silap saya ada satu kes Mark Koding yang telah pun didakwa, bercakap di dalam Parlimen.

Ini menunjukkan bahawa Akta Hasutan ini amat penting untuk menjaga keharmonian, keamanan negara kita. Oleh kerana itulah tadi bila Yang Berhormat Ketereh kata, sebab apa berlaku? Penting, ini kerana kita berbagai-bagai kaum. Ini yang kita bekas-bekas pemimpin kita, bapa-bapa kemerdekaan kita, bersetuju untuk mendraf perlembagaan. Apa asas perlembagaan negara kita? Setiap perkara kita mesti

ada *foundation* yang kuat. Bangunan ini mesti ada asas yang kuat, apa asas yang kuat perlembagaan negara kita? Jawapannya ialah sosial kontrak. Apa dia sosial kontrak?

Bila kita kata sosial kontrak, mesti ada *consideration*. Kita akui bahawa orang-orang bukan Melayu telah pun berkorban, bersetuju supaya di dalam perlembagaan kita, tujuh wasiat Raja-raja Melayu itu dikanunkan, di tulis di dalam perlembagaan kita. Dalam masa yang sama, orang-orang Melayu juga berkorban, memberikan persetujuan kepada orang yang bukan Melayu supaya diberikan taraf kerakyatan. Kalau kita lihat sejarah mengapa orang UMNO menentang Melayu *Union* 1946? Salah satu yang kita menentang Melayu *Union* kerana salah satu tujuan Melayu *Union* hendak memberikan taraf kewarganegaraan kepada bukan Melayu serta jus soli.

Itu yang orang UMNO tentang. Tetapi oleh sebab kita hendak mencapai kemerdekaan, hendak pandang ke depan maka kita ada sosial kontrak yang sepatutnya kita tidak boleh dipersoalkan. Tetapi malangnya, macam saya kata tadi bila sampai tahun 1969 perkara ini diungkit-ungkit itu yang berlaku 13 Mei. Tetapi, alhamdulillah...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat Tanjong Karang, dua minit lagi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ha, dua minit, saya tidak bagi kalau dua minit. Nanti kemudian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi kata hendak bagi sangat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kejap,kejap sebab lagi dua minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau kerajaan bohong, Yang Berhormat Tanjong Karang bohong juga.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tadi saya dengar Yang Berhormat Parit Buntar lama Tuan Yang di-Pertua. Tidak adil macam ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kerajaan bohong tentang Akta Hasutan, ini hendak bohong saya pula.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, Saya ikut. Saya ikut arahan Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya kena buat keputusan bahawa kalau *Whip* ataupun ketua-ketua parti itu saya beri setengah jam, itu sebab yang Barisan pun yang penghujah pertama saya setengah jam. Jadi yang berikutnya 15, 15 minit. Jadi Yang Berhormat ada mempunyai 15 minit. Silakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okeylah tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, tidak apa, tidak apa, saya akur nanti saya bagi. Saya akan bagi. Bagi saya punya hujah dulu. Itu saya kata tadi terpaksa dimasukkan sosial kontrak itu dimasukkan di bawah Akta Hasutan. Hari ini yang tadi yang disebut ialah pasal agama. Hari ini kita lihat dah ada golongan-golongan rakyat Malaysia yang sanggup pergi sampai ke peringkat antarabangsa memperjuangkan COMANGO sebagai contoh, yang mana ada di antara perjuangan itu yang tidak boleh kita terima di dalam negara kita dan bercanggah dengan perlembagaan.

Tetapi ada pula segolongan rakyat yang menyokong. Oleh sebab itu mesti dibuat mengenai undang-undang supaya jangan sebab agama, rakyat kita boleh berpecah belah dan juga boleh bergaduh sesama kita. Saya setuju. Begitu juga dengan Yang Berhormat Ketereh cakap tadi, terima kasih kepada kerajaan kepada Menteri, masukkan satu seksyen baru. Iaitu tidak boleh menggunakan mana-mana media sosial.

■1720

Dahulu betul, kita hanya gunakan surat khabar, gunakan surat layang dan hari ini media sosial dan media sosial ini kita kenakan undang-undang ini supaya apa? Supaya tidak ada orang menggunakan sewenang-wenangnya, menyalahgunakan media sosial. Namun demikian dalam seksyen 9, kalau tidak silap saya, kita juga ada memberikan dalam rang undang-undang yang baru ini walaupun dia didakwa di bawah seksyen untuk media sosial tetapi dia ada hak untuk membela diri seperti yang telah pun ditetapkan dalam Artikel 6A kalau tidak silap saya. Ertinya tidak boleh, dia kena membuktikan bahawa dia tidak buat. Maksudnya bukan sewenang-wenangnya kita boleh mendakwa seseorang.

Hari ini kita jangan lupa bahawa dalam akta ini kita berterima kasih kepada kerajaan. Hari ini dua akta yang cukup penting iaitu perbuatan mana-mana orang untuk mengembangkan kebencian ataupun penghinaan atau membangkitkan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan tidak akan lagi menjadi kesalahan. Tidak jadi kesalahan sudah sekarang. Lagi satu, kita membatalkan lagi apa-apa perbuatan yang mengembangkan kebencian ataupun penghinaan ataupun untuk mengembangkan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan, telah dibatalkan. Ertinya hendak cakap, cakaplah. Kata Kerajaan Barisan Nasional rasuah. Kerajaan Barisan Nasional ini kroni, tidak adil itu hak, kita tidak ada kesalahan sudah sekarang ini. Cakaplah apa-apa juga, saya akan bagi, sekejap. Hendak cakap, cakap. Ia tidak lagi merupakan satu kesalahan tetapi hari ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Kita lihat apabila kita memberikan kelonggaran mereka bercakap, mereka tuduh pula kata pemimpin kita Yang Amat Berhormat Pekan tidak menunaikan janji dan sebagainya. Bab tidak tunaikan janji ini Tuan Yang di-Pertua bagi saya, saya hendak bagi satu contoh yang kata tidak tunaikan janji. Saya baca ini. *"Sementara itu dalam sidang akhbar, Penasihat DAP Tuan Lim Kit Siang, meluahkan rasa terkejut dengan tindakan Abdul Hadi yang jelas bertentangan dengan janji yang dilakukan oleh beliau sebelum ini untuk membentangkan rang undang-undang persendirian berkenaan kepada Majlis Pimpinan Pakatan Pembangkang terlebih dahulu".*

Lim Kit Siang kata apa? *"Saya sangat terkejut apabila Abdul Hadi berjanji pada 8 Februari lalu dalam mesyuarat bahawa undang-undang berkenaan hudud akan dibawa ke Majlis Pimpinan terlebih dahulu, bagaimanapun Abdul Hadi mungkir janji. Ini merupakan kali..."* Ini sesama dia pun tuduh kita mungkir janji. Ini contoh. Bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh. Oh! Dulu saya pernah terbaca satu *statement*, *"Kalau Pakatan Rakyat tidak boleh memerintah akan pergi ke Amerika, hendak menjadi pensyarah"*. Akhirnya menjadi pensyarahlah juga, jadi pensyarah dekat Sungai Buloh. Tidak menunaikan janji juga. Apa yang lebih teruk lagi di Selangor, buat pilihan raya kecil beritahu rakyat hendak tukar Menteri Besar terpaksa buat...

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Tiba-tiba Yang Berhormat Gombak yang tidak ada apa-apa menjadi Menteri Besar. Eh! Mana janji ini? *[Dewan riuh]* Kalau hendak kira kata tidak tunai janji...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Pakatan pembangkang, pemimpin dia lagi cakap putar belit, lidah biawak.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Suka menipu. *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak bagi Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa lagi Yang Berhormat. Tidak ada masa sudah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Gulunglah Yang Berhormat, tidak ada masa.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia buang masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa buang masa?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak bagi sudah? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa Yang Berhormat. Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh? Ha! Boleh. Okey, terima kasih banyak. Jadi oleh itu, saya hendak mengingatkan lagi bahawa keamanan yang kita ada ini bukannya datang dengan sendirinya. Keamanan yang kita ada ini datangnya kerana undang-undang. Undang-undang yang paling penting ialah undang-undang Akta Hasutan. Dalam Akta Hasutan, kalau ada mana-mana pihak yang mengatakan kita ini menyekat kebebasan bercakap, tidak betul. Seheinggakan kita sanggup membatalkan mana-mana pihak yang hendak mengkritik kerajaan sudah tidak merupakan satu kesalahan, dahulu boleh, merupakan satu kesalahan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang cukup terbuka, mengamalkan demokrasi yang betul dan cakaplah apa yang hendak dicakap tetapi jangan menghasut. Ini pentingnya, jangan menghasut.

Tadi saya dengar pihak di sebelah sana menyebut ramai pemimpinnya kena tangkap. Baru kena tangkap, belum kena dakwa. Kena tangkap lain, kena dakwa lain. Macam Yang Berhormat Lembah... kata. Bila dia kena tangkap, polis siasat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Bagi kepada DPP. Kalau DPP kata tidak ada kes...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong *landing* Yang Berhormat. *Landing* lah Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya lihat *landing*, terbang balik. Sudahlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Selagi dia tidak *landing*, saya akan mencelah.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, okey. Apa buang masa? Ini masalah pembangkang. Apabila kita cakap kebenaran Tuan Yang di-Pertua, telinga mereka sakit. Mereka kata saya buang masa.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apakah salahnya tentang ucapan saya? Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tolong bangun, apakah salah ucapan saya? Tolong bangun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Eh! Saya berdiri *you* tidak hendak bagi.

Seorang Ahli: Tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat. Gulung Yang Berhormat, yang lain hendak berucap juga Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Low standard* sebab itu dia gugur. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oleh sebab itu saya katakan bahawa pihak di sebelah sana Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap tidak tahu, peraturan-peraturan Dewan pun dia tidak baca sampai habis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia tidak faham maksud gulung Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kedua, saya hendak beritahu bahawa undang-undang kita...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya lah, saya hendak gulunglah ini. Memang saya hendak gulung, saya dalam proses hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat bising pasal apa? Saya sedang gulung. Bila saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tikar daripada Yang Berhormat Tanjong Karang keras, susah mahu digulung. Sila, gulung Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Dia sebut gulung pun silap Tuan Yang di-Pertua. Gulung, gulung dia sebut...

Tuan Yang di-Pertua: Lembutkan tikar itu Yang Berhormat, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bila saya hendak gulung, mereka hendak buka balik. Itulah yang terbuka balik ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya sudah hendak gulung. Dengan ini saya hendak menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah betul dan tadi disebut mengenai 'Akta Perpaduan', yang itu lain. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar itu isu lain. Jadi Akta Hasutan dengan pindaan-pindaan yang ada, saya jamin *insya-Allah* akan lebih menjamin keamanan dalam negara kita. Dengan ini, saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Bandar Kuching, 15 minit.

5.27 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Hasutan. Saya akan merujuk kepada perkara daripada perspektif Sabah Sarawak dan apakah kesan-kesan rang undang-undang ini dan akta induknya ke atas negeri Sarawak dan Sabah. Ini kerana sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sarawak, saya ingin kedua-dua belah ini, kita juga semua – itu isu hak-hak Sarawak, Sabah adalah dekat kepada hati kita.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya berasa amat terkejut pada masa saya membaca apa yang tertulis dalam fasal 3 di rang undang-undang itu iaitu "*ILLUSTRATION. A excites a person or a group of persons to demand for the secession of State B from Malaysia. Such act is seditious.*" Saya rasa amat kesal kerana rang undang-undang ini dibentangkan oleh Menteri Dalam Negeri dan kita ada seorang Ahli Parlimen dari Sarawak yang memangku jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri. Tidakkah beliau tahu tentang pembentangan atau apa yang tertulis dalam akta-akta ini?

Selepas akta-akta ini dibacakan kali pertama dalam Dewan ini, beberapa orang Ahli Parlimen, Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah juga mengatakan ini adalah *target* kepada Sarawak dan Sabah kerana sekarang ada sentimen *secession*, sentimen pemisahan yang kuat. Oleh itu, rang undang-undang ini adalah untuk menekan pemisahan ini. Hari ini walaupun fasal ini telah ditarik balik, dibatalkan tetapi menurut apa yang dikatakan oleh Menteri Dalam Negeri semasa membentangkan rang undang-undang ini, beliau masih memegang kepada pandangan bahawa menuntut pemisahan adalah satu *Act of Sedition*.

■1730

Saya ingin tanya, adakah Kerajaan Pusat *consult* dengan Kerajaan Negeri Sarawak atas pendirian itu? Apakah pendirian Yang Berhormat dari Santubong, Timbalan Menteri Dalam Negeri atas pandangan ini? Ini adalah satu pencabulan terhadap Perjanjian Malaysia yang kita sertai pada tahun 1963.

Oleh itu, saya berasa bahawa ramai daripada Semenanjung sini tak faham tentang pembentukan Malaysia, *historynya*. Saya ingin membawa, *I'd like to bring us back to 1962* di DUN Sarawak semasa itu *Motion of Malaysia was tabled in DUN Sarawak. The motion here says...* *[Membaca petikan]*

"Welcomes the decision in principle of the British and Malayan Governments to establish Malaysia by the 31st August 1963, on the understanding that the special interests of Sarawak will be safeguarded;

Notes that an Inter-Governmental Committee has been established to work out the detailed constitutional arrangements and the form of these safeguards, which will be laid before this council;"

Ini adalah *Council Negeri* Sarawak pada masa sebelum kita membentuk Malaysia. Ada satu perbahasan atas usul Malaysia. Beberapa ahli telah berbahas dan saya akan memetik sebahagian perbahasan mereka supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sana faham tentang sentimen dan semangat pembentukan Malaysia termasuklah Yang Berhormat Kota Belud.

Salah seorang dari ahli *Council Negeri*, G.W. Geikie. Saya memetik apa yang dia kata...
[Membaca petikan]

"Similarly, Sarawak should not consider entering Malaysia unless there is suitable provision for her to get out if it does not work out."

Kedua, *the Residence of the Fourth Division*, also seorang Ahli Dewan Undangan Negeri pada masa itu, beliau kata... [Membaca petikan]

"The fourth divisional advisory was unanimous on the subject of secession that there should have the right to secede if they wish to do so."

Ketiganya, Mr. Yeo Cheng Hoe juga seorang Ahli Dewan Undangan Negeri... [Membaca petikan]

"Let us see through it that, when translated into reality it remains there. It will not be wise to allow it to proceed along the road of no return. Of all the safeguards that one can think of, there is nothing to compare with that of the right to secede through a state referendum. If Malaysia is all that is being painted, there need be no fear of anyone wanting to leave it. But if we burn our bridges now and cut off all avenues of retreat, what will our younger generations think of us when things go from bad to worse. I am afraid they will even dig out our dead bodies and desecrate them."

Yang keempat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 15 minutes ya, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya tadi meneliti ucapan Yang Berhormat Bandar Kuching. Izinkan saya baca *The UN High Commissioner for Human Rights*, Mr. Zeid Ra'ad Al Hussein *statement today* berkenaan dengan perbahasan yang kita sedang jalankan ini di mana Mr. Zeid Ra'ad Al Hussein hari ini mengeluarkan *statement*... [Membaca petikan]

"It is very disappointing that the Malaysian Government is now proposing to make a bad law worse".

Dalam statementnya juga dia kata... *[Membaca petikan]*

"The new provision will seriously undermine the freedom of expression and opinion in the country in which of Malaysia's Federal Constitution and it's International Human Rights."

Di mana *High Commissioner for Human Rights* UN juga telah pun mengingatkan Kerajaan Malaysia supaya, *"The government had committed to repeal the act during its Universal Periodic Review at the UN Human Rights Council in 2013"*.

Maka kemungkiran janji ini bukan sahaja dalam tanah air kita, malahan di peringkat antarabangsa. Adakah ini merupakan satu perkara serius yang telah pun mencemar imej Malaysia? Setujukah Yang Berhormat Kuching, kita rujuk balik ini kepada *Select Committee* dan *bill* hari ini ditarik balik sekarang? *[Dewan riuh]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak payahlah rujuk kepada *Select Committee*, mansuhkan akta ini. Lagi baik.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti. Biarlah saya habiskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Lima minit Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Keempat...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tak berani.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Keempat, seorang Ahli DUN, Chieng Hie Kwong... *[Membaca petikan]*

"Right to secede, I fear that the inclusion of a secession clause is essential because this is the only weapon where the real interest of our country (Sarawak) can be protected."

Ada lagi. Ada beberapa orang. Mrs. Tra Zehnder, seorang tokoh Iban... *[Membaca petikan]*

"Now, since we are told that Malaysia is good for the people of Sarawak, why are we not being allowed to withdraw from Malaysia if later we find it not so good as we have been promised. If Malaysia is really good for us, we would not want to withdraw even though we are allowed to withdraw. In conclusion, I would like to have the most important safeguard included in the constitution".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu cadangan itu Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, bahkan itu Lord Lansdowne, *Inter-Governmental Committee (IGC) Chairman*, dia juga ada kata... *[Membaca petikan]*

"Any state voluntarily entering a federation have an intrinsic right to secede at will and that it was therefore unnecessary to include in the constitution. Therefore, it is our imply rights when we form Malaysia that we have the right to secede."

Today, the BN government is trying to take away that right. Take away that right from us. So therefore, we cannot support this Act...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *This is a right inherited to us by our forefather. And we cannot legislate to take away.* Hari ini ramai daripada Barisan Nasional sana mereka rasa gembira kerana fasal 3(a) itu telah dipotongkan. Akan tetapi, tadi apa kita dengar Yang Berhormat Menteri kata walaupun *illustration* ini dipotongkan tetapi sesiapa yang hendak menuntut perpisahan masih melanggar *Sedition Act*. Oleh itu, *don't try to fool the people by taking out this and make everybody happy but at the same time you are still criminalizing secession movement.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *All right.* Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak payahlah, tak payah. Saya hendak gulung.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *You* baca lah peraturan ini, Akta Hasutan 3(b) itu. Faham tak maksud 3(b) itu? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak bagi jalan ya. Sudah duduk sudah. Sudah duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, sentimen untuk perpisahan di Sabah dan Sarawak muncul berpunca kerana pencabulan Perjanjian Malaysia dilakukan oleh Barisan Nasional sepanjang masa 50 tahun. Ada beberapa contoh yang saya hendak berikan untuk membuktikan itu satu pencabulan Perjanjian Malaysia *that is to bring Sarawak on the same level as Malaysia.*

■1740

Salah satunya iaitu permainan isu hudud oleh UMNO dan golongan dalam PAS. *[Disampuk]* Ya, kedua-dua, *certain group in PAS and UMNO.* Permainan isu hudud ini – ini telah mencabuli...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini PAS, wakil rakyat PAS.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Spirit kita.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh! Wakil rakyat PAS.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Spirit Malaysia...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh! Wakil rakyat PAS, tidurkah? Wakil rakyat PAS, malukah? Walaupun Malaysia

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ini pengaruh permainan hudud.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini wakil rakyat PAS...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ini sebab DAP yang benarkan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Diamlah. ...orang boleh diamkah? *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Malulah, malulah. Orang mempersendakan agama kitalah. PAS bangunlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak masuk Yang Berhormat Segambut Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu haiwan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Gerakan diamlah, diamlah Gerakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Suruh Yang Berhormat Segambut diam dulu Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ini DAP endorse PAS. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Allahu Akbar!

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mana Yang Berhormat Sepang? Mana Yang Berhormat Shah Alam?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Penakut semua. Ini betul-betul tidur satu bantal mimpi lain-lain. Jelas, inilah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar. Yang lain duduk Yang Berhormat. Saya suka teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, suruh mereka diam termasuk Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Stampin.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Diam, diam, diam, semua diam. Bahasa Inggeris, *English is an official language of Sarawak. I, as a representative of Sarawak, where the official language is and I am elected by the people of Sarawak and I am not entitled to speak English here. [Tepuk] But why the peraturan says that I have to speak in bahasa Melayu? This is one of the pencabulan Perjanjian Malaysia. [Dewan riuh]* 4,000 orang guru dari Semenanjung ditempatkan di Sarawak untuk menjalankan agenda *Islamization in the luar kampung sana*.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, Kota Kinabalu is...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Convert the Kristian...*

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]: *Is that... [Dewan riuh]* Bukan Parlimen ini, mereka..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Orang Sabah mesti setujulah cakap bahasa Inggeris di Parlimen.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: *No, no you... [Dewan riuh]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *As a Sarawakian, as a Sarawakian... [Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Menteri dululah! Menteri dululah!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu contoh UMNO, Barisan Nasional mencabuli semangat Perjanjian Malaysia. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *[Dewan riuh]* Yang Berhormat yang lain duduk Yang Berhormat. Tidak payah bergaduh di belakang, tidak payah bergaduh. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Paria, paria.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Baling, duduklah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ya, masa sudah habis Yang Berhormat. Habis! Habiskan, Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: GST yang mencabuli hak kerajaan Sarawak atas *sales tax*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah, nanti kemudian Menteri boleh jawab semua itu ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu saya anggap...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta pertimbangan daripada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Peraturan mana Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat '10B'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: '10A(b)' adalah salah bagi peraturan menggunakan perkataan-perkataan derhaka kepada negeri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat 10? Peraturan Mesyuarat 10, Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat 10(1)?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat '10A' dan '10B' pun sama, "*Perkataan-perkataan derhaka kepada negeri*".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: "*Perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan*". Ini mempertikaikan perlembagaan negara, mempertikaikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa dalam perlembagaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: 'Loyar buruk'.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Macam mana sebagai Ahli Dewan Rakyat mempertikaikan dan menuntut hak dia bercakap dalam bahasa Inggeris? Tidak menghormati Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat '10A' dan '10B' saya tidak nampak Yang Berhormat di sini. *[Dewan riuh]* Akan tetapi...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini peraturan mesyuarat Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Walau bagaimanapun, *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Walau bagaimanapun semua yang diungkapkan...

Seorang Ahli: Mana ada? Peraturan Mesyuarat '10A' dan '10B' tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oleh Yang Berhormat Bandar Kuching...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan mesyuarat Indonesia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat '10A' - tetapi saya faham, saya faham peraturan mesyuarat yang dikemukakan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Negara Zimbabwe kah, daripada... ini *standing order* dari mana?

Seorang Ahli: Peraturan Mesyuarat 10(1) atau 10(2) kah? Peraturan Mesyuarat '10A' dan '10B' mana ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat 36(10). Peraturan Mesyuarat 36(10) Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(10).

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Inilah dia standard Zimbabwe.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat 36(10).

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Memperlekehkan Dewan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mana ada.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(10) memang wujud dalam peraturan mesyuarat sedemikian tetapi setakat ini saya rasa Yang Berhormat Bandar Kuching tidak sampai ke tahap yang itu. Akan tetapi saya minta biarlah Menteri yang akan menjawab isu itu. *[Dewan riuh]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya hendak jawab *last*, selepas itu gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, minta laluan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Sekejap Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sekejap saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tidak benarkan lagi Yang Berhormat. Sudah habis masa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Habis masa.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Kuching, Yang Berhormat Kuching, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah. Yang Berhormat, *you* bagi dengan Yang Berhormat Penampang lepas itu Yang Berhormat Kota Kinabalu akan minta. Jadi kita tidak payah bagi laluan Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bagi Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Orang Sabah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah, tidak payah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kamu punya *country man*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat. Tidak payah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sabah, Sabah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak mahu bagi juga? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Bandar Kuching habiskan. Yang Berhormat Kota Kinabalu duduk Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, itu perasaan pemisahan. Itu satu perasaan sentimen yang kuat. Itu bukan kita boleh buat apa-apa undang-undang untuk menekan perasaan ini. *[Disampuk] For every action that is reaction, for every separation, there is a counter action against the separation.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan, habiskan Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *That is why I think – I may no support the secession movement at this moment. But I will protect the rights of those who want to demand for secession to speak their rights... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *And I think that right has to be protected and cannot be taken away by the government.* Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengerang.

5.47 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membahaskan hanya dua perkara bila kita rujuk kepada pindaan ini. Pertama sekali tentang fasal 2 "*by electronic means*". Sebenarnya kalau kita tengok ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa kerajaan tidak akan menarik kebebasan bersuara di media sosial tetapi kebebasan itu harus digunakan dengan prinsip kebertanggungjawaban. Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan menyatakan bahawa

hari ini, tidak seperti tahun-tahun dulu. Saya rasa bila akta ini digubal pada tahun 1948, media sosial ini belum wujud lagi. Hari ini kita sendiri tahu cabaran media sosial ini satu cabaran yang memang kita tidak boleh ukur dengan begitu senang seperti cabaran-cabaran lain.

Saya hendak merujuk pembacaan saya kepada fasal 2 "*by electronic means*" bersama dengan fasal 3 yang mana dimasukkan sekali selepas perenggan (e) dengan perenggan yang berikut "*to promote feelings of ill will, hostility or hatred between persons or groups of persons on the ground of religion*". Jadi saya hendak ikatkan dua-dua perkara ini sekali dengan membahaskan - hendak menunjukkan contoh kepada apa yang berlaku baru-baru ini di negara Perancis.

Apa yang berlaku pada satu majalah mingguan yang dipanggil Charlie Hebdo yang mana majalah ini telah diwujudkan berpuluh tahun Tuan Yang di-Pertua. Di mana majalah ini menghina agama Islam bukan melalui tuduhan yang agresif tetapi melalui sindiran, melalui penggunaan kartun, melalui penggunaan perli memerli yang mana *the Prophet*, dengan izin telah digunakan dalam pembentukan kartun, yang mana pada sejarah yang saya hendak sebut di sini, pada tahun 2007, editornya tidak didapati bersalah. Tahun 2005, tahun 2011 dan baru-baru ini terdapatnya pembunuhan yang mana sepuluh orang daripada jurnalis mereka campur dua telah dibunuh ataupun mati disebabkan oleh apa yang berlaku kerana menghina agama.

■1750

Mereka, polis di Perancis menuduh golongan-golongan *terrorist*. Akan tetapi sejarah telah membuktikan persatuan-persatuan Islam di negeri Perancis telah menggunakan sistem undang-undang dengan menyaman atas tuduhan fitnah dan sebagainya, mereka kalah. Jadi, apa yang berlaku dari segi sejarah kalau kita tengok. Kita boleh *Google* cerita ini. Presiden Sarkozy sendiri masa dahulu memberi sokongan kononnya atas kebebasan bersuara. Kemudian Presiden Hollande juga yang mengganti Sarkozy juga mengatakan kerana atas kebebasan bersuara, kerana kerajaan kepimpinan negara mereka berpegang kepada unsur kebebasan bersuara, tidak fasal-fasal kematian kepada para wartawan.

Cuba Tuan Yang di-Pertua kita bayangkan. Saya hendak berbahas dalam isu tanggungjawab negara, tanggungjawab pemimpin. Masalah kita hari ini, saya dengar sahabat-sahabat kita berbahas, banyaknya berbahas atas perbahasan perasan. Mereka menganggap kononnya pindaan yang berlaku ini adalah kerana hendak mengejar mereka. Saya dan sahabat-sahabat di Barisan Nasional agak terperanjat. Kalau kita sayangkan negara, fasal yang telah diwujudkan ini memang dilihat sebagai satu fasal yang perlu kita wujudkan pada hari ini.

Saya hendak mengambil contoh yang kedua Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat, *hate crime* iaitu jenayah membenci. Ini saya hendak tunjuk tentang tiga orang Islam yang telah dibunuh oleh jiran yang berumur 46 tahun.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Minta laluan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Kejap ya. Dua perempuan, satu lelaki berumur 23 tahun...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Gopeng, Gopeng, Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya nampak, Yang Berhormat. Saya nampak. Tunggu. Sebentar Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Biarlah saya bahas. 23 tahun, 21 tahun, 19 tahun, bergaduh kerana *parking* kereta di North Carolina. Katanya daripada siasatan, jiran ini memang sudah takut dengan jiran orang putih ini, dia memang takut sudah lama sudah. Macam adanya kebencian kepada orang Islam. Tiba-tiba dibunuhnya tiga serentak kerana *parking* kereta. Saya hendak bercakap sebelum sahabat saya hendak tanya soalan tadi, saya hendak bercakap bahawa yang di Amerika Syarikat negara yang kononnya begitu bebas sekali, melihat cabaran mereka ialah *hate crime* yang mana mereka berhadapan dengan kebencian bukan sahaja atas agama tetapi atas bangsa, atas jantina, atas keturunan, yang mana pembunuhan dan kematian boleh berlaku atas kebencian.

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Malaysia hendak tengok kematian kepada wartawan, pembunuhan kepada ahli politik, baru kita hendak buat pindaan kepada Akta Hasutan? Ini bukan tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional. Kita bertanggungjawab menentukan supaya perkara ini tidak berlaku. Oleh kerana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, *social media* ini walaupun boleh dilihat sebagai satu bentuk komunikasi yang begitu maju, ia boleh juga menjadi komunikasi yang membunuh masyarakat dan juga satu bangsa. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pengerang. Saya berminat, khususnya berkenaan dengan fasal 2 yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerang tadi berkenaan dengan *electronic media*. Ini harus dibaca bersamaan dengan fasal 3(c), pindaan 3(c), di mana *caused to be published*.

Ini bermakna, di dalam kedua-dua fasal tersebut implikasinya besar. Bukan setakat *content provider* itu bertanggungjawab atas *content* yang disebar itu tetapi mereka, media yang bertanggungjawab, *hardware* yang bertanggungjawab pun boleh disebut sebagai *caused to be published*. Jadi, kalau kita pakai macam itu. Misalannya, kita balik kepada isu Charlie Hebdo. Memang kita tahu kartun itu memang hina kepada Islam. Saya bukan Islam, saya pun setuju dan ini tidak sepatutnya berlaku.

Akan tetapi kalau kita gunakan perkara tersebut, kalau kartun sedemikian diupload melalui YouTube, melalui Google dan sebagainya, adakah kita akan menganggap bahawa mereka ini terlibat dalam kelakuan hasutan ini? Jadi, bagaimana kita hendak asingkan yang perkara-perkara melalui internet yang tidak ada sekatan sempadan? Bagaimana kita hendak- adakah Yang Berhormat Pengerang akan mencadangkan supaya kerajaan tubuhkan satu *censorship board* untuk *internet content* dan sebagainya. Jadi, ini soalan-soalan yang saya harap Yang Berhormat Pengerang boleh beri pandangan. Sekian.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih, Yang Berhormat Gopeng ya. Tadi sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor, dia sudah keluar pun, dia sudah cakap tadi tentang SKMM. SKMM perlu- saya bersetuju separuh daripada yang mana Yang Berhormat Gopeng cakap.

Akan tetapi bagi saya SKMM perlu mengingat semula undang-undang yang ada, peraturan yang ada, yang mana perlu disamakan dengan pelaksanaan kepada pindaan yang berlaku.

Ini sebab saya tengok pada hari ini antara cabaran paling besar dalam media sosial ialah puncanya kita tidak tahu. Kadang-kadang orang boleh letakkan dan menuduh kepada kita tetapi kita tahu di dalam Akta Hasutan ini pembelaan itu memang ada. Ini bukan satu Akta Hasutan yang mana macam *preventive order* yang berlaku pada POTA, POCA dan SOSMA. Dimana belum apa-apa, *prevention* itu dilaksanakan. Akan tetapi ini adalah sesuatu yang kita tengok sebagai satu akta yang memang bagi saya dilihat sebagai satu akta, sebagai bentuk amaran sebelum berlakunya mana-mana kejadian yang berlaku seperti di negara-negara luar.

Kedua, jawapan saya kepada Yang Berhormat Gopeng ialah kalaulah Presiden Hollande atau Sarkozy di Perancis begitu bijak macam Dato' Sri Mohd. Najib, tidak ada pembunuhan kepada wartawan yang berlaku dalam Charlie Hebdo itu. Cuba tuan-tuan tengok ya. Kes 2015 dia bunuh. Akan tetapi 2011 itu, tiap-tiap minggu dia sakitkan hati orang Islam dalam *print media*, dalam *online media*. Oleh sebab dia merasakan kalau dia hendak buat lawak, tidak apalah.

Cuba kalau berlaku dalam negara kita. Lawak kepada *The Prophet*, lawak kepada *Jesus Christ*, cuba kita bayangkan negara kita yang masyarakat majmuk, yang bukan sahaja orang Islam, orang Kristian, orang Tionghoa, orang Hindu tetapi pelbagai, terutama sekali di Sabah dan Sarawak, jadi saya agak terperanjat. Kalau kita sebagai Ahli Parlimen mewakili rakyat, sebagai yang bertanggungjawab daripada segi undang-undang berbahas hanya sebabkan kita merasa perasaan seolah-olah pindaan ini hendak tangkap kita. Kita rasa seolah-olah kita inilah yang dibuat, terlampau hebat sangat kita inilah pembangkang, Menteri Dalam Negeri tidak ada kerja lain cari undang-undang hendak tangkap pembangkang, *excuse me* malulah. *[Tepuk]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Malu saya. Kita bercakap tentang rakyat, 25 juta rakyat. Kita bercakap tentang generasi muda. Budak 19, 21, 23 tahun, dibunuh buta tuli, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kita hendak anak-anak kita disebabkan *social media*, *hate crime*. Bukan lagi *cyber bullying*, yang buli anak-anak di sekolah. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai, hendak bagi Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak tanya apa pendapat Yang Berhormat Pengerang. Tadi saya dengar dalam perbahasan tadi ada di antara pemimpin sebelah sana. Cerita satu, satu pemimpin Pakatan Rakyat kena tangkap atas akta ini. Akan tetapi kita tidak dengar pula cerita orang-orang awam lain yang kena tangkap atas perkara ini. *[Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Menyampuk]* Ini tidur, tidak sedar diri ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apakah pemimpin Pakatan Rakyat betul-betul menyalahgunakan kebebasan bercakap?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tidak baca *news* kah, tidak baca *news* kah?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Adakah mereka menolak ini semata-mata kerana takut pemimpin mereka ditangkap? *They just want to talk whatever they want to say.* Pada pendapat saya, mereka menolak akta ini disebabkan oleh perkara ini. Apa pendapat Yang Berhormat Pengerang?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Pengerang, sedikit boleh tidak, sedikit untuk, sedikit sahaja.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya jawab dahulu lah, nanti lupa. Kejap ya. *It's okay, I'll give you the floor, let me finish him first.* Yang Berhormat Bagan Serai, saya hendak cakap satu perkara ya. Akta ini, pindaan ini, bukan sahaja bila diluluskan, ahli politik pembangkang yang kononnya dipantau, kita pun akan dipantau. Kita pun tidak bebas, main cakap, main ceramah, dok jolok-jolok, bila orang marah, bunuh, benci, ini akta adalah untuk semua. Jadi, janganlah dia orang perasan dia orang seorang sahaja dipantau polis. Kita orang politik.

Kadang-kadang kita berceramah, kadang-kadang kita memperjuangkan parti kita, kita bercakap tentang bangsa, tentang agama. Akan tetapi dengan adanya akta ini, seolah-olah secara tidak langsung ataupun langsung, mengingatkan kita tentang batas bila kita berucap, batas bila kita bercakap, batas kita berkomunikasi supaya kita menjadi wakil rakyat yang bertanggungjawab. *[Tepuk]* Silakan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerang. Yang Berhormat Pengerang dan saya merupakan sama-sama pengamal undang-undang. Saya bagikan satu contoh, tadi Yang Berhormat Pengerang kata kita seolah-olah hanya berdasarkan kepada emosi. Akan tetapi saya bagi contoh. Di bawah *amendment* ini, *sedition tendency. There is no seditious tendency, who is going to interpret that? Then, I* bagi contoh.

■1800

Katakan seorang Muslim, menganut agama Islam, dia tidak gembira dengan keputusan JAKIM. Kemudian dia mengutuk keputusan JAKIM. Adakah ini merupakan hasutan? Dan ini akan terjatuh kepada terjemahan siapa? Maka ini adalah *subject to selective prosecution. That is what we are worried.* Dan saya nak tanya juga kepada Yang Berhormat Pengerang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jika undang-undang ini betul-betul bagus, mengapa ketika ini, *United Nations (UN High Commissioner for Human Rights)*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah cakap tadi, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ya, tadi saya dah cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak payah ulang lah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Telah pun mengatakan undang-undang ini teruk, undang-undang ini sebenarnya mencabuli Perlembagaan. Manalah kita, United Nations, Bangsa-Bangsa Bersatu? Mereka takut imej Malaysia akan tercemar. Apakah pandangan Yang Berhormat Pengerang?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Taiping, terima kasih lah. Yang Berhormat Taiping susah hati *United Nations*, Yang Berhormat Taiping lepas ini boleh jadi wakil rakyat *United Nations* lah. Tapi Yang Berhormat Taiping, Singapura ada undang-undang yang lagi dahsyat daripada undang-undang kita, tak ada masalah pula dengan *United Nations*. Tak ada masalah pula. Itu sebab saya kata, masalah dengan pembangkang ini, saya minta maaflah kawan-kawan saya ini pun, jangan terlampau takut.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Mengapa banding dengan *Singapore*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping duduk, Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Taiping duduk, duduklah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya nak sebut di sini ya. Saya nak sebut, biar saya cakap, *this is my floor, come on* lah. Tak akan kita tak ada kebebasan, ini masalah dia, dia semua orang tak boleh cakap, dia seorang boleh cakap. Pasal dia ini, dia lah sebenarnya yang tak faham kebebasan bersuara. Dia tak faham. Dia semua boleh, kita semua tak boleh. Ini macam mana? Kalau dalam Parlimen Malaysia kita angkat sumpah pun, kita tak boleh berucap dan berbahas, macam mana mereka nak boleh jadi kerajaan?

Habis undang-undang yang kita hantar semua kita dia tangkap, sebab itulah dia pembangkang sebenarnya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Mencilah sedikit, Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Saya nak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai bangun, nak bagi?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Biarlah saya cakap. Saya tak ada masalah. Sekejap, dipersilakan Yang Berhormat Lembah Pantai. Tak kasi kang, dia merajuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terdengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Pertama, kes berkaitan dengan Charlie Abduh ya. Sebagaimana yg kita tahu memang menjadi kes yang dilaporkan di seluruh dunia. Akan tetapi Yang Berhormat, kes tersebut tidaklah dimuatkan atau mampu dimuatkan dalam konteks Malaysia kenapa?

Antara sebahagian daripada *argument* yang kita buat hari ini adalah merujuk kepada janji Perdana Menteri yang mengutarakan ya, sebab-sebab kenapa Akta Hasutan harus dimansuhkan? Dan keduanya, draf Rang Undang-undang Rekonsiliasi dan Hubungan Harmoni Kebangsaan Nasional (*National Harmony and Reconciliation Bill*) untuk menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Jadi pada saya, bila bercakap tentang gunakan alasan yang berlaku di Perancis dan memuatkan dalam kerangka Akta Hasutan, tak tepat. Cuba mengaburi mata rakyat daripada masalah utama yang kita hadapi, itu pertama.

Keduanya Yang Berhormat, Yang Berhormat kata kita ada hak nak bersuara di sini, saya boleh katakan rujuk sahaja kes Mark Koding, Ahli Parlimen negeri Sarawak tahun 1978,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sabah, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sabah, maaf ya. *Thank you* Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya Mark Koding ini dijatuhkan hukuman bersalah atas ucapan yang diutarakan dalam Parlimen. Maksudnya dengan segala pindaan pada hari ini, *there is no such thing as Parliamentary immunity*, Yang Berhormat. Saya nak maklum, bila masa kita merangka penyelesaian, yang kita pinta adalah...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Lembah Pantai, bahaslah nanti, biarlah saya bahas.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya memaklum, *you are using the wrong context*, Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya nak jawab soalan tak ada masalah, relaks lah Yang Berhormat Lembah Pantai. Kita boleh bahas, tak apa, tak apa saya nak jawab, saya nak jawab. Ini masalah ini Yang Berhormat Lembah Pantai ini yang saya betul-betul kesian lah. Sebab masalah dia, kalau betul-betul nak ubah undang-undang ini, tunggulah jadi kerajaan, Gombak boleh, Permatang Pauh dah tak boleh dah. Gombak boleh, Lembah Pantai pun boleh, tak ada masalah. Akan tetapi selagi lah Yang Berhormat Pekan menjadi pemimpin kepada majoriti dalam Dewan ini, kita Ahli Barisan Nasional akan menyokong sebab kita tahu, kita tahu bahawa rakyat memerlukan perlindungan. Silakan, Yang Berhormat Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya dengar perbahasan Yang Berhormat Pengerang tadi, isu-isu agama. Apakah kepentingan cadangan pindaan hasutan ini kepada agama, yang diamalkan di dalam negara ini. Sebab kita semua sedia maklum sebelum ini, peruntukan, tiada sebarang peruntukan dalam soal agama yang tercatat dalam Akta Hasutan.

Justeru, kita semua sedia maklum Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO amat begitu prihatin untuk menjaga dan begitu peka dengan menentukan keharmonian untuk menjaga semua kaum. Jadi saya harap hari ini yang saya nak tanya kepada Yang Berhormat Pengerang tadi. Apakah kepentingannya yang kita semua tahu pada hari ini sensitiviti-sensitiviti berkaitan dengan agama ini. Saya ada pengalaman di Parlimen Baling saya, mereka letakkan kepala babi di dalam masjid sehinggakan nak mengganggu gugat keadaan keselamatan. Akan tetapi, *alhamdulillah*, dapat di atasi. Jadi semua ini di antara perkara yang kita kena ambil kira.

Saya dengar, perbahasan-perbahasan daripada sebelah sana tadi, sehingga lari tajuk banyak sampai tak tahu langsung. Saya bagi contoh, saya bagi contoh kalau kita tahu hukum hakamnya, halal dan haramnya di mana ada pemimpin-pemimpin di belah sana masuk ke dalam surau, ke dalam masjid, khususnya di Serdang dan beberapa tempat. Mereka kena tahu halal haramnya untuk masuk. Kalau perempuan, masuk kalau setakat sebagai wakil rakyat, pergi buka puasa di luar kawasan perkarangan masjid, tak ada masalah, tapi bila masuk dalam masjid, entah bocor ke tak bocor kah, mana kita nak tahu? Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Pengerang, bagaimana mereka boleh lakukan

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tolong, tolong suruh Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa dia?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa tadi yang *you* sebut? Apa yang Yang Berhormat Baling cakap tadi, bocor, bocor ini...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Apa bocor ha!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Paip bocor pun apa masalah? Apa yang salah saya kata bocor? Ha, itu lah...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *What is your intention?*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini keterlaluan, ini keterlaluan..

[Dewan riuh]

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Baling tak hormati ibu dia sendiri.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tahu. Saya tak boleh layan... Bangun seorang-seorang, Yang Berhormat. Bangun seorang-seorang ya. Apa dia?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa masalah *you*!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang nombor dua, seorang-seorang Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Minta dia tarik balik Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... *This is the proper way, this the proper way, standing order.* Bukan semua bangun bercakap. *This is the proper way in Parliament, who are in vote standing order.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila pula saya bagi dia kebenaran nak bercakap? Satu, satu, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Standing order, standing order,* Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pengerang, *standing order.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *standing order.*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Wah, semua tak faham peraturan mesyuarat juga, semua tak faham.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pengerang, duduklah Yang Berhormat Pengerang, *this is point of order*, Yang Berhormat Pengerang, duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar...
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, duduk, duduk.
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Pengerang duduk, Yang Berhormat Pengerang. Saya minta yang lain diam. Yang Berhormat, tak boleh macam ini Yang Berhormat. Kalau ada perbahasan yang di luar batas peraturan mesyuarat, tak payah bangun semua memekik. Angkat buku, *standing order*. Saya tidak boleh dengar semua, saya ada dua biji telinga sahaja. Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Okey, *cool, cool, cool*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat bantahanlah terhadap ucapan Yang Berhormat Baling tadi atas 36(10)(a), 36(10)(c) dan juga 36(12). Pertamanya beliau mengatakan kenapakah mengajak orang-orang bukan Islam, bukan Islam dalam masjid. Saya rasa kalau Yang Berhormat Baling tidak mahir dalam perundangan Islam, dalam Islam ini, jangan cakap. Walaupun jadi Pengerusi Tabung Haji, jangan ingat kita ada *qualification* bercakap.

Saya nak beritahu dengan Yang Berhormat Baling, saya nak beritahu dengan Yang Berhormat Baling, saya membantah kerana Rasulullah sendiri membenarkan rombongan orang Kristian Najran berada di Masjid Nabi. Apabila tiba waktu Asar, mereka minta untuk sembahyang dalam masjid. Boleh baca dalam buku Yusuf al-Qardawi, jadi kenyataan beliau adalah mengelirukan dan kemudiannya menyatakan pula ucapan yang berkata bocor, sudah tentulah dia merujuk kepada wanita. Yang ini satu memang tak bertanggungjawab. Saya minta supaya diambil tindakan di bawah 36(12).

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya nak ingatkan sebelumnya mantan Ahli Parlimen Batu Gajah ya, telah berjaya dalam memberi Yang Berhormat Kinabatangan ketika itu ingat kan? Yang Berhormat Kinabatangan, kerana perkataan-perkataan yang menghina wanita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ya, saya faham, saya faham.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Jadi saya pohon lah panduan daripada Yang Berhormat Kinabatangan juga supaya tak diulangi. Terima kasih.

■1810

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sudah ngantuk-ngantuk Tuan Yang di-Pertua, tetapi dipanggil lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya minta supaya... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, saya tahu. Saya faham, saya faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya minta supaya Yang Berhormat Baling...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dirujuk kepada Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat yang patut diguna pakai 36(4), iaitu tidak boleh menggunakan perkataan-perkataan *sexiest remark*. Ini sudah kita ubah baru-baru itu, ikutlah daripada itu. Jadi Yang Berhormat Baling, tolong Yang Berhormat Baling tarik balik perkataan yang dibuat itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada berniat cakap fasal wanita, saya...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jangan cari alasan lagi Tuan Yang di-Pertua, tarik balik, tarik balik, tarik balik. Jangan cari alasan lagi. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah,sudah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya kata kalau bocor...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain. Duduk Ahli Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Dia degil lagi, dia degil lagi. Malukan isteri, malukan ibulah. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tidak habis berhujah, saya tidak habis lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah. Ahli Yang Berhormat Sepang. Ahli Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini bersangka jahat, ini bersangka jahat. Tadi masa Yang Berhormat Bandar Kuching berhujah...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tidak ada standard, tidak ada standard.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang duduk dulu. Yang Berhormat Batu Kawan duduk dulu. Ahli Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tidak niat...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jangan campur. Sudah saya buat keputusan bahawa ia diperlu tarik balik. Kalau Yang Berhormat Baling tidak tarik balik, bermakna saya akan keluarkan Yang Berhormat Baling, *simple as that*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tarik balik walaupun saya tidak cakap, saya tarik balik. Akan tetapi saya tidak berniat... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh terima apa Yang Berhormat Baling kata. Kami dengar.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tidak ada niat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk. Yang Berhormat Lembah Pantai duduk. Saya yang buat keputusan. Kalau semua berdiri begini buat apa? Bermakna kamu pun tidak mengikut peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat mengatakan 35(1) dan (2) tidak boleh berhujah kalau tidak dipanggil. Jadi bermakna saya arahkan Yang Berhormat Baling keluar, Yang Berhormat Lembah Pantai keluar, yang mana tadi ini?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kulai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Kulai keluar, Yang Berhormat Sepang pun keluar, Yang Berhormat Batu Kawan pun keluar kalau saya kata buat begitu. Jangan. Yang Berhormat Baling, untuk menarik balik dan memohon maaf tidak ada *qualification*. Mesti total, kerana itu adalah peraturan mesyuarat. Sila tarik balik.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, terima kasih. Saya tariklah, kalau mereka salah sangka saya tariklah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Tadi siapa yang berhujah?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Pengerang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pengerang. Berapa lama lagi Yang Berhormat Pengerang?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tidak ingat, tidak ingatlah Tuan Yang di-Pertua banyak sangat gangguan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, seminit dua lagilah. Sila.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Hah, seminit dua? Alamak Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua bagilah saya lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya waktu Yang Berhormat Pengerang tadi berhujah, saya baru masuk solat Asar. Selepas itu saya wirid panjang-panjang 15 minit. Yang Berhormat Pengerang sudah berapa lama, saya dengar semua itu. Sila, seminit dua lagi.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua betul tetapi agaknya masa Tuan Yang di-Pertua tengah wirid itu, Tuan Yang di-Pertua memang tidak tahu bahawa ramai-ramai ini mengacau saya. Jadi 15 minit itu sudah tolak 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan. Sila.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Lima minit Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu pula kena keluar dari Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya – tidak apalah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ini betul-betul rindu dekat Tuan Yang di-Pertua sebab sudah lama tidak nampak. Saya cakap kesimpulan sahaja Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan sahaja ya.

Yang Berhormat Lembah Pantai sebut fasal yang berlaku di senario Perancis dan Malaysia berbeza. Saya hendak cakap Perancis *Muslim community* dia minimum. Tidak banyak macam kita majoriti. Itu pun boleh berlakunya pembunuhan kerana satu kartun yang berlaku dalam majalah mingguan yang dianggap sebagai jenaka menyebabkan masalah agama disalah tafsir.

Saya dapat bacaan bahawa rupanya pembunuhan di *Charlie Hedbo* itu 1,000 orang Islam di Perancis masuk ke Syria sebab mereka hendak menjadi penyokong kepada ISIS sebab mereka marah, ikut prosedur undang-undang kalah, beritahu orang politik tidak hendak dengar, presiden zalim, macam-macamlah. Mereka tidak puas hati, jadi ISIS. Jadi kita tidak hendak, kita tidak hendak apabila dalam isu agama disalah tafsir oleh kerana masyarakat majmuk. Adanya kata perasaan yang begitu terganggu, jadilah daripada apa yang kita baru-baru ini dengan lulusan POTA ini bahawa adanya mereka, semangat-semangat mereka, bau-bau mereka.

Itu semua Tuan Yang di-Pertua undang-undang kita perlu lihat dengan posisi niat baik bukan niat jahat. Akan tetapi masalahnya kalau pembangkang apabila bercakap semuanya atas niat jahat. Kalau macam itu Tuan Yang di-Pertua, macam mana hendak buat undang-undang? Semua tidak kena, semua tidak boleh. Jadi kita Barisan Nasional berpegang kepada mengikuti undang-undang. Jadi Undang-undang Akta Hasutan ini membantu dalam cabaran media sosial, dalam cabaran agama pada hari ini.

Dengan itu saya berharap Tuan Yang di-Pertua, kerajaan jangan gentar, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri jangan takut, jalan terus jalan. Lawan terus lawan, Lulus terus lulus, Undang-undang Akta Hasutan ini untuk kebajikan rakyat Malaysia yang pelbagai majmuk. Yang Berhormat Pengerang menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Pandan.

6.15 ptg.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan yang mulia. Permulaan yang paling baik saya kira untuk membahaskan pindaan kepada Akta Hasutan hari ini ialah untuk memahami latar belakang dan juga sejarah tujuan Akta Hasutan ini mula-mula dikuatkuasakan. Supaya menjadi peringatan untuk kita tidak mempertahankan sesuatu yang sebelum itu kita tentang habis-habisan.

Akta Hasutan dikuatkuasakan oleh penjajah British dalam tahun 1948 dengan berlatarbelakangkan berikut:

- (i) akibat kebimbangan penjajah dengan kebangkitan rakyat selepas Perang Dunia Kedua. Ini kerana kebangkitan rakyat di Asia yang yakin boleh menewaskan penjajah Barat; dan
- (ii) berlatarbelakangkan keterdesakan penjajah yang pada ketika itu tahu bahawa dasar-dasar yang menindas rakyat di negara ini tidak dapat dipertahankan dengan secara berdepan.

Oleh sebab itu kita perlu sedar dan beringat yang itu terlebih dahulu bahawa Akta Hasutan ini pada pokok dan prinsipnya adalah alat penjajah. Sedangkan kawan-kawan daripada UMNO megah mendabik dada bahawa mereka yang menewaskan penjajah demi kemerdekaan. Jangan lupakan itu.

Oleh sebab itu, saya ingin ingatkan Dewan dan rakyat di luar yang menonton bahawa Akta Hasutan ini memang berciri-cirikan mentaliti penjajah. Ini kerana hanya penjajah yang merasakan kerajaan tidak perlu menjawab kepada rakyat. Hanya penjajah yang melihat rakyat sebagai musuh dan hanya penjajah yang takut dengan kritikan kerana mereka tahu kritikan-kritikan rakyat yang dijajah itu datang daripada penindasan dasar yang tidak baik. *[Disampuk]*

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, UMNO yang mewarisi kerajaan daripada penjajah bukan sahaja mewarisi tampuk kerajaan, tetapi mewarisi dan mengekalkan undang-undang dan senjata-senjata yang telah digunakan oleh penjajah terhadap rakyat negara ini.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Pandan.

Seorang Ahli: Jangan bagi, jangan bagi.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya tidak akan bagi, saya akan cuba habiskan kerana masa pendek.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sikit sahaja Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tidak. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua ya. Kita hendak ucapan yang berkualiti...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tolonglah Yang Berhormat Pandan, sikit sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ...Dan saya tidak mahu diganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat, kalau Yang Berhormat yang sedang berhujah itu tidak beri laluan, jangan lagi ganggu. Sila.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Oleh kerana terikut-ikut dengan penjajah agaknya ya. Kerajaan UMNO lupa apa fungsi sebenar kerajaan dalam kenegaraan dan dalam masyarakat. Lupa, apa yang sepatutnya dihindari oleh kerajaan yang bertanggungjawab jika ingin berlaku adil kepada rakyat. Perkara itu mengingatkan saya kepada Thomas Paine salah seorang daripada pemikir besar dunia yang menjadi tulang belakang kepada kebangkitan rakyat menentang penjajah British juga tetapi di 13 koloni di Amerika Syarikat dan salah seorang yang sama-sama mendaftarkan Perlembagaan Amerika Syarikat.

Dalam bukunya *Common Sense* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Society is produced by our wants, and government by wickedness. The former promotes our happiness positively by uniting our affections, the latter negatively by restraining our vices.*" Manakala yang perlu kita ingat baik kerajaan sebelah sini atau di sebelah sana, *the first iaitu society, the first is the patron the last which is the government is a punisher.* Thomas Paine dua ratus tahun yang lalu Tuan Yang di-Pertua, telah mengingatkan kepada kita bahawa jangan sekali-kali kerajaan itu menjadi penghukum kerana itu bertentangan dengan naluri dan sifat semula jadi sebuah masyarakat.

■1820

Sebab itu saya rasa Ahli Dewan Barisan Nasional sedang saya faham tentang kebimbangan-kebimbangan mereka mengenai soal perpaduan kaum, keamanan dan lain-lain, saya kira mereka terkeliru mengenai Akta Hasutan ini dan juga undang-undang yang diperlukan untuk menjaga keamanan. Seolah-olah mereka lupa bahawa sebenarnya sudah ada undang-undang lain yang lebih daripada mencukupi yang memperuntukkan bagaimanakah untuk mengawal keamanan, menjaga dan mengelakkan fitnah yang memecahbelahkan masyarakat. Akta 574 Yang Berhormat Menteri, Kanun Keseksaan.

Saya hendak sebut satu persatu, bahagian-bahagian yang telah memperuntukkan bagaimana untuk kita menjaga keamanan, ketenteraman awam. Bahagian VI Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, kesalahan bersabit dengan kuasa-kuasa kerajaan iaitu kesalahan-kesalahan memberontak, menghina Duli Yang Maha Mulia Duli Yang di-Pertuan Agong, cuba mencetuskan kebencian kepada kerajaan. Dalam Bahagian VI Kanun Keseksaan telah pun ada segala undang-undang, fasal 121 hingga fasal 130A. Bahagian VIII, kesalahan mengganggu ketenteraman awam, bersabit dengan perhimpunan, rusuhan, menghasut untuk rusuhan dan merosakkan harta benda awam telah ada di dalam Kanun Keseksaan fasal 141 sehingga fasal 160.

Bahagian XV, kesalahan yang berhubung dengan agama. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerang, kesalahan-kesalahan ini telah diperincikan fasal 295, merosak dan menghina tempat ibadat, fasal 296 mengganggu upacara ibadat sehingga menimbulkan ketidaktenteraman. Fasal 298, menyebut kata-kata dengan niat untuk menimbulkan ketidakpuasan agama dan fasal 298A, menyebabkan perpecahan, rasa kebencian, prejudis dan lain-lain atas sebab agama, pun sudah dimasukkan di dalam Kanun Keseksaan Bahagian XV.

Bahagian XXI Menteri, berkenaan dengan fitnah dan menyebarkan berita yang menimbulkan ketidaktenteraman, fasal-fasalnya, fasal 499 hingga fasal 502. Bahagian XXII, Kanun Keseksaan menyentuh mengenai tindakan-tindakan yang menghina ataupun menakutkan sehingga menimbulkan huru-hara, fasal 503 sehingga fasal 510 telah diperuntukkan undang-undang termasuklah dua perkara yang khusus, fasal 504 iaitu menghina untuk menimbulkan huru-hara dan juga fasal 505 mengeluarkan kenyataan yang akhirnya menimbulkan huru-hara. Maknanya apa? Saya bukan peguam.

Akan tetapi kalau kita baca segala undang-undang ini, maknanya, undang-undang yang ada ini lebih daripada cukup untuk menangani kebimbangan semua yang ada di dalam Dewan dan di luar Dewan untuk kita menjamin ketenteraman rakyat tanpa kita menghukum rakyat seperti mana yang diingatkan oleh Thomas Paine itu.

Cuma bezanya Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kanun Keseksaan, peruntukan undang-undang lebih adil kerana memerlukan pembuktian ada niat sedangkan Akta Hasutan ini tidak perlu dibuktikan ada niat dan boleh sahaja diambil tindakan dan didakwa. Sebabnya kerana seperti yang saya sebut, Akta Hasutan adalah bertujuan untuk menakut-nakutkan rakyat dan merupakan senjata penjajah kerana pada zaman penjajahan dahulu, British menggunakan Akta Hasutan ini bagi tujuan mengawal penentangan terhadap penjajah, bukannya untuk mengawal ketenteraman awam. Segala perkara bersabit dengan

ketenteraman awam telah pun dimasukkan di dalam *Penal Code* dengan izin yang British juga memperkenalkan pada tahun 1937.

Jadi sebab itu, pada hari ini saya hairan kenapa kerajaan takut sangat dengan rakyat kita sendiri sehingga terpaksa membawa undang-undang yang begitu kasar dan boleh mengundang pelbagai ketidakadilan. Saya ingin mengundang perhatian Ahli-ahli Dewan kepada perkara dan perumpamaan yang selalu berlaku yang kita ingat di antara Israel dan Palestin. Kita sentiasa simpati dengan nasib rakyat Palestin yang tidak ada senjata, tidak ada rumah pun tetapi terpaksa berdepan dengan kuasa dan juga hukuman dan senjata yang berlebihan dari Israel. Mereka turun menuntut hak dengan batu tetapi terpaksa berdepan dengan Israel dengan *machine gun*, bom, asap dan lain-lain.

Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah rakyat yang tidak ada kuasa dan lemah ini apabila Yang Berhormat Menteri dan kerajaan menggunakan undang-undang yang dengan izin saya sebut sebagai *over kill* ini, tidakkah perumpamaannya itu sama seperti mana Israel menggunakan *over kill* untuk menentang rakyat Palestin? *[Tepuk]* Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, apabila terlalu banyak kuasa dipusatkan kepada tangan kerajaan, itu akan mendorong kepada berlakunya salah guna kuasa itu. Saya bagi contoh, saya sendiri. Yang Berhormat Pengerang tadi tanya, Yang Berhormat Pengerang kata ini bukan ditujukan untuk Ahli-ahli Pakatan Rakyat, tetapi saya hendak sebut, saya sendiri telah pun melalui dan disiasat dan ditahan bagi tiga siasatan Akta Hasutan.

Yang pertama, iaitu kerana saya menulis buku, menyenaraikan fakta kes Yang Berhormat Permatang Pauh. Tulis buku menyenaraikan fakta kes pun kena Akta Hasutan. Kalau fakta itu tidak betul, saman saya ataupun dakwa saya menggunakan Kanun Keseksaan. Kemudian saya disiasat lagi baru-baru ini tiga hari di dalam lokap kerana saya sebagai Setiausaha Agung Parti hanya mengeluarkan satu surat mengarahkan supaya anggota parti saya menyertai satu perhimpunan aman, perhimpunan aman itu adalah sah di sisi undang-undang dan dijamin oleh Perlembagaan.

Saya tetap ditahan di bawah Akta Hasutan. Kenapa, kalau betul saya berniat jahat dan boleh menimbulkan huru-hara, kenapa tidak dakwa saya di bawah Kanun Keseksaan? Tuan Yang di-Pertua, yang paling hebat sekali yang Dewan tidak pernah tahu saya rasa, saya juga pernah ditahan dan juga disiasat di bawah Akta Hasutan kerana saya mempersoalkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Kepenggunaan kerana kenapa Bank Rakyat memberikan layanan istimewa kepada Deepak? Itu pun menghasut juga. *[Tepuk]* Tahun 2003 dulu, tahun 2003 dahulu ya.

Seorang Ahli: Jawab Yang Berhormat Pontian.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Kalau rakan-rakan Ahli Dewan dari seberang sana kata ini untuk agama dan ini untuk menjamin ketenteraman awam, tahun 2003, mantan Menteri Dalam Negeri, Tun Abdullah Badawi, mengugut untuk menggunakan Akta Hasutan terhadap aktivis-aktivis yang memperjuangkan bahasa Melayu supaya untuk menghentikan PPSMI.

Yang itu sekarang ini, menteri-menteri semua ini sama-sama bersetuju dengan Timbalan Perdana Menteri untuk menghapuskan PPSMI. Akan tetapi tahun 2003, Menteri Dalam Negeri menggunakan Akta Hasutan terhadap aktivis-aktivis yang menentang PPSMI. Oleh sebab itu Tuan Yang

di-Pertua, saya hendak gulung supaya saya betul-betul tepat pada masa yang diberikan. Saya hendak gulung.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sebelum gulung, boleh tak sedikit sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tak apalah, dia senior saya kena bagi.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Pandan, dia pernah dengar tak ungkapan, *"Apabila pemerintah menggunakan kekerasan terhadap rakyatnya sendiri, itulah tandanya pemerintahan itu membuat persediaan untuk tersungkur"*. [Tepuk]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya ingin menjawab dengan mengingatkan kita kepada kata-kata Mahatma Ghandi.

Dengan izin, saya terjemahkan dalam bahasa Melayu, *"Banyak dalam sejarah dunia ini perjuangan itu berdepan dengan kesukaran, tahanan, pemenjaraan. Mereka boleh penjarakan hari ini, esok tetapi suatu hari nanti, mereka akan jatuh juga"*. [Tepuk] Itu jawapan yang diberikan oleh Mahatma Ghandi.

Jadi saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. selain daripada soal bahawa Akta Hasutan ini bukan bertujuan untuk menjamin dan menjaga ketenteraman awam tetapi senjata politik kerajaan, kesannya kepada masyarakat bagi jangka masa panjang ini begitu buruk. Ia akan mewujudkan ketakutan, ia akan mewujudkan satu masyarakat yang mengamalkan dengan izin *self censorship* yang tidak berani bersuara kerana mereka takut tersalah 'click' pada *Facebook* sahaja seperti yang Yang Berhormat Kinabatangan sebut, silap-silap hari, budak umur 16 tahun kena Akta Hasutan. Itu masyarakat yang kita akan bentuk sekiranya Akta Hasutan ini diteruskan.

■1830

Akta Hasutan yang begitu keras dengan rakyat ini tidak akan mengembangkan minda dan akhirnya kita akan melahirkan generasi baru yang tidak kritis. Kita akan menggalakkan masyarakat yang hanya menurut perintah dan tidak berani bercakap benar walaupun saya tahu itulah bentuk masyarakat yang UMNO mahukan dalam negara ini.

Akan tetapi kalau itu berterusan, kesannya kepada kepentingan negara dan masyarakat adalah cukup besar. Masyarakat yang tidak kritis, generasi yang tidak berani bercakap benar dan bangun melawan yang zalim akan melahirkan tenaga kerja yang tidak boleh berdaya saing. Ini kerana bila mereka tidak berani dan bebas di sini, maka maknanya mereka tidak boleh berfikir secara terbuka, sedangkan ekonomi dunia sekarang ini mementingkan mereka yang boleh berfikir dengan kritis, terbuka dan juga kreatif.

Akan tetapi yang saya paling takut dan ini juga untuk Yang Berhormat Menteri menjawab. Dengan Akta Hasutan yang menakut-nakutkan rakyat ini, sementara sebahagian besar akan tunduk dan mengamalkan *self censorship* dengan izin, akan ada segelintir rakyat yang akan terus memendam rasa tidak puas hati itu secara diam-diam. Itu akan menyebabkan mereka terus merasa terdesak dengan ketidakpuasan hati yang tidak boleh diluahkan dan dibahaskan dengan baik, keterdesakan itu tanpa jalan

keluar akan melahirkan kumpulan yang ekstremis dan cenderung mengambil jalan keganasan pada suatu hari nanti.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan ini adalah alat dan senjata yang telah digunakan beratus-ratus tahun oleh penjajah-penjajah. Jangan kita ulang kepada rakyat negara kita sendiri, kerana kesannya seperti yang saya sebut tadi panjang dan berat sedangkan sudah ada rang undang-undang sedia ada melalui Kanun Keseksaan yang boleh menangani semua masalah yang telah disebut dan dibawa dalam Dewan ini.

Dengan itu, saya menegaskan sekali lagi bahawa pindaan ini tidak sepatutnya dibawa pun kerana kita menuntut Yang Amat Berhormat Pekan kembali kepada janji asal beliau iaitu untuk memansuhkan Akta Hasutan kerana Akta Hasutan ini tidak layak digunakan untuk rakyat negara ini sendiri. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuaran.

6.33 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk membahaskan rang undang-undang akta meminda Akta Hasutan 1948. Saya fikir Yang Berhormat Pandan, saya fikir apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pekan mengumumkan pada malam menjelang hari Malaysia tahun 2011 dahulu bahawa Akta Hasutan ini akan dihapuskan dan selepas itu diulang lagi pada Julai 2012. Saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berniat baik untuk menambah baik Sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia. Kesungguhan beliau itu kita boleh lihat dalam tindakan beliau untuk menghapuskan beberapa undang-undang yang dikatakan sudah kranium termasuklah ISA, *Emergency Ordinance* dan sebagainya.

Kita juga lihat dari segi beberapa nilai demokrasi yang beliau sendiri perjuangkan. Akan tetapi apabila kita lihat apa yang telah berlaku di antara tahun 2012 dan tahun 2014, khususnya dalam alam siber, khususnya dalam menangani media sosial pada hari ini. Saya mengambil contoh satu akaun di *Facebook* yang bernama Semenanjung Malaya Anti Sabah dan Sarawak yang telah berjalan sekitar tahun 2012, tahun 2013 dan sehingga awal tahun 2014 pada tahun lepas.

Pemilik akaun ini berani menulis *posting* seperti “*Disampaikan buat rakan-rakan Semenanjung bagi diorang babi, jangan bagi hati. Korang budak-budak Sabah dan Sarawak kasi makan daging anjing. Memanglah sepatutnya budak-budak Kristian Sabah dan Sarawak seperti babi*”. Selepas itu bermacam-macam lagi. Diletaknya gambar *Jesus Christ* di atas tiang elektrik dan ditulisnya di sana, itulah Tuhan penganut babi, penganut anjing dan sebagainya, Sabah dan Sarawak. Ia berlaku dan berjalan. Parti saya Tuan Yang di-Pertua, telah membuat laporan polis. Sekurang-kurangnya dua laporan polis kita buat.

Yang Berhormat Menteri MOSTI, Menteri dari parti saya juga telah membuat siasatan dan membuat laporan polis. Kita tidak tahu apa kesudahan dengan laporan-laporan polis ini. Cuma apa yang kita lihat akaun ini mulai tahun lepas, hilang. Saya boleh nyatakan juga *posting-posting* dan akaun di *Facebook* yang sedemikian rupa. Persoalan di hadapan kita ialah di era siber ini, bolehkah kita memastikan supaya tidak ada manusia seperti ini yang boleh membuat akaun di *Facebook* atau mana-

mana media, yang berani menulis perkara-perkara yang sangat menghasut seperti ini. Bagaimanakah kita boleh memastikan?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Tuaran. Minta pandangan.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Sebentar. Saya akan bagi peluang. Saya akan bagi peluang. Dan sama yakin seperti yang juga telah disebutkan oleh rakan-rakan sebentar tadi yang juga menghina agama Islam dan sebagainya, yang sebelum ini tidak pernah ada orang yang berani menyatakan perkara-perkara yang begitu menghasut, menyakitkan hati. Sebenarnya pada ketika akaun itu masih lagi di *Facebook* Tuan Yang di-Pertua, saya amat khuatir khususnya di negeri Sabah, boleh berlaku kekecohan, boleh berlaku pergaduhan, boleh berlaku permusuhan di kalangan kaum dan sebagainya.

Ini memang benar sebab bagi saya, pada ketika itu saya berada di Bangkok. Saya telah menerima pelbagai panggilan apabila dapat melihat *posting* dan akaun di *Facebook* seperti itu. Persoalan hari ini ialah bagaimana kita menangani. Ada cadangan tadi daripada Suruhanjaya Multimedia dan sebagainya, tetapi bagaimanakah kita? Apakah efektif? Silakan, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang Yang Berhormat Tuaran, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuaran tersebut adalah perkara-perkara serius. Isu-isu seperti apa yang disebarkan di *internet*, apa yang *dipublish* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai niat ataupun sensitiviti terhadap *religion* adalah isu penting. Bukankah itu boleh ditangani oleh *Penal Code*, khasnya seksyen 298A. Saya baca. Saya baca. Mungkin Yang Berhormat Tuaran tidak tahu. Saya baca. *Alright*.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya tahu, saya tahu. Saya tahu.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah Yang Berhormat Tuaran tahu? Kalau Yang Berhormat Tuaran tahu, Yang Berhormat Tuaran tidak akan tanya soalan itu.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya tahu. Saya tahu. Saya sudah tahu. Saya tahu.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Because provision* ini sememangnya menjadikan apa yang Yang Berhormat Tuaran kata tadi satu kesalahan yang boleh dihukum dan dibicarakan di bawah *Penal Code*.

■1840

So kenapa kita perlu Sedition Act ini...

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Bila kita sudah ada undang-undang yang sedia ada.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Okey, terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Silakan, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Simpang Renggam.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Tuaran, saya lihat *freedom of speech* pun perlu ada batasnya. Sebab saya juga rasa tidak seronok bila tengok dalam *Facebook* ada

orang ucap Selamat Hari Raya Aidilfitri dengan ada gambar 'bak kut teh', ada gambar anjing dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tuaran situasi seperti di New York pada hari ini, ketegangan antara *the black and white*, Yang Berhormat Tuaran rasa apa sepatutnya akta yang perlu digunakan untuk menangani? Saya juga tidak mahu negara kita satu hari menjadi sebegitu. Jadi apa akta yang sepatutnya kita gunakan untuk menangani isu sebegini.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat sambung sikit.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sama saja.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sama saja.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Nanti saya akan bagi peluang, saya akan bagi peluang. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya dari Bukit Gelugor, memang betul ada undang-undang boleh digunakan *Penal Code* dan sebagainya. Persoalan dia kita tidak kenal siapa orang ini. Apabila kita membuat laporan polis kita tidak tahu pun, pihak polis pun tidak dapat mengesan siapa orang ini. Siapa nanti yang mahu didakwa? Siapa yang mahu didakwa? Hasutan sudah dibuat tapi kita tidak kenal hantu yang tulis ini dan orang yang menulis ini tidak tahu di mana dia duduk.

Sebab itu hari ini dalam era globalisasi, situasi sudah berubah.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Laluan sikit Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: ...Dan barangkali kemungkinan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Ya, minta laluan.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Nanti sebentar, saya akan bagi peluang.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Okey.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya akan bagi peluang.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Baik.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Kalau saya mahu bagi. Duduk dulu.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya tunggu.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Duduk dulu, ini *floor* saya. Niat sudah baik tetapi bagaimanakah dalam era globalisasi ini kita menangani hal-hal seperti ini. Itu persoalannya. Yang di New York ini, bagaimana kita menangani perkara yang baling batu sembunyi tangan. Kita tidak kenal orang ini, oleh sebab ini di alam maya. Sebab itu saya memikirkan bahawa memang ada kewajaran Akta Hasutan ini diteruskan. Cuma oleh kerana kita ini sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan kita ini mahu maju ke hadapan. Kita mahu maju ke hadapan dan saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri niatnya ikhlas untuk maju ke hadapan.

Sebab itu pada ketika kita mahu teruskan...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: [Bangun]

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Sebentar dulu, saya akan bagi gulung. Pada ketika kita mahu maju ke hadapan dan mahu meneruskan Akta Hasutan ini, saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa kita tidak perlu kita keterlaluan. Yang Berhormat Pandan menggunakan perkataan *over kill*. Saya ambil satu contoh. Ini kumpulan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) yang dibangkitkan awal tadi oleh Yang Berhormat Penampang. Kumpulan ini kumpulan siber. Kita tidak tahu dia punya ketua, dia bukan berdaftar dan sebagainya, tetapi dari segi kesannya, golongan-golongan muda dan rakyat, ramai masyarakat di Sabah sudah pun terpengaruh, tandatangan sana sini dan sebagainya. Dalam pemerhatian saya, ramai yang telah membenci kerajaan secara membuta tuli. Hanya kerana hasutan daripada siber.

Ketuanya kita tidak tahu pun siapa. Saya tidak mahu mengatakan bahawa tindakan-tindakan oleh kumpulan SSKM ini yang telah berjalan ke kamu dan meminta tandatangan, membuat petisyen kononnya kalau dapat mengumpul tandatangan sampai 300 ribu boleh dihantar ke Bangsa-bangsa Bersatu dan bolehlah meminta supaya Sabah yang dikeluarkan daripada Malaysia, saya mengatakan mereka itu salah. Dalam sistem demokrasi mereka ini berhak, itu hak mereka. Tetapi persoalannya di sini ialah, inilah, yang balik-balik dikatakan dari segi tafsiran sejauh manakah yang dikatakan berkecenderungan menghasut itu. Sejauh mana dari segi tafsiran.

Tetapi jika sekiranya kita biarkan ini, hal-hal seperti ini, bolehkah kita menjamin ketenteraman awam? Apakah kemungkinan adanya pergaduhan dalam masyarakat? Sebab itu saya mengatakan bahawa perkara ini perlu ditangani. Hal-hal SSKM seperti mana dibuat ini ditangani. Walau bagaimanapun kita tidak perlu *over kill* Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak perlu letakkan satu *illustration* yang mengatakan bahawa yang dalam seksyen 3 ini, "*A excites a person or a group persons to demand for the secession of State B from Malaysia. Such act is seditious*". Tidak perlu mengatakan yang ini adalah *seditious*. Kalau esok-esok saya ini, dalam parti saya ini buat manifesto mengatakan kalau kami menang, kami buat satu referendum untuk meminta sama ada kita ini mahu terus dalam Malaysia atau tidak.

Apakah dengan membuat satu manifesto itu, saya boleh dikenakan, saya ini menghasut?

Seorang Ahli: Boleh, boleh.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Itu yang kita takut. Sebab itu saya mengatakan...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Nanti saya, sudah. Sebab itu saya mengatakan ini buang. Tidak perlu diletakkan ini, buang daripada pindaan ini. Tidak perlu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Menteri sudah, Yang Berhormat Menteri cakap sudah tarik, terima kasih. Jadi saya mahu ucapkan terima kasih. Kalau ini dibuang sebab...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Tuaran, celah.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Nanti dulu, nanti dulu. Kalau dia sudah dibuang, banyak terima kasih sebab tafsirannya, persoalan tafsirannya dan banyak kemungkinan-kemungkinan boleh berlaku. Sebab itu tidak perlu yang keterlaluan, tidak perlu yang *over kill* sama ada daripada segi denda

dan sebagainya. Akan tetapi tidak boleh perlu mengatakan yang Akta Hasutan ini tidak perlu lagi. Seperti mana yang saya katakan tadi memang diperlukan di situ tetapi di sinilah letaknya bagaimana integriti, pelaksanaan dan penguatkuasaan akta ini. Siapa yang awal dulu itu? Saya bagi Yang Berhormat Penampang dululah sebab dalam bahasa yang sama. Silakan Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Tuaran. Saya ada baca Yang Berhormat Tuaran di surat khabar hari ini di Sabah bahawa Yang Berhormat Tuaran telah mengesahkan bahawa Parti UPKO Barisan Nasional tidak akan sokong pemindahan berkenaan dengan seksyen 3(1), *illustration* inilah, tafsiran ini ya. Akan tetapi Yang Berhormat, bolehkah saya, tahukah Yang Berhormat bahawa *substantive law* di dalam Akta Sedition ini, Akta Hasutan ini ternyata bahawa *secession* masih salah dalam undang-undang iaitu dalam 3(1)(b). So *secession* dengan izin, *is still no offence and I don't know what is your position on that, thank you.*

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, dalam Perkara 20, syarat-syarat kita, Sabah untuk bersetuju membentuk Malaysia sudah pun tertulis dalam Perkara 7. Dalam bahasa Inggeris, "*There shall no right to associate from the federation,* memang sudah ada sana dan akhirnya... Nanti dulu. Akhirnya Perkara 7 ini telah diserapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Memang ada di sana. Sebab itu saya mengatakan tidak ada kewajaran untuk meletakkan *illustration* ini sebab jika sekiranya ada orang yang bergerak dan membuat langkah-langkah yang *secession* ini, undang-undang sudah ada. Cuma apabila diletakkan di sini menjadi *seditionous*, itu satu perkara yang berlainan.

Apabila yang menjadi *seditionous* ini satu perkara yang lain. Itu saya mengatakan bahawa ini harus dibuang. Undang-undang sudah ada dalam hal ini sebenarnya Yang Berhormat. Sebab itu tidak perlu itu *over kill.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuaran, dua minit lagi Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Dua minit lagi. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah dalam soal kebebasan beragama.

■1850

Pada ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan menghapuskan Akta Hasutan itu adalah pada hari menjelang sambutan Hari Malaysia dan Hari Malaysia ini kita raikan kerana kita ada perjanjian Malaysia. Perjanjian Malaysia ini ada jaminan-jaminan tertentu dalam hal-hal kebebasan beragama dan sebagainya. Hal-hal kebebasan untuk mengamalkan ibadah sendiri dan juga untuk *propagate* agama kita masing-masing, *subject to* dengan undang-undang lain yang agama lain tidak boleh *propagate* kepada orang Islam dan sebagainya.

Akan tetapi yang menjadi kerisauan kita selama ini Tuan Yang di-Pertua ialah apabila kita membawa bahan-bahan keagamaan, kerohanian dari luar khususnya daripada Indonesia masuk ke sini dan sering ditahan di KLIA. Kita menghadapi masalah.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Jadi, kalau itu tidak ada saya mengucapkan terima kasih sebab kalau sudah dibuang, saya mengucapkan terima kasih. *[Dewan riuh]* Akan tetapi pada masa yang sama saya mohon juga supaya pegawai-pegawai penguat kuasa khususnya yang berada dan menjalankan tugas di *point of entry* seperti di KLIA dan *point of entry* yang lain itu jangan cuba-cuba menggunakan kuasa Menteri. Ini kerana dahulu ada pegawai-pegawai ini yang cuba-cuba menggunakan kuasa Menteri dalam menguatkuasakan undang-undang peraturan tertentu dalam Akta Kastam dengan alasan menahan bahan-bahan yang mereka katakan tertakluk kepada undang-undang tertentu dan akhirnya apabila kita kaji sebenarnya itu kuasa Menteri. Kuasa Menteri belum diperturunkan kepada pegawai. Jadi soal di sini ialah soal penguatkuasaan sebenarnya.

Dalam hal kebebasan beragama ini juga Tuan Yang di-Pertua, agama ini begitu sensitif, agama ini begitu penting, Rukun Negara pun telah memperakui meletakkan di nombor satu, "*Kepercayaan Kepada Tuhan*" dan sebagainya. Oleh sebab itu hal-hal ini dan sekali lagi apabila ada orang yang memperalatkan agama untuk menghasut dan sebagainya dalam pelbagai...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Minta laluan Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh sambung nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah saya tegur tadi saya kata dua minit. Kalau kasi laluan lagi siapa yang berdiri ini sudah empat minit. Bolehkah Ahli Yang Berhormat berhujah seperti Yang Berhormat Pandan?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan saya ingatkan lagi Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingatkan malam ini malam Jumaat. Sila.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: *[Ketawa]* Saya sedar Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya gulung Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua sebut malam Jumaat ini, bahaya. *[Ketawa]*

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Oleh kerana Yang Berhormat Menteri sebentar tadi sudah pun memperbaharui beberapa cadangan pendek pindaan dalam Akta Hasutan ini yang kita lihat sebagai keterlaluan. Jadi, saya bagi pihak parti saya, kami tidak ada masalah untuk menyokong akta ini, pindaan ini. Kalau perkara-perkara yang keterlaluan itu dibuang kita menyokong sebab niat kita satu sahaja. Kita mahu supaya negara Malaysia ini sentiasa harmoni dan tenteram.

Kita tidak mahu Malaysia ini akhirnya porak-peranda. Kita tahu, semua kita tahu hal-hal seperti bangsa, kaum, agama dan sebagainya dengan senang boleh digunakan oleh sesiapa juga, pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memporak-perandakan perpaduan di kalangan kita. Oleh sebab itu saya fikir kalau kita membuat apa-apa pun *argument* hal-hal hak asasi, kita boleh bahas dan sebagainya tetapi kita berharap Malaysia ini akan terus menjadi sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, Raja berperlembagaan diteruskan. Pada masa yang sama pada mereka yang cuba memperalatkan hal-hal seperti agama dan bangsa untuk kepentingan mereka sendiri tetapi baling batu sembunyi tangan. Saya

berharap akta ini dapat menangani orang-orang yang saya sebutkan ini. Sekian saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang.

6.55 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Minta maaflah jika saya tidak beri laluan sebab 15 minit sahaja. Kalau setengah jam mungkin saya bagi laluan. Pertamanya, saya ingin nyatakan ini adalah satu akta yang hodoh, *ugly* tetapi cuba disolekkan, cuba dihiaskan dengan pindaan-pindaan untuk mengaburi mata kita.

Akan tetapi kalau kita cuci, kita bersihkan, solekan itu, walaupun nampak macam okey tetapi kita akan nampak dia punya *ugliness* ataupun kehodohan itu. Jadi saya hendak beritahu dengan kerajaan seperti kata pepatah Amerika kata, "*Kamu boleh bohong seseorang dalam sesuatu masa tetapi tidak boleh bohong semua orang dalam semua masa*". Jadi, kita ingatkan bahawa pertamanya, bagi saya akta ini *is a wicked legislation introduced by a wicked government to protect its wicked act*. Kerana apa saya kata akta ini adalah akta yang *wicked*, sesuatu yang keji? Ini kerana akta ini sendiri adalah akta yang diperkenalkan oleh *British*, penjajah.

Baru-baru ini dalam perbicaraan di Mahkamah Seksyen Butterworth dalam kes yang melibatkan Timbalan Presiden Pas yang didakwa membuat kenyataan memfitnah waris-waris Bukit Kepong. Pihak pendakwa telah memanggil profesor Khoo Kay Kim seorang pakar sejarah dan saya sempat menyoal balas beliau. Semasa perbicaraan itu, timbul kenyataan Profesor Khoo Kay Kim ini yang menyatakan bahawa *British* telah menipu Parti Komunis Malaya (PKM), *being dishonest* kepada PKM.

Ini adalah kerana walaupun *British* yang membekalkan senjata kepada PKM untuk menentang penjajah Jepun dengan janji selepas Jepun keluar daripada negara kita, *British* akan membenarkan PKM ini untuk bergerak menjadi satu *political party* yang sah. Ini bukan kenyataan saya, kenyataan profesor sejarah iaitu Profesor Khoo Kay Kim dan dia kata *British* telah mungkir janji itu kerana datang desakan daripada Amerika Syarikat sebab Amerika Syarikat memberitahu kalau sekiranya kamu lulus, kamu benarkan PKM ini diluluskan sebagai parti politik yang sah maka kami akan tidak membeli bijih timah dan juga khazanah-khazanah daripada Malaysia ini yang diambil Tanah Melayu ini untuk dijual kepada Amerika.

Selepas itu, atas penipuan itu maka PKM merasakan mereka ditipu, mereka menentang *British*. Apabila mereka menentang *British*, *British* hendak *contained emergency* itu maka diperkenalkan Akta Hasutan. Akta ini yang meletakkan *threshold* nya begitu rendah. Dia tidak perlu membuktikan bahawa benar-benar wujudnya hasutan. Hanya sekadar cukup untuk ada kecenderungan menghasut *sedition tendency*. Makanya *threshold* nya begitu rendah. Jadi, kalau *British* yang jajah negara kita telah menipu PKM dan mewujudkan akta ini untuk lawan PKM, ini bukan masalah kita untuk setuju atau tidak setuju dengan PKM. Ini sejarah yang dinyatakan oleh pakar sejarah.

Sekarang ini bagi kita kalau *British* menipu kita juga selepas *British* keluar daripada Tanah Melayu rupa-rupanya ditipu juga oleh Barisan Nasional, UMNO apabila berjanji akan hapuskan akta ini, tiba-tiba bukan sahaja hapuskan akta malahan makin mengganas, menggunakan akta ini untuk menangkap, untuk mendakwa mereka yang tidak setuju dengan Barisan Nasional. Oleh sebab itu *British* dengan UMNO ini dua kali lima, lima kali dua. Sama sahaja.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini sejarah. Saya cakap pasal sejarah Khoo Kay Kim dan beliau menyatakan buku sejarah Tingkatan 5 itu yang sekarang ini ditulis oleh Profesor Ramlah Adam salah seorangnya, dia kata ini nombor dua Perkasa.

■1900

Dia kata buku ini pun tidak betul. Dia kata apa pula? Dia kata buku ini menulis rujukan nama saya sedangkan saya tidak pernah *diconsult* oleh mana-mana pihak. Jadi macam mana?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta maaf Yang Berhormat Kapar, saya tidak bagi hari ini. Saya betul-betul nak bantai UMNO hari ini. Minta maaf. Bagi saya, UMNO di tangan kamu, di dalam diri kamu, kamu bersalut dengan kezaliman. Kamu bukan sahaja berbohong, kamu membiarkan akta zalim ini terus memburu orang-orang yang tidak sepatutnya didakwa daripada awal lagi. *[Disampuk]* Apa hoi, hoi?

Kalau kita lihat negeri yang mundur seperti Kenya. Kenya ini ada Akta Hasutan, bukan tidak ada, macam Malaysia juga, tetapi Kenya pun telah membatalkan Akta Hasutan setelah dia mendapati bahawa akta itu lebih digunakan untuk mendakwa kesalahan-kesalahan politik daripada kesalahan-kesalahan jenayah. Jadi kalau kita pun tidak mahu hapuskan Akta Hasutan ini, kita lebih teruk dari Kenya lagi. Ini boleh dilihat. Ada buku kalau hendak tengok. Jeyaseelan, seorang peguam, ada tulis buku ini. Dia ada dia punya...

Hatta, British yang memperkenalkan Akta Hasutan ini, di negara mereka pun mereka telah hapuskan. Semasa Akta Hasutan masih wujud lagi di British, pendakwaan terakhir kes hasutan di negara England adalah pada tahun 1909. Nama kes dia apa? R vs Aldred. Boleh baca. *That is the last prosecution under Sedition Act.*

Jadi bagaimanakah kita ini sambut kemerdekaan kerana kita rasa British jajah negara kita, tiba-tiba kita seronok dengan akta penjajah ini? Ini apa punya manusia, tak ada maruah ini? *[Tepuk]* Jangan sambut merdeka lagilah kalau akta warisan penjajah pun kamu banggakan. Sudah tua pun kamu solek lagi, solek lagi. Dah berkedut sana, dah berkedut sini. Patutnya akta yang dah berkedut begitu kita jangan bagi harapan lagi, kuburkannya sahaja. Dia ini dah *terminal-ill*, sakit tenat dah akta ini. Akan tetapi bagi saya, akta ini hanya boleh dikekalkan oleh kerajaan yang sudah tenat juga, setuju? *[Tepuk]*

Akta ini, dia pertamanya melanggar prinsip. Saya mengucapkan tahniah Barisan Nasional. Tak ada dalam sebuah kerajaan dalam seminggu ini kamu seronok luluskan semua akta yang zalim, *draconian*, tanpa rasa segan, tanpa rasa malu, tanpa rasa bersalah. Hari Isnin kamu luluskan POTA,

kamu pinda pula POCA, kamu pinda Akta Hasutan. Ini apa punya kerajaan ini? Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional sepatutnya merasa malu...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa, saya bagi Yang Berhormat Geriklah sebab Yang Berhormat Gerik ini cikgu. Sila.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya merasakan Yang Berhormat Sepang menggunakan bahasa-bahasa biadab di dalam Parlimen kita. "*Kamu*". Soalnya apa benda? Nampaknya wakil Pakatan Rakyat ini lebih tidak bersopan dan mengajar kita ke arah yang tidak baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini hasutan juga kah? Guna 'kamu' ini pun Akta Hasutan jugakah? Okey, tidak apalah. Saya bagi peluang untuk tanya tetapi tanya pun tidak pandai, hendak buat macam mana? Okeylah, saya hendak kata begini.

Akta Hasutan ini, ini satu akta yang memang British gunakan sebab dia tahu satu-satunya jalan untuk membolehkan tidak berlakunya *uprising* menentang British ini ialah mewujudkan akta ini untuk mengatakan bahawa perbuatan kamu ini adalah perbuatan untuk menjatuhkan British. Dia tahu untuk membuktikan kesalahan menjatuhkan kerajaan British itu mungkin susah, jadi dia kata menghasut. Dan dia pun tahu juga hendak buktikan menghasut ini bukan mudah, tetapi cukup dengan kecenderungan menghasut.

Oleh sebab itu kita kena lihat, adakah wajar hanya kata kita cenderung? Saya boleh katakan dalam semua kes yang melibatkan kes hasutan di mahkamah, baik kes yang telah diputuskan ataupun kes-kes yang akan mendatang ini, saya percaya amat mudah untuk seseorang itu untuk didapati bersalah. Sebab apa?

Sebagai contoh, mahkamah pernah mengatakan *it is immaterial whether or not the words complained of could have the effect of producing or did in fact produce any of the consequence enumerated in section (3)(1)(a) to (f)*. Maknanya, dia tidak perlu membuktikan kata-kata yang dikeluarkan itu betul-betul memang boleh mewujudkan atau menimbulkan satu kesan sepertimana yang dinyatakan dalam seksyen 3(1)(a). *In other words*, hanya kerana kita bercakap sahaja. Kalau pihak pendakwa merasakan apa yang kita cakap ini adalah bersifat menghasut, didakwa, hakim hanya hendak tengok apa yang kita cakap itu sahaja.

Saya hendak bagi contoh. Kalau kita tengok daripada segi pemikiran kita pun, kita rasa seorang profesor undang-undang – Prof. Azmi Shahrom ini profesor undang-undang, bukan profesor kampung. Dia bercakap tentang undang-undang. Tiba-tiba dia didakwa di bawah Akta Hasutan. Boleh kita terima kah? Mendiang Karpal Singh membuat satu kenyataan mengatakan bahawa Sultan Perak boleh disaman dalam kes Perak dahulu.

Memang tahun 1993 Dewan yang mulia ini meluluskan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan seorang Raja dibawa ke mahkamah. Masa itu kita boleh melihat macam mana ucapan-ucapan, mungkin sesetengah Ahli Parlimen masih ada lagi di sini, telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang terang-terang menghasut. Akan tetapi, ada tidak seorang Ahli

Parlimen UMNO atau Menteri yang didakwa kerana berucap di Parlimen ini ketika membahaskan pindaan ke atas Perlembagaan? Ada? Tidak ada.

Tiba-tiba seorang peguam senior menyatakan Sultan Perak boleh disaman – yang lucunya, semasa kes Perak itu dibawa ke mahkamah, akhbar *The Star* bertarikh 3 September 2009 melaporkan SFC atau *Senior Federal Counsel*, sekarang ini sudah menjadi seorang hakim, Datuk Kamaruddin Said, ketika dia berhujah untuk menolak saman yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Nizar, dia kata apa? Dia kata seharusnya menamakan Sultan Perak dalam *suit* itu. Jadi, dia bersetuju dengan Karpal Singh. Tiba-tiba, Karpal Singh yang kena dakwa. Apa punya undang-undang ini? Undang-undang macam ini pun kita boleh terima? Sampai kita kenakan dalam keadaan ketika itu dia sudah dalam keadaan uzur, kena juga.

Kalau ini bukan kezaliman wahai Barisan Nasional, wahai Ahli Parlimen Gerik yang budiman... *[Disampuk]* Nama sahaja panggil budiman tetapi dia punya perangai jauh daripada perangai budiman.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta laluan, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya suka Menteri, kalau Menteri boleh bangun, bagus Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tiga minit saya tidak bagi dah, minta maaf. Saya bagilah sahabat saya sebab dia selalu bagi saya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Soalan yang berhubung dengan pendakwaan Mendiang Karpal Singh. Di dalam sabitan beliau, pihak pendakwa raya telah pun memohon satu hukuman penjara terhadap beliau walaupun seperti Yang Berhormat Sepang kata tadi, keadaannya uzur, berada dalam *wheel chair* dan sebagainya. *Now*, adakah itu merupakan satu ataupun mencerminkan niat sebenar pihak kerajaan untuk dengan izin, *silence is all once and for all*? Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang berkenaan perkara ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya amat setuju. Adalah satu yang tidak munasabah seorang yang dalam keadaan uzur kita minta hukuman penjara. Akan tetapi itulah yang berlaku. Bukan itu sahaja, walaupun Tuan Haji Mat Sabu tidak didakwa di bawah Akta Hasutan, seksyen 500, saya masih ingat, semasa perbicaraan, pendakwa raya minta jamin RM50,000. Ini yang berlaku sebab mereka minta *silence on the critics*. Sebab merela tidak berani berdepan dengan hujah.

■1910

Tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya hendak sentuh sedikit. Dia bangkitkan isu nama Allah. Saya bangun, dia tidak benarkan. Dia kata “Okey” tetapi tidak bagi. Tidak apalah. Dia kata, Sarawak kita benarkan sebab tidak ada undang-undang di sana sedangkan di Selangor semua ini ada dan dia *quote* Artikel 11 sub artikel 4. Saya tidak tahulah sama ada dia faham atau tidak Artikel 11(4) itu dimana 11(4) menyatakan memang mana-mana Parlimen ini ataupun mana-mana kerajaan negeri...*[Mikrofon*

menghadapi masalah teknikal]. Minta maaf, saya pindah [Yang Berhormat Sepang menggunakan mikrofon Yang Berhormat Parit Buntar]. Ada apa masalah saya tidak tahu. Boleh ya saya minta izin untuk berpindah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia kata 11(4) Dewan Negeri dan Parlimen boleh buat undang-undang untuk *restrict the propagation of non-Islamic doctrine to Muslim*. Betul. Itu betul tetapi hujah itu dia salah guna. Apa yang berlaku dalam kes Herald dan sebagainya, mereka tidak melanggar Artikel 11(4) itu kerana mereka menerbitkan, menggunakan nama Allah itu dalam akhbar yang diedarkan hanya ke atas orang-orang bukan Islam. Jadi akta yang ada dalam negeri-negeri ini tidak boleh terpakai selagi mana kita menyebarkan apa sahaja *propagation* ini dalam kalangan sesama agama sendiri, itu tidak boleh disalahkan.

Ucapan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang tadi, tidak betul daripada segi perlembagaan. Kalau dia kata nama Allah ini, ramai - memang seperti mana kata Yang Berhormat Parit Buntar, ini bukan satu pendapat sahaja. Bagaimana Tokoh Maal Hijrah Profesor Dr. Yusuf Al-Qaradhawi mengatakan bahawa kalau kita baca surah al-Fatihah, "*Alhamdulillah hirobbil 'alamin..*", "*Allah ini untuk seluruh*". Dalam Quran kata, [Membaca sepotong ayat al-Quran] "*Kalau kamu tanya kepada orang bukan Islam ini siapa yang jadikan langit dan bumi, mereka akan jawab Allah*".

Jadi berdasarkan hujah-hujah itu, mereka kata boleh. Kalau kita kata, "*Oh! Tidak boleh sebab salah guna*". Salah guna nama Allah ini bukan sahaja orang bukan Islam, orang Islam pun tidak boleh salah guna. Maknanya, kita tidak boleh bersikap *disproportionate* dalam kita mengambil tindakan ini. [Disampuk] Saya punya mikrofon sudah okey balik.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tempat saya ini. Kalimah Allah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oleh kerana berlakunya pemindahan ini, minta tambah masa sedikitlah. [Ketawa] Boleh Tuan Yang di-Pertua ya? Sebab ini pun hampir dua minit ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab ini bukan silap saya. Ini silap teknikal. Jadi saya mengatakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Baling tadi. Beliau mengatakan bahawa bagaimana orang bukan Islam dibenarkan masuk masjid. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Baling, pernah atau tidak baca buku Yusuf Al-Qaradhawi? Antaranya saya terjemahkan dia kata buku berkaitan dengan *Religious Minority in Islamic* masyarakat orang Islam. Dalam bahasa Arab nanti takut dia tidak pandai baca. Saya bagi bahasa Inggerislah.

Dalam buku itu menceritakan bukan setakat orang isni, bukan setakat masuk masjid biasa, masuk masjid Nabi, Kristian Najran, rombongan datang ke masjid Nabi dan apabila tiba waktu Asar, mereka minta izin untuk sembahyang di masjid Nabi dan ada sahabat-sahabat yang menghalang. Rasulullah kata "*Daum*", "*Biarkan mereka*". Ini menunjukkan Islam tidak ada masalah untuk orang bukan Islam, selagi mana mereka tidak menghina. Apa yang kita takut sangat orang bukan Islam masuk masjid? Apa masalah? Sepatutnya kita risau kalau orang Islam tidak masuk masjid.

Saya hendak katakan, dalam isu agama ini, kita tidak akan berjaya untuk menaikkan nama Islam itu kalau sekiranya kita tidak menunjukkan contoh yang terbaik. Islam ini agama yang memang *based on mercy* [Berucap dalam bahasa Arab] “Allah telah menetapkan untuk dirinya rahmah”, kasih sayang, mercy. Jadi mercy ini, ia tidak boleh dengan kita, sedikit-sedikit hendak hukum, sedikit-sedikit hendak hukum. Tidak boleh.

Kalau kita kata tadi bahawa Islam sekarang diancam dan sebagainya, dihina, cuba baca dalam al-Quran untuk sahabat-sahabat Barisan Nasional yang beragama Islam, Nabi kena lebih teruk. Apa yang orang tidak tuduh Nabi? Akan tetapi bila berlaku *fathu Makkah*, Nabi dalam keadaan orang menghina mereka, menghina Rasulullah macam-macam, malah pernah cuba hendak bunuh pun, Rasulullah kata [Berucap dalam bahasa Arab] “Sila, aku maafkan kamu. Kamu adalah boleh bebas”.

Inilah Islam yang patut kita tonjolkan. Islam yang mempromosi dialog, Islam yang mempromosi *engagement*. [Tepuk] Ini yang patut kita lakukan. Bukan sedikit-sedikit, kena ISA. Sedikit-sedikit ini, ini. Itu bukan caranya. Islam kata [Berucap dalam bahasa Arab] “Ajar orang dengan baik”.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Sepang. Boleh sedikit sahaja tentang ayat itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta maaf. Tidak apa, tidak apa. Saya tidak bagi, saya tidak bagi.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tidak, saya hendak jelaskan sedikit tentang ayat itu. Tidak bolehlah mengelirukan itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak ada masa, minta maaf.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat mengelirukan. [Berucap dalam bahasa Arab] Hikmah itu satu benda yang umum.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dengar dahulu saya cakap. Saya belum habis lagi. Sabar dahulu.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Akta ini pun sebahagian daripada hikmah. So, jangan kelirukan Dewan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak kelirukan Dewan. Masalahnya Ahli Parlimen Tasek Gelugor yang terkeliru. Saya tidak boleh buat apalah. Saya kata, saya baca apa yang Yusuf Al-Qaradhawi tulis. Dia kata, pertama kita ajak orang kepada [Berucap dalam bahasa Arab] “...iaitu tulis dengan nasihat”. Nasihat ini kenapa? Nasihat sesama Islam. [Berucap dalam bahasa Arab] “Kalau kamu bermujadalah, itulah guna cara yang paling ahsan”. Bukan ‘hassan’, ‘ahsan’ yang paling the best dan dia kata mujadalah ini mestilah berlainan iaitu berlainan ideologi, berlainan agama.

Maknanya dalam kalangan orang bukan Islam, pendekatan kita bukan dengan mewujudkan rasa bimbang, takut seolah-olah kita terancam. Sebenarnya bukan Islam terancam, UMNO terancam. Ada beza itu. Kadang-kadang UMNO ini dia *associate* Islam dengan Melayu itu dia seorang sahaja. Sedangkan saya hendak katakan UMNO mempunyai sejarah yang paling memalukan daripada segi hendak mempertahankan Islam ini. Tengok lima hari ini, UMNO sanggup luluskan segala akta yang

zalim. Janji kata kalau PAS bawa rang undang-undang pindaan akan sokong. Sekarang, tipu sahajalah. Inilah Barisan Nasional yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak kata UMNO ini memang berbohong orangnya. Sebab itulah saya hendak kata bahawa sebenarnya kalau kita hendak menyelesaikan masalah-masalah ini, bukan dengan kita menambah skru lagi Akta Hasutan ini. Sudah cukuplah lima hari kita sudah dengar akta-akta yang zalim ini. Tidak akan hendak buat lagi? Dalam ilmu undang-undang pentadbiran, kalau kita sudah janji kepada rakyat kita akan hapuskan Akta Hasutan ini, ia dipanggil *legitimate expectation*, kita mewujudkan jangkaan yang sah. Sepatutnya bila kita sudah janji untuk hapuskan, paling kurang, kita tidak ada pendakwaan selepas itu.

Ini bukan sahaja pendakwaan makin berleluasa, ini bukan sahaja pendakwaan hanya berlaku satu pihak sahaja, malahan makin kita pinda pula untuk ketatkan untuk hendak tangkap lagi orang dengan mudah. Jadi kalau ini yang kita lakukan, saya rasa kita tidak layak jadi kerajaan. Sebab itu saya kata, kalau kita sampai hendak menghapuskan *bond over*, kenakan hukuman *minimum sentence* - saya sudah banyak kali bercakap di sini. Selagi mana kita gunakan *minimum sentence* ini, kita ikat tangan hakim, ia tidak selesaikan masalah. Lepas itu tidak benarkan pula *bond over*.

Maknanya dia didapati bersalah, hakim kata macam kes yang melibatkan Ahli Parlimen yang sebelum ini didakwa, walaupun mereka bersalah tetapi hakim kata boleh *bond over*. Ahli Parlimen boleh *bond over* tetapi sekarang ini *minimum sentence*. *Bond over* tidak boleh. Maknanya kita ada niat. Kalau kita dakwa Ahli Parlimen Dewan Rakyat, kita hendak pastikan dia tidak boleh bertanding dalam pilihan raya akan datang. Itu niat jahat kita, *mala fide*.

Jadi saya hendak katakan akta ini ialah akta yang hanya sesuai untuk kerajaan tenat seperti Barisan Nasional. Saya dengan penuh hormat, dengan penuh benci tolak akta ini. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baru tadi bilang, Islam semua. Lepas itu ada lagi perkataan benci.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya benci kepada akta itu Tuan Yang di-Pertua bukan benci kepada orang.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Yang Berhormat Silam. Kalau Yang Berhormat Silam tidak ada, nanti. Yang dalam *list* saya, yang diberi, oleh *backbenchers*. Kalau Yang Berhormat Silam tidak ada, Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Gerik tidak ada. Kalau Yang Berhormat Gerik tidak ada, Yang Berhormat Setiu. Sila.

7.19 mlm.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit Yang Berhormat ya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya pun akan ikut...

Tuan Yang di-Pertua: *Benchmark* telah dicatat oleh Yang Berhormat Pandan, harus diikuti. Boleh berapi-api, sejuk, panas, lepas itu ada suam sedikit tetapi *on time*.

■1920

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Memang berapi Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak menyentuh langsung fasal pindaan. Seolah-olah apa yang dibuat hari ini, kebanyakan di sebelah sanalah, macam dia cakap hendak hapuskan akta itu tetapi saya hendak bercakap fasal pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, sabar nampaknya. Sebenarnya, yang banyak menghasut ini sebenarnya daripada ahli-ahli politik yang kita dapat lihat sekarang ini, terutamanya di sebelah sana. Saya pun ikut macam Yang Berhormat Sepang juga, saya tidak bagi ruang sebab hendak cepatkan habis. Sebenarnya, Akta Hasutan ini ialah satu perkara yang wajib yang patut dikekalkan dengan penambahbaikan dan demi kebaikan umum iaitu kepentingan awam. Kita tidak boleh lihat satu pihak sahaja, kita lihat juga kepada awam. Jadi, pada sifatnya Akta Hasutan 1948 ini sebenarnya mengawal dan memelihara situasi yang boleh mewujudkan keadaan perbuatan menghasut.

Jadi, Akta Hasutan sebenarnya perlu dipinda untuk tindakan tegas diambil terhadap mana-mana individu yang biasa kebanyakannya menggunakan media sosial untuk menghina agama-agama atau menyebarkan kenyataan-kenyataan berunsur hasutan tanpa mengira kaum dan juga agama. Jadi, pindaan ini sebenarnya harus diterima secara hati yang terbuka, semua pihak perlu menerima dengan hati yang terbuka kerana ia akan terpakai kepada semua pihak, tidak kira parti ataupun fahaman agama dan sebagainya. Jadi, kita lihatlah, saya lihat bahawa pindaan ini adalah untuk menambah baik Akta 15 tadi yang sedia ada.

Jadi, kalau kita lihat kepada pindaan jelas beberapa perkara telah ditarik, maknanya mana yang baik kita kekalkan, mana yang kurang kita tambah, yang lebih kita keluarkan. Jadi, jelas kepada fasal 3 terutamanya, yang telah memotong subfasal 2. Ini sudah jelas di mana kalau apa-apa, mana-mana orang yang mengembang kebencian atau penghinaan atau membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan tidak akan lagi menjadi kesalahan di bawah akta ini. Jadi, dengan jelas...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya tidak bagi lagi dah, hendak keluar, keluar minum, pergi keluar minum. Saya tidak bagi dah, saya pun sama dengan Yang Berhormat Sepang tadi, dia tidak bagi, saya pun tidak bagi, adil ya.

Jadi, dah dua perkara. Satu lagi berkenaan dengan pentadbiran kerajaan. Ini pihak kita merasakan mungkin agak lebih sikit, jadi kita keluarkan. Kita tambah dengan yang lain iaitu EA tadi untuk menguatkan lagi dengan satu tujuan sahaja; melindungi kesucian agama yang dianuti oleh masyarakat berbilang kaum, yang berbilang agama di negara kita, itu sebenarnya. Kalau kita lihat pula kepada pindaan ini, penambahan kepada fasal (iii)(c), (B) (3). Ini pindaan sebenarnya untuk lebih mengemaskan lagi sebab dah terlampau banyak sangat hasutan-hasutan yang telah berlaku sebenarnya sekarang ini. Kita kena ingat bahawa bukanlah maknanya kalau ditangkap terus dituduh. Dia hendak tuduh ini berdasarkan kepada bukti-bukti yang ada, disiasat dalam kertas siasatan ada, boleh dituduh, sampai kepada pihak pendakwa raya dan barulah dituduh. Bukan semuanya ditangkap terus dituduh.

Jadi, kalau dikatakan mudah untuk mendapatkan sabitan, saya tidak bersetuju sama sekali. Ini kerana dengan Akta Keterangan di bawah fasal 6 jelas menunjukkan bahawa mana boleh kalau dia kata

dia tidak tahu, dia tidak bagi *consent* dan sebagainya, dia tidak ada *knowledge*, tidak ada *consent* dan dia tidak tahu apa-apa bahawa '*he didn't know and had no reasonable grounds to believe that the publication had a seditious tendency*'. Maknanya, ini *depends*, kalau dia boleh beritahu, maknanya tidak ada lagi masalah hendak mengatakan bahawa sabitan itu mudah, tidak semudah itu.

Berkenaan dengan hukuman. Hukuman yang jelas dikatakan sebagai tambahan. Maknanya, tidak kurang daripada tiga tahun, tidak lebih lima tahun hukuman, ini sangat perlu. Kalau tidak, ia akan berulang-ulang. Kejadian hasutan ini akan berlaku berleluasa. Itulah kita kata ciri-ciri Islam ada dalam akta ini, maksud saya, kita bukan hendak menghukum tetapi pengajaran. Bagi hukuman, bagi tiga tahun, lepas itu diamlah. Pernah ada sebelum ini dalam akta-akta lain pun, Kanun Keseksaan dan sebagainya, 289A jelas, menetap kurang dua tahun, tidak lebih lima tahun kalau tidak silap saya. Maknanya, sekali berlaku, pernah berlaku tahun kalau tidak silap 1985 atau 1987 di Terengganu, jenis sembahyang dua imam ini. Sekarang sudah tidak ada, maknanya itu sebenarnya ciri-ciri Islam ada, bukan tujuan menghukum maksud saya.

Mungkin ada juga yang menyentuh berkenaan dengan saya hendak terangkan sedikit apa yang dikategorikan, yang menyebut, Yang Berhormat Bagan tadi sebut terlampau banyak kes yang dikatakan kenapa ditangkap, kenapa yang tidak ditangkap dan sebagainya. Kita lihat kepada disebut juga seorang menteri tadi. Yang seorang menteri ini saya rasa ini bukan sentimen ataupun hendak menimbulkan kekecohan sebenarnya. Akan tetapi lebih kepada mempertahankan kesucian agama Islam yang telah jelas, ini yang kes NGO tadi daripada PERKASA. Sebenarnya, ini dia kata bukan satu sentimen ataupun hendak menimbulkan kekecohan keagamaan tetapi ini mempertahankan kesucian agama Islam yang telah jelas dalam undang-undang.

Sebenarnya, kes ini tidak terjatuh di bawah lingkungan, definisi kecenderungan menghasut di bawah Akta 1948. Jadi, sebenarnya apa yang berlaku, sebelum sesuatu kegiatan itu dikatakan mempunyai kecenderungan, kegiatan ini hendaklah dilihat secara keseluruhan dan tidak boleh dipisahkan daripada konteks di mana ia dibuat. Jadi, Dato' Ibrahim Ali sebenarnya membuat kenyataan itu di dalam konteks kejadian di SMK Jelutong sahaja. Jadi, dikatakan bukan berniat untuk menimbulkan kekecohan keagamaan, sebenarnya ialah untuk mempertahankan kesucian agama Islam. Setakat itu sahaja yang berlaku. Kalau saya hendak baca semua, ini apa yang saya dapat, banyak lagi sebenarnya tapi hendak baca semua takut tidak cukup masa.

Seorang menteri yang dikatakan tadi, tindakan itu sebenarnya bukan disasarkan kepada seluruh peniaga Cina. Dikatakan atas alasan bukan atas alasan *racist* dan sebagainya. Oleh kerana ia ditujukan kepada peniaga Cina yang tidak mahu menurunkan harga barang walaupun harga minyak telah pun turun. Itu sahaja yang dia cakap. Jangan tengok konteks, oh kalau macam ini, kita rasa menghasut tetapi keseluruhan konteks kita kena baca.

■1930

Jadi jika peniaga-peniaga menurunkan harga barang maka setiap rakyat termasuk kaum Cina masih mendapat manfaat. Jadi tidak ada apa yang hendak dirisaukan sangat sebab majoriti pengguna adalah Melayu, jadi Cina adalah minoriti. Kalau Melayu yang boikot perniagaan mereka tentu mereka

tidak ada pilihan untuk turun harga barang. Ini yang penting ambil semua, baca semua jangan separuh-separuh, sekerat-sekerat. Tidak seronok masuk sekerat ini sebenarnya. *[Ketawa]*

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya tidak bagi sebab hendak...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Oh! Yang Berhormat Setiawangsa. *[Disampuk]* Kawan tidak apa, itu hak sayakan. Bagilah kepada ini sekejap.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: *Saya, affirm believer of what **Boltey** have to say or even evenly batteries on this things. I do not agree with what you have to say but I'll defend to that your right to say. That much* tetapi adakah Yang Berhormat Setiu bersetuju bahawa gambaran yang diberikan sekarang ini seolah-olah rakyat diketir ataupun diketip kebolehan mereka untuk menegur sekiranya ianya salah. Adakah itu gambaran yang diberikan seperti mana undang-undang ini ataupun ianya untuk menyekat mereka-mereka yang ingin melakukan kesalahan on **harm** untuk menyebabkan keadaan dalam negara ini berada dalam keadaan ketidaktenteraman. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Tujuan asal dia hanya untuk menyekat yang disebut tadi bukan untuk menangkap semua orang yang bercakap. Maknanya kita kena ingat bahawa kita berteraskan apa yang pindaan dibuat berteraskan kepada sebenar Perlembagaan sendiri. Dia ada empat teras yang begitu sensitif 153 Perlembagaan Persekutuan, 152 Jadual Ketiga daripada segi bahasa kebangsaan, dari segi keistimewaan orang Melayu dan juga anak-anak negeri, anak negeri Sabah dan Sarawak. Juga kepentingan sah untuk kaum-kaum lain bukan setakat Melayu sahaja. Jadi Bahagian III juga menunjukkan untuk kewarganegaraan dan sebagainya dan Perkara 181 Regatif Kuasa dan bidang kuasa Raja-raja. Jadi kalau ini yang disoalkan memang akan menjadi bawah Akta Hasutan itu sendiri.

Satu lagi yang saya hendak sentuh mungkin ada satu kenyataan komen daripada seseorang ahli parti reformasi dari Europe. Dia menyatakan bahawa menurut Al-Quran agama Islam itu bermaksud tunduk dan patuh kepada Allah dengan menuruti perintahnya secara jasmani dan rohani. Islam juga bermaksud membawa perdamaian kepada semua umat manusia. Menurut Al-Quran lagi Islam itu sudah wujud berkurun-kurun lamanya semenjak daripada zaman Nabi Ibrahim lagi. Berdasarkan kepada bukti-bukti di atas Muhammad SAW sebenarnya bukan pembawa ajaran Islam yang sebenar.

Inilah bahayanya. Mula-mula elok sahaja bercakap sampai akhir, eh Nabi Muhammad SAW bukan pengajar agama Islam yang sebenar. Inilah, perkara-perkara macam inilah kita kena elakkan supaya tidak dituduh di bawah Akta Hasutan, begitu juga perkara lain. Jadi saya sudah lebih Tuan Yang di-Pertua ya, saya ambil setakat itu sahaja. Jadi saya pohon menyokong. Kurang daripada 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Yes terima kasih. Sila Yang Berhormat Puchong.

7.34 mlm.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan ada

dua, tiga perkara yang saya ingin dapat pengesahan. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya lihat kepada rang undang-undang ini dan ini diberikan kepada kami dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Akan tetapi masalah dia Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada dalam bahasa Malaysia semuanya dalam bahasa Inggeris juga. Ini penting kerana seperti mana Tuan Yang di-Pertua akan setuju setiap perkataan adalah penting dalam undang-undang sebegini. *Every word is technical, context and so forth* Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau kita lihat kepada rang undang-undang *we have the English version*. Dalam bahasa Malaysia misal kata kalau kita lihat pindaan kepada seksyen 2 *the first part is alright* Akta Hasutan *and so forth then "...by electronic means' ...in relation of publication..." is all in English*. Kalau kita lihat daripada seksyen 4 ini penting dan seksyen 3 juga sama. *So there is no Malay version. Just wondering* Tuan Yang di-Pertua *which one is the official translation*, Tuan Yang di-Pertua *aware of section 6 in language act*. Kenapa ianya tidak diberikan Tuan Yang di-Pertua. Itu menjadi satu perkara yang kita perlu lihat kerana kalau Dewan ini ingin meluluskan satu undang-undang ianya kena berada dalam bahasa Malaysia. *So there* Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan dengan nada Tuan Yang di-Pertua *again* ini adalah satu lagi hasil yang menjadi apabila terdapat usaha-usaha untuk mempercepatkan rang undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini. *Matters of significant* Tuan Yang di-Pertua dengan izin perkara-perkara yang cukup penting kerana undang-undang seperti ini seperti mana saya akan hujahkan nanti *draconian* tetapi tidak ada penterjemahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa undang-undang ini ataupun rang undang-undang ini tidak seharusnya diluluskan sehingga penterjemahan yang betul dan rang undang-undang yang betul diberikan kepada kami untuk menilaikannya. Kepada saya kalau tidak *we will only have in English translation which of course* Tuan Yang di-Pertua, *there is not confirm with the requirement of* Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, *I'll come back to the bill later*. Tuan Yang di-Pertua sedar pindaan yang dicadangkan Tuan Yang di-Pertua adalah terhadap Akta Hasutan. Jadi apa yang kita ada di hadapan kami Tuan Yang di-Pertua ianya bukan satu akta yang baru. Ianya satu cadangan untuk meminda apa yang sudah ada iaitu Akta Hasutan 1948.

Tuan Yang di-Pertua dalam tahun 1948 masa itu tidak ada Akta Hasutan. Masa itu ianya dikenali sebagai Ordinan Hasutan. *In other word, that time it was known as the Sedition Ordinance*. Apabila kami mencapai kemerdekaan maka wujudnya Perlembagaan dan untuk menyelaraskan semua undang-undang Tuan Yang di-Pertua yang wujud sebelum Perlembagaan diwujudkan. Maka apa yang berlaku adalah terdapat proses di mana semua undang-undang yang lalu melalui proses penyemakan. Penyemakan oleh satu badan yang dikenali sebagai *the Law Reform Commission*. Selepas daripada itu dan melalui law reform commission *Sedition Act* ini ataupun *the ordinance* digazetkan, diwartakan dan dikenali sebagai *Sedition Act*. Apa yang jadi masalah dia adalah ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kembali kepada Perlembagaan Persekutuan khususnya kalau kita lihat kepada Artikel 10 di situ.

Apa yang jelas dinyatakan di situ adalah terdapat atau wujudnya Tuan Yang di-Pertua di Malaysia menurut Perlembagaan Persekutuan, wujudnya satu *guarantee* hak atau kebebasan *of speech*. *Guarantee of speech* Tuan Yang di-Pertua, juga melibatkan apa yang terkandung dalam Akta Hasutan.

Artikel 10 ini cukup jelas yakni menyatakan bahawa saya baca, *"The subject to clauses 2 and 3 Tuan Yang di-Pertua and 4, every first citizen has the right a freedom of speech and expression selepas itu B dan C tidak terpakai. Apa yang penting adalah Artikel 10(2), Parlimen may by law impose itu satu.*

Kemudiannya dinyatakan (2)(a) *the another I read Parliament may by law impose Tuan Yang di-Pertua "on the rights conferred by paragraph (a) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary of expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, friendly relations with other countries, public order or morality and restrictions designed to protect the privileges of Parliament or of any legislative assembly or to provide against contempt of court, defamation, or incitement to any offence".*

Jadi apa yang jelas adalah hak yang dijamin di bawah Artikel 10 itu tidak boleh dihakiskan melainkan undang-undang dibuat oleh Parlimen.

■1940

Apa yang penting adalah Artikel 10(2). *Parliament may by law impose*, itu satu. Kemudiannya dinyatakan 2(a), *...Parliament may by law impose Tan Sri on the rights conferred by paragraph (a) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, friendly relations with other countries, public order or morality and restrictions designed to protect the privileges of Parliament or of any Legislative Assembly or to provide against contempt of court, defamation, or incitement to any offence.*

Jadi, apa yang jelas adalah hak yang dijamin di bawah Artikel 10 itu tidak boleh dihakiskan melainkan undang-undang dibuat oleh Parlimen. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk semua Ahli Parlimen membuat satu keputusan sama ada ataupun tidak perkara-perkara dalam Artikel 10(2)(a) itu telah pun dipatuhi. Maknanya *is this a case* maknanya Tuan Yang di-Pertua. *Is this an act which needs to be passed dengan izin, in the interest of the security of federation or any of the other clauses in (2).*

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, mana dalam undang-undang ini, *the entitlement* dinyatakan di bawah perkara mana pindaan ini dibawa. *So first Tan Sri, saya menyatakan bahawa sejauh, as far as I'm concerned, this Sedition Act itself is unconstitutional. I had said this morning. I'm not going to go into it again.* Jadi pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada sesuatu perkara yang tidak digubal menurut undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, ianya juga dihadkan, *this amendment would also be unconstitutional, number one. Number two,* sekiranya pindaan-pindaan ini dibenarkan, ianya tidak menyatakan di bawah mana Artikel 10(2)(a) ianya digubalkan.

Ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana kita sebagai Ahli Parlimen, apabila kita mengambil ikrar di hadapan Dewan yang mulia ini, kita memberi satu aku janji supaya kita akan, *we will uphold and defend* dengan izin, *the Federal Constitution. It comes to a question of a guarantee right.* So, saya berpendapat bahawa apa yang berlaku di sini adalah satu perkara yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan *and of course I will ask the honorable Minister to response later and I will be questioning him this on it as well later,* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, serba sedikit latar belakang berkenaan dengan Akta Hasutan. Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah pun berhujah berkenaan dengan bagaimana ianya satu undang-undang yang *draconian*. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan dan saya bersetuju dan juga dari Yang Berhormat Sepang. Undang-undang ini digubal untuk memeras, *to suppress opposition*. Ianya satu undang-undang yang digunakan untuk memastikan bahawa tidak ada suara pada pihak pembangkang untuk membawa usaha-usaha untuk menumpaskan sesuatu kerajaan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, itu menjadi masalah dia. Ianya dianggapkan sebagai satu undang-undang yang kuno kerana ianya undang-undang yang luas dan ianya satu undang-undang yang boleh disalahgunakan dengan cukup senang. Bagaimana ini boleh berlaku Tuan Yang di-Pertua?

Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu dijelaskan. Sekiranya kita lihat kepada seksyen 3, ramai daripada Ahli Parlimen semasa berhujah menyatakan bahawa wujudnya usaha-usaha dalam negara ini yang membawa kepada *threats* di mana perlu ada undang-undang tegas untuk kita menangani keadaan tersebut. Jadi ada hujahan daripada pihak sana bahawa undang-undang ini adalah perlu untuk kita memastikan ada keselamatan dalam negara ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu hujahan yang tidak berasas kerana Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia selain daripada Akta Hasutan, kita ada akta yang lain yang cukup jelas juga membawa kepada hukuman untuk kesalahan-kesalahan tersebut. Jadi kenapa dinyatakan ada perbezaan di antara Akta Hasutan dan akta-akta yang lain. Kenapa ianya disebut sebagai *draconian as a post to other laws such as the Penal Code and so forth*, Tuan Yang di-Pertua.

Ini adalah kerana apa yang dinyatakan di dalam seksyen 3. Tuan Yang di-Pertua, dengan undang-undang ini ianya merangkumi satu situasi yang luas. Apabila dinyatakan satu perkara dan perkara itu dinyatakan mempunyai *sedition tendency*, ianya menjadi satu kesalahan. Apakah ini *sedition tendency*, Tuan Yang di-Pertua? Kalau kita lihat kepada seksyen 3, *it says as follow as the whole list 3(1)(a), a seditious tendency is a tendency*, Tuan Yang di-Pertua, *to bring it to hatred of contempt of to excite this satisfaction against any ruler or against any government. Of course that part is not taken out. There is a list to excite the subject of any ruler or the ... of any territory govern by any government to attempt to procure territory of ruler of government the alteration otherwise then by lawful means and so forth*. Jadi ianya luas. Siapa yang akan membuat keputusan sama ada ataupun tidak satu perkara yang dibawa itu adalah menghasut ataupun mempunyai ciri-ciri menghasut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dua tiga hari yang lalu, dalam dua tiga hari yang lalu, kita di dalam Dewan yang mulia ini kita membincangkan dua atau tiga rang undang-undang yang juga disebut rang undang-undang yang *draconian*. Kita ada POTA, kita juga bincang pindaan kepada SOSMA dan sebagainya.

Perkara yang penting dalam undang-undang itu seperti mana saya bangkitkan pada masa itu bahawa adanya atau wujud klausa di situ Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi contoh, di dalam POTA ada klausa di mana dinyatakan dan *I think this will ring familiar to Tan Sri*. Disebut secara spesifik, *no person shall be arrested and detained under this section surely for his political believe or political activity*. Di situ

pihak kerajaan menyatakan bahawa ada jaminan bahawa undang-undang ini tidak menjadi satu undang-undang yang boleh digunakan untuk memeras pembangkang ataupun memeras suara mana-mana pihak yang bertentangan. Ini kerana mereka mengatakan ada wujudnya seksyen tersebut yang jelas membolehkan atau meniadakan kuasa pihak-pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka atas sebab-sebab politik.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Hasutan, dalam pindaan yang dibuat kepada Akta Hasutan, hari ini kita lihat kenapa tidak juga dimasukkan satu klausa sedemikian di mana dinyatakan secara jelas bahawa tidak ada ruang untuk undang-undang ini disalahgunakan khususnya Tuan Yang di-Pertua, untuk seperti mana disebut di situ *for any political ... or political activity*. Adakah tidak ini menunjukkan bahawa sebenarnya Akta Hasutan ini adalah satu akta yang wujud untuk mengambil tindakan terhadap kami di dalam pembangkang, nombor satu, dan juga kepada sesiapa yang ingin menentang kerajaan yang sedia ada.

Is that not show that this is an act which exist to oppress us. Tuan Yang di-Pertua, kalau disebut tidak ada bahan yang menunjukkan sedemikian. Saya rasa *we have heard* Tuan Yang di-Pertua, *we have* Yang Berhormat Pandan, *we have heard* Yang Berhormat Bagan *this morning* bagaimana diberikan contoh-contoh tindakan yang diambil terhadap kita dalam pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang kecil, *last week* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ulang tapi saya akan bagi contoh-contoh yang lebih. *Last week* kita ada kes di mana seorang kartunis *discharge* bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan satu pertuduhan, *nine charges sedition, a cartoonist*. Bagaimanakah ini boleh menjadi satu perkara yang terlingkung dalam Artikel 10 *Freedom of Expression*, Tan Sri. *Freedom of Speech. You draw a cartoon, they don't like it. [Tepuk] You draw two cartoon, they don't like it. After nine cartoons, they arrest you nine charges.*

Bukankah ini menunjukkan bagaimana akta ini boleh disalahgunakan? *I'm not talking about politician. I'm talking about a cartoonist*, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat perkara-perkara sebegini Tuan Yang di-Pertua, saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu tadi di mana diberikan alasan-alasan. Tuan Yang di-Pertua, dua keadaan dibangkitkan. Satu, keadaan yang melibatkan Datuk Ibrahim Ali, orang daripada PERKASA yang dulu dalam Dewan ini juga. Apa berlaku di situ? Di situ jelas apa yang dinyatakan oleh beliau adalah bersifat hasutan. Adakah beliau ditangkap, Tan Sri? Adakah beliau ditangkap, digari, dibawa ke penjara? Adakah beliau diletakkan dalam jubah ataupun *purple dress or the purple dress code of the lockup*? Adakah beliau dibawa ke mahkamah tanpa pakai selipar dan sebagainya bergari di hadapan kamera untuk dilihat oleh semua? *[Tepuk]* Tidak ada. Kita ada satu Menteri di sini, Yang Berhormat dari Bera kalau tak silap. Apa yang dia nyatakan? Sama juga.

■1950

Adakah beliau bertindak sedemikian? Adakah beliau ditahan? Adakah beliau dilakukan seperti mana Yang Berhormat Shah Alam Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Shah Alam ditahan di rumah dia pukul 3 pagi. *[Tepuk]* M16 Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok kalau saya lihat kepada Yang Berhormat Shah Alam kit takut kerana Yang Berhormat Shah Alam, *he appears that a while the police concern you are terrorist. [Tepuk]*

Ini realiti Tuan Yang di-Pertua. Ini menjadi sebab atas mana kita dalam pembangkang kita membangkang, *we oppose the Sedition Act*. Tuan Yang di-Pertua, mana-mana undang-undang pun dalam dunia ini kalau diletakkan dalam tangan orang yang tidak boleh dipercayai, masalah akan timbul. [Tepuk] Apa yang kita ada? Kita ada seorang IGP Tuan Yang di-Pertua, IGP. Pagi ini Tuan Yang di-Pertua tanya satu soalan yang cukup penting, kenapa kita kata dia ketua di Twitter negara ini? Saya setuju Tuan Yang di-Pertua apa yang berlaku...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tanya Yang Berhormat pasal *something new to me*. Barangkali saya tidak membaca *Facebook*, *Twitter* pasal saya tidak mengamalkan itu. *Something foreign to me*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya rasa itu perlindungan Tuan Yang di-Pertua ada tetapi nasib baik Tuan Yang di-Pertua tidak perlu ada mimpi ngeri ada seorang ketua *Twitter* negara *on our tales*. Akan tetapi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua apabila beliau tidak ada kerja lain ini orang, apa dia buat? Dia duduk minum teh, buka *Twitter* tengok Tony Pua saya tidak suka dia punya muka, okey tangkap orang ini. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Ditangkap kerana hasutan. Ini pun kena Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Kamar pun kena Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kamar bantu orang. Orang ada *heart attack* kena tolong tetapi Tuan Yang di-Pertua, IGP ini ketua *Twitter* ini dia tangkap. *It is an abuse of process*.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang digunakan adalah kuasa untuk tangkap, bawa ke lokap, reman dua tiga hari, bawa tekanan kepada kamu, tekanan kepada keluarga, hina orang, hina keluarga dia dan Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Negara ini tidak ada tindakan diambil. Dia buat seolah-olah dia ini seorang raja. Bagaimanakah kita sebagai seorang Ahli Parlimen juga kita perlu ditindas sedemikian? Ini *sedition tendency*.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Negara yang *Twitter* punya orang ini *he is crazy*. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya boleh benarkan berhujah dengan *very passionate* tetapi jangan gunakan perkataan-perkataan seperti itu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya minta maaf but saya sebut *crazy* kerana tidak masuk akal apa yang dia buat. Saya check tadi kamus...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Gunakan perkataan seperti tidak logik.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Okey saya gantikan *crazy* dengan tidak berapa siuman atau pun tidak masuk akal.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang juga Yang Berhormat. Boleh, boleh. Tiada masuk akal boleh.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya terpulang, *I stand guided by* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *What I want to say* Tuan Yang di-Pertua tak masuk akal.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, sila. Sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua pertimbangkan sebagai Tuan Yang di-Pertua Peraturan Mesyuarat 36(9). Saya mendapat pertimbangan betul atau tidak, boleh timbang ataupun tidak. Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebut kelakuan atau sifat sesiapa ahli-ahli, Ahli-ahli Parlimen atau sesiapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau pegawai kerajaan.

Tadi yang sering disebut tidak mengapalah saya minta Tuan Yang di-Pertua pertimbangkan kalau salah dia timbanglah. Apa pula Yang Berhormat bising. Saya hendak tanya pertimbangan ini adakah yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong itu kelakuan pegawai kerajaan Ketua Polis Negara ini adakah ia tertakluk kepada Artikel 36(9), itu peraturan mesyuarat. Kalau izin boleh saya tanya sedikit sambungan kepada Yang Berhormat Puchong. Boleh?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Sorry.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya buat *ruling* dulu Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey buat *ruling* dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau apa yang ditegur itu mengenai dengan soal kerja sebagai sifat kerja boleh, tetapi jangan gunakan perkataan-perkataan seperti *unparliamentarily - crazy*, gila. Boleh tak?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Okey Tuan Yang di-Pertua saya terima. Saya minta Tuan Yang di-Pertua tolong saya ...

Tuan Yang di-Pertua: ... Dan ingat nasihat Yang Berhormat ada masa 15 minit.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya. Tak apa itu 15 minit. Akan tetapi ini, Ketua Polis Negara mesti kena bantai hari ini *because we are Members of Parliament. We have also honor, we also suppose to have certain rights*. Tuan Yang di-Pertua seorang yang hantar wakil atau orang-orang dia untuk tangkap Ahli Parlimen di rumah pukul 3 pagi *ski mask*, dengan M16 bukan *crazy* kah? *[Tepuk]*

Saya tanya Tuan Yang di-Pertua. Esok kalau saya tunggu 3 pagi tidak ada orang datang kenapa? Kenapakah perlu ditindas sedemikian kepada Ahli Parlimen Shah Alam?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Akan tetapi saya *I leave it to* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Gunakan perkataan seperti tidak bertimbang rasa...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: ...Dan jangan gunakan perkataan seperti itu. Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Okey. So itu menjadi asas atas mana saya sebut.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: *[Bangun]* Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau kamu kena tangkap, kalau Yang Berhormat kena tangkap 3 pagi dengan *machine gun, ski mask*, bagaimana?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan tak?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya tidak bagi jalan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dah tu? Apa Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Please sit down*, duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa Yang Berhormat tanya saya? Yang Berhormat tanya saya. Habis saya hendak jawab Yang Berhormat tidak bagi jalan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya tanya soalan yang mengikat kepada semua Ahli Parlimen.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ha, bolehlah kena jawab.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja hadnya apa lagi yang dilakukan Tuan Yang di-Pertua kita lihat bukan sahaja IGP...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat tanya saya. kadang-kadang Yang Berhormat cakap pun *crazy* juga.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Selepas IGP kita ada seorang lagi, siapakah dia orang ini? Peguam Negara? Apabila kita lihat apa yang dilakukan pertuduhan-pertuduhan yang dibawa. Saya akan petik apa yang disebut oleh Peguam Negara apabila datang kepada kes Ibrahim Ali dan Yang Berhormat Behrang. Dia kata *especially for Ibrahim Ali, I have considered an explanation and I find that explanation is explanation to satisfy me. So I don't want to charge.*

Akan tetapi yang lain semua Tuan Yang di-Pertua tidak ada *explanation*. Polis datang tangkap, ambil *statement* tiga hari kena reman selepas itu *you go to court and let the court decide whether or not your explanation believe. You get charge first*, orang sebelah sini? Kenapakah *this is the reason why?* Bukan sekadar kita hendak sebut Tuan Yang di-Pertua bahawa akta *draconian - this act is abused, it is a being abused*. Jadi itu menjadi masalah di mana kita boleh sebut...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh *you* bagi jalan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Duduklah dahulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Nantilah. Nanti saya bagi jalan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya tunggu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tunggu sampai tiba masanya. So Tuan Yang di-Pertua kita lihat kepada apa yang disebut, niat kita baik Tuan Yang di-Pertua. Niat Barisan Nasional selalu baik Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya mungkin niat ada di sini semua baik. Mungkin niat Yang Berhormat Tanjong Karang baik tetapi kita lihat bagaimana semua akta ini dipinda untuk memberi kuasa yang paling kuat kepada polis dan dalam masa yang sama tindakan diambil terhadap kita. Apakah jaminan yang diberikan kepada kita? Bolehkah jaminan diberikan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat dari sana bahawa kita tidak akan diperlakukan sedemikian lagi? Ahli Parlimen Rasah ditangkap Tuan Yang di-Pertua. Macam mana dia ditangkap?

Kita *call* polis Tuan Yang di-Pertua, kita dengar bahawa polis hendak siasat dia. Kita yang *call*. Hari Isnin Tuan Yang di-Pertua dia kata *no, no. We are investigating other people*. Tidak mengapa mungkin datang *Saturday*. Saya kata okey. Saya minta Yang Berhormat Rasah *you wait*. Dewan bersidang Tuan Yang di-Pertua. Apabila Dewan bersidang, kita sini macam ini sekarang sampai pukul 3 pagi polis tidak boleh cari kita. Tidak mengapa.

On Friday Tuan Yang di-Pertua dia *call come now*. Kalau tidak datang sekarang kita datang tangkap. Kita pergi sana ditangkap, kita minta *can you please come on Saturday morning* boleh? Kita pergi *Saturday morning* ditangkap Ahli Parlimen diminta duduk dalam pejabat polis satu hari tidak ada tindakan. Selepas itu malam itu okey *we have to holding over night*. Esok pohon reman empat hari Tuan Yang di-Pertua. Semasa Parlimen bersidang kata bahawa ada *flight risk* Tuan Yang di-Pertua, takut Ahli Parlimen ini lari. Ahli Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong saya seronok mendengar tetapi masa itu ada hambatan Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya itu masalah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, ada *class* Tuan Yang di-Pertua, ada *class*. Ada *class*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tempatnya di sini untuk kita bawa aduan ini kerana tidak ada di mana-mana yang lain mereka akan dengar.

■2000

Dahulunya kita dengar Yang Berhormat Pekan. Yang Berhormat Pekan sendiri kata *Yes I will repeat*. Kenapa? Kerana *it's an outdated act*. Disokong oleh siapa? Menteri Dalam Jabatan Perdana Menteri masa itu. Mana dia? Yang Berhormat Padang Rengas, *he also said it*. Kita tunggu. Akan tetapi apa yang kita lihat Tuan Yang di-Pertua, *instead of a repeat, instead of backing down, instead of fine tuning it where there are safeguard* Tuan Yang di-Pertua, *it is a further abuse. Now further strengthen tighten*. So Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak buat? *How do we approach this* Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Puchong, hanya satu soalan. Sekejap. Berkenaan dengan jaminan ataupun *promise* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa tahun lalu dan perkembangan yang telah pun berlaku sekarang bila *promise* itu telah pun diambil balik dan sebagainya. Bolehkah kita merumuskan bahawa *promise* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu bukannya satu *promise* yang sah, tetapi satu *promise* untuk *election* bagi memberi jaminan kepada elektrolit gula-gula yang kita panggil manis untuk elektrolit dan ini merupakan satu perkara yang serius.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab itu Yang Berhormat Puchong, lepas itu seminit dua tolong gulung.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Landing* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju tetapi saya kurang setuju dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Ini kerana saya rasa dia betul, tetapi tidak setakat itu sahaja. Tidak setakat gula-gula untuk pilihan raya. Akan tetapi kita lihat *a clear cut betrayal* di mana beliau memberi jaminan Tuan Yang di-Pertua, jaminan Dalam dewan ini, beliau mulakan dengan satu sistem di mana beliau panggil Yang Berhormat Parit Buntar masuk dalam satu *committee*, juga pada masa itu juga Yang Berhormat Batang Sadong, ada *committee* untuk *racial harmony act*. Di situ juga memberi kita harapan. Okey, *something will be done*. Akan tetapi apa yang kita

lihat hari ini, kita lihat *U-turn* seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, minta maaflah yang kerap kali *flip-flop*, *U-turn*.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, boleh sedikit?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bila ditanya soalan oleh Tun Dr. Mahathir pun dia tidak boleh jawab. Tidak mahu jawab.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, boleh sedikit?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sikit sahaja.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: *Sorry* Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong, sikit sahaja *sorry*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sebab itu saya tengok Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Sikit sahaja.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak. Saya bagi Yang Berhormat Tanjong Karang dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begini Yang Berhormat, tidak boleh *landing* ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Short*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *I shall return*. Saya rehat sekejap.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Macam *Terminator* Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, *You'll be back, you'll be back*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya hendak tanya Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat, ini pendekar sudah turun kepada Kuala Krau. Jangan main-main. Adakah main-main? Jangan main-main. Sila Yang Berhormat Puchong.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak mintak sedikit penjelasan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau boleh diberikan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya sini ada dengar ucapan Yang Berhormat mengenai *court tennis* ini. Saya setuju. Yang Berhormat Puchong setuju dengan saya tidak? Lukis kartun ini tidak salah. Siapa hendak lukis kartun lukislah. Akan tetapi kalau katalah seorang itu lukis kartun, kata kartun Nabi Muhammad SAW yang dipersoalkan. Merupakan salah atau tidak? Lukis kartun tidak salah, tetapi kartun itu yang boleh menimbulkan perasaan menghasut sebagai contoh. Tidak, sebagai contoh kartun.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang, ini soalan saya rasa dalam minggu ini yang paling pandai Yang Berhormat Tanjong Karang tanya, kerana jawapan dia tersirat dalam soalan sendiri. Siapa yang akan putuskan sama ada betul ataupun tidak ia *sedition*? Itu fasal kita ada seksyen 3, di mana *sedition tendency* itu *so wide, so broad*. *If I look at what you are wearing now*

and create an impression to me, can I say it seditious? The point is Yang Berhormat Tanjong Karang, siapa yang buat keputusan? Kita lihat IGP, kita lihat AG. Ahli-ahli Parlimen datang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Puchong, boleh gulung.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh. Ya. Ya, saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung. Tidak payah celahan. Boleh gulung.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, ada tadi sahabat...

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, minta sekejap sahaja. Tuan Yang di-Pertua, soalan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bagi *short*.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Saya simpati dengan Yang Berhormat Puchong. Akan tetapi saya sikit-sikit hendak buat *correction* Yang Berhormat Puchong, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang berjanji dengan pembangkang bahawa dia mungkin akan ubah Akta Hasutan. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga pemimpin parti demokrasi, parti Barisan Nasional pun demokrasi. Jadi sebenarnya... *[Disampuk]* Tidak, bukan apa Yang Berhormat Puchong, kita hendak beritahu bahawa kita Barisan Nasional yang minta bahawa Akta Hasutan tidak dihapuskan. Kita mengaku, tetapi tidak eloklah Yang Berhormat Puchong tuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *We all together*, kita hendak Akta Hasutan ini. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, *landing, landing*. Sudah mahu sampai ke KLIA sudah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, saya rasa itu yang saya sebut. *You cannot run away from the facts that a promise was made*. Itu masalah dia. So, kalau ikut apa yang Yang Berhormat sebut, Yang Berhormat juga setuju dengan saya bahawa Yang Amat Berhormat Pekan membuat satu janji dan janji itu tidak dipatuhi. So, saya setuju dengan Yang Berhormat, jangan ada pemimpin yang macam ini. Tidak boleh. Kalau dia bagi janji itu, ikut janji. Ya, itu yang saya sebut, itu yang kita hendak. Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukup.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak boleh, nanti dia marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi peluang orang lain pula.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh. *Very quickly. Hurry up*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar. Cukuplah. Cukuplah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada dua perkara yang saya hendak minta berkenaan dengan bil. *Just two questions*. Pertama Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kalau saya boleh rujuk Tuan Yang di-Pertua kepada apa yang dicadangkan kepada pindaan kepada seksyen 3 khususnya 3(b)(2)(ii) di mana dinyatakan dalam perenggan (A) saya baca, *“To point out, with a view to their removal, any matters producing or having tendency to produce feeling of ill will hostility or hatred between different races...”*. Tuan Yang di-Pertua kita boleh lihat, *I know what that means*. Saya hendak tanya, *what is the meaning of the word of classes? Why do we have a law which talks about classes in Malaysia?* Saya hendak tanya, apa yang dimaksudkan oleh *class* itu? Nombor satu.

Nombor dua saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan subseksyen 4 yang ingin dipinda itu, kenapa kita ada satu had minimum untuk kesalahan ataupun sabitan yang kedua Tuan Yang di-Pertua.

So setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan. Saya tidak menyokong sama sekali pindaan kepada undang-undang ini dan saya menunggu untuk jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Tertulis di sini, Yang Berhormat Gerik ada? Masih lagi belum ada? Yang Berhormat Silam? Yang Berhormat Bagan Serai. Ya, sila.

8.07 mlm.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bacaan sepotong ayat Al-Quran] *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas rang undang-undang Akta Hasutan (Pindaan) 2015. *“Sediakan payung sebelum hujan”, “Jangan terhantuk baru tengadah”, “Jangan sampai nasi jadi bubur”*.

Ini adalah satu tindakan keputusan kerajaan yang penting kerana untuk mengekalkan keselamatan dan keamanan. Akta yang cantik, akta yang hebat ini telah dihodohkan oleh pembangkang, telah dihitamkan oleh pembangkang, telah ditakutkan soleh pembangkang kepada ramai orang. Jadi inilah yang jadi, inilah kerja pembangkang. Saya pun tidak tahu apa yang dia takut. Dalam perbahasan pada hari ini, saya melihat beberapa pembahas yang ceritakan beberapa pemimpin yang kena tangkap pukul tiga pagilah. Kena tangkap, kena tanya, kena soal siasat. Berapa hari masuk sana? Dua jam, tiga jam? Dua tiga hari? Hendak duduk dua tiga minggu? [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, yang lain diam.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itulah, jangan cakap. Jadi apa yang kita takut kalau pemimpin-pemimpin pembangkang yang banyak kena tangkap. Kita tidak dengar orang-orang awam lain yang kena tangkap. Ini bermakna... [Disampuk] Apa yang saya dengar hari inilah. Ini bermakna, merekalah yang banyak menyalahgunakan kebebasan bercakap ini.

■2010

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bermakna pakatan pembangkang ini...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Menidakkan akta ini kerana untuk menyelamatkan pemimpin-pemimpin mereka. Bermakna pakatan pembangkang ini...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tahu, inilah masalah yang ada pada pemimpin mereka. Jadi itu takut. Oleh sebab itu lah hujah-hujah kita dengar ini ketakutan, ketakutan, keraguan seperti yang saya selalu terangkan dalam perbahasan saya dulu.

Cerita hantulah, cerita hantu. Budak-budak kecil ditakutkan dengan hantu. Dia takut hantu sampai tua, sampai mati dia takut hantu. Bila kita tanya dia ada hantu, hantu pun tidak ada. Jadi hari ini kita lihat daripada SOSMA, POCA, POTA pindaan dan sebagainya semua tidak mahu. Seolah-olah macam mereka tidak mahu undang-undang langsung.

Jadi yang takutnya sangat, siapa sebenarnya? Siapa yang sebenarnya yang takut sangat ini? Jadi inilah saya hendak beritahu akta yang cantik ini sebenarnya, akta yang hendak mengekalkan keselamatan, keamanan negara yang kita cintai, dihodohkan, dihitamkan, digelapkan oleh mereka di tempat pembangkang hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada seksyen 2 dan 10(a), pengaruh media sosial. Ini masalah, tapi sebelum kita cerita masalah, media sosial ini anugerah daripada Allah SWT. Media sosial ini pun hamba juga. Seperti saya ceritakan kalau orang ada duit, orang baik ada duit, dia guna untuk kebajikan, dia guna untuk tolong orang, dia guna untuk ibadah. Akan tetapi kalau orang jahat ada duit, dia guna untuk perkara-perkara maksiat, dia guna untuk perkara-perkara larangan, dia ingkar pada perintah Allah.

Jadi sama media sosial. Media sosial telah banyak memberikan kebaikan kepada manusia hari ini sebab ilmu di hujung jari. Kita hendak menghubungi orang hari ini jauh di sana, di Amerika, sekejap saja. Ada *Skype* hari ini kita boleh menghubungi anak-anak kita yang belajar jauh, cepat saja. Hari ini kita lihat dengan media sosial juga kita dapat menghubungi silaturahim antara kita. Jauh pun kita dapat. Ini jejak kasih, ada yang dapat kasih dan macam-macam lagi.

Jadi kita lihat hari ini, media sosial yang ada hari ini kita boleh guna untuk ucap tahniah. Saya dalam minggu lepas berapa orang di sini Ahli-ahli Parlimen yang hari jadinya, *birthday*. Kita bukan tahu, dia pun bagi kad, dia pun tidak beritahu. Akan tetapi dengan ada media sosial maka tersebar dengan begitu cepat, juta, satu dunia ini pun boleh tahu hari ini *happy birthday* untuk awak, selamat hari lahir hari ini. Ini media sosial.

Akan tetapi *the back side* ialah telah disalah gunakan. Oleh sebab itu dalam di peringkat awal ini saya hendak beritahu media sosial anugerah Allah SWT. Kita patut bersyukur. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “Kita kena syukur pada nikmat Allah sebab Allah bagi kita kebaikan ini”. Akan tetapi hari ini media sosial telah disalah gunakan. Media sosial telah digunakan untuk perkara-perkara yang boleh

merosakkan manusia hari ini. Kita lihat berita palsu, tuduhan palsu, berita tidak betul, tuduhan, benci, hasutan, perpecahan, perceraian, macam-macam. Orang boleh kata macam-macam kepada seseorang hari ini yang tidak betul.

Jadi kita lihat yang *the ugly side* ialah apabila media sosial ini telah menyebabkan retaknya hati. Retaknya hati dan orang sangat emosi sehingga boleh menyebabkan huru-hara dan masalah kepada dunia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu ibaratkan keselamatan dan keamanan ini sebagai tunggak. Kalau kita lihat khemah itu ada empat tiang, umpamanya lah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu tiang adalah untuk *political stability*. Satu tiang adalah untuk ekonomi yang baik, satu tiang adalah untuk perpaduan dan tiang yang satu lagi ada untuk keselamatan dan keamanan yang menjadi tunjang. Oleh sebab itu kerajaan pada hari ini saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana benda ini cepat bertindak dan proaktif.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tahniah kerana buat *U-turn*...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semangat akta ini sebenarnya telah pun disuburkan dan telah pun diperbaharui beberapa kali. Sebenarnya kita jangan salah anggap bahawa akta ini menyekat kebebasan dan sebagainya. Malah kita lihat bahawa keberanian kerajaan sendiri apabila dalam akta ini membenarkan rakyat untuk memberi apa-apa pandangan, benda untuk mengkritik kerajaan pun. Boleh untuk menyatakan apa sahaja cuma ia tertakluk kepada peraturan undang-undang. Kehidupan kita ini, agama kita, apa sahaja pun kita tertakluk kepada undang-undang. Memang kita punya hak untuk menjayakan hak asasi kita. Memang kita berhak untuk demonstrasi. Berhak untuk menyatakan apa sahaja tetapi tertakluk kepada undang-undang, dinyatakan dengan begitu jelas.

Kita kena ingat bahawa tidak ada satu pun niat saya rasa, bahawa rang undang-undang ini dibuat untuk menyekat kebebasan kita untuk bercakap. Cakaplah! Nyatakan apa sahaja, tunjukkan lah pendirian apa sahaja pun tapi mesti tertakluk kepada undang-undang. Saya rasa ini kerana apa yang tertakluk dalam perkara ini sebenarnya untuk menjaga kita semua. Untuk menjaga agama orang Islam dan juga untuk menjaga agama-agama lain sebagai mana yang tertakluk dalam undang-undang dan perlembagaan negara. Saya fikir akta ini untuk kepentingan semua, bukan untuk jaga satu pihak saja dan tidak wajar ia ditolak dan tidak wajar ia di politik pun.

Apakah kita mahu negara kita suatu hari nanti berada dalam keadaan huru-hara? Apakah kita mahu negara kita berada dalam keadaan yang menyebabkan ekonomi kita, masyarakat kita,

pengorbanan kita, terbongkar dan kita terjadi sebagaimana negara-negara lain, tentu kita tidak mahu. Yang Berhormat Batu tidak mahu, Yang Berhormat Ipoh Timur pun tidak mahu, Yang Berhormat Seputeh pun tidak mahu, saya lagi la tidak mahu. Sebab kita hendak keharmonian. Ini lah akta nya. Oleh sebab itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini salah... Apa salah dengan video klip saya, kenapa saya didakwa di mahkamah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini, mana mencelah waktu ini. Waktu mencelah... Inilah contohnya tidak tahu peraturan. Memang boleh bercakap Yang Berhormat Seputeh, boleh bercakap tetapi ikut peraturan. Ini sahaja. Oleh sebab itu saya fikir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan Serai...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Akta ini untuk kita semua, tidak ada cerita bahawa ini untuk satu kaum.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Betul Yang Berhormat Lenggong, saya setuju. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Lenggong dalam perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini lah pendapat yang bijaksana. Pendapat yang bijaksana, yang *clear* sebab ini bukan undang-undang untuk sekat orang tertentu sahaja, semulah, siapa pun yang buat perkara-perkara yang boleh dikatakan hasutan, maka dia kenalah pada undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, media sosial ini menjadi medium utama mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menghasut. Jadi masalah utama bila mana pembuktian tidak ada akta hasutan kerana menggunakan akaun-akaun palsu. Contohnya *fake* akaun, akaun gambar lelaki tetapi orang sebenarnya perempuan. Akaun orang Islam tetapi sebenarnya, contoh Kristian. Atau pun menggunakan Twitter akaun Cina tapi sebenarnya India yang punya.

Jadi oleh itu terdapat banyak kes berlaku pergaduhan perkauman yang akibatnya daripada media sosial ini. Cuba kita bayangkan dalam beberapa jam boleh ada 40,000 *tweet*, pelbagai perkara boleh berlaku. Ini kerana yang menggunakan media sosial itu tadi. Bukan akta itu, akta itu bagus supaya dapat mengekang benda-benda yang tidak baik tetapi yang menggunakan akta itu. Apa yang saya sebutkan tadi tidak bersyukur atas nikmat Allah kerana menggunakan dengan cara yang tidak baik.

Maka ini menyebabkan masalah. Jadi kesungguhan kerajaan terbukti untuk mengekalkan keharmonian melalui pindaan seksyen 2 dan seksyen 10(a) di mana kuasa diberi kepada mahkamah

untuk mengeluarkan perintah mengenai penerbitan yang menghasut dibuat secara elektronik oleh orang yang tidak dapat dikenal pasti.

Saya hendak bagi contoh ini, contoh kes, seorang lelaki bernama Chow Jack telah pada 1 Jun 2014 memuat naik status di Facebooknya 'Selamat Menyambut Hari Syaitan Aidilfitri' apa kita rasa? Apa kita rasa sekarang ini? 'Selamat Menyambut Hari Syaitan Aidilfitri' pada 28 Julai 2014 dan sebulan 'Puas makan babi sehingga sebulan', apa rasa? Apa umat Islam rasa? Tengok.

Jadi tindakan ini kita mengharapkan SKMM supaya menyekat Facebook ini, tidak bertanggungjawab. Jadi rakyat Malaysia contohnya yang beragama Islam akan rasa perasaan terguris.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua orang yang bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu, trend...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, ada dua yang bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini macam...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Parit, Parit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju dengan pandangan pembangkang yang menyatakan bahawa akta ini menyekat hak asasi mereka. Apakah ada hak asasi yang mutlak dalam kehidupan kita? Minta pandangan.

■2020

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Ya, Yang Berhormat Parit memang selalu bagi gambaran yang cukup baik untuk kita ketengahkan. Kita ada *freedom of speech*, kita ada kebebasan bersuara. Mana ada kebebasan mutlak sampai apa semua boleh buat? *There is no such thing that you can do anything as you like*. Mana ada macam itu? Jadi sebab itu kita lihat benda-benda yang melanggar contohnya agama dan sebagainya. Benda-benda yang boleh menghiris perpaduan umpamanya. Inilah benda yang kita hendak kenakan pada akta ini. Terima kasih Yang Berhormat Parit. Masukkan ucapan Yang Berhormat Parit ke dalam perbahasan saya.

Jadi, kita tak mahu *trend* hasut-menghasut dan kutuk-mengutuk negara dan agama ini menjadi satu amalan biasa di kalangan masyarakat kita di negara Malaysia. Terutamanya di kalangan anak-anak muda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun. Yang Berhormat Seputeh bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Seputeh, nanti dahulu Yang Berhormat Seputeh. Saya tengah bercakap ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanya...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tadi Yang Berhormat Tuaran cakap yang ada orang hendak menghina agama Kristian...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Duduk, duduk. Saya kata duduk...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mereka sudah buat banyak laporan polis di Sabah tetapi tak ada tindakan yang diambil. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, yang saya sentuh tadi ialah anak-anak muda. Bila saya cakap anak-anak muda...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa yang saya hendak tanya ialah *double standard*. *When you come to law, come to sedition* ini, *double standard*.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu adalah anak-anak kita hari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Agama lain tidak dihiraukan bila laporan polis dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mereka 24 jam dengan media sosial. Kalau kita tak tentukan... macam-macam akan terjadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita tak mahu terjadi macam kes Charlie Hebdo...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh, tengok peraturan sedikit ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang berlaku di Perancis baru-baru ini. Baru dia berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, lagi dua minit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, perintah akan dikeluarkan kepada pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan Akta Komunikasi dan Multimedia untuk capaian pada penerbitan yang saya sebut tadi. Jadi saya hendak tanya pada Menteri lah, adakah ini juga boleh terpakai pada pembangunan aplikasi Android yang setiap jam dihasilkan? Tidak mustahil hari ini kalau kita semak pasti ada aplikasi yang dibuat dengan tujuan menghasut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang lah yang selalu bagi alasan yang kata akta ini akan disalahgunakan. Setuju atau tidak kita dengar, kalau salah guna, bukan akta itu yang salah tetapi individu

itu yang salah, manusia itu lah yang salah sebab kalau macam itu semua akta jadi tak betul. Itu sebab semua akta, semua tak boleh, semua tak setuju. Jadi, semua tak setuju dan takut-takutkan orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya gulung.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit fasal 3 yang berkenaan dengan kita boleh, macam tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit terlebih dahulu. Kita boleh mengkritik, bukan tak boleh mengkritik sampai tak boleh hendak cakap apa langsung, cakap apa pun tak boleh. Semua buat semua jadi salah. Salah, semua BN salah. Ini yang selalu dengar. Jadi, kita boleh mengkritik tetapi ada had-had dia. Kalau kritikan itu ada unsur-unsur menghasut, menghina, maka inilah yang kita katakan sesuai untuk dikenakan pada akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit fasal 5 seksyen 5A. Sebagai contohnya hasutan yang menyebabkan rusuhan melampau dan kerosakan harta benda. Maknanya ada kerosakan. Ini yang saya sebut tadi, *the good, the bad and the ugly*. Yang *ugly* ini adalah kerosakan perpaduan, perpecahan dan kebencian ini sampai menyebabkan huru-hara dan kerosakan harta benda malah manusia. Sebagai contoh untuk seksyen 5B, kita tak mahu kejadian seperti *sex blogger* yang dituduh contohnya Alvin Tan yang sempat keluar dari negara, memohon perlindungan seterusnya mengutuk dan mencabar untuk menarik dokumen perjalanannya. Dia dituduh atas kesalahan mempermainkan isu agama dan menyentuh sensitiviti masyarakat Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini sangat penting untuk keamanan dan keselamatan kita. Kalau keamanan, keselamatan tergugat bermakna perpaduan akan tergugat. Kalau perpaduan akan tergugat bermakna politik kita akan tergugat, maknanya ekonomi kita akan tergugat, maknanya cita-cita kita untuk menjadi negara maju, cita-cita transformasi kita semua akan tergugat. Jadi dengan itu saya ingin beritahu lagi sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai sangat, sangat menyokong akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu. Lima belas minit ya Yang Berhormat Batu.

8.24 mlm.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sudah jadi lima belas minit, bukan dua... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mula perbahasan saya dengan menyatakan kita di Dewan ini sepakat. Negara kita adalah masyarakat berbilang kaum, beragama, budaya dan bahasa. Kita menyanjung dan kita memastikan ciri-ciri ini wajib dipertahankan. Marilah kita mula dengan premis yang sama, jangan kita tuduh satu sama lain seolah-olah ada pihak yang cuba mengancam ketenteraman dan ciri-ciri pelbagai kaum negara kita.

Soalan yang kita bahas hari ini ialah sama ada Akta Hasutan dan dengan pindaannya adalah kaedah yang paling baik untuk kita pelihara masyarakat kita. Isu yang ditunjukkan seolah-olah Akta Hasutan adalah macam Panadol, boleh selesaikan semua masalah. Semua masalah berbilang kaum, semua masalah perbalahan kita boleh selesaikan dengan adanya Akta Hasutan ini. Akan tetapi *argument* kita, *argument* saya adalah dia tidak, sebaliknya. Dengan adanya akta ini, dia mengancam masyarakat

berbilang kaum ini. Apa yang kita tunjukkan bukan sahaja kerana Akta hasutan ini atau pindaan ini akan berlanggar dengan hak asasi manusia.

Belum saya habis, nanti. Sedikit nanti. Dengan prinsip demokrasi. *[Disampuk]* Akan tetapi dia mengancam masyarakat berbilang kaum dan juga bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Apa yang kita gagal dengar dari semua perbahasan ini ialah kerajaan tidak memberitahu apa keadaan yang menjadikan negara kita begitu terdesak sekali.

Kita sudah menghadapi satu krisis yang memerlukan akta ini dipinda untuk menyelamatkan negara ini. Itu yang kita telah dengar. Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Batu. Tadi Yang Berhormat Batu berkata akta ini ancaman kepada rakyat dan masyarakat. Boleh Yang Berhormat Batu tunjukkan ancaman yang macam mana?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu mukadimah. Itu lah *argument* yang saya bawa. Ya betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam mana bentuk ancaman?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang ini dalam ucapan saya. Saya akan teruskan. *[Ketawa]* Apa yang kerajaan belum beritahu kita ialah apa krisis yang dihadapi oleh negara kita yang memerlukan undang-undang ini. Yang kita dengar pada tahun 2011, kemudian diulangi pada 2012, oleh Yang Amat Berhormat Pekan yang menjanjikan kita untuk menggantikan undang-undang ini, untuk memansuhkan undang-undang ini dengan kata, dengan izin, *the era of the government know everything is over*. Dengan cita-cita membina negara kita sebagai *the best democracy in the world*.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin percaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan itu bukan sekadar propaganda sahaja. Bukan satu penipuan untuk sengaja dapat undi. Bila saya melihat Yang Amat Berhormat Pekan telah melantik Yang Berhormat Pensiangan untuk mengadakan satu *committee*, untuk menggunakan NUCC yang banyak kali berunding dengan masyarakat sivil. Untuk menyediakan satu undang-undang, *Harmony Act*. Yang Berhormat Pensiangan datang sini kata *Harmony Act* ini akan diganti untuk mengatasi masalah *sedition*, Akta Hasutan ini.

Saya nampak itu adalah satu tindakan yang ikhlas dan tindakan ini disokong oleh MCA, Gerakan, UPKO, PBB dan MIC. Yang lain saya tidak tahu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Batu, laluan Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Apa pandangan Yang Berhormat Batu, baru-baru ini sidang *Inter-Parliamentary Union* di Hanoi telah mengecam dan membidas Malaysia berkenaan *human rights on Parliamentarian*. Di mana tahap Malaysia ini dikategorikan sama dengan Zambia, dengan Maldives, dengan Mongolia. Sampai tahap itu. Di mana IP mengecam dan akan menghantar rombongan ke Malaysia untuk menyiasat lapan Ahli Parlimen yang telah ditangkap dan juga dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Batu, sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu, adakah Yang Berhormat Batu bersetuju dengan saya dengan terwujudnya pindaan Akta Hasutan ini telah pun membelakangkan hak demokrasi di Malaysia dibandingkan dengan Thailand, Indonesia, Filipina, yang mana kalau kita melihat daripada perbandingan Indonesia itu kalau Akta Hasutan itu dikuatkuasakan di Indonesia, maka akan berlaku tangkapan ratusan ribu pemimpin pelajar dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat Batu terfikir dengan keadaan Malaysia ini menjadi Pengerusi kepada Persidangan ASEAN ini yang memungkinkan dan memalukan Malaysia ini sebagai negara yang tidak demokratik malah menyekat kebebasan rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat Batu? Terima kasih.

■2030

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itulah poin saya. Semasa Yang Amat Berhormat Pekan menyatakan hendak menjadikan Malaysia *the best democracy*, dia dialu-alukan di seluruh dunia sampai boleh main golf di Amerika. Apa yang berlaku sekarang ialah meletakkan Malaysia dalam satu imej yang cukup negatif dengan tangkapan serta pelbagai undang-undang yang *retrogress, regress* yang menjadikan negara kita bukan lagi dianggap sebagai contoh demokrasi.

Saya ingin teruskan kepada masalah mengenai Akta Hasutan ini. Sehingga sekarang, tidak ada sesiapa yang menyentuh sensitiviti agama ini yang didakwa. Tidak pernah ada sesiapa yang menyentuh tentang perkauman didakwa. Yang didakwa setakat ini adalah ahli-ahli politik, kartunis dan pekerja-pekerja media yang dianggap sebagai ancaman.

Itulah sebabnya saya ingin kembali kepada seruan kepada Menteri, saya ingin mendapatkan senarai *case by case* apakah isu yang sangat mendesak sehingga kita memerlukan undang-undang ini dipinda supaya ia boleh diatasi. Sama ada kerana terdapat satu kes yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan mengenai terdapat penghinaan kepada orang Kristian di Sabah dan Sarawak dan terangkan kepada Dewan ini, undang-undang sekarang tidak boleh mengambil tindakan terhadap contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan tadi?

Atau ada seorang paderi yang sangat keras mahu menggunakan istilah 'Allah' sehingga negara kita akan terancam? Atau kerana ada seorang ketua NGO yang mengugut untuk membakar kitab suci dan oleh sebab undang-undang kita tidak boleh mengambil tindakan, kita memerlukan tindakan ini? Atau

kerana ada mantan Perdana Menteri yang mengungkit isu Altantuya, mencabar undang-undang negara kita yang mengatakan Perdana Menteri kita tidak terlibat dalam kes ini?

Adakah kes-kes ini yang diungkit sekarang memerlukan undang-undang ini dipinda supaya kita boleh mengambil tindakan terhadap kes-kes ini? Saya ingin dengar penjelasan daripada Menteri. Itu yang kita harapkan.

Saya juga ingin tahu sama ada kenapa kalau undang-undang daripada segi elektronik ini, undang-undang MCMC yang menguasai media sosial dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, seksyen 211 dan seksyen 233, adakah ia mencukupi untuk mengatasi isu-isu ini? Kalau tidak, terangkan kepada Dewan ini kenapa undang-undang yang sedia ada ini tidak boleh mengatasi masalah ini.

Saya hendak kembali kepada isu prinsip undang-undang, *the principal of law* dengan izin. *Law as an instrument to preserve society*, itu kita setuju tetapi *law cannot be as an instrument just to penalize the society*. Apakah maksudnya? Kita tidak bersetuju dalam kebencian tetapi tidak boleh atau tidak berkesan kalau undang-undang ini digunakan untuk menjenayahkan kebencian. Kita tidak boleh *criminalize hatred* sebab itu mustahil.

Kita tidak setuju dengan pelbagai ucapan yang mempunyai unsur-unsur yang kita tidak senang hati. Baik pun sebagai orang semenanjung, saya kurang senang kalau orang Sabah kata, *go back to your semenanjung*, kita mahu keluar dari Malaysia. Akan tetapi sebagai seorang demokrat, kita kena dengar. Kita tidak boleh *criminalize* ucapan dia selagi dia tidak mengambil tindakan kekerasan untuk mengeluarkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia. Selagi dia berhenti dalam hujah dalam ucapan, kita tidak boleh jenayahkan mereka.

Apa undang-undang ini lakukan ialah kita *criminalize the speech*, *we are not only criminalize the action*. Apakah bezanya? Tindakan yang mendatangkan kekerasan, yang menjadikan sesuatu ancaman keselamatan negara, kita boleh ambil tindakan tetapi kita tidak boleh ambil tindakan terhadap orang yang berucap. Itu *balance* dia. Batasan bagi undang-undang ialah kita tidak boleh menggunakan cara ini untuk menghukum seseorang. Itulah maksud saya, Yang Berhormat Kinabatangan yang tidak ada di sini. Kalau kita mengambil tindakan ini, ia akan mengancam masyarakat berbilang kaum ini.

Apabila masyarakat berbilang kaum ini, kita dengar pelbagai ucapan. Orang Kristian percaya Nabi Isa adalah anak Tuhan. Orang Islam tolak Nabi Isa sebagai anak Tuhan. Ini kalau diucap secara terbuka sudah tentu ada sesetengah masyarakat tidak senang tetapi kita tidak boleh cuba menggunakan undang-undang untuk menyekat ucapan ini.

Negara kita Malaysia memainkan peranan di negara-negara jiran. Kita juga sedar bahawa undang-undang yang *repressive* tidak akan menyelesaikan masalah. Itulah sebabnya kita mengambil bahagian dalam proses pendamaian di selatan Filipina, kita mengambil bahagian dalam proses pendamaian di selatan *Thailand* dengan memberikan nasihat kepada negara jiran kita dengan isu agama. Kita tidak boleh menggunakan penindasan. Kalau kita sendiri nasihat kepada negara-negara jiran bahawa penindasan tidak akan menyelesaikan masalah, takkanlah kita sendiri menyelesaikan masalah *inter* agama atau *inter* kaum kita dengan cara penindasan? Saya rasa ini yang penting dan saya rasa

setakat ini polis tidak pernah mengambil tindakan terhadap sesiapa yang mengungkit isu agama atau isu kaum. Mungkin ada alasan yang wajar, mungkin betul.

Saya tidak setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bera tentang peniaga Cina. Saya juga tidak bersetuju dengan Ibrahim Ali yang menyatakan pelbagai perkara yang dianggap sebagai rasis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi saya tidak anggap sesiapa mereka patut didakwa di bawah Akta Hasutan. Setakat ini saya juga rasa polis telah bertindak tidak menggunakan Akta Hasutan terhadap ekstremis-ekstremis agama atau kaum. Mungkin ada alasan yang tertentu yang Menteri boleh jawab.

Akan tetapi setakat ini dalam pengalaman saya, polis mengambil tindakan menggunakan Akta Hasutan adalah kerana dalam akta ini kalau hendak menghentikan satu perhimpunan aman, inilah akta yang boleh menangkap orang tanpa waran. Inilah akta yang boleh datang tengah malam ke sesebuah rumah untuk menahan 24 jam tanpa siasatan. Inilah yang digunakan untuk mendakwa ahli-ahli politik baik pun dalam kes saya, Lahad Datu yang juga dihebohkan seolah-olah saya menghina tapi selepas setahun sesetengah perbicaraan, didapati saya tidak berhujah dalam isu Lahad Datu ini. Akan tetapi, *damage has been done, political mileage is achieved*. Ini yang saya rasa itulah tujuan sebenarnya.

Saya ingin *landing* dengan insiden yang banyak dibangkitkan dalam isu 13 Mei. Seolah-olah 13 Mei ini adalah alasan kita memerlukan akta ini. Biarlah kita menganggap tragedi negara ini yang begitu serius ini, hujah dengan fakta sejarah yang betul yang dikatakan tercetusnya rusuhan adalah perarakan oleh parti-parti yang menang dalam pilihan raya tahun 1969. Ini bukan sahaja ditujukan kepada DAP yang berarak selepas kemenangan tahun 1969 tapi termasuk juga Parti Gerakan. Kalau itulah yang menjadi puncanya, semua pihak sama ada pihak sana atau pihak sini, harus bertanggungjawab.

Akan tetapi faktanya ialah setelah 13 Mei berlaku, Deklarasi MAGERAN, tidak ada sesiapa yang ditangkap, ditahan di bawah Akta Hasutan.

■2040

Selepas itu pun tidak ada. Apa yang kita rasa kebijaksanaan kepimpinan Barisan Nasional waktu itu, mengubah NEP, mengatasi masalah kaum dan agama ini melalui program-program sosial dan program-program ekonomi. Tidakkannlah kita tahu 20 tahun selepas NEP, 20 tahun selepas pelbagai *engagement* masyarakat ini, Barisan Nasional kembali memberitahu kita, kita tidak ada beza dengan 13 Mei kerana perhubungan kaum kita tetap tegang. Ini maksudnya Barisan Nasional gagal memerintah negara ini. Kalau Barisan Nasional mengaku dia gagal, biarlah serah kepada orang lain. [Disampung] Apa yang lebih mencurigakan ialah tadi ada ahli-ahli yang dalam Dewan ini menyatakan sebenarnya Perdana Menteri ikhlas mahu mansuhkan undang-undang ini, mahu digantikan dengan '*Harmonian Act*' tetapi kita juga demokrasi. Demokrasi juga boleh bagi tekanan.

Saya dengar tadi, selain daripada APCO yang sokong secara kritikal, tidak ada komponen Barisan Nasional yang lain berdiri untuk menyokong akta ini. Saya harap itu benar dan saya juga ingin tanya kalau betul itu berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang sudah ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini sudah *landing*, ini *last*. Kalau betul berlaku, maksudnya akta ini - Perdana Menteri bukan hendak gunakan untuk tutup kes skandal 1MDB atau *jet plane* dia atau kehidupan mewahnya atau kenduri kahwinnya. *[Dewan riuh]* Tidak! Maksudnya, ada kumpulan di dalam UMNO yang beri tekanan supaya tangkapan ini berlaku kepada pembangkang. Ini bukan satu undang-undang yang digunakan untuk menyelesaikan masalah agama.

Seperti yang telah kita sebut, undang-undang yang sedia ada, cukup. Kita ada CPC, kita ada MCMC, kita ada banyak lagi undang-undang.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *[Bangun]*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Adakah ini konspirasi dalam kalangan orang UMNO untuk menjadikan Perdana Menteri kita mengingkari janji ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukup. Tidak perlulah Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Soalan..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Adakah ini komplot untuk jatuhkan Perdana Menteri?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Soalan sedikit sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak apalah Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat Labuan tidak perlu, tidak perlu.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Labuan tidak perlu, tidak perlu. Ya, *landing*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya nampak kalau undang-undang ini diluluskan, yang mendapat persepsi negatif ini bukan sebelah sini. *[Merujuk kepada blok pembangkang]* Ia ialah Perdana Menteri sendiri. Saya sudah dengar banyak hujah di dalam parti yang memerintah sekarang hendak jatuhkan Perdana Menteri. Saya tidak tahu sama ada ini adalah sebahagian daripada langkah untuk menegaskan pendirian ini. Sudah tentu kalau undang-undang ini diluluskan, di luar ini masyarakat akan bangkit untuk menyeru supaya Perdana Menteri letak jawatan. Kalau malam ini kita luluskan, inilah merupakan satu pengisytiharan bagi masyarakat di luar supaya Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan letak jawatan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebelah Barisan Nasional ada minat? Sebenarnya nama yang diberikan, Yang Berhormat Silam tidak hadir, Yang Berhormat Gerik tidak hadir dan *[Disampuk]* Yang Berhormat Padang Besar, 15 minit selepas itu Yang Berhormat Shah Alam 15 minit, Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mula-mula fikir juga tentang tidak mahu bercakap. Kita hendak sokong sahaja akta ini tetapi bila Yang Berhormat Batu kata dia mencabar, saya pun berminat jugalah untuk bercakap. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila.

8.42 mlm.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Jadi, dalam membahaskan usul ini, kita faham kerja pembangkang ini dia membangkang. Apa sahaja kerjanya kita pun harus terima kritikan sebab kerja dia membangkang. Begitu juga kerja Barisan Nasional ini hari ini kita ini di pihak kerajaan, kita menyokong. Jadi kalau kita bertengkar banyak-banyak pun sebab kejap lagi kita undi, kita sokong, bukan? Ini sebab kita lihat di sini, apa hujah-hujah pihak-pihak pembangkang, mereka mempertahankan hak asasi penghasut-penghasut. Kita hendak mempertahankan siapa yang kena hasut. Jadi siapa yang kena hasut, kita mempertahankan hak asasi-hak asasi juga.

Akan tetapi di sini kita lihat bahawa daripada segi hak asasi ini, kita memberi peluang kepada semua orang. Pihak pembangkang pun bercakap hari ini di Parlimen, kita lihat apa yang mereka cakap adalah hak asasi yang kita berikan kepada mereka dan hari ini pihak kerajaan hendak membuat undang-undang Akta Hasutan pun hak asasi kita juga. Sebab kita seharusnya mempertahankan keamanan, kita harus mempertahankan keharmonian negara kita, kita harus mempertahankan supaya negara kita ini terus maju dan rakyat dapat bekerja.

Kalau kita lihat di negara-negara lain, di Asia Tenggara ini contohnya Singapura, lagi teruk. Mereka kalau mengkritik kerajaan, didenda dan dendanya beribu-ribu sampai tidak boleh bayar tetapi kita tidak.

Seorang Ahli: Tidak adapun tunjuk perasaan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tidak adapun tunjuk perasaan. Tidak adapun program...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Okey, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, memang jelas bahawa di negara jiran kita, yang negara idola sebahagian daripada pembangkang - bukan semua, bukan semua, Yang Berhormat Ipoh Barat tidak. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Batu, idola mereka ialah Singapura. Mereka kalau kritik kerajaan dia, ditangkap, dendanya ratus-ratus ribu tetapi adakah Yang Berhormat nampak Ahli Parlimen dia, rakyatnya buat demonstrasi 'Lawan tetap Lawan'? Adakah nampak?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Jadi dalam soal...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh saya...?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam tidak berminat untuk berucap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak berucap. Fasal saya hendak jawab Yang Berhormat Kinabatangan. Mungkin kita tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, ada peluang berucap, tidak payahlah hendak menjawab.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Disampuk]* Sekejap sahaja, sekejap sahaja. Kalau tidak ganggu, habis sudah. Mungkin di Singapura kita tidak nampak demonstrasi dan sebagainya kerana Ketua Pembangkang dia tidak difitnah dengan tuduhan liwat. Akan tetapi di sini orang nampak bagaimana pihak Eksekutif telah mencampuri urusan kehakiman dan kezaliman semakin tersebar luas dan oleh kerana itu, maka rakyat bangkit dan menentang kezaliman yang berlaku lalu tidak bolehlah buat perbandingan secara *direct*.

[Dewan riuh] Singapura itu dia tidak hadapi masalah yang seperti mana yang dihadapi di negara Malaysia. Walaupun ada banyak benda yang kita tidak setuju dengan Singapura tetapi janganlah guna hujah Singapura tidak ada demonstrasi untuk hendak *wide watch* jenis pemerintahan yang ada pada UMNO, Barisan Nasional. Ini *apple* dan *orangelah*. *[Dewan riuh]*

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam. Jadi di sini saya hendak sentuh tajuk ini pasal hak asasi sedikit. Dalam isu yang disebutkan tadi iaitu kes liwat, itu hak asasi Saiful. Kita kena hormat juga hak asasi oleh Saiful. *[Ketawa]* Kita jangan hormat hak asasi ketua sahaja. *[Ketawa]* Jadi Saiful pun ada hak asasi dia.

Jadi dalam isu ini, saya ulang sekali lagi. Saya hendak sentuh sedikit sebab sudah sentuh bab liwat ini, saya minta maaf. Bukan saya hendak bangkitkan isu Ketua Pembangkang tetapi dalam soal liwat ini, seorang setiausaha, dia juga ahli Parti Keadilan. Bukan UMNO, Parti Keadilan. Dia kompelin sebab Ketua Umum Keadilan..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa kena-mengena dengan ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Shah Alam yang bangkit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam yang bangkit, Yang Berhormat Shah Alam ...*[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa kena-mengena dengan Akta Hasutan ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Shah Alam yang mulakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam yang mula, Yang Berhormat Padang Besar jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Shah Alam yang mulakan dahulu, Yang Berhormat Shah Alam yang mulakan bagi bola lambung, Yang Berhormat Padang Besar jawab. Marah Yang Berhormat Shah Alam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa kualitinya?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Shah Alam bagi bola lambung fasal apa. Inilah Yang Berhormat Shah Alam. Tolong ajar Yang Berhormat Shah Alam sedikit. Jangan bagi bola lambung kepada kami.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Batu dengar dahulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Gigit telinga nanti baru tahu Yang Berhormat Batu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *This is not a democracy, you are talking about democracy*, Yang Berhormat Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Baling.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, ini hak asasi saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam bangun. Yang Berhormat Simpang Renggam bangun.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: *[Disampuk]* Tidak, tidak. Saya tidak hendak olah. Saya hendak sebut sedikit sahaja. Yang dia buat dia Parti KEADILAN, kompelin Ketua Umum KEADILAN, buat tidak adil pada dia. Itu sahaja. *It is all about KEADILAN*. Jadi selepas itu, dia pergi kompelin untuk keadilan. Dia pergi ke hospital, tidak adapun ahli UMNO.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Padang Besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Simpang Renggam bangun.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tidak adapun ahli UMNO. Dengar dahulu. Pergi kepada perubatan doktor, bukan ahli UMNO. Tidak adapun ahli UMNO, tidak ada. Jumpa doktor bukan ahli UMNO, polis bukan ahli UMNO, pendakwa bukan ahli UMNO. Cuma ada tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor maklum kepada saya, ada tulis di situ peguam UMNO.

■2050

UMNO ini parti yang hebat. Semua orang nak guna nama UMNO. Biasa sahaja.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Akan tetapi dia bukan ahli parti UMNO yang jadi peguam bela itu. Pendakwa-pendakwa, minta maaf pendakwa, kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Simpang Renggam bangun.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sungai Petani, lepas ini bagi Sungai Petani ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani duduk.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Untuk makluman Yang Berhormat Padang Besar, saya terlihat ini ada satu berita yang di lapor pada 12 Disember 2010. Ini dia tulis, *WikiLeaks*, 'Singapore believes Anwar is guilty of sodomy'. Singapura, memang ikut sumber ini, mereka memang percaya Anwar Ibrahim terlibat dalam kes liwat.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, 38(1). *What's the relevance? 38(1)* Tuan Yang di-Pertua? *Completely out of topic.*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, Yang Berhormat yang lain duduk, Yang Berhormat Batu, Bayan Baru, yang lain duduk. Ya, terus kepada tajuk asal kita.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Minta maaf, saya tak mahu sebut, salah tak salah tadi saya sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Padang Besar. Masuk dalam kandang kita, jangan di luar kandang ya. Okey. Sila, Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun sahaja.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya tidak ada masalah dengan Yang Berhormat Padang Besar. Saya juga tidak ada masalah dengan menteri-menteri dan timbalan menteri yang komen di belakang, tidak ada masalah. Cumanya saya nak tanya Yang Berhormat Padang Besar, mana mungkin seorang yang kena liwat, dia pergi cerita dekat Yang Berhormat Pekan dan Perdana Menteri, dia kena liwat dua hari selepas berjumpa. Dia jumpa 24 hari bulan dengan Perdana Menteri tapi, 26 baru dia kena liwat. Adakah itu bendanya, buat apa dan dia jumpa Perdana Menteri untuk cerita apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani. Ya, Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat Padang Besar, duduk sekejap. Yang Yang Berhormat Bayan Baru bangun, Yang Berhormat Batu bangun, nak ajak kita balik semula pada rang undang-undang. Tiba-tiba dah reda, Yang Berhormat Sungai Petani pula bawa balik semula kes liwat. Jadi, tak perlulah ya, Yang Berhormat Padang Besar isu yang...

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Saya Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu tuduh, saya tak mahu cerita bab liwat ini. Akan tetapi apa yang saya gambarkan di sini adalah berkaitan dengan hak asasi UMNO. Hak asasi UMNO.

[Dewan riuh]

UMNO, tak. Dalam Dewan ini cerita tentang UMNO, Perdana Menteri dan sebagainya dalam kita nak bincang isu Akta Hasutan ini. Sebab itu saya sebut, saya nak sentuh sedikit ini. Oleh sebab apa, contoh. Tadi Yang Berhormat Batu ada sebut, tentang Akta Hasutan ini. Saya nak terangkan supaya rakyat kadang-kadang faham, kenapa kita Barisan Nasional nak Akta Hasutan ini? Bukan nak jawab pembangkang, kenapa kita perlu Akta Hasutan ini. Contoh, hak asasi ini, tajuk hak asasi ini, saya nak bagi contoh. Okey, satu demonstrasi di Sogo. Tak apa, satu demonstrasi di Sogo kerana hak asasi, maka adanya demonstrasi di Sogo. Hak asasi, nak menerangkan kepada rakyat kononnya, buat di Sogo. Saya

sendiri dihubungi oleh Ketua OCPD Dang Wangi, *complaint*, Sogo *complaint*, jalan *jammed*, rakyat *complaint*, peniaga *complaint*, mana hak asasi mereka?

Akan tetapi kalaulah saya sendiri pergi rumah Yang Berhormat Batu, kita buat demonstrasi, saya panggil ramai-ramai, kita buat demonstrasi di rumah Yang Berhormat Batu. Sogo ini hak orang. Marah tak marah? Ini hak rumah saya, kenapa buat? Ini rumah saya, jadi kita pun marah dekat orang. Lain kali carilah, buat kalau demonstrasi di rumah tuan-tuan. Jangan pergi cari hak asasi orang, orang *complaint*, orang tangkap, *report* polis, kita marah. Stadium Shah Alam. Kita ada. Tak, saya sebut di sini kerana apa kita perlu Akta Hasutan ini? Kadang-kadang kita tangkap dan sebab itu saya dah pesan penyokong kerajaan, kadang-kadang kita kasihan kepada orang. Jadi, polis merayu dekat Ahli Parlimen, jumpa kawan-kawan tanya, tolonglah bagi tahu kawan-kawan dalam Ahli Parlimen itu, tak payahlah buat tempat-tempat ini. Ini hak orang, mereka pun ada hak asasi mereka. Sebab itu kita perlu. Jadi, saya hendak sentuh sedikit bab Akta Hasutan ini.

Dari sini kita lihat, saya lihat di sini kenapa perlunya Akta Hasutan? Kita lihat di sini tuan-tuan, saya tak tahulah, saya tak mahu bincang yang besar-besar tapi yang kecil-kecil sahaja. Yang Berhormat, Yang Berhormat bincang yang kecil-kecil sahaja. Contoh guru-guru, Yang Berhormat. Guru-guru di sekolah. Guru-guru sekolah yang sepatutnya mengajar anak-anak murid pendidikan tapi hari ini ramai guru-guru berpolitik. *Facebook*. Saya ada ini saya simpan, saya simpan ini, bagaimana seorang guru yang buat PhD, cerita tentang politik, menghasut. Hasut Raja-raja, hasut hak bumiputera. Ini guru yang buat PhD dan akan mendidik ini pelajar-pelajar. Jadi, perlu ambil tindakan. Pegawai kerajaan yang dah pencen, yang tahu rahsia-rahsia kerajaan, menggunakan media sosial, nama dia dan sebagainya. Menghasut. Kalau kita biar negara kita macam ini, Yang Berhormat, kalau kita biar negara kita macam ini, apa akan jadi kepada negara kita? Jadi, sebab itu lah...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Padang Besar. Yang Berhormat Padang Besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan. Ya, sila.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Memandangkan Yang Berhormat Padang Besar tadi mengungkitkan isu pensyarah atau guru yang telah masukkan dalam laman web, *Facebook* berhubung dengan kononlah mengikut pandangan Yang Berhormat Padang Besar, menghasut mengenai hak-hak istimewa bumiputera *and what not*, dengan izin. Akan tetapi tahu kah Yang Berhormat Padang Besar, ada juga guru-guru yang telah menggelar pelajar-pelajar di sekolah sebagai 'keling', 'kamu keling', 'India, balik India', 'Cina, balik Cina'. *What about that? This is double standards*. Hasutan *is based on interpretation*. So, *it's both ways and it's not just one way*. Tadi Yang Berhormat Padang Besar kata, Barisan Nasional nak akta ini berdasarkan hujah-hujah Yang Berhormat Padang Besar.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Padang Besar.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *But, it is also the other way around*. Terima kasih.

[Dewan riuh]

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Batu Kawan, itu saya marah kalau orang panggil macam itu. Kita ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Padang Besar, ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya setuju, Yang Berhormat Batu Kawan. Kita ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Lenggong.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Oleh sebab itulah Yang Berhormat, kita buat Akta Hasutan ini, Yang Berhormat. Kita nak tangkap mereka, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *It is double standards. It is double standards, Yang Berhormat. And you know it, double standards.*

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tak apa Yang Berhormat. Lepas ini kita tangkap.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *You don't need such a draconian law for that. Why should teachers being educators say this kind of things in the first place, Yang Berhormat? It shouldn't.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini ya, Yang Berhormat. Tak ikut peraturan, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Padang Besar sila gulung.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi laluan sedikit.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tak apa. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ada dekat sini, terus bagi laporan kepada Menteri Dalam Negeri. Terus bagi tahu Menteri Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila gulung.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya sokong siapa tadi? Batu Kawan. Saya minta Menteri Dalam Negeri ini ada, ambil nama orang yang kata 'keling', 'India', semua ni, tangkap di bawah Akta Hasutan ini. Tak kiralah siapa pun. Mesti tangkap. Buat *report*.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ini semua kes lama. Kalau Yang Berhormat Menteri tak tahu, *I think it's a shame* lah. *It's a disgrace*. Semua kes lama.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Betul Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya sebut sewaktu saya mencelah Yang Berhormat agan Serai tadi, akta ini untuk melindungi semua. Bukan untuk melindungi satu kaum. Kalau ada isu-isu yang berkaitan sebagai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi, tindakan perlu diambil. Isunya yang sekarang, undang-undang yang sedia ada tidak kuat, tidak kukuh untuk mengambil tindakan-tindakan ini. Sebab itu,

kita perlu undang-undang ini supaya ia memelihara semua rakyat dalam negara ini. Baik Melayu, Cina, India. Yang penting, negara ini perlu dipelihara, keamanannya. Ini yang kita hendak dalam akta ini. Jadi, Yang Berhormat,...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Lenggong, akta ini, *it has been abused in a natural...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan. Ya...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *It has been abused.*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak gulung ya, Tuan Yang di-Pertua ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ini dalam soal ini, dalam Akta Hasutan ini, kenapa perlu Akta Hasutan ini kita lihat, Malaysia ini sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan juga wakil rakyat, pemimpin. Kita lihat bahawa di sini berbagai kaum, pemimpin berbagai-bagai agama. Kalau kita lihat negara di Asia tenggara ini, contoh Indonesia, berapa orang kaum lain jadi wakil rakyat? MPA. Kalau kita lihat di Singapura, berapa orang Melayu jadi wakil rakyat? Kalau kita lihat di Thailand, Burma, berapa orang Cina yang menjadi wakil rakyat? Lihat di Kampuchea, berapa orang? Malaysia ini, kebanyakan kita jaga semua kaum dan kita dengar semua kaum. Oleh sebab itu kita perlunya Akta Hasutan. Kita berbeza.

Kita berbeza dengan yang lain. Sini boleh cakap, hentam pemimpin. Boleh cakap hentam bab agama. Kita lihat. Maka, kalau kita biarkan perkara ini, perlu. Saya lagi nak sentuh, nak gulung sedikit ini, tadi ada sebut tadi...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Padang Besar, sedikit sahaja. Saya nak *just* sedikit sahaja. Sedikit sahaja, Yang Berhormat Padang Besar. Sedikit pendapat sahaja.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Batu Kawan, sila rujuk Peraturan Mesyuarat 37(2). Ya.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Okey, saya gulung cepat, sat lagi kita nak bentang Akta Saraan pula, penting itu. *[Ketawa]* Itu lagi penting. Akta Saraan itu. *[Ketawa]*

Saya sentuh sedikitlah, tadi tentang sebut Perdana Menteri tadi. Saya di sini saya nak ulang sekali lagi. Perdana Menteri berbincang dengan pembangkang nak buat Akta Harmoni. Harmoni. Harmoni ini rumah tangga harmoni. *Bill* lelaki suami isteri, buat lah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Fakta salah. Tidak ada perbincangan dengan pembangkang. Itu diumumkan di hadapan orang ramai pada Hari Malaysia .

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Bila bincang, bila bincang? Sendiri cakap, sendiri bincang.

[Dewan riuh]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi, Yang Berhormat Tuaran sudah beritahu. Ini fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu, cukuplah Yang Berhormat Batu.

■2100

Ya, Yang Berhormat Padang Besar kalau tidak ada isu saya jemput Yang Berhormat Shah Alam. Ada isu tidak Yang Berhormat? Ya, *landing, landing*. Gulung, gulung.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Dan pada awalnya kita pun menyokong akta undi buat. Kita menyokong kerajaan tengah buat. Akan tetapi sekarang ini Akta Hasutan juga yang perlu, saya sendiri jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita kata Akta Harmoni ini, sebab apabila kita hendak menyokong lihat *Facebook, Twitter* segala hentam perpecahan kaum. Jadi kita pun mula terajulah, pembangkang, lagi banyak demonstrasi, lari demonstrasi. Jadi kita lihat bukan apa, apa gunanya untuk negara? Sekarang ini apa hasil? Apa hasil pembangkang yang buat demonstrasi itu? Apa hasil dia sekarang? [Disampuk] Tidak ada apa hasil. Selepas itu marah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kalau tidak ada hasil jangan cakap.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Okey, saya menyokong. Terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam. Selepas Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Menteri jawab, 15 minit Yang Berhormat Shah Alam.

9.00 mlm.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Akta Hasutan ini merupakan satu akta yang telah kita warisi daripada British. Ia telah diluluskan pada tahun 1948. Saya boleh bayangkan masa British meluluskan undang-undang Akta Hasutan, pihak British pun mengatakan ia untuk hendak jaga keharmonian, perpaduan, keamanan dan sebagainya. Akan tetapi pada hakikatnya ia merupakan undang-undang yang digunakan oleh mereka untuk menahan semua golongan yang menentang pemerintahan British yang ingin mencapai kemerdekaan.

Mana-mana negara yang telah merdeka dan bermaruah akan pasti memansuhkan undang-undang yang merupakan warisan daripada penjajah yang diguna pakai untuk menindas rakyat negara itu sendiri. Akan tetapi UMNO Barisan Nasional tidak sanggup melakukannya. Mereka tidak sanggup melakukannya adalah kerana mereka berada dalam keadaan yang seakan-akan Kerajaan British sebelum kemerdekaan.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu, kemungkinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ikhlas pada asalnya hendak mansuhkan Akta Hasutan ini, itu pada tahun 2011 dan 2012. Dia membuat pengisytiharan akan mansuhkan Akta Hasutan ini dan berbagai-bagai program yang lebih terbuka, yang

lebih progresif. Dengan harapan bahawa sokongan rakyat akan kembali kepada UMNO, Barisan Nasional apabila dia mengisytiharkan bahawa dia ingin membawa transformasi.

Seorang Ahli: Betullah itu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi apabila dilihat pada tahun 2013, majoriti rakyat Malaysia telah menolak UMNO, Barisan Nasional maka kedudukan UMNO, Barisan Nasional tidak jauh berbeza dengan kerajaan penjajah. Oleh kerana itu, seperti mana Akta Hasutan ini berguna untuk penjajah, begitu juga ia berguna untuk UMNO, Barisan Nasional. Ia merupakan undang-undang dan akta yang akan digunakan oleh kerajaan yang tidak mendapat sokongan majoriti rakyat.

Dengan tujuan, supaya gerakan membawa perubahan dan membawa pertukaran kerajaan melalui lunas-lunas demokrasi ini akan dapat dibantutkan apabila pemimpin-pemimpin yang ingin membawa perubahan ini boleh dengan sewenang-wenangnya dituduh melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan. Ini kerana mereka boleh dicala sewenang-wenangnya di bawah Akta Hasutan Yang Berhormat semua sudah tahu. Tidak ada definisi yang jelas mengenai apa itu yang dikatakan hasutan. Tidak ada perlunya untuk membuktikan ada niat untuk menghasut. Mereka yang ditahan akan dibawa ke mahkamah dan dicala. Apabila didapati bersalah, mereka akan dipenjarakan paling kurang tempoh tiga tahun...

Seorang Ahli: Okey lah itu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dan tidak melebihi lima tahun kerana itulah tujuan iaitu untuk mematahkan kebangkitan rakyat yang ingin menjatuhkan UMNO, Barisan Nasional melalui proses demokrasi. Apabila sudah masuk tiga tahun, maka mereka yang berada di dalam penjara akan hilang kelayakan untuk bertanding. Harapan UMNO, Barisan Nasional seperti mana harapan Kerajaan British penjajah dahulu ialah bahawa dengan usaha-usaha ini maka *the momentum for change* akan dapat ditamatkan. Akan tetapi saya hendak beritahu dan memberi jaminan kepada tuan-tuan, tuan-tuan boleh melakukan apa jua yang tuan-tuan inginkan iaitu Kerajaan UMNO, Barisan Nasional. Akan tetapi tindakan-tindakan seperti ini, tidak akan membawa perubahan kepada sikap rakyat yang inginkan perubahan.

Kita boleh lihat hujah-hujah yang dikemukakan untuk membela Akta Hasutan tidak ada asas. Tadi Yang Berhormat Tuan kata, sebagai contoh kita hendak tangkap orang yang masuk dalam alam maya menimbulkan bermacam-macam tuduhan dan sebagainya, kita tidak boleh buat, kita tidak boleh tangkap melalui Kanun Keseksaan. Akan tetapi kita boleh tangkap dengan Akta Hasutan. Seolah-olah tadi yang disebut tidak boleh tangkap di bawah Kanun Keseksaan, oleh kerana kita tidak tahu siapa. Akan tetapi kalau ada Akta Hasutan, seolah-olah kita boleh tahu siapa. Adakah...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apabila diluluskan ini, maka semua yang tidak diketahui itu yang selama ini menggunakan nama-nama 'pseudo' dan sebagainya akan tiba-tiba muncul dan mendedahkan, "Oh, kami lah dia. Maka tangkaplah kami bawah Akta Hasutan." Takkanlah setidak-cerdik itu, adanya Akta Hasutan ataupun tidak adanya Akta Hasutan. Mereka yang menggunakan akaun-akaun *Facebook* yang palsu akan tetap tidak diketahui. Akan tetapi dengan Akta Hasutan itu, boleh

ditahan tanpa adanya bukti kukuh dan boleh dinyatakan, “Oh, ini kerja pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat”. Sedangkan kemungkinan orang yang mempunyai akaun *Facebook* itu adalah *cyber trooper* UMNO, Barisan Nasional. Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Tadi saya dengar juga teliti bicara Yang Berhormat Tuaran. Di awalnya mengatakan bahawa ada penghinaan perkauman dan sebagainya, laporan polis telah dilakukan tetapi tidak tahu status tahap siasatan laporan polis ini. Saya berpendapat bahawa kalau polis boleh siasat, kalau polis boleh lakukan tugas mereka mengikut akta-akta yang sedia ada dan boleh cari penjenayah yang ini semua, maka situasi ini tidak akan timbul.

Malahan tidak akan bertimbun-timbun lagi isu-isu perkauman dan sebagainya. So, saya boleh pendekkan bahawa ini adalah kegagalan Kementerian Dalam Negeri, kegagalan IGP dan kegagalan pihak polis untuk menangani masalah ini. Kelemahan mereka, mereka sekarang menggunakan Akta Hasutan untuk sebagai *substitute* kepada kelemahan mereka. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, saya setuju. Boleh masukkan dalam ucapan saya. Akan tetapi Yang Berhormat Bagan Serai ada sebut, masalahnya bukan akta. Masalahnya orang yang salah gunakan akta, yang kamu luluskan akta yang boleh disalahgunakan siapa suruh?

Beberapa Ahli: Jeritlah lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini bergantung kepada kebijaksanaan kita dalam Dewan untuk menentukan bahawa mana-mana akta dan undang-undang tidak boleh disalah guna. Termasuklah dengan menentukan satu definisi yang jelas, menghasut itu apa? Memberikan satu keperluan untuk membuktikan niat *mens rea* yang disebutkan tadi, untuk menentukan bahawa mahkamah-mahkamah ... *[disampuk]* – eh, ada monyet-monyet kah dalam ini?

■2110

Bunyi macam monyet-monyetlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam itu saya tengah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, saya tengah tengok peraturan, ada tidak perkataan monyet-monyet dekat dalam ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Dia bunyi sahaja, bunyi macam monyet. Tidak ada monyet, bunyi sahaja macam monyet. Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bila disebut oleh Yang Berhormat tadi, satu hal adalah undang-undang yang ada, undang-undang yang tempang yang juga disalahgunakan.

Bila kita berkait tentang isu pendakwaan terpilih, Yang Berhormat ada ingat kes yang melibatkan *blogger* terkenal Papa Gomo. Sudah kalah di mahkamah, terbukti dengan berita palsu, jahat yang menyerang semua kebanyakan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat. Akan tetapi dengan semua bukti ini termasuklah kekalahan di mahkamah, masih lagi dijadikan tetamu khas oleh Kementerian Pertahanan ketika itu sewaktu melawat dalam kapal selam bagi pembelian Malaysia bersama dengan Ketua-ketua Menteri yang dijemput.

Individu seperti ini diberikan dokongan sebegitu besar oleh parti UMNO. Saya pohon komentar daripada Yang Berhormat bila masa sudah terang lagi bersuluh cara mana diguna pakai undang-undang ini, pendakwaan yang terpilih dan perlindungan yang diberikan kepada beberapa personaliti semata-mata untuk hak asasi UMNO, bagaimana kita hendak harapkan keadilan daripada kerajaan ini? Mohon pandangan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, amat jelas sekali bahawa undang-undang ini sepertimana pada zaman British dahulu, ia digubal dan diluluskan dan diguna pakai untuk tujuan politik, untuk hendak jaga pemerintahan British yang sudah tidak mendapat sokongan daripada rakyat di Tanah Melayu pada satu ketika itu. Maka ditahan pemimpin-pemimpin yang menentang penjajahan mereka.

Begitu juga sekarang ini maka digunakan untuk secara selektif, orang yang melakukan hasutan tetapi menyokong ataupun membantu mereka, menimbulkan ketegangan kaum. Ini kerana yang menimbulkan ketegangan kaum adalah UMNO Barisan Nasional. Mereka menggunakan hujah, kalau Pakatan Rakyat menang, yang akan jadi Perdana Menteri adalah Cina. Ini merupakan isu perkauman. Mereka menimbulkan soal salah guna GST, peniaga-peniaga Cina yang tidak turunkan harga sedangkan yang Melayu pun ramai yang tidak turunkan harga seperti mana juga orang India

Sepatutnya diminta seluruh rakyat, bukan sahaja orang Melayu untuk hendak boikot kedai-kedai Cina, tetapi seluruh rakyat boikot semua kedai yang tidak turunkan harga. Akan tetapi rasisme dan perkauman adalah senjata UMNO Barisan Nasional. Sehingga hari ini saya tidak faham kenapa MCA dan Gerakan masih duduk di dalam Barisan Nasional. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Rakan baik juga.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita zaman Sayyidina Ali bin Abi Talib. Apabila dia telah menjadi sebagai khalifah, dia telah bertembung dengan satu golongan yang bernama Khawarij. Golongan Khawarij ini bila bertemu dengan Sayyidina Ali akan mencaci, maki hamunnya dan sebagainya sehingga ada yang mengatakan, kami akan membunuh kamu wahai Ali. Apabila para sahabat hendak tangkap, dia kata tidak boleh. Itu hanya sekadar kata-kata, tidak ada lagi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar tadi, Qasdul Jana-i, wa fai'ul Jana-i iaitu niat yang jahat dan juga amalan yang jahat sekadar kata-kata.

Amirul Mukminin iaitu Sayidina Ali bin Abi Talib telah pernah berpesan kepada golongan Khawarij, selagi mana kamu tidak mengangkat senjata untuk menentang Amirul Mukminin, maka Amirul Mukminin tidak akan mengangkat senjata untuk menentang kamu. Itulah jenis kebebasan yang diajar oleh Islam, bukan seperti mana yang disebut tadi oleh seorang wakil rakyat dari Barisan Nasional yang mengatakan Akta Hasutan ini ada ciri-ciri Islam. Tidak ada ciri-ciri Islam. Ianya merupakan undang-undang yang zalim, yang tidak memberi peluang kepada orang yang tertuduh untuk mendapat pembelaan yang adil, kerana tidak adanya definisi yang jelas, tidak perlu dibuktikan adanya niat dan diwajibkan paling kurang tiga tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila gulung.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya baru sahaja mula. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya soal hasutan, saya hendak gulung ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kaedah...Ya, saya hendak beri..

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Dalam Akta Hasutan ini kita minta supaya apa pandangan Yang Berhormat Shah Alam. Sekarang ini kita lihat supaya pihak kerajaan mendefinisikan dengan betul apa dimaksudkan dengan hasutan. Ini kerana adakah dengan penggunaan akta ini, sehinggakan tidak boleh adanya di sana teguran ataupun kritikan. Kita bimbang ia juga akan menjadi satu pendakwaan terpilih di dalam kes-kes yang tertentu di dalam mengenakan soal Akta Hasutan ini. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Shah Alam?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, sudah pasti Yang Berhormat Menteri akan menjawab di dalam Akta Hasutan sudah jelas, tidak ada masalah hendak kritik kerajaan. Akan tetapi hakikatnya, bila dia tangkap kita, dia tidak tangkap kita atas dakwaan kritik kerajaan. Dia tangkap kita atas dakwaan menimbulkan ketegangan di dalam masyarakat bila kita kritik kerajaan. Itu dia. Lalu ini semua merupakan *window dressing*, hendak tunjuk cantik.

Saya hendak rumuskan Tuan Yang di-Pertua. Cara hendak atasi masalah perpaduan dan ketegangan kaum dan agama ialah dengan kita mendidik rakyat. Bukan dengan cara-cara yang mana undang-undang yang bertujuan untuk menindas rakyat. Ini kerana apabila rakyat berilmu, mereka tidak akan terpengaruh dengan kata-kata pemimpin UMNO yang *racist* ataupun kata-kata presiden PERKASA yang singkat pemikirannya dan berbau perkauman. Apabila mereka mempunyai ilmu dan dalam soal hendak jaga hubungan di antara agama, kita boleh rujuk kepada ayat al-Quran yang saya hendak tutup dengan ayat ini, iaitu ayat kelapan daripada surah *Mumtahanah*, yang berbunyi, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bererti, *"Dan Allah tidak menghalang kamu terhadap mereka-mereka yang tidak memerangi kamu atas sebab agama kamu atau menghalau kamu daripada kampung-kampung kamu dan rumah-rumah kamu, bahawa kamu bertindak baik menghormati mereka dan kamu bertindak adil*

terhadap mereka. Sesungguhnya Allah mengasihi mereka-mereka yang bertindak adil." Ayat-ayat yang seperti ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam. Cukuplah Yang Berhormat Simpang Renggam hari ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Janganlah masuk ayat-ayat bab jihad, hendak ajar perang dengan Kristian, hendak perang dengan Yahudi, hendak bergaduh dengan orang bukan Islam, sedangkan kita berada di dalam sebuah negara yang kita pimpin dan yang kita memerintah dan orang-orang yang bukan Islam hidup dengan aman dan damai di dalam negara kita.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maka pendedahan kepada ayat-ayat yang seperti ini yang menuntut supaya umat Islam bertindak baik terhadap orang-orang yang bukan Islam, yang tidak memerangi mereka..

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Dan tidak mengusir mereka, tidak menzalimi mereka, ia wajib untuk kita bertindak baik demi menjaga keharmonian dan keamanan dan kebaikan dan kesejahteraan untuk semua.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat Simpang Renggam, cukup, cukup.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Shah Alam, adakah Yang Berhormat Shah Alam sebagai ahli daripada parti PAS sedang mendidik parti DAP supaya menerima hudud. Kalau tidak...[Dewan riuh]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini budak suruhan UMNO ini memang tak payah pergi sekolah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: cukuplah Yang Berhormat Kuala Krai, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat Shah Alam, cukup, cukup. Tidak payahlah, tidak payahlah. Tidak payah, tidak payah Yang Berhormat Kuala Krai, cukup, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Menteri..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oleh sebab dia tanya, boleh tak saya jawab Tuan Yang di-Pertua. Biarlah adil.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hak bagi DAP sama ada dia hendak terima, ataupun tidak terima, itu hak dia. [Dewan riuh]

■2120

Kita tidak mewajibkan rakan-rakan kita untuk menerima. Inilah UMNO! Dia tidak faham! Dia tidak faham! Dia ingat Islam ini nak paksa yang bukan Islam terima Islam! Dia tidak faham! [Dewan riuh]

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: PAS kena ajarlah DAP. Faham hudud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mereka tidak mampu menyatupadukan rakyat.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: PAS kenalah ajar DAP. PAS kena ajar DAP. PAS ajar DAPlah. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Dewan riuh]* Atas sebab itulah rakyat tidak dapat bersatu kerana mereka jahil dan tidak berilmu. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Diam, Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sila, sila.

9.21 mlm.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada seramai 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan pindaan Akta Hasutan 1948 ini dan 21 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mencelah. Jadi jumlahnya 38 orang selain daripada yang bising-bising tadi. Tuan Yang di-Pertua, terdapat tujuh isu utama. Apa yang telah dilontar, saya ingin menyebutkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melontarkan tujuh isu utama. Saya perlu sebutkan untuk rekod.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan, kepada Yang Berhormat Kinabatangan, kepada Yang Berhormat Padang Serai, kepada Yang Berhormat Kuala Selangor, kepada Yang Berhormat Parit Buntar, kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Padang Besar dan akhirnya Yang Berhormat Shah Alam.

Tujuh isu yang ingin saya jawab pada kali ini ialah pertamanya mengenai penyanggahan terhadap penyekatan atau pengekalan Akta Hasutan ini. Kedua, mengenai isu elemen niat (*intention*) untuk menghasut. Ketiga adalah mengenai hukuman yang terdapat di bawah Akta Hasutan. Keempat adalah mengenai pendakwaan-pendakwaan terpilih. Kelima adalah elemen menghasut untuk membawa maksud bagi membawa keluar mana-mana negeri dalam Malaysia. Keenam, pertikaian terhadap teks asal Rang Undang-undang Akta Hasutan 1948 dan akhirnya mengenai aplikasi elektronik.

Terdapat beberapa isu sampingan yang saya rasa boleh kita celah sebentar lagi tetapi saya ingin menyebutkan bahawa tadi Tuan Yang di-Pertua, kita telah mulakan persidangan kita selepas soal jawab pada pukul 11.38 pagi apabila Yang Berhormat Puchong telah membangkitkan tentang sama ada akta ini harus dipinda atau ditolak sepenuhnya. Sehingga waktu ini, selepas 2.30 petang kita bermula semula,

kita telah membincangkan banyak perkara yang pada hemat saya telah membuka minda kedua-dua pihak untuk memberikan artikulasi terhadap pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang adalah merupakan suatu sistem peraturan atau norma yang cuba diikuti oleh masyarakat. Jika undang-undang tersebut dilanggar, orang yang melanggar undang-undang tersebut mungkin dihukum oleh mahkamah. Undang-undang secara lazimnya ditadbir oleh satu sistem mahkamah yang mana biasanya dibuat oleh pemerintah negara tersebut supaya rakyatnya boleh hidup, bekerja, bersosial, dengan aman antara satu sama lain.

Saya ingin menghuraikan satu per satu mengenai isu-isu yang telah saya utarakan tadi. Pertamanya adalah mengenai penyanggahan pengekalan Akta Hasutan. Terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya mengapakah kerajaan membuat keputusan untuk mengekalkan Akta Hasutan sedangkan janji telah dibuat untuk memansuhkannya. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah kerana terdapatnya peningkatan kes berhubung hasutan yang semakin berleluasa yang boleh menjejaskan keharmonian dan keamanan yang sedang dinikmati di kalangan rakyat Malaysia. Maka, kerajaan berpandangan adalah wajar dibuat pindaan kepada Akta Hasutan 1948 ini bagi maksud menambah baik akta ini. Dalam menggubal pindaan ini, kerajaan sentiasa memastikan pindaannya menjadikan akta ini lebih baik dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip asas undang-undang yang sewajarnya.

Selain daripada itu, harus ditekankan bahawa pindaan ini mengandungi elemen *value added* dengan izin iaitu perbuatan menghina atau mendatangkan kebencian terhadap kerajaan dan penghinaan mahkamah tidak lagi menjadi kesalahan hasutan. Turut dibangkitkan adalah mengenai kritikan yang dibuat oleh *United Nations* mengenai pengekalan Akta Hasutan 1948 dan pindaan yang dibuat pada Akta Hasutan 1948 oleh Kerajaan Malaysia.

Sebagaimana yang telah diulangi beberapa kali, Akta Hasutan 1948 adalah perlu bagi memastikan hak kebebasan bersuara tidak disalahgunakan untuk menyebabkan kekacauan, ketidakamanan dan suasana kacau bilau. Perbuatan menghasut yang menjadi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 sememangnya boleh mendatangkan permusuhan, pengembangan niat jahat dan seterusnya menjejaskan ketenteraman awam atau *public order*.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Perlembagaan Persekutuan dengan jelas membenarkan Parlimen membuat undang-undang untuk membuat sekatan bersuara atas dasar ketenteraman awam. Justeru, kerajaan tidak seharusnya tunduk kepada kritikan badan antarabangsa dalam membuat apa-apa undang-undang yang bertujuan untuk menjaga ketenteraman awam di negara ini. Terdapat Ahli Yang Berhormat yang mendakwa Akta Hasutan tidak berperlembagaan dan sebarang pindaan juga adalah tidak berperlembagaan. Persoalan sama ada Akta Hasutan...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Minta jalan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya selesaikan ayat ini. Persoalan sama ada Akta Hasutan 1948 adalah berperlembagaan atau sebaliknya adalah merupakan hal pertikaian yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Puchong dan beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam kes Azmi Shahrom melawan PP. Kes ini telah didengar dan masih belum diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan. Justeru, sebarang perbincangan berhubung perkara ini boleh kita jumlah dalam perbuatan *sub judice*. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, tadi telah memutuskan bahawa pindaan ini telah diteruskan.

Sila, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa sungguhpun Malaysia berhak untuk menggubal undang-undang sendiri tetapi Malaysia juga terikat dengan sebarang persefahaman yang telah diadakan dalam peringkat antarabangsa sebagai Ahli Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu. Saya rasa Malaysia sepatutnya menunjukkan teladan dan contoh yang baik mempromosikan hak asasi manusia dan di sini saya rasa bukan sahaja pandangan daripada pihak kami di sini tetapi Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu pun telah membuat kritikan ke atas syor membuat pindaan ke atas Akta Hasutan.

Bukankah ini satu percanggahan kerana peranan yang dimainkan bercanggah dengan tindakan dilakukan berkaitan dengan hak asasi manusia di Malaysia. Kalau ada percanggahan sedemikian dan pihak Kerajaan Barisan Nasional hendak teruskan juga pindaan sedemikian, adakah pihak Malaysia akan letak jawatan daripada Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu kerana tidak memenuhi aspirasi sebaliknya melanggar hak asasi manusia. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kita menghormati pandangan yang diberikan oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tentu benar bahawa Yang Berhormat Bagan mencadangkan Malaysia harus menjadi contoh teladan yang baik kerana terdapat percanggahan sebagaimana yang beliau sebutkan.

■2130

Perlu diketahui bahawa acuan dan landskap politik Malaysia adalah sesuai untuk rakyat Malaysia. Acuan ini tentunya bersesuaian dengan situasi semasa di mana mungkin negara-negara yang disebutkan di dalam Majlis Hak Asasi Manusia itu adalah negara-negara yang mengetahui bahawa beberapa medium penggunaan komunikasi tanpa lisan terutamanya komunikasi atas talian telah digunakan dengan cara yang berhemah, dengan cara yang baik.

Akan tetapi berbeza dengan keadaan di Malaysia, di mana komunikasi tanpa lisan khususnya melalui talian ini telah merobek-robek soal menghormati agama, soal perpaduan kaum dan beberapa perkara yang lain. Pada hemat saya, tentunya apabila kami membuat laporan terhadap hak asasi manusia ini telah dibuat dengan mengikut acuan Malaysia, tentu mereka faham dengan keadaan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, elemen yang kedua, isu yang kedua adalah mengenai elemen niat ataupun *intension* untuk menghasut. Terdapat dakwaan yang bermaksud *sedition tendency* terlalu luas dan tiada

takrifan yang khusus. Untuk maklumat kita semua, bahawa seksyen 3(1) Akta Hasutan telah dengan jelas menggariskan keadaan dan perbuatan yang mempunyai kecenderungan yang menghasut atau *seditionous tendency*. Justeru, kenyataan yang telah dibuat bahawa maksud *seditionous tendency* adalah luas dan tiada takrifan yang khusus adalah kurang tepat. Persoalan sama ada sesuatu perbuatan itu terjumlah di bawah perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut adalah satu persoalan fakta yang perlu diputuskan oleh mahkamah berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh mahkamah. Takrifan boleh dibuat...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan. Penjelasan sedikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Boleh. Bagi saya selesaikan ini dulu. Takrifan boleh dilihat dalam seksyen 2 dan 3 Akta Hasutan. Definisi atau apa-apa yang menjadi sesuatu perkara itu *seditionous tendency* jelas dinyatakan dan secara spesifik disebut di bawah seksyen 3(1).

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Yang Berhormat Menteri memasukkan peruntukan-peruntukan yang butiran-butiran. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa adalah jaminan untuk batalkan Akta Hasutan ini dicabuli. Apa hal keadaan semenjak jaminan yang dibuat yang menunjukkan bahawa masih relevan, bahawa Akta Hasutan masih relevan dan adakah oleh kerana ini begitu ramai orang, pemimpin-pemimpin PR, aktivis NGO ditangkap baru-baru ini, lebih kurang dekat 130 orang. Bagaimana ini boleh dijelaskan mengenai apa yang dikatakan dalam huraian bahawa keperluan untuk meningkatkan perlindungan terhadap penyalahgunaan akta. *Safeguard*, bahawa untuk memperkukuhkan *safeguard* terhadap *abuse* Akta Hasutan. Mana?

Kalau begitu, kenapa ada penangkapan beramai-ramai, 150 orang sehingga orang-orang yang sebenarnya tidak ada bersangkut paut dengan kesalahan hasutan pun adalah disiasat. Saya pun disiasat oleh kerana Teo Beng Hock. Apa itu kena mengena dengan Akta Hasutan dan Ahli-ahli Parlimen pun di Dewan yang mulia ini.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat Gelang Patah. Izinkan saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama adalah mengikut *United Nations High Commissioner for Human Rights, His Excellency Zeid Ra'ad Al Hussien* yang merupakan putera daripada Jordan. Beliau telah pun hari ini bertanya kepada Kerajaan Malaysia, di mana Malaysia sebenarnya telah membuat *undertaking* pada *Universal Periodic Review at the UN Human Rights Council* pada tahun 2013, Kerajaan Malaysia telah berjanji di persada antarabangsa akan memansuhkan Akta Hasutan. Akan tetapi kini, bagaimanakah apabila negara kita telah pun pecah janji sendiri. Apakah, bagaimana negara kita hendak berhadapan dengan negara-negara lain? Ini berkenaan dengan imej dan integriti negara kita.

Kedua, perkara yang kedua yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, seksyen 4 pindaan kali ini. Sebenarnya walaupun kita percaya pada doktrin pemisahan kuasa, kehakiman, perundangan dan eksekutif, tetapi kini kuasa untuk menjatuhkan hukuman oleh mahkamah ataupun institusi kehakiman telah pun dilucutkan. *Minimum sentence of 3 years. The sentencing power by the court is deprived of the power.* Maka saya rasa ini adalah satu pindaan undang-undang telah pun

tantamount to a sort on the judiciary dan patut dipinda lagi. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya *bill* ini tidak diluluskan malam ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, dua persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Taiping. Kita lihat persoalan sama ada masih relevan kah akta ini kerana Yang Berhormat Shah Alam dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa akta ini telah dibuat pada tahun 1948 dan ia dipinda pada 1970 selepas Peristiwa 13 Mei berlaku. Saya menyatakan bahawa 40 tahun akta ini telah berjalan dan kini kita meminda semula dan perbahasan telah dijalankan. Saya berpendapat bahawa soal *abuse* tidak akan timbul kerana kita mempunyai banyak kes-kes yang telah dilakukan siasatan oleh pihak polis. Akan tetapi apabila kertas pendakwaan disediakan oleh Jabatan Peguam Negara, terdapat banyak pendakwaan tidak dilakukan kerana Jabatan Peguam Negara memastikan bahawa jika 90% bukti kukuh dan saksi yang *credible* ada, maka barulah kertas pendakwaan itu dibuat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Di dalam hal ini pada hemat saya, saya telah nyatakan tadi bahawa acuan dan landskap politik telah berubah. Oleh sebab itu, maka pindaan yang dibuat adalah melihat kepada landskap yang ada dan ia perlu dilakukan sebagai menghadapi situasi yang telah berubah terutamanya di dalam dunia maya yang telah semakin canggih dan ini harus diatasi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Soalan - Saya akan bagi peluang. Soalan mengenai *review* atau ulang kaji terhadap Dasar Hak Asasi Manusia. Saya merasakan bahawa memang jika kita lihat dari sudut pandang pihak yang tidak bersetuju, tentu imej kita tercalar. Akan tetapi ini boleh dilakukan dengan pencerahan terhadap hak asasi Malaysia sebenarnya lebih baik berbanding dengan beberapa negara yang tidak termasuk dalam kategori seperti Malaysia. Saya ambil contoh umpamanya, apabila - Ambil contoh ya. Apabila Malaysia dikategorikan dalam tahap tiga ataupun *tier-3* di dalam permasalahan perdagangan manusia umpamanya. Kita disamakan dengan beberapa negara yang dianggap sebagai *third world countries*. Ini tentunya diperoleh daripada maklumat-maklumat yang berat sebelah dan apabila penjelasan dan pencerahan telah dilakukan oleh KDN dan beberapa agensi yang lain, jelas bahawa pihak yang berkenaan mendapati bahawa kedudukan Malaysia bukan sahaja berada di tahap kedua, malah mereka bersetuju untuk memberikan visa, *vival programme*. Ertinya kita diterima dengan baik di peringkat antarabangsa.

Ini soal persepsi yang kita harus uruskan dengan baik. Begitu juga tentang tuduhan bahawa ini adalah satu *assault of judiciary*. Pada hemat saya, ia adalah suatu tuduhan yang tidak adil dan *insya-Allah* kita akan membuktikan bahawa akta ini akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan tentunya ada yang bersetuju atau yang tidak, tetapi lebih baik kita "*Sediakan payung sebelum hujan*". Sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Menteri, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa akta ini digubal, diubah kerana ingin ikut arus perkembangan negara dan itulah sebabnya *amendment* ini dibawa.

■2140

Jadi, ini bermaksud bahawa beberapa bulan kebelakangan ini, setahun yang lepas ini, 158 orang Ahli Parlimen, aktivis, pelajar profesor dan juga wartawan ditangkap, di *charge*. Ini adalah satu *abuse*. Ini soalan yang sangat *simple*. Adakah mereka ini telah di*abuse* di bawah akta yang sekarang dan terpaksa kerajaan buat *amendment*. Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: *Abuse* hanya merupakan dengan izin satu *accusation* tetapi kalau seseorang itu didapati tidak mempunyai kertas pendakwaan yang tidak kukuh, maka jangan khuatir tentang soal *abuse of power*. Begitu juga kalau kita lihat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru mengenai...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya akan beri peluang. Mengenai kedudukan akta ini kenapa ianya harus dibela. Kita lihat sewaktu akta ini dibuat tidak ada komunikasi secara talian. Apabila ianya dipinda tidak ada soal komunikasi, *non verbal communication* dengan izin yang seperti biasanya dalam keadaan sekarang. Ketika itu juga tidak ada pihak-pihak, organisasi atau individu yang mahu menghasut rakyat untuk membawa negeri-negeri berkenaan keluar dari Malaysia.

Kami merasakan bahawa perpaduan dan kesatuan negara kita ini harus dijadikan satu keutamaan dan rakyat yang taat setia tidak boleh berkompromi untuk membawa mana-mana negara ini keluar dari Malaysia. [Tepuk] Oleh sebab itu, keperluan yang beginilah yang kerajaan prihatin supaya soal-soal yang dijangkakan akan menimbulkan permasalahan akan dapat diselesaikan dengan pindaan akta ini. Saya fikir jika ada di kalangan kita yang mahu menjadi penghasut-penghasut untuk membawa mana-mana negeri di Malaysia ini untuk keluar, saya fikir haruslah dipadamkan hasrat yang demikian. Pada hemat saya cara yang terbaik ialah mewujudkan perpaduan di kalangan negeri-negeri di Malaysia ini. Sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Saya hendak dua *point*. Kembali sedikit kepada isu pelanggaran hak. Saya dengar dengan Menteri, saya anggap Menteri silap dalam satu perkara ialah kerana bila diterangkan bahawa bila tidak ada kertas dakwaan dan akhirnya tidak dibawa ke mahkamah dan akhirnya tidak menghukum di bawah undang-undang itu maksudnya tidak ada *abuse* dengan izin. Sebenarnya *abuse* nya ialah kerana pihak polis juga tahu mereka tidak boleh dakwa, tetapi ambil undang-undang ini untuk tahan kita satu malam atau ambil malam ini untuk dua, tiga malam. Itu yang *abuse*. Lepas itu tidak dakwa, tidak teruskan siasatan kerana undang-undang ini membolehkan kita tahan tanpa waran.

Undang-undang ini boleh menahan kita atas ucapan kita bukan kerana tindakan kita yang mengancam. Itu perkara yang saya ingat hendak perbetulkan. Menyentuh tentang ada kumpulan *secessionist*, saya ingin tahu adakah kumpulan itu sebegitu besar sehingga kita terancam? Saya percaya, yakin majoriti orang Sabah, majoriti orang Sarawak tidak ada masalah dalam perkara ini. Ada sedikit ura-ura, ada suara patutnya kita dengar daripada mereka. Saya ingat Yang Berhormat Pensiangan telah melakukan beberapa sesi dialog dengan kumpulan-kumpulan NGO dan aktivis

masyarakat yang secara terbuka menghasut kalau ikut ayat Yang Berhormat Menteri, Sabah Sarawak dikeluarkan dari Malaysia.

Akan tetapi saya nampak kumpulan itu terlalu kecil untuk kita mengubah satu undang-undang untuk menyiasat. Kalau kumpulan kecil ini mengambil senjata seperti kumpulan pemisah Philippine dengan beberapa ratus orang, saya setuju kita harus ambil tindakan tetapi itu *cover* di bawah Kanun Keseksaan *cover* di bawah POTA. Apa yang kita perlukan untuk mengawal satu kumpulan kecil yang mengeluarkan *statements* yang mungkin tidak menyenangkan hati kita tetapi sepatutnya ubat yang paling baik ialah *engage* supaya mengatasi masalah ini.

Bukankah ini cara yang baik? Saya kenal Menteri ini ada seorang yang suka menyelesaikan masalah melalui dialog. Saya tidak faham kenapa keras sangat dengan undang-undang, ini *a bit out of his character*.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Janganlah cuba memuji saya dengan tujuan untuk memancing.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat Menteri, soalan yang sama.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tetapi ingin saya nyatakan bahawa api ketika kecil boleh jadi kawan. Bila besar dia jadi lawan kerana ia boleh membakar. Sekarang ini masalah yang timbul adalah kerana api dalam sekam yang sedang berlaku. Saya mengetahui tetapi saya tidak boleh menyatakan di Dewan yang mulia ini, kerana banyak perkara yang harus dilakukan siasatan lanjut. Keadaan ini jika tidak disekat sekarang amat-amat berbahaya dan saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat di sana dan di sini sama-sama bersetuju dengan saya bahawa apa berlaku sekarang ini harus disekat daripada awal.

Kekhuatiran saya ialah kita tidak mahu ada di kalangan kita Tuan Yang di-Pertua yang akan menjadi penghasut-penghasut untuk mencucuk mereka supaya membawa mana-mana negeri, bukan khusus kepada Sabah dan Sarawak sahaja, mana-mana negeri dalam Malaysia ini untuk keluar dan kita tidak mahu mana-mana negeri yang lain juga di Semenanjung ini dibawa keluar. Saya fikir...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Oleh kerana ianya merupakan satu kesatuan di Malaysia, jika terdapat beberapa butiran perjanjian yang tidak dipenuhi lagi, saya fikir apa Yang Berhormat Batu sebut betul. Kita boleh adakan rundingan dan kita boleh lakukan negosiasi terhadap permintaan-permintaan yang tidak dipenuhi. Sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri berpegang bahawa itu perkataan-perkataan tindakan pemisahan adalah melanggar Akta Hasutan. Atas sebabnya itu fasal 3 itu ialah *elastration* nya ayat itu dibatalkan, ditarik balik. Adakah fasal itu ditarik balik kerana kerajaan membenarkan, tidak ingin mengharamkan tindakan pemisahan?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, tidak ada tindakan perpisahan kecuali dalam perkahwinan. Yang ada adalah pemisahan kerana kami sensitif terhadap beberapa pandangan yang telah diberikan oleh ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang meminta supaya

perkataan ilustrasi itu ditiadakan. Maka, sebagai kerajaan yang prihatin, kita bersetuju supaya perkataan ilustrasi itu tidak dikekalkan di dalam akta itu. *Insyah-Allah* dalam peringkat jawatankuasa nanti saya akan lakukan pindaan secara formal di samping sembilan pindaan yang dicadangkan oleh...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, ada soalan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Dicadangkan oleh pihak sana. Sila.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat berkata pindaan ini dibuat supaya tidak dapat orang berbincang tentang pemisahan. Akan tetapi kalau kita melihat baru-baru ini kita melihat Scotland juga ada referendum. Apa yang jadi bila Sabah dan Sarawak masuk, penduduk telah diberikan satu hak untuk menentukan mereka hendak masuk atau tidak. Sama juga penduduk di Scotland dan itu bukan satu hasutan, tetapi yang lebih baik demi demokrasi untuk mengadakan perundingan, untuk perbincangan tentang perkara ini. Kita tengok di Scotland dan Britain akhirnya mereka membuat keputusan untuk berada di Britain.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya sambung sedikit Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebentar, saya akan bagi pada...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sama sahaja, sama.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya akan hormati permintaan dalam bilik air tadi, Yang Berhormat Kapar runding dengan saya untuk ada intelektual *question* dengan izin.

■2150

Berunding dalam bilik air pun saya *entertained*. [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua, soal referendum. Pada tahun 1963 sebelum Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia, referendum telah dilakukan. Oleh sebab itu referendum masih berlaku, *valid* hingga sekarang. Pada hemat kerajaan bahawa tidak ada mana-mana individu atau pihak atau organisasi atau mana-mana elemen yang harus menghasut mana-mana rakyat di Sabah dan Sarawak serta mana-mana negeri di Semenanjung yang harus berpisah dari Malaysia kerana kita mempunyai referendum yang menentukan bahawa rakyat Sabah dan Sarawak ketika itu memang berhajat terus berada di Malaysia. Ahli-ahli Parlimen telah menyebutkan bahawa Ahli-ahli Parlimen Sabah dan Sarawak yang mewakili rakyat juga mahu terus berada dalam Malaysia. Itulah pendirian mereka.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan. Pembetulan, sebenarnya tidak ada referendum. Nama referendum, sebenarnya tidak ada referendum. Ada *Cobbold Commission* mendapat pendapat bahawa 1/3 rasa mahu menyertai Malaysia, 1/3 tidak ada pandangan dan 1/3 adalah *doubtful*. Sebenarnya itu bukan satu referendum yang kita fahami. Akan tetapi tadi Yang Berhormat ada kata oleh kerana kerajaan sensitif mengenai perpisahan dan sebab itu ada tarik balik peruntukan dalam pindaan ini. Apa yang lebih penting, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa oleh

kerana kerajaan sensitif dalam perkara ini dan menghormati pandangan-pandangan rakyat di Sabah dan Sarawak bahawa kerajaan tidak akan mendakwa sesiapa atas Akta Hasutan. Atas pandangan mereka mengenai perpisahan bahawa tidak akan ambil apa-apa tindakan untuk mendakwa sesiapa atas perpisahan. Bolehkah minta jaminan?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, saya sambung.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Menteri...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya akan bagi spesifik untuk Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sama, sama.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Untuk menyambung daripada Yang Berhormat Gelang Patah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya menghormati senior *politicians* seperti Yang Berhormat Gelang Patah. Benar bahawa dalam catatan bahawa Suruhanjaya *Cobbold* telah diwujudkan, bukan secara referendum biasa tetapi apa yang ditanyakan tadi sebenarnya adalah mengenai sama ada jika ada pandangan sekiranya referendum mahu diadakan. Di dalam akta ini jelas jika sekadar pandangan, ianya boleh diterima tetapi kekhuatiran dalam akta ini ialah jika ada elemen menghasut. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Gelang Patah tidak menghasut, jangan khuatir bahawa tidak tertakluk kepada akta ini tetapi jika Yang Berhormat Gelang Patah termasuk daripada mereka yang menghasut tentulah harus ada kekhuatiran untuk...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri, kalau macam itu minta referendum itu, hasut atau tidak menghasut? [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya telah menjelaskan tadi bahawa jika penjelasan, maka ia tidak. Kalau menghasut barulah tertakluk kepada Akta Hasutan. Yang Berhormat Kapar dengan segala sukacita, saya inginkan pandangan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Kinabatangan telah menyatakan yang berminat dengan SKMM ini adalah orang gila. Akan tetapi pada 12 Mac, beliau juga telah mengatakan bahawa tergerak hati untuk menyokong Gerakan Sabah untuk keluar dari Malaysia. Ini perkataan beliau. Kadang-kadang kita terdengar suara Sabah dan Sarawak lebih baik keluar dari Malaysia sebab mereka menganaktirikan kita. Kadang-kadang saya pun macam terpanggil. So, ini tidak boleh dianggap sebagai hasutan. Saya rasa Menteri kena bagi komitmen dalam Dewan yang mulia ini, sekadar mana Menteri bercadang hendak *stretch the point of* hasutan ini. Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya rasa kerajaan boleh meraikan perbezaan pendapat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri, perkara yang sama.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Akan tetapi kalau maksud perbezaan pendapat itu adalah untuk menghasut tentu polis mempunyai pakar-pakar yang mengetahui bahawa sama ada niat itu

jasar daripada rakaman ucapan, sama ada melalui audio ataupun visual dan tentunya ada saksi-saksi yang wujud bersama-sama ucapan itu dibuat. Akan tetapi jika sekadar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan saya harap Yang Berhormat Kapar tidak menuduh Yang Berhormat Kinabatangan berkenaan.

Saya fikir beliau tidak akan mahu Sabah keluar dari Malaysia kerana beliau amat sayangkan negara ini dan isterinya dan tentunya secara intelektual ini kita harus melihat bahawa *rationality* harus diberikan keutamaan di dalam penjelasan terhadap sesuatu isu. Tentu sahaja pihak polis dan beberapa agensi penguatkuasaan mempunyai rekod-rekod tertentu terhadap seseorang ataupun sesuatu kumpulan atau organisasi yang berhasrat untuk membawa Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri lain di Malaysia untuk keluar dengan bukti-bukti yang tertentu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Yang Berhormat Kapar, saya bagi dua kali ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun tidak hendak Sabah keluar dari Malaysia untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri seperti Yang Berhormat Kinabatangan. Akan tetapi apa yang mereka luahkan, sampai hari ini kita datang ke Akta Hasutan ini, itu yang saya rasa kita keluar dari landasan pemikiran yang waras. Kita sepatutnya balik kepada asas isu pokoknya, mengapa rintihan begini bermula? Ini telah ditekankan oleh Yang Berhormat Kinabatangan sendiri mengatakan bawah kita dianaktirikan. So, mengapa tidak hendak pandang bahagian itu tetapi kita bawa satu undang-undang yang *draconian* dan kita masukkan di sini dan ulas begitu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kapar, saya cakap bukan dianaktirikan. Seolah-olah.

Beberapa Ahli: Samalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak sama. *[Dewan riuh]* Botak, kalau *you* tidak faham bahasa Melayu, jangan campur.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya baca perkataan Yang Berhormat Kinabatangan. Lagi sekali saya ulangi Tuan Yang di-Pertua dengan penuh penghormatan kepada Dewan yang mulia ini, "*Sebab mereka menganaktirikan kita. Kadang-kadang saya pun macam terpanggil...*" *Exact word.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Verbatim.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: So, saya rasa rintihan itu saya terima. As *minority* pun ada tekanan daripada minoriti di luar yang mengatakan ada dianaktirikan dan sebagainya. Kita terima. Orang India pun ada, orang Dayak pun ada, orang Kadazan pun ada, segelintir orang Bidayuh pun ada. Akan tetapi kalau itu dianggap sebagai hasutan, saya rasa *you are stretching beyond your limit*. Dengan penuh penghormatan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya mengkategorikan apa yang disebutkan itu jika benar bukan sebagai hasutan, itu sebagai rasa 'ke *frust an*' yang ada pada Yang Berhormat Kinabatangan. *[Ketawa]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dengar dengan penuh teliti dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dan saya faham apa yang dimaksudkan dan memang benar kerajaan meraikan perbezaan pandangan, meraikan dan memberi kebebasan dalam demokrasi hak rakyat diberi keutamaan. Sudah tentu pendapat dan pandangan kita yang hendak kita beri mestilah melalui saluran yang sah, kaedah yang sah dan mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada. Rakyat di Sabah dan Sarawak atau di mana-mana pun juga berhak untuk menentukan pendirian mereka terhadap kerajaan. Pendirian mereka pada kerajaan perlu juga disalurkan dan disuarakan mengikut cara dan kaedah tertentu.

Jika mereka tidak bersetuju dengan kerajaan, maka inilah salurannya. Salurannya ialah sistem demokrasi yang sedia ada. Inilah sepatutnya yang kita adakan. Saya fikir pandangan saya ini menepati apa yang Yang Berhormat Menteri sebut cuma yang menjadi masalah kepada kita Yang Berhormat Menteri pada pandangan saya tafsiran yang dibuat oleh rakan kita ini agak berbeza kerana demokrasi, hak kebebasan mereka ditafsirkan atas kepentingan dan kehendak mereka sendiri. Ini yang menyebabkan mereka merasakan bahawa ruang dan peluang yang diberikan oleh kerajaan itu tidak menepati kehendak mereka. Apabila tidak menepati kehendak mereka maka apa juga undang-undang yang kita utarakan yang sebenarnya baik, ia sampai bila-bila pun tidak akan memuaskan hati seperti yang mereka inginkan. Itu pandangan saya Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sambung sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sambung?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■2200

Sebetulnya, apa yang wakil rakyat Sabah suarakan itu ialah suara-suara yang terpendam, sebab mereka melihat pembangunan yang diurus tidak seimbang. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak bermakna Kerajaan Persekutuan tidak memberi pembangunan. Contohnya di kawasan saya. Kawasan saya ini lebih besar dari negeri Pahang. Bayangkan, satu Kinabatangan lebih besar dari negeri Pahang. Kalaupun ada peruntukan, tidaklah mencukupi untuk seluruh Kinabatangan. Sebab itu, mereka melihat bahawa perlu ada lagi peruntukan tambahan.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Menteri harus sedar bahawa rakyat Sabah mereka walau bagaimanapun, keadaan mereka berada di belakang Barisan Nasional... *[Tepuk]* Sudah banyak cubaan daripada pembangkang dan mereka tidak ada istilah lawan tetap lawan di

jalan raya. Tidak ada. Pembangkang hendak wujudkan 'lawan kerajaan' melalui jalan raya. Itu namanya hasutan, itu boleh ditangkap. Setujukah Yang Berhormat Menteri?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, sekejap Yang Berhormat Menteri. Mencilah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi saya peluang respons kepada apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Lenggong dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

Ini satu pendapat yang cukup baik dan saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lenggong dan disokong oleh Yang Berhormat Kinabatangan, sebab hasrat murni mereka itu jelas terpancar daripada perkhidmatan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Walaupun Yang Berhormat Lenggong itu berada di utara semenanjung tetapi dapat memahami hasrat hati orang-orang Sabah dan Sarawak. Itulah perasaan mereka yang sebenarnya. *[Tepuk]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Saya tidak mahu berpolemik di sini. Saya hendak dapat secara jelas apa maksudnya hasutan di sini? Bolehkah kalau saya simpulkan yang kerajaan tidak berniat dengan undang-undang ini mengatakan, andaikan kalau Yang Berhormat Kinabatangan percaya Sabah lebih baik keluar daripada Malaysia, kalau dia seorang sahaja percaya, takkanlah kita tangkap dia untuk masukkan dalam penjara. Akan tetapi kalau seseorang itu masuk ke dalam satu mesyuarat satu parti mengeluarkan hujah baik kita keluar dari Malaysia dalam satu mesyuarat, itu dianggap sebagai hasutan. Saya hendak dapatkan adakah ini adalah *intention* undang-undang ini?

Itu maksudnya kalau individu percaya sesuatu, kita tidak tangkap dia atas hasutan. Akan tetapi bila diterjemahkan jadi *action* ke satu mesyuarat atau atas pentas maklum kepada orang yang lebih daripada satu, ini bermaksud hasutan dan boleh didakwa. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, boleh sekejap?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu.

Kita mempunyai beberapa kertas siasatan terhadap beberapa orang individu yang menggunakan stesen radio tertentu, blog tertentu, malah portal berita tertentu yang menghasut rakyat. Saya ingin memberikan bukan sekadar amaran, tindakan pasti akan diambil pada orang yang menggunakan ini. *[Tepuk]* Ini bukan setakat amaran. Ini saya Menteri buat. Betul-betul buat.

Saya ingin nyatakan bahawa sebelum api membesar, maka soal *preventive* ini dilakukan dan ini harus dihayati oleh semua. Saya berkata banyak kali di banyak forum dan tempat berbeza, kita boleh berbeza pendapat dengan... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kita meraikan perbezaan pendapat itu tetapi harus ada akhlak. Bagaimana perbezaan pendapat itu bukan dengan cara menghasut. Ini yang maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk saya teruskan masuk isu yang ketiga...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, satu soalan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Lepas saya jelaskan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Menteri, sikit soalan kerana ini amat *confusing*. Apa yang dikatakan Yang Berhormat Menteri amat *confusing*.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, *one question, one question*.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Dengan izin, *I'll entertain but please allow me...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *On this point, on this point*.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: *No, no. Please...*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Menteri duduk, Menteri. Yang berdiri itu duduk dahulu. Kalaupun berbahas, ikut peraturan. Peraturan jelas kalau Menteri bagi laluan, maka ucaplah. Kalau tidak, jangan paksa. Dan kalau empat lima orang berdiri sekali, macam mana boleh dilayan begitu? Jadi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri itu, tengok kiri kanan kalau ada teman yang sudah berdiri awal, kasilah laluan. Jangan lagi berdiri. Duduklah. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin masuk isu yang ketiga dan selepas ini saya akan izinkan Ahli Yang Berhormat yang mahu menyentuh perkara yang akan saya bangkitkan ini tentang terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat bertanyakan tentang hukuman maksimum di bawah akta ini.

Kita tahu bahawa hukuman maksimum penjara hingga 20 tahun hanya melibatkan kesalahan-kesalahan yang melibatkan dengan izin, *injury or damage to property* sahaja dan kesan kesalahan yang serius boleh menggugat keamanan dan boleh menimbulkan keadaan huru-hara di negara ini. Selain daripada itu, saya tidak fikir kita harus mempunyai kekhuatiran terhadap hukuman berkenaan.

Saya akan lakukan pindaan dalam peringkat Jawatankuasa bahawa walaupun di dalam undang-undang itu peringkat asalnya hukum penjara minimum lima tahun itu tetapi kita telah bersetuju untuk mengurangkannya kepada tiga tahun, tetapi bagi apa yang disebutkan merosakkan, *damage* dalam *property* dan juga *injury* kepada seseorang, maka langkah-langkah berkenaan harus dilakukan.

Saya benarkan Yang Berhormat Bandar Kuching kalau mahu bertanyakan soalan tambahan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hanya satu soalan kerana sekarang ada pergerakan referendum SSKM untuk hendak keluar Malaysia. Saya ingin mendapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada *participation in this called for referendum* merupakan satu hasutan di bawah Akta Hasutan ini?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, sekejap berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Bandar Kuching. Boleh Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, lima aktivis telah ditangkap di Lahad Datu pada 8 Februari kalau saya tidak salah tahun ini dan hingga ke hari ini mereka belum didakwa. Boleh saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, yang saya tahu berkenaan dengan aktivis ini dalam blog, Facebook dan surat khabar, adalah mereka memanggil untuk dengan izin, *the restoration of rights on Sabah*. Saya setuju dengan rundingan *central government* dan Sabah dan *the*

people of Sabah in regards to what has not been fulfilled but I believe dengan izin juga, *that this people who's asking for secede*. Adakah mereka dianggap menghasut ataupun mereka hanya *exercising their right as a citizen of Malaysia*? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Itu sebabnya apa yang dilakukan oleh pihak berkuasa ialah lakukan siasatan terlebih dahulu. Kita tidak merupakan kerajaan yang zalim dengan melakukan penganiayaan. Sesuatu siasatan dilakukan selepas kita mengambil beberapa tindakan susulan untuk mengikuti seseorang individu itu. Jangan khuatirlah Yang Berhormat Penampang ataupun Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa apa yang kita lakukan, kerana polis kita terlatih daripada segi memperoleh maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjelaskan isu mengenai...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri belum jawab soalan saya. Ini kerana kalau itu *demand for referendum* dianggap hasutan, kita akan nasihat mereka bahawa jangan lakukannya. Ini rakyat perlu tahu dengan jelas sama ada tuntutan untuk mengadakan referendum, tuntutan itu akan dianggap sebagai hasutan oleh kerajaan atau tidak. Hanya sebegitu supaya kita jelas tentang *our position of the law*. Saya hendak satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

■2210

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: 'Sekilas ikan di air, kita tahu jantan betinanya' [*Tepuk*]. Kalau ia tidak ada tujuan, jangan ada rasa kekhuatiran untuk terjebak kononnya di dalam Akta Hasutan. Kita tahu, kita tidak menzalimi dan kita tidak menganiaya orang, jangan risau. Kalau Yang Berhormat Bandar Kuching berniat demikian, maka tentulah termasuk dalam kategori menghasut. Maka tindakan akan dilakukan, tunggulah ketikanya. [*Tepuk*]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, saya ada satu soalan intelektual. Boleh tanya? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai satu klasifikasi baru yang telah diperkenalkan dalam pindaan ini iaitu berkait dengan *classes*. Saya baca, ini adalah pindaan seksyen 3 dalam subseksyen 2 dan saya baca, "*to point out, with a view to their removal, any matters producing or having tendency to produce feelings of ill will, hostility or hatred* dan (a) *between different races or classes of the population of Malaysia*" iaitu dalam pindaan itu.

So saya hendak tanya, kalau seorang pensyarah atau mana-mana Ahli Parlimen di luar mengatakan bahawa orang kaya telah menjadi lebih kaya dan orang miskin telah dimiskinkan, adakah ini *violate classes* ini, pindaan ini? Juga kalau kesatuan sekerja mengadakan mogok yang sah dan mereka ada poster mengatakan bahawa majikan telah tindas mereka, telah miskin mereka, adakah itu juga akan melanggar pindaan ini? Saya minta penjelasan sebab ini adalah serius sebab kita ada undang-undang di Malaysia yang mengesahkan mogok. Oleh kerana itu, *this is a bit dangerous* Yang Berhormat Menteri. So minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Klang, di dalam stratifikasi sosial atau *social stratifications*, masyarakat kita bukan masyarakat yang piramid lagi bentuknya. Masyarakat kita

adalah berbentuk *diamond* yang mana *middle class society* melebihi daripada kumpulan *high income bracket* dan *low income bracket*. Dalam istilah *class struggle*, saya harus memberitahu bahawa negara ini bukan negara sosialis, negara ini jauh daripada negara Komunis, *class struggle* tidak harus berlaku di negara kita. Maka, *middle class society*, kelas menengah ini diwujudkan. Jika ada kesatuan sekerja, kita boleh berunding sama ada kesatuan sekerja itu diwujudkan daripada dalaman atau kesatuan sekerja yang diasosiasikan di peringkat nasional, kita boleh berunding. Apa perlunya soal *class struggle* ini dilakukan, itulah maksud supaya kita tidak ada *class struggle* dalam perkara ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Perbezaan pendapat kerana pendapatan yang berbeza disebabkan oleh *social stratification* itu dengan izin. Maka inilah yang mahu diselesaikan dan pada hemah saya dalam perkara ini, kita harus lebih rasional.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri, sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Elok saya masuk ke isu ...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, kalau kesatuan sekerja bawa poster?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan tempat perbahasan. Saya telah jelaskan, *this is not lecture hall* okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya bukan hendak bahas.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: *I do not intend*, dengan izin. *I do not intend to give you lecture about social stratification.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *I do not need your lecture* Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Okey, *please do not ask me to teach you about social stratification and sociology.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak dapatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *This is not fair.*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tentang isu keempat iaitu pendakwaan terpilih. Ini satu isu yang besar. Berhubung dengan dakwaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebutkan terdapat perjumpaan 60 orang Ketua Bahagian yang telah mengadakan pertemuan dengan Peguam Negara. Saya ingin memaklumkan bahawa sesi pertemuan tersebut telah diadakan bagi menjawab persepsi seolah-olah terdapat tindakan pendakwaan terpilih oleh Jabatan Peguam Negara sehingga menyebabkan banyak kes tertangguh serta tidak selesai. Maka, pertemuan tersebut diadakan bagi memberi penjelasan tentang undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan membuat kenyataan

yang berbaur hasutan iaitu undang-undang di bawah akta yang kita sedang bincangkan ini serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Kanun Keseksaan.

Pertemuan tersebut bukan bertujuan untuk membincangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil di bawah Akta Hasutan. Jabatan Peguam Negara telah menegaskan bahawa keputusan untuk mengemukakan pertuduhan terhadap mana-mana pihak bagi apa-apa sahaja kesalahan dibuat dengan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap fakta kes dan keterangan yang wujud dalam sesuatu kes tersebut. Perlu ditegaskan juga bahawa keputusan Jabatan Peguam Negara tersebut dalam mengemukakan pertuduhan ke atas beberapa individu kebelakangan ini bukanlah dibuat ekoran pertemuan tersebut atau terpengaruh dengan arahan daripada mana-mana pihak termasuklah pihak kerajaan ataupun mana-mana parti.

Terdapat juga persoalan, adakah Jabatan Peguam Negara menjalankan pendakwaan terpilih bagi kes-kes hasutan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara tidak mengamalkan pendakwaan terpilih atau *selective prosecution* terhadap mana-mana individu yang melakukan apa-apa sahaja kesalahan jenayah. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang jenayah yang berkuat kuasa, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan akta yang berkenaan tanpa mengira status atau kedudukan individu berkenaan.

Ramai juga Ahli Yang Berhormat bertanya, mengapa perlu ada Akta Hasutan 1948 kalau Kanun Keseksaan telah mencukupi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertuduhan di bawah Akta Hasutan 1948 hanya dibuat sekiranya kertas siasatan menunjukkan bahawa elemen menghasut itu wujud manakala kesalahan di bawah Kanun Keseksaan perlu dibuktikannya. Maka ini ialah dua akta yang berbeza yang akan ditentukan mengikut fakta kes atau bukti yang sedia ada di dalam sesuatu kes tersebut. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu tadi yang disebut tentang kelas. Saya hendak dapat penjelasan sebab saya pergi merata tempat, ada *banner-banner* seperti 'Jihad Menentang Orang Tengah'. Adakah ayat-ayat seperti itu juga berunsur hasutan? Saya hendak bawakan isu ini sebab tafsiran itu begitu kabur sekali. Sekarang kita boleh bezakan sama ada itu berunsur permusuhan atau ini cuma satu *statement* yang neutral. Jadi itulah sebab saya rasa dalam akta ini, tadi saya sebut kerajaan harus senaraikan apa yang dimaksudkan sebagai hasut *because* kita masing-masing boleh kata ini menghasut, ini tidak menghasut tetapi tidak ada *legal definition*. Menghasut ini adalah sama ada dia perlu mengucapkan sesuatu kepada orang lain yang mengakibatkan sesuatu perkara yang negatif berlaku, barulah boleh ditafsirkan sebagai menghasut atau secara *general*. Sesuatu ayat yang dikeluarkan bertentangan dengan pandangan orang awam atau majoriti. Itu dianggap sebagai menghasut.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri, sedikit Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Batu, kita perlu ada *basic Arabic grammar*, dengan izin. Jihad berasal daripada perkataan '*jahadayu jahidu*', ini *very-very basic*. Jihad yang dimaksudkan menentang orang tengah, bukan bawa pedang, bukan bawa parang. Kalau jihad memerangi harga, saya tidak fikir Menteri Perdagangan Dalam Negeri pun mahu bawa parang. Dalam

perkara ini, jihad di sini bermaksud bahawa mari kita bersama-sama melakukan usaha supaya orang tengah ini kita lakukan tindakan dan ini tentu termasuk dalam Akta Antipencatutan, bukan dalam Akta Hasutan. Tentulah jelas bahawa apa yang kita mahu jelaskan di sini bahawa tafsiran biar pun luas tetapi...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Kita tahu bahawa kes-kes ini mempunyai segmentasi tertentu sama ada kes-kes itu benar-benar menghasut atau yang memberikan konotasi yang berbeda.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri, laluan sikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu tadi. Isu kekaburan pada definisi hasutan, sebagai contoh kalau saya bacakan hadis Nabi SAW dengan Imam Tirmizi. *[Membaca sepotong hadis]*

■2220

Seafdal-afdal jihad adalah bercakap benar di hadapan pemerintah yang zalim. Kemudian saya kaitkan dengan GST yang zalim. Saya mungkin akan dituduh sebagai penghasut, sangat terbuka dan *open*. Itu saya kata perlukan satu saya rasa kalau macam itu banyak kita akan bincang bab agama, menentang kezaliman akan ditakrif sebagai hasut. Mungkin Menteri baiklah tidak tangkap kami tetapi orang lain macam mana akan datang, itu isunya Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, Menteri duduk dahulu Menteri. Kalau boleh saya beri pandangan, mungkin pandangan saya ini dianggap keras. Kalau saya biarkan begini sampai siang kita akan berbahas mengenai dengan soal definisi. Macam mana kalau saya cadangkan bahawa siapa Ahli-ahli Yang Berhormat berperasaan bahawa yang itu tidak boleh, yang itu tidak boleh. Cuba buat di luar sana, kalau diambil tindakan lepas itu didakwa maka termasuk dalam Akta Hasutan. *[Tepuk]* Adalah tidak baik bagi Menteri untuk semua mengatakan itu kerana bagi saya apabila saya mendengar perbahasan itu ada orang yang mudah terhasut, ada yang tidak terhasut, ada yang terlampau sensitif. Jadi kalau umpamanya perasaan Yang Berhormat Bandar Kuching dalam bandar dibandingkan dengan orang di hulu yang langsung tidak boleh menilai apa itu *human rights* atau sedemikianya maka dia akan mudah terhasutlah.

Akan tetapi kalau orang yang faham dengan *human right*, demokrasi seperti United Nations yang semua Ahli Yang Berhormat pengamal guaman faham maka dia akan tidak mudah terhasutlah. Jadi itu sebab mungkin kenapa definisi itu terlampau *weight*. Jadi kalau mahu tahu cadangan saya ialah cuba, kalau cuba baru sudah tahu. Sila Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya amat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya menuntut Ahli-ahli Yang Berhormat itu sebab kenapa saya berceramah begitu *argument* itu *repetitive*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua ...bersubahat ini.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya amatlah bersetuju...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kehendak itu penting untuk Parlimen penting untuk perkara ini.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya amatlah bersetuju dengan apa yang dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak fikir pihak-pihak di sini yang mahu mencuba berbanding dengan cadangan Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada dua isu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri sebelum itu Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Shah Alam juga selepas ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua ramai Ahli-ahli Yang Berhormat minta daripada Menteri sendiri definisi yang jelas. Ini sebab kalau definisi terlalu luas ruang lingkupnya dia akan terdedah kepada salah guna kuasa. Oleh sebab itu kita minta supaya Menteri jelas jangan beri bayangan. Kita hendak tahu kalau ada seseorang yang mengeluarkan kenyataan mengajak orang Sarawak atau Sabah untuk melakukan referendum salah atau tidak. Tidak payahlah beri bayangan dan sebagainya.

Kita tidak mahu akta ini bila diluluskan dan terletak di tangan orang yang zalim maka ia akan terdedah kepada salah guna kuasa. Ini pun kita telah saksikan sekarang 158 orang telah ditangkap, ditahan dan didakwa di mahkamah. Sedangkan pemimpin UMNO, PERKASA, ISMA semua ada imuniti, tidak disentuh, tidak disoal. Menteri sendiri tidak berani disoal siasat oleh pihak polis. Jadi definisi itu amat penting diputuskan hari ini sebelum kita boleh luluskan rang undang-undang yang dibawa oleh Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri boleh? Sedikit. Mungkin untuk memudahkan definisi itu bagi pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat setelah dikeluarkan kata-kata yang dikira kritikan dan teguran dan sebagainya. Hasil hendak bawa ke mana? Iaitu selagi mana ianya masih mengikut lunas-lunas demokrasi seharusnya ianya tidak dianggap sebagai menghasut. Kalau kiranya ianya menyeru ke arah mengangkat senjata ataupun merosak harta, keganasan dan sebagainya. Dalam konteks itu boleh digelar menghasut.

Akan tetapi kalau saya mengkritik GST ataupun dasar-dasar kerajaan yang menyebabkan orang miskin semakin miskin, orang kaya semakin kaya. Selepas itu kita kata pergi ke pilihan raya gantikan kerajaan, itu tidak boleh ditakrifkan sebagai menghasut kerana kita menggunakan lunas-lunas demokrasi. Lalu di situlah definisi yang jelas perlu diletakkan supaya tidak boleh disalah gunakan. Mungkin itu boleh membantu Menteri dalam menentukan satu definisi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh Menteri, Menteri, Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih baru pertama kali saya dengar Yang Berhormat Shah Alam ini pendapat dia memang hebatlah, bernaslah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Menteri, Menteri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Biasa macam itu tetapi selalunya Menteri tidak hendak dengar. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Menteri, Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebelum itu ucapan-ucapan dia dekat-dekat dengan *rubbish*lah dengan izin.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Menteri, Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin sebutkan Tuan Yang di-Pertua

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Menteri ini fasal definisi.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Definisi, definisi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Definisi menghasut. Saya hendak tanya Yang Berhormat setuju ataupun tidak bahawa dalam sistem undang-undang kita yang tangkap ini polis. Bila polis tangkap maka laporan itu akan pergi kepada pendakwa raya kepada Peguam Negara. Sudah tentulah Peguam Negara itu yang akan membuat definisi dan dia akan melihatlah. Saya percaya banyak... [Disampuk] Apa, betul.

Bagi saya, saya setuju dengan apa yang Tuan Yang di-Pertua cakap tadi, yang akan mendakwa sama ada sesuatu perbuatan itu menghasut ataupun tidak terpulang kepada pendakwa raya. Itu sebab kita tengok ada yang polis tangkap dia tidak didakwa. Jadi kalau sampai, saya setuju kalau hendak bagi Menteri terangkan definisi ini sampai esok pun tidak habis. Akan tetapi yang sudah tentu kalau batalkan perjanjian air dengan Kerajaan Persekutuan itu bukan menghasut.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Saya terkejut...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Menteri, Menteri sudah banyak kali bangun.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya fikir definisi oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi betul. Di sini saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Gombak bahawa kalau beliau telah membaca akta ini dengan teliti...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Minta penjelasan Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamid: Terhadap perkara 2 di dalam akta ibu menyebutkan bahawa *seditionous* dengan izin "*when applied to or used in respect of any act, speech, words, publication or other thing qualifies the act, speech, words, publication of other thing as one having a seditious tendency*". Jadi itu maksud perkara itu yang harus dibaca sekarang ini.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Sudah lama, sudah lama.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Dengar sini, duduk dahulu. Apa yang harus dibaca sekali di dalam 3(1)(a) dan juga (b) hingga (f). Ini jelas dan saya fikir eloklah, walaupun definisi ini agak luas maka mahkamah akan melakukan interpretasi. Sebelum mahkamah melakukan interpretasi pendakwaan dilakukan. Sebelum pendakwaan dilakukan siasatan dilakukan. Jadi kertas siasatan yang dijadikan sebagai pendakwaan ini diinterpretasikan oleh mahkamah. Inilah maksud apa yang dilakukan yang telah ada di dalam akta ini. Sila.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Menteri terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang bersetuju kerana saya rasa kehendak Parlimen ataupun *the view of Parliament* adalah amat

penting apabila kita melaksanakan ataupun menggubal perundangan. Mahkamah juga akan interpretasi ataupun *interpret the law based on the view of the Parliament*. Jadi kalau definisinya terlalu luas akan ada masalah yang amat besar nanti dan akan menjadi subjektif. Undang-undang yang subjektif yang tidak jelas adalah undang-undang yang zalim sebab boleh ataupun mudah disalahgunakan, *diabuse*. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri isu yang sama, isu yang sama sedikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi saya jawab perkara ini dahulu. Oleh sebab tafsiran ini adalah tafsiran yang memang terbuka luas dan saya fikir Yang Berhormat Padang Serai tentunya akan menyatakan perkara yang sama dan tentunya Yang Berhormat Puchong juga menyatakan perkara itu dengan jelas sewaktu perkara ini belum dibentangkan tadi. Saya cukup memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Padang Serai. Walau bagaimanapun saya memberikan peluang kepada Yang Berhormat Puchong walaupun dia tidak minta saya beri peluang kepada beliau.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar apa yang disebut oleh Menteri sebentar tadi di mana menyatakan keadaan khusus akan berbangkit di mana seorang melakukan sesuatu itu. Sama ada ataupun tidak ianya menjadi hasutan adalah satu perkara yang akan diputuskan oleh mahkamah. Ini adalah *approach* yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri tetapi Yang Berhormat Menteri itu masalah dia. Dalam undang-undang khususnya undang-undang jenayah seseorang itu harus tahu dengan jelas apa itu kesalahan. *The crime must be specific* Yang Berhormat Menteri supaya dia tidak melakukannya. Sekiranya beliau melakukannya bila tahu ianya satu kesalahan baru beliau boleh dihukum *that we called criminal law*. Kita tidak boleh ada keadaan di mana sesuatu undang-undang itu tidak jelas dan seseorang itu melakukan sesuatu dan kita tangkap dan lepas itu kita bagi kepada mahkamah untuk buat keputusan.

■2230

Sama ada ataupun tidak ianya menjadi hasutan adalah satu perkara yang akan diputuskan oleh mahkamah. Ini adalah *approach* yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri tapi Yang Berhormat Menteri, itu masalah dia. Dalam undang-undang khususnya undang-undang jenayah, seseorang itu harus tahu dengan jelas apa itu kesalahan. *Another crime must be specific*, Yang Berhormat Menteri supaya dia tidak melakukannya dan sekiranya beliau melakukannya, bila tahu bahawa ianya satu kesalahan, baru beliau boleh dihukum.

That's what we call criminal law. Kita tidak boleh ada keadaan di mana sesuatu undang-undang itu tak jelas dan seseorang itu melakukan sesuatu dan kita tangkap dan lepas itu kita bagi kepada mahkamah untuk buat keputusan sama ada ataupun tidak itu boleh menjadi satu kesalahan kerana kalau tidak jelas dan tidak diberi tahu awal-awal ianya satu kesalahan, maknanya *he cannot be guilty of an offence*. *That's how criminal law works*. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri di sini dan saya rasa ini adalah sebab atas mana Yang Berhormat Gombak juga sebut, Yang Berhormat

Bandar Kuching juga sebut, soalan-soalan spesifik di mana kalau nak ada referendum misal kata, *is it an offence* dan *I think this is the issue and this is the problem with the Sedition Act*. Jadi boleh saya dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri telah membantu kita dengan merujuk kepada seksyen 31 iaitu yang memberi takrifan daripada A hingga L, tapi Yang Berhormat Menteri, di sinilah timbulnya masalah dia, takrifan 31(a) hingga (f) jika diperhatikan, perkataan-perkataan yang digunakan untuk memberi takrifan kepada *sedition tendency* adalah perkataan seperti *hatred, contempt, ill-will, hostility, disaffection, discontent*. Yang Berhormat Menteri, ini masalah dia. Perkataan-perkataan seperti ini tidak ditakrifkan dengan betul, terlalu luas, kabur dan terlalu subjektif seperti contoh yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri tadi. Jadi bermakna perkataan-perkataan seperti ini boleh membawa walaupun apa-apa perkataan boleh jatuh di bawah definisi *sedition tendency*. Itu menjadi masalah. Perkataan-perkataan yang ada dalam takrifan ini yang merupakan masalah. *This is the problem; the problem lies in the definition 31(a) to (f)*. Itu sahaja, minta penjelasan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenan dengan pindaan Akta ibu ini, *the intention and truth* bukan satu pembelaan yang sah untuk OKT. Saya rasa ini adalah satu pencabulan kepada hak yang perlu diperbetulkan. Seseorang dia kata menghasut tetapi dia tidak berniat tetapi dari sisi akta ini, niat itu tidak penting ataupun seseorang itu dituduh menghasut tetapi apa yang dikatakannya adalah *truth*, kebenaran tapi daripada segi *in the eyes of the law*, ia tidak penting. Sebab ini saya rasa adalah baik menteri haruslah meminda lagi undang-undang ini supaya dia *at least truth at intention should be allowed as a defense, a legitimate defense in court*. Sekian, terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati pandangan-pandangan yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Taiping. Pagi tadi Tuan Yang di-Pertua telah *menginterpretasikan* tentang soal definisi ini secara sepintas lalu dan saya berpendapat bahawa definisi apa yang disebutkan itu adalah mempunyai konotasi yang agak luas, benar tetapi kalau kita lihat bahawa apa yang disebutkan tentang umpamanya perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Padang Serai mengenai istilah-istilah *hatred*, kebencian selain daripada elemen niat jahat ataupun *ill will hostility* dan beberapa perkara yang lain, tentunya kita lihat bahawa di dalam banyak *law journal* menyebutkan istilah yang mempunyai makna-makna yang agak luas juga.

Jadi dalam perkara ini, bagi saya eloklah kita serahkan kepada peguam-peguam untuk menentukan tafsiran sebenar dan saya harap kalau dapat dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya masuk isu yang kelima iaitu mengenai...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Usaha untuk mengeluarkan mana-mana negeri di Malaysia daripada Persekutuan telah saya jelaskan tadi. Isu yang keenam adalah mengenai apa yang dibangkitkan tentang teks rang undang-undang. Mungkin selepas ini Yang Berhormat Sepang boleh *intercept* ya, dengan izin, kerana ada....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ada perkara yang disebutkan terutama oleh Yang Berhormat Puchong yang mempersoalkan mengapa teks rang undang-undang ini tiada dalam bahasa kebangsaan. Untuk maklumat Yang Berhormat, berdasarkan kepada seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963-1967, setiap rang undang-undang yang dibentangkan di Parlimen hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, keperluan untuk mengadakan undang-undang ke dalam dua-dua teks tidak dipakai bagi pindaan mana-mana undang-undang yang diperbuat sebelum 1 September 1967 kecuali undang-undang itu telah diterjemahkan dalam bahasa kebangsaan dan terjemahan itu telah ditetapkan sebagai naskhah sahih.

Justeru oleh kerana itu, teks peruntukan rang undang-undang ini tidak diadakan di dalam Bahasa Kebangsaan kerana ianya digubal pada tahun 1948. Saya persilakan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya sedikit. Ini ada satu kenyataan, saya nak tanya Yang Berhormat menteri adakah dia *seditionous* atau tidak. Kita mengharapkan bahawa Kerajaan Selangor mengkaji balik persoalan peranan dan kuasa yang ada pada MAIS dan kembali kepada dasar kerajaan atau Raja Berperlembagaan dan tidak memberikan kuasa eksekutif kepada isu Raja yang mungkin sekiranya dilakukan boleh mencemar institusi raja itu sendiri. Ini *seditionous* kah Yang Berhormat Menteri?

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya fikir ini suatu ujian *elementary* oleh Yang Berhormat Sepang kepada saya untuk menguji sama ada saya mempunyai sedikit latar belakang perundangan atau tidak. Tetapi sebagai seorang peguam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang banyak kalah kes kecuali kes membela Yang Berhormat Shah Alam, saya fikir bahawa apa yang disebutkan tadi [*Dewan riuh*] tentang peranan dan kuasa MAIS, kita akan lakukan siasatan terperinci terhadap *statement* itu dengan izin *seditionous* atau tidak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, tak.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi saya jelaskan dahulu. Kertas pendakwaan akan dibuat oleh AG dan pendakwaan akan dibuat oleh pendakwa raya dan kita serahkan kepada mahkamah walaupun secara spesifiknya saya sebutkan beberapa istilah tadi. Jadi dalam perkara ini, eloklah jangan kita perbahaskan ya Tuan Yang di-Pertua mengenai istilah-istilah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Dan saya masuk kepada isu yang terakhir iaitu aplikasi elektronik kerana terdapat pertanyaan-pertanyaan berhubung dengan kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk menghalang capaian terhadap penerbitan elektronik dan pertanyaan juga ingin mengetahui sama ada ianya juga terpakai bagi aplikasi *android*. Untuk maklumat

Dewan yang mulia ini bahawa seksyen baru iaitu seksyen 10(a) bertujuan untuk merangkumi semua penerbitan secara elektronik termasuklah aplikasi *android*.

Jadi dalam perkara ini, saya juga ingin menyebutkan bahawa akhirnya fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan menyatakan bahawa tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran. Walau bagaimanapun, hak kebebasan bersuara yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan bukanlah hak kebebasan yang mutlak. Hak ini dibatasi oleh beberapa undang-undang digubal oleh Parlimen. Hal ini termaktub dalam fasal 2, Perkara 10 Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi yang definisi tadi itu, saya nak minta Yang Berhormat Menteri boleh komen?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sudah habis?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Habis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta belah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila berdiri 15 orang, saya mahu tengok.

[Beberapa Ahli pembangkang bangun]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, belah bahagi.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Belah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Duduk. Sila Setiausaha jalankan urusan belah bahagi.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

■2240

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjalankan tugas sila berdiri di hadapan blok masing-masing.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan belah bahagian sama ada rang undang-undang ini boleh dibaca untuk kali yang kedua;

- Ahli-ahli yang bersetuju 108 orang ahli. *[Tepuk]*

- Ahli-ahli yang tidak bersetuju 79 orang ahli. *[Tepuk]*

[Masalah disetujukan]

■2250

Tuan Yang di-Pertua: Maka, bersandarkan kepada keputusan belah bahagian ini, rang undang-undang ini boleh dibaca untuk kali yang kedua.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tajuk [Pindaan]-

■10.50 mlm.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya telah pun bangkitkan pagi ini. Isu berkaitan dengan keperlembagaan akta ibu di mana saya telah pun menunjukkan kepada Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan dalam membawa hujah bahawa memang kertas ataupun bil asal ataupun undang-undang asal akta ibu itu adalah tidak berperlembagaan.

Ini menjadi tempat di mana Tuan Pengerusi ada masa dengan keputusan yang masih pending. *I'm not going to repeat my earlier arguments.* Akan tetapi kepada saya oleh sebab undang-undang ini tidak boleh digubal oleh Parlimen seperti mana yang diperlukan menurut Artikel 10(2) Perlembagaan Persekutuan maka oleh yang sedemikian saya membuat permohonan ataupun cadangan supaya tajuknya dibatalkan. Tuan Pengerusi, ianya juga keadaan yang sama untuk fasal 1 yang juga telah pun saya cadangkan dalam kertas cadangan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Puchong yang sebentar tadi Yang Berhormat Puchong sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi: Terima kasih kalau tidak ada perbahasan, maka kita akan beralih kepada item seterusnya. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puchong dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]

Fasal 1 [Pindaan]-

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

■10.53 mlm.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, keadaan sama seperti yang saya sebut tadi. Ini adalah susulan pada hujahan bahawa akta ibu ianya tidak digubal selari dengan

Artikel 10. Jadi apa-apa pindaan kepada adalah seperti mana yang saya cadangkan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Puchong yang Yang Berhormat Puchong bentangkan sebentar tadi terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan Yang Berhormat Puchong dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

[Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 2 [Pindaan] -

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

■10.54 mlm.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pindaan terhadap Fasal 2 adalah berdasarkan sebab yang sama seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi, di atas dasar bahawa *principal act* adalah tidak berperlembagaan dan itu adalah dasar dan saya juga disenaraikan untuk membuat pindaan kepada fasal 10. Pada peringkat yang...

Tuan Pengerusi: Kita ambil secara satu persatu.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Satu persatu. Boleh Tuan Pengerusi. Itu adalah dan saya membuat cadangan seperti kertas pindaan untuk fasal tersebut dibatalkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah Yang Berhormat Bukit Gelugor bentangkan sebentar tadi sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin berdiri untuk menyokong pindaan ini kerana pindaan yang di bawa oleh kerajaan dalam isu elektronik ini terlalu luas dan tidak ada asas sekiranya kita sudah ada undang-undang *Multimedia Act*. Apa yang dimasukkan bagi pindaan kerajaan ini sebenarnya membebankan kita dan tidak membantu untuk mencapai tujuan untuk menjaga keharmonian masyarakat. Jadi saya sokong pindaan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor supaya pindaan kerajaan dibatalkan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi ahli-ahli Yang Berhormat berminat? Terima kasih Menteri respons kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor.

■10.56 mlm.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Saya telah nyatakan sebagaimana yang saya gulung tadi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

[Fasal 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 3 [Pindaan] –

■10.57 mlm.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Hasutan fasal 3, dipinda seperti di bawah Fasal 3 dibatalkan. Huraian ataupun rasional saya adalah berikut. Fasal 3 dan pindaan fasal 3 adalah satu *window dressing exercise* Tuan Pengerusi. Isu *substantive* masih sama. Fasal 3(a)(i) di mana ayat *all against the government* dipotong ini saya terima sebagai satu pindaan yang baik tetapi apakah sebenarnya undang di sebalik batu dengan pindaan ini?

Tujuan pindaan ini saya rasa adalah tidak ikhlas sebab kalau kerajaan betul-betul ikhlas ataupun *sincere* ia akan mansuhkan keseluruhan Akta Hasutan. Jadi saya hendak fokus kepada isu itu di mana terma fasal 3 dibatalkan sebagai satu *window dressing exercise* dan saya merujuk pada fasal pindaan 1(a)(i) pindaan dalam jawatankuasa. Saya merujuk kepada isu *illustration* yang telah dibatalkan. Saya setuju pindaan yang dibatalkan ini adalah baik tetapi kenapa tidak batalkan klausa 3B Akta Hasutan kerana itu adalah *substances* isu-isu dia. Jadi tidak ada gunanya kita batalkan ilustrasi ataupun *illustration* tetapi masih pegang kepada Akta Hasutan atau pun substantif isu tadi.

Bagi fasal 1B(3), pindaan dalam jawatankuasa di dalam undang-undang jenayah Tuan Pengerusi. Kita semua tahu terdapat elemen *mens rea* dan *actus reus* atau pun *the mind or ended act*. Pindaan ini mengecualikan elemen *intention* atau pun *mens rea*. Bagi fasal 3(a)(iv)4 pindaan yang original, perkara menggantikan perkataan *end hostility* dengan perkataan *hospitality or hircred*. Pindaan ini memperbesarkan perkara dan oleh itu membeli lebih *discretion* kepada pihak berkuasa khasnya polis. Maka dengan adanya lebih *discretion* maka peluang untuk salah guna kuasa juga meningkat. Pohon pindaan fasal 3 saya ini diterima. Terima kasih.

■2300

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya adalah bahawa pindaan sebagai mana yang tertera dalam kertas pindaan oleh Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah Yang Berhormat bentangkan sebentar tadi sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Batu.

11.00 mlm

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya anggap yang Kerajaan Barisan Nasional untuk keluaran *against any government* ini, sebenarnya tidak bermaksud mereka lebih terbuka. Ini kerana sekarang *any government* termasuk *government* Pulau

Pinang, termasuk *government* di Selangor. Sebenarnya ini lagi tidak adil kerana dikeluarkan sesiapa yang menentang Kerajaan Selangor atau Pulau Pinang tidak lagi dibela di bawah *sedition*.

Saya akan terus kepada isu *hostility* dan *hatred*. Saya ingat *hostility* mempunyai satu maksud yang agak *precise*. Ia menimbulkan permusuhan di antara satu sama lain. Akan tetapi *hatred* ini terlalu *general* untuk kita menyokong. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kelana Jaya, bila ia ditafsirkan *hatred between people or groups of person on the ground of religion* dan kemudiannya pada perenggan (c) ada dua.

(A) *between different races or classes of the population of Malaysia; or*

(B) *between persons or groups of persons on the ground of religion.*

Saya khuatir JAKIM pun kena. Kalau ada seseorang ulama' yang mengatakan Syiah ini adalah bertentangan dengan akidah, bertentangan dengan kita, ia menimbulkan sesuatu ketidaksenangan hati di kalangan sekumpulan orang, dia salah. Kalau ada seseorang ulama' yang katakan Wahabi ini adalah musuh kepada Islam, dia juga boleh didakwa di bawah ini. Saya hendak tahu sama ada ini adalah niat pada kerajaan untuk *outlaw*...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hujah-hujah seperti itu. Kalau itu niat dia, kita sokong atas niatnya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kalau tidak - Okey.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Setujukah Yang Berhormat Batu kalau saya katakan dua perkara. Pertama sekali adalah berkaitan *window wasting* mengeluarkan perkataan keluaran *against any government and against administration of justice*. Ini merupakan *window wasting* kerana sekarang walaupun mungkin boleh mengkritik kerajaan, tetapi tidak boleh kritik penaung PERMATA ataupun Presiden Perkasa terutamanya dengan adanya 3(a)(iv) iaitu penambahan perkataan *hatred* itu. [Dewan riuh]

Poin kedua saya adalah memang tidak logik sekali kita *criminalize emotion* terutamanya marah. Kemarahan itu adalah biasa berlaku di mana-mana sahaja selagi tidak menjurus kepada keganasan ataupun *hostility*. Adalah tidak logik bagi kerajaan untuk *criminalize* emosi. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya kurang khuatir kalau kritiknya terhadap *First Lady* atau penaung PERMATA sebab ramai orang-orang UMNO pun tidak suka dengan *First Lady*. So, saya percaya polis tidak akan bertindak membuta tuli terhadap orang yang kritik kepada *from* atau *First Lady*. Akan tetapi yang saya khuatir ialah yang saya sebut tadi, kalau satu kumpulan orang Kristian yang merata tempat kata agama saya yang terbaik sekali dan hanya melalui cara saya boleh mencapai syurga. Sudah tentu dia akan menyinggung sekumpulan orang lain yang bukan penganut atau sesuatu mazhab yang menyatakan orang lain semua salah, hanya kita yang betul. Ia akan mengundang *hatred*. Kalau ada kumpulan orang Yahudi yang menganggap *we are the chosen one*, tidak ada orang lain yang masuk syurga melainkan daripada bangsa kita. Itu juga boleh dioutlaw kalau ikut tafsiran ini. Adakah ini

intention kita? Kalau ini *intention* kita, kita luluskan dengan *full conscious*. Ini maksud kita dan kita tidak mahu sesiapa yang mengeluarkan hujah menentang Syiah..

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Mengeluarkan hujah menentang orang Kristian, mazhab ini tidak boleh kritik mazhab yang lain...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Minta penjelasan boleh?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kerana ini adalah dilindungi oleh undang-undang ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi *consequent* ini...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh dapat penjelasan?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hasil daripada - Nanti saya akan bagi laluan. Hasil daripada kita setuju dengan ini, kita akan menutup segala-gala ruang untuk berdiskusi, untuk memahami kenapa ada satu kumpulan yang menganggap mereka yang paling baik, mereka yang memegang kepada kebenaran. Ini bagi saya adalah dibenarkan dalam sebuah negara yang demokratik.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Hatred* itu bukan masalah. Bila *hostility*, bila permusuhan atau menggunakan kekerasan menentang satu kumpulan itu, baru salah.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi saya tidak salah kalau orang Syiah rasa merekalah terbaik...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Batu, minta penjelasan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Selagi tidak angkat senjata. Kita tidak ada masalah kalau orang yang salafi ini menganggap merekalah paling betul, mereka hendak sebarkan ajaran mereka dan mereka memusuhi mazhab lain, kata mazhab lain semua tidak betul. Itu tidak ada masalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu sungguhpun menunjukkan kebencian, tetapi selagi mereka tidak angkat senjata, kita tidak patut mengambil tindakan. Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya mendapat penjelasan tadi Yang Berhormat Batu kata kalau seorang bercakap, katalah agama Kristian ialah agama yang terbaik dan dijamin masuk syurga. Dia bercakap di mana? Kalau dia bercakap waktu dalam gereja, tidak ada salah, tidak ada salah. Akan tetapi kalau dia pergi bercakap depan orang Islam, itu salah. Tidak akan ini pun Yang Berhormat tidak ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini saya hendak – Ini tafsiran yang saya hendak dengar ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kalau betul, itu kita luluskan dengan sedar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Betul lah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Maksudnya, orang Kristian tidak boleh keluar dari gereja menyatakan agamanya paling baik. Orang Kristian tidak boleh menyebarkan mana-mana risalah kepada orang ramai menyatakan ajaran saya adalah kebenaran...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Itu sudah ada dalam Perlembagaan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini harus juga kita *apply* kepada semua...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Jangan kelirukan lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak...

Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]: *[Bangun]*

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Itu sudah ada dalam Perlembagaan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak tahu adakah maksud ini kita luluskan... *[Dewan riuh]*. Ini bermaksud kita menghukum atau penjenayahkan..

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Batu, minta penjelasan Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sesiapa yang menyebarkan ajaran yang mewujudkan menyinggung hati dan mewujudkan kebencian kepada orang ramai.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *I rest my case.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk dulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk dulu, ingat suruh bercakap sudah tadi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi kena buka mikrofon.

Tuan Pengerusi: Masalah Ahli-ahli Yang Berhormat ialah kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat mahu jadi *persecutor*, kadang-kadang mahu jadi Hakim. Tugas kita sebagai *legislator* ialah meluluskan rang undang-undang yang telah pun digubal oleh kerajaan yang penggubal itu ialah orang-orang yang juga mahir dalam bidang undang-undang iaitu pejabat atau di *general*.

Jadi biarlah semua yang di dalam seksyen-seksyen tertentu itu saya benarkan untuk bahas, tetapi yang menjadi kemusykilan apabila seorang Menteri yang bukan pengamal undang-undang diasak dan diasak dan diasak untuk memberi satu definisi. Pihak yang boleh memberi definisi sama ada sesuatu perkara itu menghasut atau tidak, adalah apabila sudah sampai di Hakim.

Jadi kalau Yang Berhormat Batu mengatakan bahawa kalaulah itu definisi, inilah kedudukan, bermakna itu perkara yang diandai-andaikan tidak dibenarkan oleh peraturan mesyuarat. Jelas? Kalau jelas, jangan lagi ungkit-ungkit yang itu...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak jelas.

Tuan Pengerusi: Kerana siapa yang ungkit, itu merupakan *repetitive* dan siapa yang suka *repetitive* bermakna melanggar peraturan mesyuarat. Kalau melanggar peraturan mesyuarat berdegil-degil juga, maka ada lagi teh tarik panas di luar sana. Sila rehat, sila Yang Berhormat Batu teruskan. Jangan lagi *repetitive* dalam soal begini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya sudah habis, saya sudah habis. Okey, bagi Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ini minta penjelasan kepada Yang Berhormat Batu ataupun...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Penjelasan kepada Yang Berhormat Batu.

Tuan Pengerusi: Penjelasan? Masih lagi Yang Berhormat Batu punya *floor* ataupun...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Ya saya - Kalau Tuan Pengerusi berikan...
[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Nanti, nanti dulu Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya mengikuti nasihat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ini mahu berbahas ataupun...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tidak, saya mencelah.

Tuan Pengerusi: Mencelah, okey sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya mencelah kepada poin yang penting Tuan Pengerusi. Ya Tuan Pengerusi, kerana saya hendak ikut...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Bengong sungguh.

■2310

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya mengikuti nasihat Tuan Pengerusi, di mana Yang Berhormat Batu tadi memberi beberapa persoalan berkaitan dengan definisi. Dan saya hanya ingin maklumkan di sini Yang Berhormat Batu ya. Kenapa? Kalau kita lihat definisi termasuklah kenyataan-kenyataan dikeluarkan. Saya rujuk kepada kes yang memang sudah berlaku, pendakwaan yang memang sudah berlaku di bawah Akta Hasutan. Pendakwaan Param Cumaraswamy mewakili Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu atas kenyataan beliau dalam satu sidang akhbar ketika itu beliau mengatakan dalam kes di mana ada seorang yang dihukum hukuman seumur hidup, di bawa kes pengampunan kepada beliau dan akhirnya ditolak. Ketika itu dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Param Cumaraswamy yang memegang jawatan yang amat tinggi di dalam PBB, dia sebut ini menunjukkan ketika itu ada jurang, orang miskin tak dapat pembelaan, tak diampunkan oleh *The Pardon's Board* dengan izin tetapi mereka yang dekat dengan pimpinan tertinggi diberikan peluang untuk diampunkan. Jadi ini pun dikira sebagai kenyataan yang menghasut dan Param Cumaraswamy telah menghadapi pendakwaan di mahkamah. Jadi saya pohon pandangan Yang Berhormat Batu, bila masa kita tidak mengikat definisi kita membuka ruang untuk salah guna. Terima kasih

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak akhiri ucapan saya, oleh kerana itu lah saya seru kepada pihak sana untuk menyokong pindaan kita, kerana pindaan kita akan membantu supaya ayat seperti "*To promote feelings of ill will, hostility or hatred between persons*". Saya tidak

faham, *persons* pun boleh, “*or groups of persons on the ground of religion*”. Itu lah maksud saya bahaya itu kalau kita *promote* kata *person* itu kita tidak suka kepada dia sebab kita anggap ajaran dia tidak berapa betul. Dia boleh dianggap sebagai menghasut.

Akhir sekali dalam subseksyen yang lain ialah dari “*publish*” sehingga “*cause to be published*”, itu juga membuka satu ruang yang begitu besar sesiapa yang ada kaitan dengan penerbitan itu sebab “*cause to be published*” boleh orang yang menjadi *host* pada *website*, boleh jadi sebab Facebook saya diserang atau diletakkan pelbagai bahan yang menghasut tetapi saya tidak *filter*, oleh sebab itu menjadikan “*cause to be published*”. Ini adalah ayat-ayat yang sangat kabur dan boleh membawa musibah kepada orang yang tidak berdosa. Jadi kita harap atas keadilan prinsip-prinsip *justice of law*...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okay. Bagi Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima Tuan Pengerusi. Ini khusus kepada apa yang disebutkan sebagai “*cause to be published*” ini, ini kalau kita baca berkaitan dengan fasal kedua *electronic media* tadi, tadi sebab bila saya bangkitkan itu Menteri tak jawab. Sebab kalau saya hendak bagi satu contoh, kalau misalnya hari ini kita *search* Google, ada kartun Rasulullah yang diterbitkan oleh Charlie Hebdo dan kementerian arahkan Google untuk jangan siarkan di Malaysia tetapi kalau Google itu enggan, apakah ini menjadi satu tindakan di mana kita boleh gunakan akta ini untuk ambil tindakan terhadap Google, ini satu contoh.

Yang kedua, apabila kita hendak melaksanakan perkara-perkara tersebut, kita terpaksa melaksanakan *copyright internet*. Jadi ini tidak selari dengan perjanjian mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir semasa melancarkan *Multimedia Super Corridor* satu ketika dahulu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Batu berkenaan isu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini satu perkara yang terbuka ruang untuk *selective prosecution*. Oleh kerana kerajaan akan kata secara *common sense* tak akan lah kita ambil tindakan kepada Google. Okay, itu kita lepaskan Google. Akan tetapi ada seorang di Malaysia ini tidak sedar, mereka *forward* sesuatu yang berkaitan dengan lukisan Rasulullah atau apa-apa dan mereka di-*prosecuted*. Jadi dia ada perbezaan, Google dilepaskan tetapi seseorang itu tidak. Yang lebih mengkhawatirkan ialah kata lah sekarang apa yang disebar dalam blog Mantan Perdana Menteri, dia menuduh macam-macam. Kita pun tidak tahu esok dia akan cakap apa. Mungkin ada sesuatu yang menghasut tetapi kerana orang hormati Mantan Perdana Menteri, dia *forward*kan semua blog-blognya. Sebulan kemudian, AG akan ambil tindakan untuk mendakwa Tun Mahathir. Dan kemudian Tun Mahathir disabitkan kesalahan menghasut. Orang yang *forward*kan artikel-artikel Tun Mahathir ini mereka digantung dalam ayat ini, “*cause to be published*”. Sebab kalau tak ada orang *forward*, tak ada orang sebar, blog itu *passive*. Dia tak akan pergi mana-mana sebab orang pergi tengok. Namun kalau kita secara *active* untuk *publish*kan itu, dia juga terlibat dalam perkara ini. Akan tetapi seseorang itu buat kerja itu mereka tak sedar sama ada pada saat itu bila mereka *forward* “*cause to be published*” itu, sama ada dia menghasut atau tidak.

Oleh kerana itu saya sekali lagi seru atas nama keadilan dan kita tidak mahu hukuman orang yang tidak sedar. Biar lah kita setuju pindaan dari Yang Berhormat Kelana Jaya supaya kita hadkan kuasa akta ini supaya tidak kita denda...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Okay, last.*

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Batu, jika dilihat dalam seksyen 3 pindaan ini, walaupun dia menyatakan bahawa perkataan "*against the government*" dan "*against the administration of justice*" telah dibatalkan. Kononnya ini menjadikan seksyen ini lebih liberal. Walaupun yang itu telah dibatalkan, seksyen 31(d) masih kekal yang menyatakan "*To raise discontent or disaffection amongst the inhabitants of Malaysia*" masih salah. Itu adalah satu takrifan yang amat luas yang saya rasa Menteri masih belum menjelaskan mengapa seksyen ini masih dikekalkan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu yang saya setuju. Yang lebih teruk sekali bila dia *remove* kerajaan, *the government*. Maksudnya *discontent* itu terhadap mana-mana pihak. Dia boleh jadi kepada satu kumpulan manusia, dia boleh tuju kepada kumpulan Sikh yang sangat kecil dalam masyarakat kita atau satu majoriti yang besar jumlah penduduknya. So dia tak tafsirkan. Ia bukan lagi *against the government, against any person*. Itu lah sebabnya saya kata bahawa bahayanya perkara ini dan saya ingin hujung ucapan saya dengan sekali lagi. Kita ambil satu pendirian yang objektif. Kita sokong pindaan ini. Saya sedar kerajaan akan kata *common sense* akan *prevail*. Bila kita kata *common sense prevail* itu, itu bermulanya *selective prosecution* dan *subjectivity* akan mendominasi pelaksana undang-undang. Sekian terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyokong cadangan supaya pindaan di bawah Seksyen 3 ini dibatalkan. Merujuk kepada A1 dengan memotong perkataan "*or against any government*". Kalau ikut Malaysia ini, satu *government* sahaja ya. Apa yang *any government* nya? *Malaysian Government* lah sebab yang akan - itu lah dia maksud saya itu. Kalau *Federal Government*, dia lah yang berkuasa atas undang-undang ini. Kalau *State Government* apa yang hendak melindungi dia. Jadi *tricknya* ialah membuka ruang untuk menghentam negeri-negeri yang tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang dia sendiri.

■2320

Federal Government dia tidak kisah, kalau *you* hentam pun dia akan *corner* ikut lain sebab undang-undang ini di bawah penguasaan dia. Jadi saya bersetuju supaya pindaan ini dibatalkan. Sila Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya rasa antara ramai rakan yang di sebelah sini tadi meminta supaya definisi yang kukuh diberikan kepada perkataan-perkataan yang ada dalam rang undang-undang terutamanya apa yang termasuk dalam hasut atau tidak hasut dan kita mendapat sebarang jawapan daripada pihak Menteri ataupun sesiapa saja di sebelah sana. Apa yang kita tahu hakim akan tentukan. Mungkin kita semua sudah salah

di sini. Matlamat undang-undang ini memang adalah untuk membentangkan satu undang-undang di mana definisinya tidak ada definisi supaya hakim boleh mengikut budi bicara beliau untuk menentukan apa definisi yang perlu digunakan ke atas sesiapa yang dibawa ke hadapan mereka. So, adakah ini merupakan tujuan undang-undang ini dipinda?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, saya rasa ini menimbulkan sesuatu kerisauan. Apatah lagi tadi Tuan Pengerusi sendiri mencadangkan supaya kita tidak menekan, *pressures* Menteri untuk mengeluarkan definisi kerana mahkamah akan membuat definisinya apabila kes dibawa ke hadapan mereka. Saya rasa dalam kes ini kita kena membantu mahkamah dengan memberikan penjelasan awal bahawa inilah definisinya, ada dalam Perlembagaan, dalam undang-undang. Dalam kes ini sebab kalau tidak bagaimana dia hendak membuat interpretasi yang sebenarnya. Jadi saya rasa dalam kes ini Tuan Pengerusi, *with due respect*. Saya rasa nasihat Tuan Pengerusi itu kurang tepat apabila menasihatkan supaya kita tidak *pressure* Menteri untuk membuat...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Begini Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat. Saya mengeluarkan pendapat sedemikian berlandaskan kepada maksud Peraturan Mesyuarat 23(h) "*Sesuai pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan untuk mendapatkan buah fikiran atau untuk mendapat penjelasan berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawapan dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja*". Jadi, saya dengar hujah Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu mengeluarkan hujah, itu tafsiran Yang Berhormat Batu. Dia mengandaikan bahawa *prosecutor* nanti boleh mengambil tindakan seperti begitu dan begitu juga Yang Berhormat. Begitu juga Yang Berhormat Bagan Serai.

Jadi kalau perkara yang diandai-andaikan, dimisal-misalkan tidak dibenarkan oleh peraturan mesyuarat kerana tidak akan kita habis bermesyuarat. Itu maksud saya. Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Kuala Krai, Tuan Pengerusi...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Gombak, minta dengan saya?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, tidak boleh? [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Mencilah kah apa?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh mencilah atau tidak boleh?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ah?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak boleh?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Gombak, boleh, boleh. [Ketawa]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh. Tuan Pengerusi, ini maksud saya tadi. Tuan Pengerusi beritahu oleh sebab banyak andaian, itu cadangan Tuan Pengerusi. Jadi sebab itu hendak mengelakkan andaian-andaian yang Tuan Pengerusi andaikan itu, lebih baik Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi: Saya tidak mengandaikan Yang Berhormat, fakta, peraturan mesyuarat, yang mengandaikan ini Ahli Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: 'Bengong' sungguh orang ini, Menteri Besar...
[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: ...Peraturan mesyuarat. Saya tidak mengandaikan.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Duduklah Menteri Besar.

Tuan Pengerusi: Saya tidak mengandaikan...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Duduklah!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey.

Tuan Pengerusi: Ini kerana setahu saya definisi tadi Menteri sudah ulang seperti *hatred* dan dua, tiga perkataan yang ada *tendency*, begitu. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat bertanya kepada Menteri satu penyelesaian secara tuntas, tidak betul. Ini kerana beliau adalah bukan hakim kepada soal ini, beliau cuma membentangkan rang undang-undang yang telah dirangka oleh para profesional. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju dengan itu tetapi itu hakikat dalam perbahasan, itulah dia. Saya tidak mengandai-andaikan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka mengandai-andaikan, bersinis-sinisan, bersindir-sindiran, berpolitik-politikan, saya tidak ada. Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, tidak ada istilah berpolitik-politikan ya. Jadi, hendak mengelakkan andaian itu, Menteri kena bagi definisi yang tepat dan jelas. [*Dewan riuh*] Sebelum rang undang-undang itu dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini, perkara ini mesti diperhalusi terlebih dahulu. Oleh sebab itu kita sering mencadangkan rujuk kepada satu jawatankuasa terlebih dahulu sebelum rang undang-undang ini dibawa dalam Dewan yang mulia ini. Kalau tidak inilah masalahnya sebab kita saksikan Yang Berhormat Menteri sampai saat ini tidak berani memberikan satu definisi yang tepat tentang apakah bentuk tindakan yang boleh diambil dengan menggunakan akta ini.

Maka ia akan terdedah kepada salah guna kuasa. Ini telah kita saksikan selama hari ini memang UMNO menggunakan rang undang-undang ini untuk bertindak terhadap parti-parti pembangkang, aktivis dan juga NGO serta mahasiswa. Maka kita hendak mengelakkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Padang Serai tadi. Bagaimanakah seseorang itu boleh didakwa kalau dia tidak tahu itu satu kesalahan? Tidak adil bagi seseorang didakwa kalau dia tidak tahu itu satu kesalahan. Maka lebih baik Yang Berhormat Menteri menggunakan Dewan ini untuk menjelaskan apa definisi sebenarnya yang boleh terikat dengan undang-undang yang hendak dibawa ini, itu sahaja yang kita minta.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kuala Krai, boleh bagi laluan?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Oh! Boleh.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sedikit sahaja.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Malam masih muda.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya yang andaian-andaian ini. Saya hendak ambil contoh, saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Kuala Krai, ini andaian. Tadi saya dengar Yang Berhormat Batu ini mewakili daripada parti Keadilan, betul Yang Berhormat Batu? Dalam ucapan Yang Berhormat Batu tadi dia sebut. Dia menyeru atas nama keadilan, dia sebut tadi.

Baik. Tafsirannya bagaimana? Kalau tanya saya, adakah Yang Berhormat Batu bercakap, dia menyeru atas nama keadilan kerana Keadilan parti dia? Sebab itu keadilan. Dengar dahulu. *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini andaian.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Melainkan... *[Dewan riuh]* Dengarlah dulu! Melainkan...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Tanjong Karang, tengok air muka Tuan Pengerusi pun pening. Ini apa?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini andaian. *You* tidak boleh salahkan andaian saya melainkan saya tanya. Saya sendiri kena tanya pada Yang Berhormat Batu. Keadilan itu parti Keadilan ataupun *justice*? Saya boleh tanya dia, ini kalau hendak... sampai esok pun tidak habis. Hendak bercerita tentang andaian. Tidak boleh salahkan saya, saya dengar dia kata sebab dia daripada parti Keadilan. Adakah dia hendak *promote* Keadilan? Macam mana kita hendak tahu betul atau tidak betul? Kita kena tanya Yang Berhormat Batu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Betul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa maksud keadilan?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya bersetuju Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sama juga dengan definisi. Bila sudah dapat satu kenyataan kita kena siasat, kita kena tanya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Betul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini kalau hendak pakai andaian-andaian ini sampai esok pun tidak selesai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Okey, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Banyak benar halangan.

Tuan Pengerusi: Hampir tiga minggu pemikiran saya cukup jelas, saya tidak bingung. Apabila masuk baru sejam, dua saya sudah bingung. *[Ketawa]* Macam mana tidak bingung, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri membingungkan diri. Jangan membingungkan diri. Jangan berpanjang lebar. Saya cukup sabar. Satu lagi prinsip demokrasi yang saya pegang selama ini apabila berbahas.

Sebagai pembangkang, *you can have your say. I already let you have your say. The government, let them have their way. Their way is whatever they produce here*, selepas itu biarlah kita belah bahagian. Kenapalah kalau kita berbalah sampai pagi? Ini kerana itu keputusan yang tuntas. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Okey, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Jangan lagi berandai-andai kerana andaian daripada Yang Berhormat Tanjong Karang tadi saya faham. Apabila dia membuat andaian, Yang Berhormat Batu terus berdiri, dia kata begitu bukan andaian yang saya maksudkan...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Itu sebab jangan berandai-andai, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Itulah *problem* Yang Berhormat Batu bangkitkan tadi kalau tidak ada satu definisi yang *definitive* yang diberikan oleh pihak yang menyediakan undang-undang ini. Jadi bagaimana kita hendak – jadi relatif, jadi ikut sentimen masing-masing. Kami pun kesian kepada Tuan Pengerusi, tiga minggu berehat, aman, hari ini datang buat apa? Penat. [Ketawa] Kan sudah pening kepala. Cari penyakit.

Tuan Pengerusi: Yang menambahkan kebingungan itu apabila Yang Berhormat Kuala Krai berdiri. [Ketawa]

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Kuala Krai, sekejap ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Satu lagi *problem* kita ini Tuan Pengerusi...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya sudah hendak balik, saya bingung sudah ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sebab ini malam Jumaat, itu *problem*. *Problem* Tuan Pengerusi. Jadi, saya mencadangkan supaya Menteri menerima cadangan pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi supaya perkara ini tidak akan timbul lagi melainkan penggubal boleh datang dengan suatu penjelasan dan juga definisi yang tepat dan boleh menjadi interpretasi semua orang termasuk hakim yang akan interpretasi undang-undang ini kemudian. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Seputeh.

■2330

11.30 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada yang “*by electronic means*” dalam rang undang-undang ini. Ini termasuk *Facebook* dan *YouTube* dan sebagainya.

Saya masih ingat dalam tahun 80-an, bila kerajaan kita mewujudkan *Multimedia Super Corridor* dan kita menjemput pelabur asing untuk datang untuk melabur dalam bidang ICT. Ini masuk dalam lingkungan *electronic means* ini. Juga, dalam memorandum itu kita telah pun tetapkan tidak ada *censorship*, tidak ada penapisan atas apa yang dikeluarkan dalam bidang ICT, *internet* ini.

Jadi dengan adanya “*by electronic means*” ini dan macam dalam (a), “*Broadcasted so as to be available for reception by members of the public or of a section of the public*”, semuanya telah pun bercanggah dengan janji Kerajaan Malaysia kepada pelabur asing dalam bidang ICT dan juga *internet* ini. Jadi saya rasa ini adalah bercanggah dengan tujuan dan juga objektif kerajaan untuk mewujudkan *Multimedia Super Corridor*.

Juga dalam kes saya sebenarnya Tuan Pengerusi, kita lihat apa yang kita sudah *argue* sepanjang hari ini adalah *double standard*. Macam klip video saya *Onederful* Malaysia ini, apa salahnya? Tidak ada salahnya. Hanya ada seorang watak yang wanita gemuk yang mana ada orang tidak suka, itu yang menjadikan saya masalah. Saya dituduh anti Melayu, anti Islam, anti Yang di-Pertuan Agong, anti askar di Lahad Datu dan sebagainya. Semua ini adalah pembohongan tetapi akhirnya saya masih didakwa di mahkamah.

Jadi dengan apa yang berlaku pada kes saya ini menunjukkan yang Akta Hasutan ini memang adalah akta yang amat tidak adil dan perlu dimansuhkan. Sebelum ini dimansuhkan, saya setuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kelana Jaya. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Pengerusi, bagi peluang.

Tuan Pengerusi: Sila. Tak apa, sudah pun saya bingung, tak apa... [Ketawa]

11.32 mlm.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun di bawah cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015, fasal 3.

Tuan Pengerusi, fasal 3 ini merupakan satu fasal yang bahaya. *Any drafting of the law without clarity and certainty is bad law*. Tadi Yang Berhormat Menteri seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi, tidak dapat memberikan definisi yang jelas walaupun dinasihatkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Kedua, apabila kita meneliti seksyen 3(1)(e), dahulu Akta Ibu waktu penjajah tahun 1948, sekurang-kurangnya sebelum seseorang individu itu disabitkan kesalahan, pendakwa raya dia mesti buktikan dua elemen sekurang-kurangnya iaitu *you have to prove promoting ill-will and promoting hostility between races* sekurang-kurangnya. Akan tetapi sekarang selepas pindaan malam ini, maka tidak payah lagi. Lagi senang untuk mensabitkan seseorang individu yang tidak berniat untuk menghasut.

Seperti sekarang ini, pendakwa raya cuma perlu *fulfilled one of the criteria*. Pertama, *promoting ill-will*. Kedua, *promoting hostility* ataupun *promoting hatred among races*. Mana-mana satu kena sahaja, kait sahaja, masuk penjara tiga tahun sampai 20 tahun. Bukankah ini merupakan satu kezaliman? Bukankah ia terbuka kepada salah guna kuasa? Bukankah ia akan menganiaya individu yang tidak berniat? Lagi pula dalam seksyen 3 ini, niat *is irrelevant*.

Bermaksud, seseorang katakan dia tengok *Facebook posting* ini dia seronok, kemudian dia *share*, tetapi di bawah pindaan ini, kena juga tiga tahun. Niatnya dia kata saya tidak tahu tetapi pendakwa raya tidak perlu untuk buktikan niat. *A criminal act without a criminal mind but it is still guilty*. Walaupun di bawah seksyen 3(1)(e) ini jika seseorang dia melakukan kesalahan dan kemudian sebenarnya kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau adalah benar, fakta, tetapi dari segi mata undang-undang, *truth and intention is no longer relevant, it is irrelevant*.

Maka saya rasa ini adalah satu undang-undang yang penuh dengan ruang dibuka untuk salah guna kuasa dan patutlah dilucutkan dan saya sokong sepenuhnya cadangan pindaan oleh Yang

Berhormat Kelana Jaya berdasarkan kepada hujah-hujah dan fakta yang saya kata tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapar.

11.35 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya tak nak buat andaian.

Saya terus kepada fasal 3(a)(i) berkaitan dengan memotong perkataan "*against any government*". Saya ingin bangkitkan kepada Menteri adalah kita tidak hendak perkataan ini dipotong indah khabar dari rupa atau dengan izin, *too good to be true*. Yang saya menuntut daripada Yang Berhormat Menteri ialah komitmen kerajaan terhadap pemotongan perkataan ini. Sekadar mana kerajaan bersedia untuk *commit* kan diri mereka untuk perkataan ini? Ini permintaan saya yang pertama.

Permintaan saya yang kedua, kalau betul *the spirit of this* rang undang-undang diraikan oleh Menteri, sepatutnya Menteri pun perlu bersedia untuk membuang semua kes tangkapan, siasatan dan pendakwaan yang dikaitkan dengan kritikan terhadap kerajaan. Saya sudah tanya tadi tapi tidak ada sebarang jawapan daripada Menteri. So saya harap Menteri boleh memberi satu komitmen juga terhadap semua yang tertangkap yang memang berdasar terhadap kritikan terhadap pemerintah mahupun kerajaan UMNO Barisan Nasional. Ini termasuk bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen dan ADUN, ia juga merentasi mahasiswa, merentasi sampai ke editor, jurnalis malahan kartunis. So, apa komitmen kerajaan terhadap dua tuntutan yang saya minta komitmen daripada kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Beruas. Selepas itu boleh Yang Berhormat Menteri respons. Sila.

11.36 mlm.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak buat satu hujah sahaja iaitu dengan pindaan yang dicadangkan seksyen 3 subseksyen (ea) dengan perkataan yang lebih luas. "*To promote feelings of ill will, hostility or hatred between persons or groups of persons on the ground of religion.*" Juga, subseksyen 2(c)(ii)(B), "*To point out, with a view to their removal, any matters producing or having a tendency to produce feelings of ill will, hostility or hatred between persons or groups of persons on the ground of religion.*"

Hanya satu perkara yang saya hendakkan di sini ialah kita di Malaysia ini haruslah cuba untuk mempromosikan kematangan, *maturity to accept the differences between our religion*. Mestilah mempromosikan kematangan untuk menerima perbezaan agama antara kita. *Rather than to encourage people to complain when they feel hurt using the law that we propose* iaitu kita menggalakkan orang untuk mencari sebab untuk rasa terkilan dan mengadu di bawah undang-undang ini.

Saya bagi satu contoh. Di Malaysia ini memang orang Islam dan orang Kristian mempunyai *same roots* tetapi kepercayaan ada yang tidak sama. Katakan tentang korban. Orang-orang Islam percaya

Nabi Ibrahim membawa Ismail untuk dikorbankan. Akan tetapi, orang-orang Kristian dan Yahudi mengatakan Nabi Ibrahim membawa Ishak untuk dikorbankan. Begitu juga orang-orang Kristian mengatakan Jesus Christ mati dan bangkit semula tetapi orang-orang Islam kata Nabi Isa tidak langsung mati.

Ini perbezaannya. Adalah baik kita matang menerima perbezaan ini. Akan tetapi kalaulah ada pembahasan tentang isu ini, ada mana-mana pihak rasa dia terkilan, kemudian mengatakan kerana *you insist on your version, therefore I feel hurt and therefore I start to complain*. Dengan adanya undang-undang ini, kita tidak mempromosikan kematangan menerima perbezaan. Jadi kalau tidak ada undang-undang ini, orang ini yang selalu rasa senang terkilan, sensitif akan...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Let me finish this sentence..*

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Di sini, sini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya habiskan ayat. Akan digalakkan untuk lebih matang, jangan selalu sensitif dan senang rasa terkilan.

■2340

Sebab itu saya kata undang-undang ini tidak begitu baik kerana mempromosikan atau ia memberi peluang kepada mereka yang tidak matang ini untuk menggunakan undang-undang ini terhadap orang lain.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa di sini penjelasan daripada Yang Berhormat Beruas itu, betul. Cuma saya rasa *angle* yang menjadi perselisihan antara agama ini bukan daripada segi kepercayaan sebenar yang ada mengikut agama masing-masing. Itu semua saling terima, memang orang Islam pun terima apa yang dipercayai oleh orang Kristian, dan orang Kristian terima apa yang dipercayai oleh orang Islam. Saya rasa isu ini tidak berbangkit sangat di Malaysia.

Akan tetapi yang berbangkitnya ialah perbuatan dengan sengaja mencari jalan permusuhan oleh beberapa orang yang sebenarnya barangkali mereka pun tidak mengikut ajaran masing-masing secara sempurna. Saya tidak kata sama ada orang Islam atau orang Kristian, tetapi mereka cuba membentuk satu *spark*. Contohnya macam kita katakan kalau daripada kalangan orang bukan Islam, dia cuba menyakiti hati orang Islam itu dengan cara menggunakan **spot check** babi dan sebagainya.

Maka daripada kalangan orang Islam pun barangkali, dia mengatakan "*Oh! Orang-orang Kristian ini apa semua, wajib diperangilah*", itu ini. Sebenarnya, itu ialah perkara-perkara yang hendak dihapuskan, yang hendak ditentang melalui Akta Hasutan ini. Kita hendak mengawal dan menjaga orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini. Akan tetapi saya tidak pernah lihat ada orang Islam yang mempertikaikan tentang *belief* yang ada dalam agama Kristian. Orang Kristian pun yang mana betul-betul beramal dengan agama Kristian, tidak pernah pun mempertikaikan apa yang difahami oleh orang Islam atau agama-agama lain.

Semuanya *going smooth*, berjalan dengan baik. Akan tetapi ada sekumpulan manusia lain yang dengan sengaja mencari jalan untuk mewujudkan suasana pertentangan. Inilah yang hendak dikawal oleh Akta Hasutan. Jadi, setujukah Yang Berhormat Beruas dengan pandangan saya? Terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: *[Bangun]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya setuju kalau kita meminda undang-undang ini terhadap mereka yang *promote violence*, kalau ada cadangan menggunakan kekerasan. Saya setuju. Kalau dalam perbezaan agama dan kepercayaan, mana-mana kumpulan yang menggunakan kekerasan, kita ambil tindakan. Itu saya setuju.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Minta mencelah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau tidak, saya lebih suka kalau rakyat Malaysia ini kita matang dalam menerima apa-apa perbezaan pendapat dan kepercayaan.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Atas isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor mengenai kesalahan menyakiti perasaan orang yang beragama lain. Dalam Kanun Keseksaan pun sudah sedia ada kesalahan-kesalahan yang telah pun termaktub dalam Kanun Keseksaan daripada seksyen 295 sampai 298, khususnya 298, "*Uttering words, etc., with deliberate intent to wound religious feelings any person*", dengan izin Tuan Pengerusi adalah satu kesalahan. So, kita sudah ada memang ada banyak undang-undang yang telah pun termaktub dalam Kanun Keseksaan yang *cover area* ini, dengan izin Tuan Pengerusi.

Saya ingin lanjutkan lagi, atas isu definisi *seditionous tendency* seperti yang dibangkitkan tadi. Isunya seperti yang telah pun diakui oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa definisinya ialah terlalu luas. Untuk ramai orang, dikatakan terlalu luas. Isunya bukan sahaja *limited* kepada situasi yang mana satu kes dibawa ke mahkamah. Terdapat juga yang kita kena melihat di negara kita, penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis disebabkan definisi *seditionous tendency* itu terlalu luas mengakibatkan kita melihat IGP sendiri sekarang menyalahgunakan kuasa dalam melaksanakan kuasa beliau.

Dalam hal ini, saya ingin merujuk kepada tiga contoh, yang mana yang pertama, beberapa hari kemudian selepas peguam hak asasi Eric Paulson ditahan atas *tweets* beliau. Ketua Polis Negara telah pun mengeluarkan satu kenyataan untuk memberi amaran kepada rakyat Malaysia supaya jangan menyoal Islam dan hudud kerana ia boleh memprovokasi satu tindakan ataupun satu penyerangan daripada IS militan. Mana dalam Akta Hasutan, *paragraph* seksyen (1)(a) sampai (e), yang terkandung keadaan yang mana pihak polis boleh mengambil tindakan? Maksud saya, *for example, in section 3(1)(a) sampai 3(1)(f)* tujuannya adalah untuk melindungi ketenteraman awam, untuk melarang seseorang mengeluarkan pernyataan ataupun kenyataan yang boleh menyebabkan perasaan kebencian di antara satu kaum dengan satu kaum lagi yang lain. *For example*, seperti yang ingin di - *as an example*.

So, di manakah dalam (a) to (f) ini terkandung satu situasi yang membenarkan IGP untuk memberi amaran begitu? Adakah itu terkandung dalam Akta Hasutan? *Also for example*, kenyataan baru-baru ini oleh IGP sendiri yang mana beliau mengatakan bahawa hanya *opposition* sahaja yang

mengeluarkan *tweets seditious*. Bila mana-mana negara lain yang berdemokrasi yang matang, sudah tentu IGP itu akan dipecat. [*Tepuk*]. Baru-baru ini juga...

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Alor Star duduk. Duduk Yang Berhormat. Saya terlampau bingung sampai peraturan mesyuarat pun saya lupa sudah, di mana, di mana, di mana. Setahu saya, apabila dalam perkara begini, apabila kita mencelah, kita cuma tanya dua tiga perkataan, bukan untuk berhujah seolah-olah macam berbahas, seolah-olah - tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat, kamu faham semua ini. Tolonglah...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Saya akan ringkaskan.

Tuan Pengerusi: Mahu tumpang dengan Yang Berhormat Beruas, tumpanglah. Jangan *floor* Yang Berhormat Beruas itu diambil langsung. Tolong! Faham ini semua.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Ya, Tuan Pengerusi. Saya akan huraikan. Jadi isunya Tuan Pengerusi ialah kita tidak boleh membenarkan satu situasi disebabkan definisi *seditious* itu terlalu luas, ia akan membolehkan pihak polis untuk menyalahgunakan kuasa mereka yang sekian kita sudah pun lihat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang definisi luas ini dari tadi pagi lagi, diulang dan diulang dan diulang dan diulang. Cuma saya oleh kerana mungkin dalam tiga minggu tidak bingung, saya membingungkan diri saya sendiri. Seharusnya dari tadi, saya bertindak keras. Siapa yang mengulang, dan mengulang, dan mengulang, dan mengulang, tidak ikut arahan saya, saya suruh rehat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Saya, saya, saya.

Tuan Pengerusi: Tolong Yang Berhormat, berhenti di situ. Yang Berhormat Beruas, jawab kepada itu selepas itu, duduk. Yang Berhormat Menteri, tolong jawab selepas ini. Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beras]: Dengan ringkas, tadi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Alor Star, seksyen 298 Kanun Keseksaan, perkataan '*deliberate*' dengan sengaja menyakiti hati orang. Itulah bagi saya memadai. Bukan yang ada sekarang rasa terkilan, *in view*. Susah kita di akses kerana orang yang orang yang mengadu itu akan sebenarnya menggunakan akta ini. Jadi di bawah seksyen 298A, '*deliberate intentional*' menyakiti hati, sudah memadai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

11.49 mlm.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Pengerusi, saya amat simpati dengan Tuan Pengerusi yang kebingungan kerana memang Yang Berhormat Gombak memang bingung dan membingungkan dengan pertanyaan-pertanyaan yang telah dijawab pagi tadi. Saya rasa tidak adil untuk menuduh dan menyalahkan IGP di sini kerana beliau tidak dapat membela diri kerana beliau bukan sebahagian daripada kita.

■2350

Akan tetapi selagi saya menjadi Menteri Dalam Negeri, saya akan pastikan IGP akan melakukan tindakan berdasarkan apa yang diperundangan. Itu saya pastikan. Saya merasakan bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tidak bersetuju dengan apa yang dikeluarkan daripada akta

induk dulu, akta ibu mengenai pembatalan terhadap kritikan kepada kerajaan. Itulah satu pendirian yang baik dan saya ucapkan tahniah dan beliau pun bersetuju dengan pengeluaran ataupun *deletion* dengan izin perkataan '*illustration*'

Untuk maklumat semua, bahawa hal-hal agama terutama yang melibatkan perbezaan mazhab tentu ia di bawah kuasa pihak berkuasa agama negeri dan kita serahkan kepada negeri-negeri. Saya amat bersetuju kalau kita bersetuju di sini bahawa tidak seharusnya kita melakukan penghinaan kepada mana-mana agama disebutkan tadi, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* dengan izin, "*In order for your religion to be respected, you must learn to respect other religion.*" *I rest my case.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah dibentangkan oleh beliau tadi hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

Fasal 3 [Pindaan oleh Menteri]-

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dalam fasal 3 Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 seperti berikut:

- (a) di bawah subfasal (a)(i), dengan memotong subfasal (ii) dengan menomborkan semula subfasal (iii),(iv) dan (v) masing-masing sebagai subfasal (ii),(iii) dan (iv); dan
- (b) dengan menggantikan subfasal (c) dengan subfasal yang berikut:
- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut.

(3)"For the purpose of proving the commission of any offence against this Act, the intention of the person charged at the time he did or attempted to do or made any preparation to do or conspired with any person to do any act or uttered any seditious words or printed, published or cause to be published, sold, offered for sales, distributed, reproduced or propagated any publication or did any other thing shall be deemed to be irrelevant if in fact the act had, or would, if done, have had, or the words, publication or thing had a seditious tendency"

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang sebagaimana dalam kertas pindaan yang Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah dibentangkan tadi terbuka untuk di bahas.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bagan.

11.53 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan secara panjang lebar tentang perkara-perkara yang telah disebutkan. Saya

rasa saya ingin berkongsi pengalaman tentang niat yang tidak perlu dibuktikan kerana ia tidak relevan langsung dalam sesuatu kesalahan hasutan yang didakwa di mahkamah.

Tuan Pengerusi, sekiranya niat adalah dianggap sebagai tidak relevan, maka apabila sesuatu tuduhan dibuat di mahkamah "*burden of prove*" dengan izin, ada terletak di atas bahu orang yang kena dituduh. Ini telah berlawanan dengan prinsip asas perundangan jenayah, di mana adalah tanggungjawab dan beban untuk pihak mendakwa untuk membuktikan kes mereka.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, bahawa ada satu seksyen dalam Akta Hasutan yang menyatakan bahawa kebenaran bukanlah satu pembelaan yang boleh digunakan oleh orang yang kena tuduh. Iaitu sekiranya orang yang kena tuduh cakap benar, ia dianggap ada *seditionous tendency*, menyakiti hati. Ia juga masih dianggap sebagai pesalah. Ini saya rasa adalah satu perkara yang amat janggal sekali. Iaitu kalau cakap benar, pun salah dan tidak ada undang-undang sebegini. Di mana cakap benar adalah sesuatu kesalahan. Kita selalu sebut berani kerana benar, takut kerana salah. Akan tetapi di bawah Akta Hasutan tidak kira anda cakap benar atau bohong asalkan ada *seditionous tendency* telah dianggap salah. Saya rasa ini adalah suatu kejanggalan yang selain daripada tidak dibetulkan tetapi sebaliknya telah ditambahkan lagi menjadi lebih ketat dan untuk memastikan bahawa ia boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak berkenaan. Termasuk seperti yang diadu oleh rakan-rakan saya Ketua Polis Negara.

Ini memang jelas Tuan Pengerusi, kalau kita lihat tentang *double standard* yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri iaitu kes-kes yang membabitkan mereka yang menyokong Barisan Nasional seperti Dr. Mashitah bin Ibrahim. Beliau tidak cakap benar, beliau buat bohong, fitnah. Fitnah yang amat jahat bahawa kaum Cina membakar buku suci Al-Quran. Tidak diambil tindakan langsung. Juga kepada Yang Berhormat Menteri Asas Tani, tuduhan jahat kepada...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bagan, duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2) oleh seorang Menteri. Sila Yang Berhormat Menteri.

USUL

MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 90(2)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 12 iaitu bagi membolehkan Majlis Mesyuarat menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Bagan

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Oleh demikian, apabila kita sebut tentang definisi ia mencakupi segala-galanya. Ini kerana tanpa definisi ia mudah disalahgunakan. Memang ada bukti-bukti di mana ia disalahgunakan. Kalau ada disebut tentang *tweet*, *tweet* dan sebagainya, kita ada lihat *tweet* di mana ada ancaman untuk bunuh kaum Cina atau kaum bukan Melayu. Akan tetapi tidak diambil tindakan. Sebaliknya, ia dianggap sebagai tidak memihak kepada Barisan Nasional, tindakan diambil. Oleh sebab itu, sungguhpun Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa beliau akan membela Ketua Polis Negara berhabis-habisan apabila beliau menjalankan tugas di bawah undang-undang. Adakah Yang Berhormat Menteri sendiri akan mengambil tindakan ke atas Ketua Polis Negara sekiranya beliau menyalahi undang-undang yang diamanahkan kepada beliau? Saya rasa itulah perkara yang ditanya-tanya oleh rakyat Malaysia.

Ini kerana kita tidak mahu keadaan di mana apabila beliau menyalahgunakan kuasa, tidak ada sebarang tindakan diambil dan hanya rakyat dimangsakan. Itu saya rasa satu perkara yang amat penting dan sekiranya kita hendak pastikan keadilan, rakyat dan negara kita harmoni, saya rasa satu asas penting undang-undang ialah *rule of law must be fair and justice*.

■2400

Kalau tidak, saya rasa susah kita untuk menemui keharmonian dan keamanan yang diidamkan oleh pihak semua. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Yang di-Pertua: Belakang, hadapan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tujuan rekod dalam Dewan yang mulia ini. Saya sudah tanya dua kali tentang, ini kali kedua tentang komitmen kerajaan terhadap perkataan '*against any government*'. Saya betul-betul minta kalau Yang Berhormat menteri, tak dapat jawab, kita tak ada rekod dalam Dewan yang mulia ini, apakah tafsiran Yang Berhormat Menteri. Ini kali kedua saya minta budi bicara supaya Yang Berhormat Menteri sila jawab dan jelaskan bahagian itu.

Untuk tujuan rekod juga dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kali ketiga saya sedang tanya, apakah komitmen kerajaan terhadap kes-kes tangkapan, siasatan dan pendakwaan yang berkaitan dengan *against the government*. Saya sudah katakan tadi, terhadap kerajaan sekarang bukan lagi, kalau ikut undang-undang ini, kalau naluri undang-undang ini mengatakan tiada lagi. So apa salahnya kementerian bagi komitmen? So ini adalah kali ketiga sejak kita mula bincang rang undang-undang ini saya sudah tanya komitmen ini. Tak ada apa-apa komitmen daripada Yang Berhormat Menteri.

So ini adalah peluang terakhir untuk Yang Berhormat Menteri untuk beri komitmen ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, dalam *Hansard* tak ada apa-apa komitmen terhadap rang undang-undang ini boleh disalahgunakan, boleh di seleweng selewengnya, boleh ditadbir untuk penggunaan untuk pemerintah. Kalau kita hendak menegatifkan persepsi ini, Yang Berhormat Menteri mempunyai kewajipan, amanah dan tanggungjawab untuk menjawab dua komitmen yang saya sedang menuntut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya sedikit keliru bila dalam ucapan dasar semasa Yang Berhormat Menteri menjawab telah menegaskan bahawa undang-undang dipinda untuk menjaga kesatuan *or the unit the integrity of the territory* iaitu tidak membenarkan sesiapa untuk menghasut keluar dari Malaysia, bukan sahaja Sabah, Sarawak. Akan tetapi pindaan ini keluarkan ayat ini, saya harap ini bukan satu tindakan politik.

Kalau betul kita tidak mahu membenarkan siapa-siapa keluar untuk menghasut keluar daripada Malaysia, patut pindaan ini, ayat ini dikekalkan. Bila kita letak dalam rang undang-undang, kemudian ayat ini dikeluarkan seolah-olah kita memberi satu isyarat bahawa dikeluarkan dari Malaysia ini dibenarkan. So itulah sebab saya ingin faham, apa tujuan kerajaan selepas bentangkan rang undang-undang ini, kemudian secara spesifik keluarkan ayat ini "*A excites a person or a group of persons to demand for the succession of the state B from Malaysia. Such act is seditious.*". Bila keluarkan maksudnya, bukan lagi *seditious*. Itu adakah ini maksud tindakan pindaan kepada rang undang-undang pindaan ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang timbul dengan seksyen 3(3) ini adalah bahawa jika kerajaan dan Yang Berhormat Menteri komited bagi memastikan ada keadilan bagi sesiapa yang disiasat ataupun dituduh di bawah Akta Hasutan ini, mengapa perlu dikekalkan lagi satu seksyen yang menyatakan bahawa *intention* itu adalah *irrelevant*, tidak logik. Jikalau memang ada komitmen, jangan kekalkan seksyen ini. *Intention* mesti menjadi satu faktor di dalam mana-mana statut jenayah.

Itu masalahnya apabila kita mengambil *wholesale* satu ordinan daripada zaman penjajah kerana seksyen ini termasuk yang menyatakan bahawa *intention* itu tidak relevan diambil daripada *drafting* Sir James Stephen, daripada kurun ke 19. Versi itu yang masuk di dalam seksyen 124A *Penal Code* India

yang lama dalam kurun ke-19. Seksyen 124A daripada *penal code* India, itu yang diambil dan dijadikan *Sedition Enactment* dan selepas itu *Sedition Ordinance* di Malaysia dalam tahun 1948.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bezanya ini, di England undang-undang *sedition* lebih adil, tidak menurut apa yang digubal oleh Sir James Stephen yang digubal khas untuk negara-negara jajahan British. Bermakna, yang dijajah dikenakan satu skim undang-undang *sedition* yang lepas represif dan menindas.

Di England, skimnya lebih liberal. Kita pula hari ini ikut skim represif penjajah oleh Sir James Stephen pada tahun 2015 di Malaysia ini kita lupakan skim yang lebih liberal di England pada masa itu walaupun sekarang tidak ada lagi di Britain, tidak lagi digunakan kesalahan menghasut tersebut.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat Menteri, tidak perlu kekalkan elemen ini, itu jelas, saya rasa tidak ada jawapan kepada isu ini. *There must not be such a section*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya nak tanya. Saya pendek sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, tentang ini *seditionous word*. Saya hendak tahu, kalau kita kata Barisan Nasional ini kejam, adakah ini *seditionous* ataupun tidak? Kalau kita kata, tumbangkan Barisan Nasional, adakah ini *seditionous* ataupun tidak dan juga UMNO celaka. Adakah ini *seditionous*kah? Dan juga turun, turun, turun Najib dan pecat IGP, adakah ini *seditionous*, hasutan ataupun tidak? Kita mahu *clarification* kerana kita ada pilihan raya kecil di Permatang Pauh dan juga Rompin akan datang. Jadi kita hendak mahu adakan kempen dengan lebih selamat. Jadi hendakkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya jawab Yang Berhormat Seputeh dululah. Katakanlah orang Barisan Nasional kata, mampus, mampus, mampus DAP. *Seditionous* tak? [Ketawa] Tak! Jahanam, jahanam, jahanam DAP! Kalau umpamanya, *go to hell* DAP!

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Is not seditionous*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Selalu, selalu, selalu...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: *Not seditionous okey, is not seditionous*lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita baca dalam *internet*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ikut dengan apa yang dikatakan. Setuju!

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebab, di dalam pindaan itu mengatakan *seditionous*...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Setuju kepada apa yang dikatakan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Asalkan mengkritik kerajaan tetapi tidak menyebabkan *damage of property* atau *person*, okey. Kalau itu diterima oleh DAP, kita pun kerajaan yang telus. Okey, itu selesai satu masalah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Marah orang tak mungkin *seditionous*, *Minister*.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Okey, Yang Berhormat Kapar. Hendak kena main apa? *You* hendak apa? Hendak perangkap saya? [Ketawa]

Seorang Ahli: Jumpa dekat *toilet*lah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Soal ini, ya jumpa dekat *toilet*. [Ketawa] Soal ini Yang Berhormat Kapar, kita tahu bahawa yang dikatakan *against any government*. Tiga perkara, tiga komitmen yang saya minta. Kita serah kepada AG. Okey, AG lah yang menentukan sama ada kes itu ada atau tidak, kemudian bawa kepada pendakwa raya. Perlu apa komitmennya kepada saya dalam Dewan yang mulia ini? Saya fikir begitulah patut jawapannya. Kemudian tentang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Begitu juga tentang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tentang Yang Berhormat Bagan yang menyebutkan tentang *burden of prove* dan juga niat yang tidak perlu dibuktikan. Saya fikir dalam perkara ini, saya telah menjelaskan ketika saya menggulung tadi dan juga semasa pembentangan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Dan saya harap dalam perkara ini, dengan tidak berniatlah, tidak berniat untuk memanjangkan perbahasan ini, saya minta...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Bangun 15 orang, kita buat belah bahagilah. Supaya kita boleh buat belah bahagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, *no, no*, Tuan Yang di-Pertua, *I say*, 1960 Yang Berhormat Menteri ada terangkan komitmen dia. *Why can't our Menteri make the same thing?* Dia boleh tanya saya perangkap dia Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri kata, saya duduk sini perangkap dia. Kita penggubal undang-undang dan saya minta komitmen, saya minta penerangan, saya minta penjelasan, dia boleh salahkan saya.

■0010

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri sudah duduk, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tahu, Tuan Pengerusi tetapi adakah kita bodoh macam ini? Tuan Pengerusi, ini amat tidak adil.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tidak jawab semua perbahasan daripada Pakatan Rakyat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *How can he do like that.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sepanjang ingatan saya, inilah tujuh tahun saya duduk dengan Yang Berhormat. Sejak bila juga saya memaksa Yang Berhormat Menteri untuk menjawab kepada persoalan? Tidak boleh saya memaksa, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Betul, Tuan Pengerusi tidak boleh paksa.

Tuan Pengerusi: Jadi kalau sebelum ini belum saya memaksa seorang Menteri, tidak akan hari ini saya memaksa pula seorang Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri mesti ada tanggungjawab.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 4 hingga 5 – Pindaan:

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Selamat pagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, Yang Berhormat. Baru Yang Berhormat sedar bahawa sekarang sudah pagi? Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya berterima kasih kerana Tuan Pengerusi membenarkan saya berucap. Untuk makluman, saya memohon pindaan supaya keseluruhan seksyen 4 dipinda dengan dibatalkan. Huraian saya adalah kalau kita lihat kepada seksyen 4 Tuan Pengerusi, dia memperkenalkan beberapa pindaan yang bagi saya kalau saya dalam semua pindaan yang dicadangkan dalam bil ini, bagi saya seksyen 4 ini ialah pindaan yang paling *draconian*, iaitu segala *draconian* itulah.

Kalau kita lihat – saya hendak baca sikit dalam *explanatory statement* di bawah *last* sekali, *financial implications. This bill will not involve the government in any extra financial expenditure.* Saya ingin mencadangkanlah sepatutnya tadi masa bentang itu patut buat begini. *This bill will involve the Barisan Nasional's Government in extra tyranny and torture.* Oleh sebab apa saya kata begitu? Saya kata begitu sebab seksyen 4 ini, inilah seksyen yang selalu digunakan untuk mendakwa mana-mana Ahli Parlimen, rakyat dan sebagainya.

Seksyen 4 yang asal itu pun sendiri sudah berbentuk *draconian*. Saya pun berasa hairan, kalau betul hendak pinda seksyen 4 ini, seharusnya seksyen 4(1)(b) itu yang patut dipinda kerana dia begitu umum. Kalau kita lihat kepada seksyen 4(1)(b) yang asal, saya bacakan dalam naskhah yang asal, *'Mana-mana orang yang menyebut apa-apa perkataan menghasut'.* *Very general.* Apa sahaja perkataan menghasut. Akan tetapi pindaan tidak dibuat ke atas seksyen 4(1)(b) ini sebaliknya hendak dipinda seksyen 4 ini dipinda dengan menghapuskan sekali hukuman denda.

Sekarang ini, seksyen 4 ini kita boleh katakan sesiapa sahaja yang bersalah akan pasti masuk penjara dan penjara pula dia ada *minimum sentence* pula iaitu tiga tahun. Dia tidak ada – yalah. Dia bukan sahaja hendak *disqualify* tetapi hendak memastikan orang-orang ini tidak berada di luar kerana mereka tahu bahawa orang-orang ini amat berpengaruh untuk membentuk pemikiran rakyat dan sebagainya. Akan tetapi yang lebih malang lagi, tidak cukup dengan seksyen 4 itu dipinda, menghilangkan hukuman denda itu masuk pula seksyen 4(1)(a). Seksyen 4(1)(a) ini pula bukan sahaja dia membentuk banyak kesalahan. Kita nampak (a), (b), (c), (d). Kita ingat mungkin empat sahaja. Sebenarnya tidak. Saya hendak baca 4(1) *Any person who –*

- (a) *does or attempts to do, or makes any preparation to do, or conspires with any person to do, any act which has or which would, if done, have a seditious tendency;*
- (b) *utters any seditious words;*

- (c) *prints, publishes or causes to be published, sells, offers for sale, distributes or reproduces any seditious publication; or*
- (d) *imports any seditious publication.*

And by such act causes bodily injury or damage.

Pertamanya saya hendak tanya, kenapa hendak banyak sangat salah ini? Sampai kesalahan *attempt* pun hendak kena juga. *Attempts* ini kalau dalam perundangan ini dia satu *incomplete act*. Satu benda yang tidak membentuk satu kesalahan yang sempurna. Oleh sebab itu kalau dalam seksyen 511 Kanun Keseksaan, apa sahaja kesalahan berkenaan dengan *attempt* ini, hukumannya mesti separuh daripada hukuman kesalahan asal. *In other words*, kalau kita mencuri, hukuman dikatakan tiga tahun penjara, maka hukuman bagi *attempt* setengah bagi hukuman penjara itu.

Jadi saya tidak tahu. Oleh kerana kita sini ada hukuman mandatori ini, macam mana kedudukan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri?

Keduanya saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana pula dengan (a), (b), (c) dan (d) ini? Kita hendak baca *conjunctively* kah, *disjunctively* kah? Tidak jelas. *As far as I'm concern this* seksyen 4(1A) terlalu *cumulated*. Masukkan banyak benda dalam satu seksyen itu yang akan menyebabkan bukan sahaja kita sebagai peguam bela yang akan membela kes-kes seperti ini, tidak tahu apa sebenarnya yang dimaksudkan itu. Saya bagi contoh. Adakah *any person who does, any act which has seditious tendency and by such act also ...*, satu kesalahan. *Or any person who attempts to do any act which has if done seditious tendency and by such act cause ...*, sudah dua kesalahan. Kalau kita baca, kita pergi satu-satu ini, dekat sini saya rasa dekat berpuluh-puluh kesalahan.

Inilah contoh masa saya ingat masa kita buat Akta Kesalahan Pilihan Raya dulu. Masuk semua. Apabila Almarhum Tok Guru Nik Aziz kata sesiapa dijanjikan syurga, dengan ceramah itu, kerajaan terus *react* tambah satu lagi kesalahan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya, sesiapa yang menjanjikan syurga, adalah salah melakukan kesalahan pilihan raya. Kami semasa berhujah dekat mahkamah kami kata *this is Nik Aziz's clause*.

Maknanya tidak boleh orang cakap sikit, terus buat undang-undang. Ini kerajaan apa saya pun tidak tahulah. Maknanya terlalu mudah sangat. Maknanya sekarang ini seksyen 4 itu sudah banyak kesalahan. Kenapa kita masukkan 4(1)(a) lagi ini? Sampai penyediaan, *make preparation*. Sampai *copious*. Semuanya dimasukkan sebagai kesalahan. Adakah wajar? Itu saya pelik. *Expenders statement* kata kerajaan janji untuk batalkan Akta Hasutan. Paling kurang kalau kita tidak batalkan pun, kita kekal satu skop. Itu paling kurang. Kita kekalkan satu skop. Ini sudahlah tidak batal satu hal, tangkap lebih ramai orang. Tangkap pula orang sebelah sini, sebelah sana tidak ada.

Tadi Yang Berhormat Menteri boleh kata kita tidak bersikap diskriminasi dan sebagainya. Saya tidak tahulah Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri mungkin sudah kabur mata atau telinga sudah kurang dengar atau saya tidak tahulah. Yang Berhormat Menteri boleh baca *Hansard* Parlimen tahun 1993 di Parlimen ini di mana kebanyakan Ahli Parlimen Barisan Nasional ini berucap yang jelas mengandungi kecenderungan menghasut. Menghasut raja.

Dalam kes yang kita lihat hasil daripada kes yang melibatkan pemain hoki itu. Saya masih ingat surat khabar Utusan Malaysia itulah lubuk perkauman, lubuk hasutan dan sebagainya, tidak ada langsung didakwa. Pernah sekali tunjukkan satu gambar muka depan kubur raja dan kubur orang biasa. Antara dua darjat. Saya masih ingat lagi. Kalaulah akhbar Harakah, kalaulah Rokat, katakan hari ini dia siarkan kubur macam itu, hari ini siar, semalam sudah kena tangkap. Maknanya dia punya hebat polis ini. Hendak katakan betapa dalam pelaksanaan ini, kita ini tidak jujur. Kita diskriminasi tetapi Yang Berhormat Menteri boleh kata tunjukkan kami diskriminasi.

■ 0020

Saya pun peliklah apabila ada dalam Ahli Parlimen ini yang kata kita jangan hina raja sedangkan mereka lah juara yang hina raja ini. Ahli Parlimen Barisan Nasional ini ada masalah amnesia kah. Pelupa kah. Kalau ada masalah, dekat sebelah ini ada klinik tahu. Minta ubat. Mungkin boleh lupakan. Lepas itu saya peliklah kalau orang macam Yang Berhormat Ketereh yang pernah lantik raja dekat pokok ketapang itu. Ini semua, kita diam saja. Tapi kita boleh cakap kita mesti pertahankan raja. Hendak muntah kita dengar tahu.

Beberapa Ahli: Ketawa.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ketereh disebut dan disebut dalam ayat, saya melantik raja di pokok di ketapang, saya mencabar Yang Berhormat Sepang untuk mengulangnya di luar.

Seorang Ahli: Ulang di luar.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okay, tidak ada masalah. Dengar dulu dekat dalam dulu. Saya hendak katakan isu, dengar dulu, sabar dulu. Saya hendak katakan benda yang dikatakan ini dia jadi satu *common knowledge*. Sebelum ini orang sudah cakap dekat luar sudah. Buat saya hendak ulangkan dekat luar lagi. Sudah, orang sudah cakap dekat luar sudah.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: See, siapa takut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okeylah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Buat apa takut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Orang cerita pun boleh keluar, baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang duduk, Yang Berhormat Sepang duduk. Yang Berhormat Ketereh duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Ketereh duduk. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sebelah sini Yang Berhormat Menteri. Tadi pagi saya dengar perbahasan daripada Yang Berhormat Puchong, daripada Yang Berhormat Pandan, daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berhujah berapi-api tetapi dikhususkan kepada akta yang dibahas. Saya berkeyakinan bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berbahas begitu tetapi sengaja tidak

berbahas seperti begitu. Kenapa? Sila teruskan. Elakkan perkara-perkara seperti begitu kerana ianya mengundang reaksi seperti tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya hendak kata begini. Sebenarnya tentang UMNO terlibat ini dalam memburukkan raja ini, perkara jadi boleh baca buku karangan Dato' Dr. Rais Yatim. Kalau tidak ada buku itu boleh dapatkan. Dalam itu diceritakan bagaimana tahun 1993 ini, boleh tengok *Hansard* Parlimen, boleh tengok keratan-keratan akhbar bagaimana ketika itu UMNO berpesta menghina raja ini. Saya rasa raja tidak akan lupa. Saya katakan begini, dalam kes jenayah ini tidak ada *limitation period*, tidak ada *we are not bound by limitation act*.

Maknanya kalau betul kita kata kita serius hendak memerangi hasutan ini, saya cabar kepada Yang Berhormat Menteri, saya cabar kepada pihak polis. Kalau betul sila dakwa semua mereka-mereka yang bercakap di Parlimen ini sebab kita kata Parlimen tidak kebal. Sepatutnya kalau kita hendak menjaga *privilege* ahli Parlimen, patutnya kita buat pindaan ini, kita mengatakan sudah cukuplah akta ini terpakai oleh Parlimen. Kita batalkan. Patutnya begitu. Ini tidak ada langsung komitmen malahan Yang Berhormat Lembah Pantai pula ditangkap. Memang kalau ikut undang-undang sekarang ini kita boleh hendak salahkan, memang itulah undang-undang yang ada. Mereka Ahli Parlimen tidak selamat bila bercakap.

Itu yang saya maksudkan. Seksyen 4 itu sudah ada kesalahan, sudah banyak kesalahan yang boleh didakwa di situ. Tiba-tiba kita masukkan pula 41 (a) dan masukkan pula kita masukkan dengan kita borong segala-galanya sampai ke arah *preparation* pun kena. Bukankah ini Yang Berhormat Menteri *draconian*. Yang Berhormat Menteri, kalau undang-undang seperti ini sepatutnya Yang Berhormat Menteri beritahu dengan, saya tidak mahu undang-undang seperti ini. Yang Berhormat Menteri, jangan salahkan *draft man*, jangan salahkan poliskah, jangan salahkan ini.

Sebenarnya bagi saya undang-undang ini menunjukkan bangsa Malaysia *because law is a reflection of the will of the government*. Maknanya ini melambangkan kehendak kerajaan, apa dia hendak. So nampak sangat dia hendak *criminalize* banyak perkara dan dia hendak *widen the scope* itu sampai kalau boleh sampai semua orang walaupun mungkin tidak aktif dalam itu, kena juga. Bayangkan. Bukan *publish, cost to be published* itu kalau dalam perundangan, sesiapa. Sebagai contoh kita muat dalam *Facebook* tiba-tiba orang ada komen. Kita boleh kena.

Sebab itu kata sudahlah *you widen the scope*, lepas itu *you* tidak ubah pula dari segi undang-undang ini, kita tidak ubah dari segi yang saya kata tadi yang banyak dikata oleh Yang Berhormat Gombak, oleh Yang Berhormat Padang Serai dari segi hendak membuktikan kesalahan ini paling. *You* tidak perlu buktikan benda itu salah atau betul. Paling kurang kalau kita didakwa di bawah *deformation* Seksyen 500 Kanun Keseksaan, kita boleh mengemukakan pembelaan, *fair comment, justification*. Ada pelbagai. Akan tetapi yang ini, kita kata kita cakap betul pun tidak boleh. Bayangkan. Kadang-kadang saya pun hendak faham pun susah. Mendiang Karpal Singh kerana kata hendak saman Sultan Perak, kena dakwa.

Dia pernah saman Sultan Selangor dalam isu *pardon board*. Apabila dia saman tidak kena dakwa. Dia kata saya akan saman, kena dakwa. Tidak pelik kah undang-undang macam ini. Akan tetapi, inilah undang-undang negara kita yang kita cintai. Inilah undang-undangnya yang kita terpaksa bersengkang mata pagi-pagi bincang benda ini. Sebab seksyen seperti inilah yang menyebabkan kita sanggup demi rakyat. Kalau kata Yang Berhormat Kinabatangan kita demi rakyat.

Kami sebenarnya demi rakyat kerana kami tidak mahu undang-undang ini disalah guna, kenakan kepada rakyat-rakyat yang tidak berdosa, yang bercakap benar, yang menentang kezaliman, yang mendedahkan kebobokan Kerajaan Barisan Nasional. Kita dedahkan semua ini, kita diri sendiri. Tidak apa kita sanggup. Bagi kita inilah perjuangan kita yang sedikit untuk kita hendak lepaskan rakyat daripada cengkaman Barisan Nasional.

[Tepuk]

Biarlah kita tidak tidur tidak apa. Esok pagi pun saya akan pergi Mahkamah bersama dengan Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu ini kes Bersih 1.0 itu tidak habis lagi. Bersih didakwa. Orang pakai baju kuning tidak boleh, semua ini dia hendak dakwa. Seminggu ini *we are been terrorize by* Barisan Nasional dalam Dewan ini. *We are been terrorize but we have no protection*.

Okey, saya hendak kata bahawa kalau paling kurang pun kalau hendak denda janganlah ada lagi. Saya sudah banyak kali dalam Parlimen ini kata jangan ada minimum *sentence* sebab minimum *sentence* ini kita ikat tangan hakim dan Seksyen 400 (a) ini lagi teruk. Paling kurang, hendak cakap macam mana lagi Barisan Nasional, saya tidak tahulah.

Seksyen 4 ini kalau kita kena dakwa, kita masih boleh lagi kata, *okey at least* Yang Arif tolong *involve board over* Seksyen 137, 173, 294 tapi Seksyen 41(a) ini even kalau kita terlibat dalam *preparation* pun, kita kena paling kurang 3 tahun. *5 year not exceeding 20 years*. Yang ini yang asal lah. Maknanya 3 tahun, sudah dipinda 3 tahun. 3 tahun masuk penjara. Kalau kita kata Yang Arif oleh kerana ini kesalahan kali pertama, minta *bond over* bawah seksyen 173 (a) ataupun 294, dia masuk pula seksyen 6(a). Dia kata apa, Seksyen 173 (a), 273, 294 *of the criminal code shall not apply in respect offences other subsection 4, subsection 1(a)*. Maknanya *confirm* masuk penjara.

Tidak, kalau ini, kalau tidak nama zalim tidak tahu hendak letak nama apa lagi. Ingat tahu zalim, doa orang yang zalim ini, doa orang zalim tidak ada hijab tahu. Dia *direct* terus kepada Tuhan.

Seorang Ahli: Tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau sudah tahu, jangan zalim. Sudah tahu zalim lagi buat apa. Apa punya kepala otak ini.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah tahu zalim, sudah tahu doa itu orang zalim, dia masih zalim lagi. Apa punya kepala otak pun tidak tahulah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Ini, siapa yang zalim.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okeylah, tarik balik, bukan kepala otak lah. Takut...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Awak yang tidak ada otak. Siapa zalim? Zalim ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pemikiran, pemikiran.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kami juga berdoa, awak zalimkan kami...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak tarik balik, saya hendak tarik balik. Sudah pukul 1.00 pagi ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kami juga berdoa supaya awak menzalimi kami.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau kita pinda pukul 8.00 malam, saya boleh lagi cakap lagi. 1.00 pagi sudah ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Soal Allah Taala jangan sebut. Kita boleh ada Allah Taala.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey I *withdraw*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, *withdraw* lah,

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tarik balik.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Mana boleh buat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, ahli Yang Berhormat,

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Zalim itu *interpretation you man*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Menteri duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Zalimlah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berdoa kepada Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dia berdoa kepada Allah seolah-olah kami ini zalim.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat. Duduk. Duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim; Dia tidak boleh anggap kami. You tidak boleh zalimkan kami.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa yang zalim, apa yang zalim. Apa yang kami zalim.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri...

■0030

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dengan lain tidak apa, dengan Allah Taala jangan sebut macam itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa yang kami zalim?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Awak zalim.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa yang kami zalim?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Awak tuduh kami zalim, zalim apa pada kamu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang zalimlah akta ini.

Tuan Pengerusi: Tolong Ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Undang-undang zalim.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, duduklah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Everybody know this is zalim act.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sepang, duduk Yang Berhormat Sepang. *Lailahaillallah.* Apa yang dibincangkan ini Akta Hasutan. Kalau Ahli Yang Berhormat sendiri tidak boleh *control* perasaan, apa lagi orang di kampung. Jadi, *control* perasaan itu Ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Ya, tetapi itu saya sebut kalau berhujah itu mesti disulami dengan tanggungjawab, jangan mengundang reaksi negatif. Berkali-kali diberi amaran. Kalau lagi sekali Yang Berhormat Sepang *you* ulang, saya suruh *you* berhenti. *[Dewan riuh]* Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, saya hendak dapat penjelasan. Adakah dalam Malaysia ini tidak boleh sebut perkataan zalim? Perkataan zalim ini, adakah hendak dihapuskan daripada kamus? Saya kata ini akta zalim, apa salahkah? Di mana salahnya? Saya bagi bukti-bukti kenapa zalim. *Preparation...*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang lain, diam dahulu. Yang Berhormat, ayat Yang Berhormat itu adalah ekor daripada ayat-ayat yang membawa pengertian yang kerajaan ini zalim. Itu sebab kenapa ada reaksi. Saya dengar Yang Berhormat, saya dengar. Ahli Yang Berhormat tidak ada sebut bahawa akta ini yang zalim. Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa ini mencerminkan kezaliman orang sebelah sana.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Betullah, apa...

Tuan Pengerusi: Tolong Yang Berhormat, jangan begitu. Kadang-kadang saya cuma tidak tegur. Cuma saya tidak tegur.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pokok Sena, jangan lagi campur Yang Berhormat Pokok Sena. Ini sudah pagi ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, *I am very confuse.*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat. Kalau boleh Yang Berhormat gulung supaya yang lain boleh berbahas, saya boleh kemukakan masalah.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila. Kalau tidak, saya akan berhentikan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, sedikit sahaja, sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, saya bercakap ini mungkin nada saya tinggi, saya akui. Saya bercakap ini nada saya tinggi sebab saya melihat kezaliman, saya mewakili orang-orang yang dizalimi dengan mahkamah.

Beberapa Ahli: Podah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa podah? Hendak, bangunlah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ini saya bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya bangun, bangun. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini bentang ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Silap faham, ini saya bentang. Belum lagi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana Yang Berhormat Sepang memberi laluan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, ini *I'm presenting okay*.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, boleh Ahli Yang Berhormat yang lain diam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini tengah bentang.

Tuan Pengerusi: Dia membentangkan usul, saya yang menentukan sama ada dia boleh mencelah atau tidak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekarang sudah boleh pula?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya sudah minta laluan.

Tuan Pengerusi: Kalau saya benarkan, dia boleh, kalau dia kasi boleh. Akan tetapi kalau Yang Berhormat lagi berucap lagi begitu, saya berhentikan kerana ia mengundang kekecohan. Begitu. Yang Berhormat Ketereh, duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Pengerusi: Tidak apa. Biar dia kasi habis dahulu. Selepas itu saya akan jemput Ahli Yang Berhormat untuk berbahas. Biar simpan itu dahulu Yang Berhormat Ketereh. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak dapatkan satu *guidance* daripada Tuan Pengerusi yang bijaksana.

Seorang Ahli: Kan begitu bagus.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab dia tidak zalim sebab itu saya tidak kisah, saya cakap bagus. Saya mengatakan akta ini kerana kita *introduce section 4(1A)* ini, bagi saya ini satu kezaliman. Kezaliman ini mencerminkan kezaliman kerajaan yang memerintah, yang memperkenalkan undang-undang ini. Bolehkah Tuan Pengerusi? Bolehkah? Boleh atau tidak boleh Tuan Pengerusi? Diam. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* "Diam bererti setuju". Okeylah. Tidak, dalam prinsip *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Saya menganggap Tuan Pengerusi tidak ganggu, saya boleh cakap. Okey saya hendak ulang balik, saya hendak ulang dengar betul-betul, saya hendak ulang, dengar ini. Ini akta zalim yang diperkenalkan oleh kerajaan yang zalim. Salahkah?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oh, maknanya ...

Seorang Ahli: Kurang ajar.

Seorang Ahli: Intonasi sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang berhenti, jangan lagi berucap. Saya akan bentangkan masalah ini untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sepang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Ketereh.

12.35 pg

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sebenarnya saya asalnya Tuan Pengerusi, hendak mencelah sahaja tadi. Tidaklah berhasrat untuk terikut-ikut dengan tempo seperti Yang Berhormat Sepang. Sekali-sekala dia membaca ayat al-Quran dan dia mewakili Parti Islam Se-Malaysia, walaupun perangai dia seorang berbeza dengan Ahli-ahli PAS yang lain.

Tadi dia bercakap tentang soal zalim. Saya percaya Yang Berhormat pernah bertemu dengan ayat, *[Membaca sepotong ayat dalam al-Quran] "Membuat fitnah itu lebih zalim, lebih dahsyat daripada membunuh"*. Saya tak nak ambil contoh yang banyak. Yang Berhormat dalam Dewan ini baru lagi memfitnah saya. Zalimkah tidak perbuatan Yang Berhormat memfitnah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak tanya boleh? Dekat mana saya fitnah? Dekat mana saya fitnah? Tunjukkan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Duduk dahulu, duduk. Sekarang giliran saya. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat relaks ya, bertenang. Yang Berhormat beristighfar banyak-banyak. Kita bercakap perlahan-lahan supaya kita boleh berfikir.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat *claim* Yang Berhormat ada *double degree*, jangan tunjuk macam budak darjah 6, tadika. Saya ulang lagi sekali. Yang Berhormat adalah seorang Ahli Parlimen daripada Parti Islam Se-Malaysia. Walaupun gaya Yang Berhormat berbeza dengan Ahli-ahli Parti Islam Se-Malaysia yang lain, lalu saya bertanya apakah Yang Berhormat pernah bertemu ayat ...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, ini luar tajuk Tuan Pengerusi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *You shut up, shut up. This is my floor.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *You shut up.*

[Dewan riuh]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *You shut up, this is my floor.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *You shut up.*

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Ketereh...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *This is my floor.*

Seorang Ahli: Terlanjurlah macam itu, larut malam, malam Jumaat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tentu pernah bertemu dengan ayat, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang membawa maksud “*Membuat fitnah itu lebih zalim daripada membunuh*”. Antara fitnah - yang lain saya tidak tahu, saya tidak boleh hendak *confirm* sebab tidak kena pada diri saya.

Saya cuma boleh sebut kepada Yang Berhormat secara berdepan dalam *Hansard* tentunya ada dan saya ada hak-hak tertentu kalau Yang Berhormat membuat fitnah terhadap saya mengikut peraturan-peraturan tertentu di dalam Dewan. Akan tetapi oleh kerana ini sudah malam terakhir, esok tidak ada sidang, barangkali saya tidak perlulah mengguna hak-hak saya yang tertentu bila saya difitnah. Cuma saya mengingatkan Yang Berhormat.

Yang Berhormat telah menyebut saya telah menabalkan Raja di bawah pokok ketapang. Satu tuduhan yang amat serius sebab saya Ahli Parlimen. Saya duduk di negeri yang beraja. Kalau itulah merupakan satu fakta dan bukan fitnah, maka tentulah tidak ada apa-apalah Yang Berhormat. Akan tetapi saya berani menyatakan itu fitnah. Oleh sebab itu saya memberi peluang kepada Yang Berhormat sebagai seorang Ahli Parlimen yang punya *double degree*, Ahli Parlimen yang boleh belasah semua orang, Ahli Parlimen yang bila ada mencelah begini ajak orang suruh bangun. Lebih pada gengster di Chow Kit Road. [*Dewan riuh*]

Yang Berhormat jadikan maruah Parlimen ini macam pasar, milik bapa Yang Berhormat. Maka, sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, sebagai seorang Ahli Parlimen yang berani, Ahli Parlimen yang menentang kezaliman, Ahli Parlimen yang bertanggungjawab dengan *statement* yang dikatakan, saya secara *gentlemen* esok mengundang Yang Berhormat mengulang apa Yang Berhormat kata di luar. Kalau payah, saya tolong aturkan sidang akhbar. Saya tolong aturkan sidang akhbar dan ulang apa yang ada di dalam *Hansard*.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Pasir Puteh sila duduk, saya berucap ini.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya tidak ada kena-mengena dengan Yang Berhormat Pasir Puteh...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Mungkin untuk menerangkan bahawa perkara ini berlaku di sidang Dewan Undangan Negeri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat juga boleh *join*, Yang Berhormat boleh *join press statement* esok.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Tidak, yang tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa itu tidak berlaku. Sudah berlaku di Dewan Undangan Negeri. Apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat tadi...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Pengerusi, saya melihat Yang Berhormat Sepang ini pun ...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: 38(1).

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat duduk dahulu.

■0040

[Dewan riuh]

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: 38(1) Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak kena-mengena dengan Akta Hasutan dengan pindaan. *Point of Order*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya ulang mungkin Yang Berhormat mengantuk dan tidak dengar. Saya ulang sekali. Kalau tidak salah...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *Point of Order, Speaker.*

[Dewan riuh]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Kalau tidak salah...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *Point of Order*, 38(1).

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: ...Pendengaran saya...

[Dewan riuh]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan Mesyuarat !!

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Peraturan Mesyuarat 38(1).

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim: Peraturan Mesyuarat apa? Yang Berhormat Sepang yang bercakap dahulu. Yang Berhormat Sepang tuduh dia, dia hendak *clear*kan dengan Yang Berhormat Sepang. You pakai peraturan apa?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: 38(1).

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim: Yang Berhormat Serdang, you *have nothing to do* Yang Berhormat Serdang.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Dia berdebatlah, bukan *clear*, dia debat. Tidak boleh debat macam ini. Tadi dia kena penjelasan dia.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang hendak rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 38(1).

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ha, tidak boleh tidak boleh.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim: Tidak apa biarlah dia. Kenapa Yang Berhormat hendak sibuk?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak boleh, tidak boleh.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Pengerusi, 38(1).

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat. Apa peraturan mesyuarat yang dibangkitkan ini? Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri hampir semua tidak mematuhi peraturan mesyuarat, tidak apalah, cakap sesuka hati. Berdiri, siapa yang berdiri? Bertengkar. Saya tidak buat apa-apa. Saya duduk sahaja sini.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Bukan, saya hendak rujuk kepada perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi, 38(1) kerana tidak ada kena-mengena dengan Akta Hasutan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya rujuk kepada...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang saya duduk ini Yang Berhormat bukan telinga saya ini pekak, tidak dengar. Yang Berhormat Ketereh menjawab kepada soalan kezaliman yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sepang yang juga itu kalau dikira sudah saya tegur beberapa kali. Jangan mengeluarkan perkataan-perkataan yang mengundang perkara negatif. Sebab itu saya biarkan. Selepas itu Yang Berhormat ingatkan saya kepada peraturan mesyuarat. Daripada pagi tadi saya ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ingat kepada peraturan mesyuarat, sekarang saya pula diingatkan dengan peraturan mesyuarat? Jangan lagi membangkitkan peraturan mesyuarat kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak patuh dengan peraturan mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat tidak layak untuk membangkitkan peraturan mesyuarat.

Sila Yang Berhormat Ketereh dan jangan terlampau berpanjang lebar dengan soal itu. Sudah buat *challenge* itu, sudah. Yang Berhormat yang lain kalau berdiri mahu mencelah, berdiri. Selepas itu ikut peraturan 35. Kalau Tuan Pengerusi nampak, *recognize you did I call you and you may talk. Not* berdiri, belum pun dijemput, tetapi sudah bercakap. Apa peraturan mesyuarat yang dibangkitkan selama ini? Aturan pelanggar-pelanggar peraturan mesyuarat ini tidak boleh dilayan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam tu.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kalau Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Hendak minta laluan sedikit Yang Berhormat Ketereh boleh tidak? Sedikit sahaja. [*Dewan riuh*] Bagilah sedikit, hendak betulkan sedikit sahaja.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya tidak selesai lagi tadi. Saya pun tidak hendak berucap panjang. Saya tidak hendak membuang masa. Saya sekadar mengguna hak saya kerana nama saya disebut. Jadi saya terpaksa memberi penjelasan. Sekurang-kurangnya saya menjelaskan dalam Dewan ini. Kalau fitnah itu, kita tidak perlu risau. Dalam Dewan ini kan dunia. Dalam akhirat akan diadili jugakan Yang Berhormat Sepang kan? Begitu?

Cuma saya memperingatkan supaya takut Yang Berhormat dalam keadaan marah dan sebagainya, dalam keadaan memberikan seolah-olah satu idealisme seorang wakil rakyat. Akan tetapi Yang Berhormat sendiri menunjukkan perilaku yang buruk dalam Dewan yang mulia ini. Mana yang lain saya tidak tahu buruk atau tidak buruk, yang ini untuk diri saya sahaja. Esok saya akan ambil *Hansard*, saya akan tengok apa sebenarnya Yang Berhormat katakan, takut-takut tengah malam begini saya salah dengar.

Akan tetapi setakat yang saya dengar tadi Yang Berhormat sebut Yang Berhormat Ketereh. Secara jelas Yang Berhormat sebut saya Ketereh yang telah pun menabalkan raja di bawah pokok ketapang. Sebagai *Parliamentarian* tuduhan begitu sekiranya benar, adalah satu kesalahan yang sangat berat dan kalau di bawah Akta Hasutan ini memang sepatutnya saya... Saya redha diseret ke mahkamah, di bawah Undang-undang Jenayah boleh *go back* balik kepada belakang kerana tidak ada *limitation*.

Kalaulah betul Ahli Parlimen Ketereh ini pernah menabalkan Raja di bawah pokok ketapang di mana-mana, saya fikir Yang Berhormat bertanggungjawab esok saya undang untuk buat laporan ke balai polis supaya satu penyiasatan dibuat kepada saya yang telah menabalkan Raja di bawah pokok ketapang. Sebenarnya kalau saya tahu di luar sana kerana kita orang politik, fitnah ini sudah lama dikenakan kepada saya. Tetapi saya orang politik lama, saya relaks tidak ada masalah. Cuma dalam Dewan ini saya hendak membetulkan rekod dan memberikan peluang kepada Yang Berhormat. Kita sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab kita mesti bertanggungjawab apa yang kita kata.

Jadi Yang Berhormat telah tuduh begitu kepada saya, saya pun tidak minta Yang Berhormat tarik. Saya memberi peluang kepada Yang Berhormat boleh juga Yang Berhormat Pasir Puteh hendak *joint* sama, saya boleh tolong aturkan satu *press conference*, *repeat* di luar Yang Berhormat Ketereh tabal Raja di bawah pokok ketapang. *[Tepuk]* Itulah barulah kita jadi seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab. Terima kasih Tuan Pengerusi. Setakat itu sahaja, saya tidak hendak berpanjangan.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

12.46 mlm.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang. Saya pergi terus kepada seksyen 4. Saya hendak mulakan dengan menyatakan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang itu memang betul. Kenapa? Memang akta ini akta yang zalim. Seksyen 4 yang diperkenalkan yang masih lagi dikekalkan oleh kerajaan ini adalah seksyen yang sama saya disiasat sekarang di atas ucapan yang saya bawa di Parlimen.

Jadi saya hendak bagi tahu sedikit kepada Tuan Pengerusi, pertamanya hendak ulangi bahawa mengikut *precedence* ataupun kes terdahulu, kalau kita lihat kata-kata hakim, bercakap tentang Akta Hasutan yang sudah lama wujud di Malaysia ini, disebut dalam kes penghukuman bagi Mark Koding, Ahli Parlimen Sabah satu ketika dahulu dengan izin, *"The law of sedition in this country is difficult to understand due to its artificial nature. An until recently even Member of Parliament could not be expected to know why his freedom of speech has been limited over section 3 and 8 of The Houses of Parliament privileges and powers ordinates have not been expressly repeal"*. Jadi semestinya tidak perlu tunggu keluar hendak buat kenyataan umum, sidang akhbar di luar. Dalam Parlimen pun kita boleh disiasat, boleh didakwa. Tidak ada masalah. *Why? Because of the Sedition Act*.

Tuan Pengerusi, rentetan kenapa saya rasakan seksyen 4 ini seksyen yang amat berbahaya. Rentetan sebelum saya...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat boleh saya minta penjelasan sedikit?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Biar saya habiskan, ini *floor* saya. Hendak bercakap, cakap nantilah. Tuan Pengerusi, saya hendak bagi tahu...

[Dewan riuh]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Ketereh...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Relaks, jangan marah nanti cepat tua. Saya cuma minta laluan hendak tanya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ketereh jarang-jarang sahaja bangun Yang Berhormat. Boleh tidak? Saya kali pertama hendak tanya Yang Berhormat, tidak pernah lagi...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi saya hendak terus.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Lembah Pantai tidak bagi laluan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada seksyen 4 ini. Saya hendak maklum rentetan dia apa? Rentetan dia saya berucap ketika itu, dan sehari selepas ucapan di Parlimen, Yang Berhormat Pengerang bangun serang, kata saya telah mengeluarkan kenyataan menghina institusi kehakiman. Okey. Hari selepasnya apa yang berlaku Tuan Pengerusi? Laporan polis daripada siapa? Daripada seseorang yang kebal daripada prosiding Akta Hasutan, namanya Zul Nordin, Naib Presiden Perkasa. Keluar kenyataan di media bukan dalam Parlimen di luar, hina masyarakat dan agama Hindu. Hina keluar laman 'You Tube' tetapi apa yang berlaku, tidak apa tidak ada masalah. Tidak dikenakan tindakan, tidak disiasat dan tidak ditangkap.

Satu hari selepas laporan polis dibuat oleh Zul Nordin sampailah kereta-kereta polis di rumah saya. Itu saya hendak maklumkan ini pengalaman daripada Ahli Parlimen yang memang dikenakan tindakan siasatan di bawah seksyen 4 yang sedang kita bahaskan pada ketika ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Sepang Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat, saya di sini ada satu Wikipedia. Wikipedia ini tajuknya Tengku Ibrahim Tengku Indera Putera Sultan Ibrahim.

■0050

Dalam *Wikipedia* ini di bawah tajuk tuntutan takhta. Saya hendak bacakan ya. Antaranya, "*Long Yunus. Tengku Tan Sri Ibrahim pernah ditabalkan sebagai Sultan Kelantan oleh Tan Sri Anuar Musa di*

padang sekolah Ketereh pada tahun 1993 kerana Sultan Ismail Petra menunjukkan sokongan kepada ayahanda saudaranya Tengku Razaleigh Hamzah". Adakah *Wikipedia* pernah setakat Yang Berhormat Lembah Pantai dengar, pernah dinafikan oleh orang dalam Parlimen ini ataupun oleh Ahli Parlimen Ketereh?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini dalam *Wikipedia* ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya pasti itu maklumat yang...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Sepang...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, ini *floor* saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Sepang bertanya kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Biar Yang Berhormat Lembah Pantai respons dahulu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Sekarang saya minta dengan Yang Berhormat Lembah Pantai untuk bertanya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sekarang saya menjawab Tuan Pengerusi. Saya tidak bagi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Belum jadi kerajaan lagi...
[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya teruskan, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Belum jadi kerajaan hendak tanya pun tidak boleh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *Double standard*.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kenapa harus bisingkan dengan hak-hak Yang Berhormat? Dia tidak mahu ditanya. Tidak ada isu.

Seorang Ahli: Dia takut!

Tuan Pengerusi: Bukan takut.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau takut, kalau pengecut tidak mahu jadi Ahli Parlimen Malaysia ini. [*Dewan riuh*] Yang datang semua ini handal-handal. Sila, teruskan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak maklumkan di sini bila masa kita pergi kepada seksyen 4 terlalu besar maksud yang dirangkumkan dan saya sendiri apabila dipanggil oleh pihak polis yang mengejutkan saya dalam kertas siasatan yang diberikan pada awalnya ASP Muniandy tulis "*Nurul Izzah disiasat di bawah seksyen 4(1)(c) iaitu*

mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa penerbitan menghasut.” Itu dia sebut.

Kemudian bila peguam saya menanyakan, jadi maksudnya kalau didakwa nanti 4(1)(c). Polis mengambil keputusan untuk menukar pula. Dia kata tidak apa, tidak apa. Kita sekarang tukar daripada 4(1)(c) kepada merangkumi seksyen 4(1)(a)(b)(c)(d). Dalam sekelip mata Tuan Pengerusi, tidak sampai dua minit polis yang menyiasat boleh tukar. Dia boleh pilih sama ada a, b, c, d. Itu baru seksyen 4. Belum pindaan lain. Saya hendak maklumkan inilah bahayanya. Bukan bercakap tentang andaian, hipotesis kemungkinan. Ini hakikat yang telah berlaku dan akan terus berlaku. Oleh kerana itu Tuan Pengerusi, bila masa berlaku kejadian sebegini sampaikan dimaklumkan oleh PDRM mereka mahu salinan ucapan yang saya bacakan. Saya kata pergilah *download* daripada laman web Parlimen. *Hansard* kan ada. Dia kata “*Tidak, kerana ucapan yang dipegang itu adalah sama dengan pisau yang membunuh mana-mana mangsa*”. Ini yang berlaku.

Jadi pada saya Tuan Pengerusi, pindaan bila dibawa ke perhatian Dewan Rakyat pada pagi ini kita benar-benar serius. Inilah *option of last result*. Hendak bawa, hendak minta mansuhkan supaya kita lihat kepada akta keharmonian gagal kerana suara *simple* majoriti. Ini kita bawakan pindaan dan saya hendak maklumkan dengan menggunakan rasional yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi seksyen 4 ini tidak lain tidak bukan harus dikeluarkan secara keseluruhan kerana terlalu besar rangkuman dan terlalu banyak yang dapat dilakukan terhadap mana-mana mangsa yang menjadi sasaran.

Ketika ini Tuan Pengerusi harus hargai bahawa Ketua Polis Negara mempunyai *vendetta*, khusus kepada bukan sahaja kami tetapi keseluruhannya 158 orang yang didakwa di bawah Akta perhimpunan di *Peaceful Assembly Act* dan juga Akta Hasutan. Jadi kepada mereka inilah yang dilihat sebagai musuh utama. Jadi pada saya, bila bercakap bab 4(1)(d) yang lebih menyakitkan hati, tidak cukup dengan mengimport kerana itu agak sukar untuk dibuktikan diletakkan *propagate*. Maksudnya mempromosikan menerusi laman web dan sebagainya kerana media elektronik pun dirangkum dalam pindaan yang diperkenalkan.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk bercakap banyak dalam hal ini. Apa yang saya minta adalah sebagai contoh saya kerana bukan saya seorang. Sekiranya kita tidak mengubah, sekiranya kita tidak mengambil serius impak yang ada semua Ahli Parlimen termasuk Yang Berhormat Ketereh bakal dimangsakan menerusi mana-mana seksyen khusus seksyen 4 ini dalam ucapan perbahasan segala apa yang kita bawa mewakili rakyat di Parlimen.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Itu sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Mencilah sebelum Yang Berhormat Lembah Pantai berhenti ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, sedikit Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Seksyen 4 ini Tuan Pengerusi dan saya minta Yang Berhormat Menteri jawab ialah mengenai mana-mana pihak yang dikatakan bersubahat atau sama-sama menyebarkan boleh juga didakwa di bawah Akta Hasutan.

Oleh kerana Ahli Parlimen sepertimana pengalaman Yang Berhormat Lembah Pantai telah disiasat dan ditahan di bawah akta hasutan sudah tentu ucapan di dalam Parlimen itu dicatatkan di dalam *Hansard* sebagai *Penyata Rasmi*. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri dan pendapat Yang Berhormat Lembah Pantai mengikut draf yang ada ini sekiranya ucapan seorang Ahli Parlimen itu dikatakan satu hasutan dan ditahan mengikut akta ini maknanya Parlimen dan mungkin juga Tuan Pengerusi boleh ditahan kerana mengeluarkan *Penyata Rasmi* yang mana teks itu mengandungi kata-kata yang mengandungi ucapan hasutan. *[Tepuk]* Apa pendapat Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai seksyen ini?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Jadi Tuan Pengerusi, memang harus dimuatkan kandungan dan apa yang ditambah oleh Yang Berhormat Pandan. Kenapa? Kerana itulah implikasinya. Jadi pada saya, bila masa dalam kes, dalam siasatan dalam semua definisi yang disebutkan di sini, setiap seorang daripada kita termasuk juga bentara dan semua kakitangan tidak boleh terlepas daripada pemantauan. Jadi dalam kita merangkum, dalam kita memastikan pindaan-pindaan yang diperkenalkan itu *please use some sense*, dengan izin.

Saya tidak hendak cakap lebih-lebih dengan kasar lebih daripada itu tapi maksudnya implikasinya terlalu besar dan apa guna hendak sebut kekebalan imuniti dalam Parlimen kerana itu tidak bermakna langsung dalam konteks akta hasutan yang sedang kita bincangkan. Pada saya ini tidak ada kena-mengena dengan menjaga keharmonian kaum hendak memastikan isu *race and religion* tidak disalahgunakan. Apa impaknya? Rusuhan? Jadi pada saya, mengikut logik kita Tuan Pengerusi, saya pinta jasa baik untuk benar-benar melihat kerana kita tidak mahu salah seorang daripada kita pun dikompromi menerusi pindaan yang kita biarkan semata-mata kerana kita terlalu *arrogant*.

Kita rasa ini pindaan bila dalam bulan depan, mungkin kalau ada lagi sidang Parlimen kita boleh pinda lagi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Akan tetapi imej yang begitu tercalar, di luar sana kita digelakkan. Orang melihat Parlimen di Malaysia ini sebagai satu institusi yang tidak ada kredibilitinya. Jadi, dalam usaha untuk mempertahankan, melindungi nama baik pada saya harus kita ambil tindakan yang serius. Jadi saya pohon pertimbangan daripada Tuan Pengerusi. Saya memang bersetuju penuh dengan pindaan di mana seksyen 4 dikeluarkan sepenuhnya. Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang.

12.58 tgh. mlm.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi kepada cadangan pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang yang hendak cadangkan supaya seksyen 4(1A) ini di *delete* ataupun ditiadakan.

Saya dengar hujah-hujah sebelah sana Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah undang-undang ini terpakai kepada mereka sahaja. Kalau tidak silap saya Tuan Pengerusi sejarah Ahli Parlimen yang mula-mula di dakwa di bawah Akta Hasutan ini adalah Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional Mark Koding. Sudah kena. Bercakap di dalam Parlimen yang saya ingat. Akan tetapi tidak ada lagi saya tengok Ahli-

ahli Parlimen pembangkang yang didakwa di mahkamah bawah Akta Hasutan apabila bercakap di dalam Parlimen. Jadi bermakna undang-undang ini terbukti sudah pun, bukan hanya untuk pembangkang.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Boleh minta?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sudah kena di kalangan kita daripada Barisan Nasional. Ada sedikit. Nanti, nanti bagi. Kalau saya pun misal kata saya cakap, saya sudah ulang memang seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, kebebasan bercakap di dalam Parlimen, memang kita ada imuniti. Akan tetapi kita jangan lupa bahawa di dalam kebebasan kita bercakap kita juga tertakluk kepada peraturan mesyuarat yang jelas yang saya sudah sebut tadi pun.

■0100

Peraturan 36(10) yang tidak boleh bercakap mengenai yang ada kaitan dengan hasutan. P.M.36(10)(c) jelas bahawa, *“Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan kaum yang lain dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan”*. Sudah pun didakwa Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Saya simpati dengan Yang Berhormat Lembah Pantai. Apa Yang Berhormat Lembah Pantai cerita tadi Tuan Yang di-Pertua, itu proses. Memanglah polis ada kuasa, polis bertindak – sebab apa? Sebab ada laporan. Saya tidak pasti, mungkin Yang Berhormat Ketereh nanti boleh mengesahkan. Tadi Yang Berhormat Sepang kata kita Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional waktu meminda Perlembagaan mengenai Raja-raja, kita bermaharajalela. Saya tidak tahu sama ada, ada atau tidak laporan dibuat kepada mana-mana Ahli Parlimen yang ketika itu bercakap dalam Dewan ini yang menyanggah Akta Hasutan. Kalau ada, saya tidak tahu.

Akan tetapi apabila Yang Berhormat Lembah Pantai cakap, laporan ada dibuat. Laporan dibuat ini pula oleh bekas sahabat baik mereka, bekas peguam bela mereka, bukan daripada kita ini. Yang dulu duduk di belakang, jadi jaguh mempertahankan. Ini kenyataan. Jadi sudah tentulah bila polis dapat laporan, dia buat siasatan. Dia buat siasatan pun saya kata, kuasa polis untuk menahan tidak lebih dari 24 jam. Jadi sama ada apa yang dicakapkan itu merupakan hasutan ataupun tidak bila Yang Berhormat Lembah Pantai kata hakim-hakim syaitan, saya ingat ini biarlah, biarlah terpulang kepada pendakwa raya untuk menilai sama ada kata-kata itu merupakan hasutan ataupun tidak.

Jadi saya hendak balik kepada akta ini. Saya pun terkejut – minta maaf Yang Berhormat Ketereh, tadi minta jalan. Oh, tak jadi?

Saya tadi dengar ucapan daripada Yang Berhormat Sepang. Kalau dengar hujah daripada Yang Berhormat Sepang ini seolah-olah undang-undang ini macam undang-undang tangkap tanpa bicara, seolah-olah undang-undang ini macam undang-undang yang didakwa tidak ada pembelaan. Apabila seseorang ini ditangkap, didakwa macam esok siapa juga yang didakwa, ada peluang untuk pembelaan.

Jadi sebab itu kita lihat daripada 4(a) ini, apa salahnya? Yang 4(1A)(a) itu. Ini menunjukkan ialah perbuatan. Kemudian yang (b) itu ucapan. Kemudian yang (c) pula *print* dan yang keempat, import yang sekarang kita dah tukar kepada perkataan yang lain, *propagates*. Jadi tiga-tiga yang ada ini ialah dalam

suasana tindakan ataupun dalam keadaan yang berbeza, bukan sama. Melakukan, bercakap, cetak dan juga di sini masih lagi ditulis import tetapi telah pun dipinda, *propagate*.

Kemudian, kita kena baca rang undang-undang ini sampai habis. Penggantian iaitu di bawah *evidence* di bawah seksyen 6, disebut itu. Bermakna, tidak ada seseorang yang boleh didakwa di bawah seksyen 4(1)(c) or (d) or 4(1A)(c) or (d) ini kalau orang itu tidak tahu. Ada baca. Saya malas hendak ulas sebab semuanya dah baca. Jadi apa yang menjadi masalah yang mengatakan undang-undang ini merupakan satu senjata untuk disalahgunakan?

Jadi oleh itu Tuan Pengerusi, saya lihat bahawa hujah-hujah yang diberi oleh pihak sebelah sana cukup mengelirukan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Tanjong Karang, celahan. Yang Berhormat Tanjong Karang, dengan pindaan terbaru yang dibawa oleh Menteri, seksyen 6 itu melompat sedikit, tidak terpakai untuk seksyen (1A)(d) iaitu *propagates any seditious publication*. Jadi Yang Berhormat Tanjong Karang kalau boleh, sila jawab yang saya tanya tadi. Kalau ada Ahli Parlimen yang ditahan dan didapati bersalah kononnya atas membuat ucapan menghasut di dalam Dewan dan ucapan itu terkandung dalam Penyata Rasmi, dalam *Hansard*, bermakna mengikut akta ini, Parlimen dan Tuan Pengerusi itu bersalah dan boleh ditahan. Macam mana itu, Yang Berhormat Tanjong Karang?

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya dah nyatakan tadi bahawa fasal 4 yang dicadangkan untuk dibatalkan tadi itu, itu perbuatan yang berbeza Yang Berhormat Pandan. Itu saya cakap tadi, maknanya sudah ada sejarah Ahli Parlimen Barisan Nasional didakwa kerana dia bercakap di dalam Parlimen yang mulia ini. Telah pun ada. Yang Berhormat cuba baca. Kita bukan hendak – tadi Yang Berhormat Lembah Pantai pun ada sebut nama kes tersebut. Jadi saya kata, saya bukan pegawai penyiasat. Jadi biarlah pegawai polis ambil *statement*, nanti saya percaya apa juga *statement* yang diambil akan dihantar ke pendakwa raya. Kalau pendakwa raya tengok *no case* untuk diambil tindakan, *no further action* lah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita tidak boleh pertikaikan kuasa polis sebab *report* telah dibuat oleh sahabat baik Yang Berhormat Pandan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya hendak tanya Yang Berhormat sebab perkara ini tadi dibangkitkan oleh pondan, eh, Yang Berhormat Pandan dengan Yang Berhormat Lembah Pantai. Minta maaf. *[Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Cheap shout* lah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Dibangkitkan di situ kononnya berdasarkan pada tafsiran beliau, apabila ada satu *Hansard* dicatatkan tentang ucapan-ucapan yang dianggapkan sebagai *seditious*, maka

banyaklah yang terlibat termasuk Tuan Pengerusi. Tidakkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, jelas ada dalam *provision* akta ini tentang *tendency* ke arah untuk membuat hasutan, dan kalau mencetak, mengeluarkan, tidak ada niat hasutan, mereka hanya menjalankan tugas untuk mencetak *Hansard*, tentulah itu tidak sabit mahkamah. Saya rasa budak sekolah pun boleh faham. Inti pati di situ ialah *tendency* ke arah menghasut. Adakah Yang Berhormat setuju? Itu yang pertama.

Kedua Yang Berhormat, soal banyak sekali dibangkitkan dalam perbahasan dua tiga hari ini ialah soal rintihan kawan-kawan daripada pembangkang yang mengadu yang mereka ditangkap, ditangkap, ditangkap ya, termasuklah Yang Berhormat Seputeh tadi bila dia bawa buah batu berbulu dua biji pada saya, pun dia cakap cerita dia kena tangkap juga tadi. Apa buah saya tidak tahu. Dia bawa tunjuk kat saya dua biji bulu-bulu itu. Bawa dengan tangannya tadi. Pun dia bercerita tentang dia kena tangkap juga. So macam dah ada satu paranoid tentang kena tangkap.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, tangkap itu bukan bermakna orang itu salah. Tangkap itu mungkin untuk istilah yang digunakan untuk membolehkan siasatan dibuat. Mungkin orang-orang yang berkenaan itu dituduh, ada laporan dibuat. Bila ada laporan dibuat, polis kena menyiasat. Dalam kes tertentu, prosedur polis, maka ditangkap ataupun ditahan untuk tujuan penyiasatan. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawasanya polis tidak boleh menentukan orang itu salah ataupun tidak. Mereka hanya menyiasat, mengutip segala maklumat, mereka mesti menyerahkan kepada pihak pendakwa raya. Saya tanya ini sebab Yang Berhormat seorang peguam, saya tidak, saya *town planner*. Jadi saya hendak dapat jawapan pengesahan.

Proses tangkap itu untuk *facilitate* polis menyiasat. Kemudian polis tidak boleh buat kata putus, dia mengangkat segala laporannya kepada pihak pendakwa raya. Pihak pendakwa raya juga tidak boleh menyatakan secara muktamad orang itu salah melainkan dia kena bawa ke mahkamah. Bila seseorang itu pergi ke mahkamah, dia berhak membawa peguam. Tidak cukup satu, dia boleh pakai sampai 27 orang macam sesetengah orang buat. Di situ masing-masing mengemukakan hujah dan akhirnya pentafsiran muktamad setelah menimbang, mendengar dua-dua pihak, barulah hakim yang membuat keputusan sama ada orang itu salah atau tidak. Betulkah tidak fahaman saya begitu, Yang Berhormat?

■0110

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ingat apa Yang Berhormat Ketereh cakap itu 100% betul. Itulah prosedurnya, terpulanglah. Itu saya sudah kata tadi janganlah pertikaikan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya malas hendak ulang benda yang sama. Kalau polis tahan Yang Berhormat Lembah Pantai lebih 24 jam, ada pula prosedurnya. Dia kena bawa pula ke depan Majistret untuk dapat tahanan reman yang lanjut tetapi kalau dia tahan kurang dari 24 jam dia sudah lepas, itu dalam kuasa polis.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya hendak kembali.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini Yang Berhormat Ketereh pun tidak patut panggil pondan. Dia Yang Berhormat Pandan, bukannya pondan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tidak apa Yang Berhormat Tanjong Karang, tidak apa. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya tidak berminat untuk melayan *cheap shot* daripada seorang yang umurnya macam ayah saya dan di dalam Dewan ini. [Dewan riuh] Saya lebih berminat dengan apa yang Yang Berhormat Tanjong Karang sebut kerana perkara ini serius, Tuan Pengerusi. Ini kerana seksyen (1A)(a) dan seksyen (1A)(c) yang dikaitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang dengan seksyen 6 itu, itu melibatkan dengan izin, *tendency* untuk menghasut, memang betul. Akan tetapi seksyen 6 itu mengecualikan kesalahan dalam seksyen 4(d) yang mana kesalahan dalam seksyen 4(1A)(d) *which is* dengan izin, *propagate any seditious publication* tidak melibatkan *tendency* ataupun niat ataupun apa-apa.

Maknanya, kalaulah sesuatu ucapan itu telah dijatuhkan hukuman dan ditetapkan sebagai menghasut, mana-mana pihak yang terbabit bertanggungjawab menerbitkan, mencetak, itu automatik di bawah 4(1A)(d) jatuh kepada *propagate any seditious publication*, maka itu dikira sebagai bersalah. Jadi, itu adalah tentang dengan izin, *sanctity of this House* juga Tuan Pengerusi. Mungkin Menteri terlepas pandang dan tidak memikirkan tentang keadaan Dewan ini kerana yang difikirkan ialah tentang *publication* dan juga *Facebook* dan lain-lain. Akan tetapi ini perlu diambil kira, sebab itu saya minta supaya seksyen ini dibatalkan terus kerana ini ada kesan yang besar termasuklah kepada Parlimen. Minta pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Kena sebut betul-betul sedikit. Yang Berhormat, 4(1A)(c) or (d) ini, (d) ini pun dia termasuk ...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Minta maaf Yang Berhormat Tanjong Karang. Ini telah dipinda oleh pindaan Menteri. Jadi yang ada ini Yang Berhormat Tanjong Karang, tidak betul. Menteri sudah letakkan pindaan yang mengeluarkan (d), kena baca yang penuh.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey faham, terima kasih banyak, terima kasih. Saya percaya sebab apa yang (d) itu dikeluarkan. Sepatutnya kita kena terima kasih kepada kerajaan kerana sebelum ini, yang (d) ini diimport. Apa maksud import? Bila kita kata import, bermakna, apa juga kita tidak boleh bawa masuk. Penguat kuasa di sempadan, Kastamkah, dia boleh menghalang daripada masuk. Oleh sebab itu kerajaan fikir, apa salah kalau seseorang itu mengimport, membawa masuk buku, kitab yang mungkin ada berbentuk hasutan, mungkin berbentuk hasutan tetapi kalau buku itu, bahan itu digunakan untuk *personal used*, pensyarah sebagai contohlah. Dia bawa masuk buku. Kalau ikut undang-undang lama, import tidak boleh. Buku pun tidak boleh bawa masuk.

Akan tetapi kerana hari ini Kerajaan Barisan Nasional berfikiran secara terbuka, kita bincang semua pengimport tidak boleh. Oleh sebab itu perkataan import itu kita tukar kepada *propagate*. Ini kerana apa? Ini kerana kalau setakat import, dia hendak guna sendiri, pensyarah, *student*, tidak ada masalah. Seorang ulama, seorang *public*, *whatever*lah, kitab-kitab ini semua tetapi kalau dia import untuk kegunaan sendiri, apa salahnya. Oleh sebab itu kita tukar perkataan import itu kepada *propagate*. Akan tetapi kalau dia bawa masuk alat-alat ini untuk *propagate*, hendak sebarkan, dia tahu perkara-perkara ini mungkin ada kaitan dengan hasutan tetapi dia sengaja untuk menyebarkan, itu baru salah. Oleh kerana itulah saya percaya apabila pindaan yang dibuat 6 yang baru ini dikeluarkan bahagian (d) itu.

Jadi oleh itu Tuan Pengerusi ...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Last, boleh? Boleh Yang Berhormat Tanjong Karang akhir sahaja fasal bab ini? Jadi maknanya sepanjang jawapan Yang Berhormat Tanjong Karang yang saya tanya dengan ikhlas tadi, Yang Berhormat Tanjong Karang tidak boleh menjawab dan menolak bahawa sebenarnya mengikut akta yang dicadangkan ini, *Hansard* dan juga Dewan ini, akan bersalah di bawah Akta Hasutan. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya hendak tanya sedikit. Di bawah 4(1A) ini, kita kalau baca setakat (d) memanglah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan tadi agak merisaukan. Akan tetapi kalau kita baca seterusnya "*and by such act causes bodily injury or damage to property...*". Maknanya, kalaulah edarkan dari dalam sini, tidakkanlah hendak sampai menyebabkan kecederaan *body* ataupun menyebabkan *damage* kepada harta. Bagaimana pendapat daripada Yang Berhormat Tanjong Karang?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ia dua-dualah. Bukankah ia kata '*and*'? Jadi sebab itu saya kata tadi, bahawa apa juga undang-undang – maaf, saya hendak kena jawab Yang Berhormat Pandan tadi. Nanti kata saya tidak jawab. Yang Berhormat Pandan, saya sudah sebut tadi, seseorang Ahli Parlimen yang didakwa ini bukan sudah ada *precedent* sudah. Jadi kalau Yang Berhormat hendak tahu bagaimana Mark Koding ini didapati bersalah, Yang Berhormat pergi baca *judgment* apa prosedur. Adakah semasa Mark Koding itu didakwa Tuan Pengerusi kena datang, *Hansard* dia guna? Bacalah prosiding itu sudah ada, *precedent* itu sudah ada. Tidakkah saya hendak menjelaskan *in detail*. Ini kerana kita di sini membuat undang-undang. Jadi kerana itu, saya lihat bahawa apa juga yang kita pinda di sini, peluang membela diri disediakan.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oleh kerana itu saya dengan ini menolak cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Habis sudah?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk Ahli Yang Berhormat. Awal pagi tadi, waktu dalam peringkat dasar, saya benarkan tiga, tiga, sembilan, sembilan. Maka itu pada peringkat Jawatankuasa ini juga oleh kerana terlampau banyak Ahli Yang Berhormat yang berhujah dan pindaan-pindaan itu banyak lagi yang belum kita selesaikan, maka sekarang ini saya menggunakan kuasa untuk menahan beberapa pembahas sahaja kepada satu pindaan yang dibuat. Setakat ini, pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sepang telah menarik banyak perhatian. Jadi saya benarkan lagi satu pembahas, selepas itu saya minta Menteri untuk respons. Sila. Saya mahu dengar hujah daripada Yang Berhormat wanita pula. Selepas itu Menteri tolong jawab.

1.18 pg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Saya baca ini fasal 4(1A) yang mana bahawa seksyen baru 4(1A) ini mengadakan peruntukan bagi hukuman yang lebih tinggi bagi kesalahan di bawah akta jika kecederaan tubuh badan atau kerosakan harta benda telah

disebabkan akibat daripada pelakuan kesalahan itu. Ini saya teringat satu peristiwa, satu insiden yang mana saya rasa seorang Adun Seri Delima, dia buat satu kenyataan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Beliau kata, "*UMNO celaka*" dan selepas itu ada Ketua Pemuda UMNO pergi ke Ibu Pejabat DAP. Beliau memulaskan papan tanda DAP, mengugut untuk membakar Ibu Pejabat DAP, merusuh di Ibu Pejabat DAP.

Jadi saya hendak tanya kerana seksyen ini ia tidak cukup jelas. Kalau ADUN DAP ini sekarang didakwa, dia akan didakwa di bawah ini fasal 4(1A) yang barukah? Dia yang buat satu kenyataan yang mungkin dalam pandangan AG kah ataupun dalam kerajaankah atau dalam pada pandangan UMNO bahawa itu adalah satu kenyataan yang menghasut.

■0120

Akan tetapi kalau ada orang yang ambil kesempatan ini untuk memusnahkan harta benda, adakah bermaksud orang ini akan dikenakan satu denda hukuman yang lebih berat kerana saya rasa ini satu seksyen baru yang mungkin akan diambil kesempatan oleh orang lain untuk supaya orang yang buat kenyataan itu akan dikenakan satu hukuman yang lebih berat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *[Bangun]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Dalam peristiwa yang saya sebut tadi, sampai hari ini Ketua Pemuda UMNO ini tidak didakwa di bawah mana-mana seksyen tak kira Akta Hasutan ataupun Kanun Keseksaan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Kulai, minta penjelasan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, boleh.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Pengerusi, oleh kerana saya berada di ibu pejabat DAP di Kuala Lumpur waktu Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan datang bukan sahaja untuk ugut nak membakar HQ, ibu pejabat DAP pada masa itu tetapi orang-orang dia juga telah merosakkan papan tanda DAP. Selepas saya membuat laporan polis, AG kata *no further action* apabila saya tanya soalan di Parlimen. Adakah Yang Berhormat Kulai rasa bahawa ini menunjukkan *double standard* yang ditunjukkan oleh AG?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ini memang satu bukti yang cukup jelas bahawa ini memang *double standard* daripada pihak AG. Walaupun pada malam ini, Menteri Dalam Negeri berkali-kali memberi jaminan bahawa AG akan bertindak adil, IGP akan bertindak adil, tetapi saya rasa kalau hari ini ada ahli DAP pergi ke ibu pejabat UMNO merosakkan apa-apa, saya rasa mestilah orang itu sekarang sudah didakwa di mahkamah tetapi sampai hari ini Ketua Pemuda UMNO sahaja, bukan Ahli Parlimen UMNO tetapi seorang Ketua Pemuda UMNO pun menyangka seperti beliau adalah raja di Malaysia. Jadi saya rasalah, saya mintalah Menteri Dalam Negeri berilah satu penjelasan, kalau kita ikut Fasal 4(1A) yang baru ini, adakah ADUN Seri Delima ini akan dikenakan satu caj hukuman yang lebih berat kerana ada orang yang ambil kesempatan ini untuk memusnahkan papan tanda DAP, memusnahkan harta benda orang lain.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Kulai, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kulai, tadi saya bangun di bawah Seksyen 3 kerana saya rasa Seksyen 3 adalah seksyen yang merbahaya. Ia terbuka kepada salah laku dan saya sekarang bangun di bawah Seksyen 4 kerana

Seksyen 4 ini adalah telah mencabul atau melucutkan hak institusi kehakiman. Seksyen 4 ini setelah dipinda, dulu apabila *for first offender*, mahkamah masih boleh ada budi bicara untuk denda RM5,000, maksimumnya penjara tiga tahun tetapi selepas pindaan ini, *minimum sentence* tiga tahun, maksimum tujuh tahun. Dengan kata lain, semua Ahli Yang Berhormat sekiranya kena sahaja Akta Hasutan, akan dilucutkan kelayakan dan pilihan raya kecil akan diadakan. Saya rasa ini bukan satu undang-undang yang adil. Sebab itu saya setuju dengan Yang Berhormat Sepang, ini adalah akta yang bersifat zalim dan ia telah pun melucutkan budi bicara institusi kehakiman.

Adakah kerajaan sekarang sebagai eksekutif telah pun hilang keyakinan kepada hakim-hakim kita sendiri di mana budi bicara *judicial discussion is taken away from our court*. Saya rasa ini perlu diperbetulkan dengan segera.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kulai.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ya sekejap, sedikit sahaja. Dulu akta ini adalah Ordinan Hasutan 1948 telah pun dipakai 67 tahun. Kita tahu negara kita sudah merdeka. Negara merdeka tetapi jiwa masih dijajah. Mengapa lagi kita bukan sahaja ambil lagi undang-undang telah dimansuhkan di United Kingdom pada 2007. Saya nak maklumkan kepada Dewan ini, mangsa terakhir yang kena Akta Hasutan di United Kingdom adalah pada tahun 1909, *more than 100 years ago in UK*. Maka adakah perubahan undang-undang kita di malam ini, *we are actually* mundur lebih daripada 100 tahun berbanding dengan penjajah British?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sebab itu saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kulai supaya seksyen ini ditarik balik dengan segera. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat Kulai respons. Tadi saya ingatkan kepada Yang Berhormat Alor Setar, kalau ingin mencelah, jangan terlampau panjang sangat sehingga seolah-olah itu adalah berbahas kerana apabila kita mencelah, kita tanya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, tidak *expect* Menteri jawab apa perkara yang ditimbulkan. Sila Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya benar-benar penat melayan sama Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kami semua pun penat Tuan Pengerusi. Memang tetapi ini adalah Kerajaan Barisan Nasional yang nak luluskan akta ini pada malam ini. Kami tak kisah kalau kita boleh sambung pada sesi Parlimen yang akan datang ataupun kita boleh tambah beberapa hari lagi membahaskan akta ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat, duduk dulu. Saya kadang-kadang berat untuk mengulang balik. Kalaulah setiap Ahli Yang Berhormat berhujah walaupun *passionate* tetapi macam Yang Berhormat Pandan, pukul 11 sudah kita habis. Masalah dia ialah apabila Yang Berhormat berdiri, berdepan dengan *microphone*, terus masa hilang. Saya mempunyai masalah

kerana saya pun ada tugas supaya masa itu dapat ditentukan. Jadi, bertimbang rasalah. Kalau kiranya kamu menuduh orang lain buat tidak bertimbang rasa, bertimbang rasa kepada saya. Tolong Ahli Yang Berhormat yang lain. Sila Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya gulung, saya gulung. Jadi saya hanya nak tambah sikit sahaja. Saya rasa selepas insiden yang berlaku di ibu pejabat DAP, sebenarnya Ketua Pemuda UMNO iaitu Ahli Parlimen Rembau, beliau pun pohon maaf daripada DAP dan beliau menyatakan bahawa beliau nak memperbaiki papan tanda ibu pejabat DAP. Itu saya terima baik tetapi masalah adalah walaupun Ketua Pemuda UMNO sendiri pun mengakui kesalahan tetapi pihak PDRM enggan untuk mengambil tindakan. Jadi ini menunjukkan bahawa bagaimana Menteri Dalam Negeri nak meyakinkan Ahli Parlimen di sini dan juga rakyat jelata bahawa memang IGP dan juga AG kita akan bertindak adil dalam satu Akta Hasutan yang baru ini. Saya tidak berniat untuk ambil masa yang lebih panjang, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, sekejap. Tiga minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Menteri.

1.27 pg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk menjawab apa-apa pertanyaan dan penjelasan serta sebagainya. Kerajaan memutuskan untuk mengekalkan pindaan Fasal 4 dan 5. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan]

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Fasal-fasal 4 dan 5 (pindaan oleh Menteri) -

1.28 pg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Pengerusi, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dalam Fasal 4 dan 5 Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 seperti berikut;

Fasal 4 yang dipinda:

(a) dalam subfasal (a) -

- (i) dengan memotong perkataan 'dan' di hujung subfasal (i).
- (ii) dengan memasukkan selepas subfasal (i) subfasal yang berikut;
 - “(ii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan ‘imports’ dengan perkataan ‘propagates’; dan
- (iii) dengan menomborkan semula subfasal (ii) yang sedia ada sebagai sub fasal dalam (iii) dan

(b) dalam subfasal (b) dalam subseksyen baru (1A) –

- (i) dalam perenggan (d) dengan menggantikan perkataan '*imports*' dengan perkataan '*propagates*'; dan
- (ii) dua, dengan menggantikan perkataan '*five years*' dengan perkataan '*three years*',

Fasal 5 yang dipinda-

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut;
"Seksyen baru 5A"
- (b) dengan memotong seksyen baru 5A; dan
- (c) dengan menomborkan semula seksyen baru 5B sebagai seksyen baru 5A.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibentangkan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Seorang pembahas dari sebelah kiri saya, seorang pembahas dari pihak kerajaan, selepas itu Menteri respons. Sila Kapar.

■0130

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus subseksyen (1A) pindaan baru yang menggantikan *five years* dengan perkataan *three years*. Tuan Pengerusi, kalau ikut dekat sini sekarang *shall be liable and shall, on conviction, be liable to imprisonment for term of not less than three years but not exceeding 20 years*. Saya ingin kronologi dengan izin Tuan Pengerusi bandingkan dengan Kanun Keseksaan *for example* seksyen 304 *culpable homicide not amounting to murder* pun ada Bahagian A *the first lane* mengatakan bahawa *imprisonment may extend to 20 years*.

Satu lagi contoh yang saya boleh terangkan Tuan Pengerusi adalah *attempt to murder* seksyen 307 subseksyen (1) *which make a sense 10 years but if eared is cause liable to imprisonment for term which may extend to 20 years* juga. Mengapa saya bawa seksyen 304(a) dan seksyen 307(1) di bawah Kanun Keseksaan Tuan Pengerusi adalah itu adalah kena-mengena dengan pembunuhan.

Kalau pembunuhan, isu-isu yang berkaitan dengan kes bunuh paling tinggi dalam satu negara paling tinggi adalah yang berkaitan dengan kes-kes bunuh. Kita letak *may not but not exceeding 20 years* tetapi dekat sini kita ada Akta Hasutan pun kita telah samakan berat Akta Hasutan ini sama dengan *Penal Code* kita terutamanya untuk kes-kes yang berkaitan dengan kes pembunuhan. So saya tidak faham mengapa Akta Hasutan kini lebih berat daripada Kanun Keseksaan terutamanya untuk bahagian kes-kes bunuh?

Saya menuntut penjelasan daripada menteri tetapi walaupun menteri tak nak jawab mengikut *precedent* yang ditetapkan sebentar tadi tidak ada masalah untuk saya Tuan Pengerusi tetapi saya

hendak Tuan Pengerusi sebagai ketua Dewan ini dengar hujah saya, teliti hujah saya, boleh menilai hujah saya. Saya bagi ruang kepada Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Kapar sini dalam seksyen 1A nampaknya ia longgar sangat. Katakan *(b) utters any seditious words, (c) print, publishes* dan *such act cause bodily injury or damage to property* ia tidak bezakan di mana seorang buat *seditious words* dan penyokongnya pergi buat sesuatu daripada *situation* di mana apa yang dikatakan ia tidak disukai oleh pihak yang lain, pihak yang menentang dan dia datang pecah *property* kah, dia datang pukul dia punya *worker* kah. Jadi jika orang lain datang pukul *worker* dia, atau orang dia tetapi orang yang dikatakan keluarkan perkataan itu dikenakan sampai 20 tahun. *So something wrong here.*

I mean the wording doesn't different shape jika ada kumpulan ekstremis lain dan salah tafsir juga *over react* kepada apa yang kita kata. *Then we take responsible this action* tetapi saya rasa sasarannya salah. Jika orang ambil kekerasan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Siput, saya rasa sasaran soalan itu juga salah. Soalan itu harus kasi tumpang sama Yang Berhormat Kapar sebab ini mencelah.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tetapi saya kena keluarkan.

Tuan Pengerusi: Jangan ada satu *floor* orang berhujah.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey saya sudah cakap. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Kapar, dengan ringkas.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi saya merujuk kepada pindaan seksyen yang dicadangkan seksyen 1A *paragraph (a)*. 1A *paragraph (a)* membuat satu kelakuan *preparation* dengan izin untuk membaca, "*does of attempts to do or makes any preparation to do or conspires with any person to do, any act which has or which would, if done have a seditious tendency.*"

Paragraph 1A ini membuat satu kesalahan *preparation* persiapan Tuan Pengerusi untuk satu perkara *seditious* yang belum berlaku lagi, yang belum berlaku, *if done only have seditious tendency*. Di bawah sana kalau diakibatkan *bodily injury* ataupun *damage to property* *he shall be guilty of an offence*. Ini adalah satu perkara yang tidak mustahil boleh berlaku sebab *it is only at properties stage* dengan izin dan perlakuan menghasut belum lagi berlaku.

Jadi bagaimanakah kelakuan itu boleh mengakibatkan seseorang mengalami kecederaan? Tidak mungkin, mustahil untuk boleh berlaku. Saya ingin memohon supaya Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Sekian terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya Yang Berhormat Kapar, sambung, sambung.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya hendak tumpang bahas Yang Berhormat Kapar berhubung 4(1)(a). Ini seolah-olah satu bayangan atau andaian, satu '*feature popular tense*' yang belum berlaku, dia

ingat, dia fikir sahaja boleh caj di bawah Akta Hasutan. Saya tumpang dalam perbahasan Yang Berhormat Kapar hendak minta menteri jawab.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Setiu. Boleh Tuan Pengerusi? Sedikit.

Tuan Pengerusi: *Your floor*, boleh. Sila.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey Yang Berhormat Kapar maksudkan sekarang ini kita bahas kepada pindaan dalam Jawatankuasa. Okey yang asalnya daripada 5 tahun hingga 20 tahun. Kita bincang sekarang ini dikurangkan daripada 5 tahun kepada 3 tahun. Jadi kita sebenarnya kita tidak boleh hendak persoal lagi. Ini pindaan yang asal.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tidak ada soalan duduklah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Eh apa ini? Ini peraturan kah ini? Yang Berhormat Segambut saya tanya elok-elok.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey saya faham Tuan Pengerusi. Terima kasih. Saya jawab.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini kurang ajar ini.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Siapa kurang ajar? Duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini Yang Berhormat Segambut kurang ajar ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Terima kasih. Saya jawab.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak itulah

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ..

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya hendak fahamnya maknanya kita bincang sekarang tentang apa...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tidak ada soalan duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini soalanlah bodoh!

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat ...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kurang ajar duduk. Duduk!

Seorang Ahli: *You* hakim ini....

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Duduk!

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bodoh betul. Tak ada pasal-pasal ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Segambut, Ahli Yang Berhormat Segambut. Kalau Ahli Yang Berhormat buat balik saya akan arah Yang Berhormat keluar. *[Menyampuk]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bising sahaja.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Pengerusi halau Yang Berhormat Setiu keluar.

Tuan Pengerusi: Jangan lagi berdiri Yang Berhormat. Jangan berdiri Yang Berhormat kerana saya masih duduk di sini, saya dengar. Kalau seorang Ahli Yang Berhormat minta laluan, Ahli Yang Berhormat yang sedang berhujah kasi laluan buat apa hendak campur? Saya masih duduk di sini saya nampak, saya dengar. Jadi jangan timbulkan kekecohan sampai begitu. Sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa saya masih lagi dalam fasal yang dibentangkan oleh menteri sebab ia melibatkan 5 tahun yang asalnya...

Tuan Pengerusi: Untuk mengingatkan Ahli Yang Berhormat jangan ada lagi kekecohan seperti Yang Berhormat Segambut tadi itu sama satu Ahli Yang Berhormat sana jangan lagi kasi laluan kepada sesiapa. Saya tidak membenarkan. Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey saya masih lagi dalam fasal yang dibentangkan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Bincang tentang apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi saya ringkaskan Tuan Pengerusi sebagai contoh andai kata kita buat satu perhimpunan yang aman. Inilah perhimpunan yang aman. Kita hendak kritik *government* sebab akta ini benarkan dan dalam perjalanan perhimpunan haram ini, minta maaf perhimpunan yang aman ini tiba-tiba ada satu pasukan atau satu organisasi yang sengaja hendak sabotaj perhimpunan yang aman ini supaya jadi perhimpunan yang haram.

Maka walaupun asalnya kumpulan yang membuat perhimpunan yang aman ini mempunyai niat yang baik bukan untuk menghasut dan sebagainya boleh disabotaj, boleh difitnahkan, boleh disalah tafsirkan dengan akal yang sebegini luas definisinya dan tafsiran.

■0140

Itu yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Saya tahu Menteri tidak akan jawab tetapi saya bawa ini kepada pengetahuan Tuan Pengerusi.

Berbalik kepada yang diterangkan oleh Yang Berhormat Alor Setar, amat penting Tuan Pengerusi sebab hasut adalah selepas saya bercakap sesuatu dan hasil daripada perkataan itu tergurisny hati Tuan Pengerusi baru Tuan Pengerusi boleh mengatakan bahawa saya menghasut Tuan Pengerusi.

Akan tetapi bila saya duduk bersama dengan rakan-rakan saya lima, enam orang sedang buat satu perancangan macam mana perkataan yang kita diskusi dalam satu arena perbincangan secara peribadi mungkin di rumah saya, mungkin di pejabat saya, mungkin di kedai kopi dalam satu tempat yang dengan kata lain *private for us*. Macam mana itu boleh dikaitkan sebagai menghasut dalam akta sebegini.

So, itu yang diterangkan oleh Yang Berhormat Alor Setar tadi. Saya tahu lagi sekali Tuan Pengerusi, Menteri tidak akan menjawab. Dia tidak jawab pun tidak apa, tetapi saya membawa untuk pengetahuan Tuan Pengerusi saya hendak *Hansard* ada apa-apa yang telah saya wacanakan pada hari ini. Minta maaf Tuan Pengerusi. Soalan *you. Future tense that's what I said. Future tense* yang sama telah saya terangkan. Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar sama, tetapi mereka menggunakan istilah yang berbeza. Untuk saya *drafting* itu Tuan Pengerusi *is very bad. Is not to the level of the punishment. You're coming*

with a 20 years maximum punishment but the draft of the work dengan izin this sedition act is very badly draft.

Lagi satu Tuan Pengerusi sebelum saya terlupa.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Menyampuk]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tadi saya cakap tentang bahagian kedua *to the maximum sentence 20 years. What about the minimum?* Kita letak dekat sini untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, *for term that not less three years. What is a* yang mengejutkan saya adalah yang tadi saya bawa dua seksyen Kanun Keseksaan seksyen 304 dan seksyen 307(1), tidak ada macam itu. *That means for murder, you* tidak ada minimum. *You still give full discretion ultimate discretion to a judge.* Akan tetapi Akta Hasutan *you tied the end of the judge and you* bagi dia minimum tiga tahun. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya sedikit pun tidak hairan kerana undang-undang ini digubal khususnya untuk mengaitkan orang-orang politik. Itu yang saya tidak hairanlah, kita pun sudah rasa dijangka. Akan tetapi saya, itu sebab minimum ini saya hendak dapat pandangan dari pada Yang Berhormat Kapar sebab minimum tiga tahun dengan penuh kesedaran Menteri yang cadangkan sedar bahawa lebih daripada dua tahun penjara bermaksud semua Ahli-ahli Parlimen atau sesiapa yang dihukum itu tidak layak lagi jadi Ahli Parlimen, tidak layak pegang jawatan, tidak layak bertanding. Itu jelas dengan *intention* itu.

Saya hendak satu perkara sahaja, bila Menteri pindahan dari import ke *propagate* saya rasa ini *propagate* ini dalam Bahasa Inggeris saya tidak tahu Bahasa Melayu itu apa maksudnya, apa *translation* dia. Oleh kerana kalau *propagate* saya ada satu buku yang dianggap sebagai *sedition*. Kalau saya buat iklan untuk buku itu, adakah itu *propagate*? Saya hendak dapat pandangan daripada pakar-pakar undang-undang. Itu juga adakah ini termasuk dalam *propagate*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Propagate* ini seumpama mempromosikan, menghebahkan membawa lagi sekali satu maksud yang amat luas dan boleh disalahgunakan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapar, Saya sengaja tadi tidak tegur.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey. Ya, saya hormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya sudah beritahu jangan lagi bagi laluan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey, Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tahu, saya tahu. *Sorry* Yang Berhormat . Tuan Pengerusi, saya akan rumuskan. Rumusan saya adalah balik kepada perkataan 1(a) perkataan *"If done"* itu, *"if done"* dan apa yang saya terangkan tadi sebelum benda itu berlaku tapi kita sudah boleh dikatakan hasut, *showing a very bad drafting on the Ministry side.* Saya cadangkan bahawa seksyen ini dibatalkan. Kalau Yang Berhormat Menteri ada budi bicara boleh tarik balik juga akta ini, rang undang-undang ini sebab *drafting* dia *is very bad* dan ini *embarrassing to the nation.* Ini memalukan maruah dan menghina negara sebab *"If done"* boleh dihasut Tuan Pengerusi. Itu sesuatu yang tidak boleh diterima, tidak boleh ditoleransikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri respons.

Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]: Tuan Pengerusi, kerajaan memutuskan untuk mengekalkan pindaan yang dicadangkan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri. Masalah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Fasal-fasal 4 dan 5 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 6 - [Pindaan]:

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin membawa pindaan kepada Fasal 6 yang saya hendak baca. Cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Hasutan Pindaan 2015 Fasal 6, Fasal 6 dibatalkan. Hujah saya adalah seperti berikut.

Tuan Pengerusi kita ada, kalau kita pinda mengikut Menteri Fasal 6(1) dan saya baca *notwithstanding* Akta itu. Akta itu Seksyen 6(1) *notwithstanding being to the contrary contained in the Evidence Act [Act 56], no person shall be convicted of any offense under the section 4 on the uncorroborated testimony of one witness*. Seksyen tersebut 6(1) akan dihapuskan dan yang tinggal adalah seksyen 6(2) menjadi seksyen 6(1). Apakah implikasi terhadap pembatalan seksyen 6(1) adalah satu di mana, *barrier* terhadap membuktikan sendiri *barrier* untuk *safeguard, the interest of the accused* akan menjadi kurang di mana sekarang dia tidak ada satu *protection* yang mencukupi untuk menjadi – tidak ada satu *safeguard* untuk beliau.

Implikasi yang kedua adalah sekarang dia terpaksa dibela sendiri. *The burden of prove* akanlah terjatuh kepada orang yang tertuduh, orang kena tuduh (OKT). Pada saya ini adalah sesuatu yang sangat zalim kerana sesiapa sahaja boleh di tuduh menghasut dan dia terpaksa membela sendiri dan dia tidak ada *safeguard*. Dulu ada 6(1) yang boleh *at least* naikan *benchmark safeguard higher burden* tetapi sekarang tidak. Dia kena dituduh, dia kena bela diri.

Ini adalah bertentangan dengan konsep *anyone is innocent until proven guilty. Natural justice*. Akan tetapi sekarang dengan *amendment* baru ini tidak lagi. Semua orang adalah *guilty until proven innocent*.

■0150

Jadi kepada kita ini tidak boleh diterima. Kita telah tahu bahawa tadi semua hujah-hujah bahawa Menteri enggan takrifkan, *what is sedition tendency*. Jadi sekarang tambah ini lagi teruk. Orang yang kena tuduh akan jadi lagi teruk. Ini amat zalim sekali. Jadi kita tidak boleh memandang ringan tentang penggubalan *amendments* ini kerana setiap orang di sini macam Yang Berhormat Lembah Pantai kata macam pisau. Kena bunuh dengan pisau. Untuk seksyen ini, semua orang ada pistol di atas kepalanya. Bila-bila sahaja akan tarik trigger, mati begitu sahaja. *You have to prove yourself to be innocent* baru pistol itu tidak *trigger*.

Akan tetapi, kalau tidak semuanya akan dibunuh. Jadi ini saya rasa adalah satu kezaliman yang amat serius. Saya ambil satu contoh kes Yang Berhormat Pandan. Kes Yang Berhormat Pandan isunya apa? Dia menulis satu surat kepada ahli-ahli kononnya lah dituduh menulis surat kepada ahli-ahli Parti Keadilan untuk *participate* dalam perhimpunan aman. Akan tetapi, tiada bukti bahawa beliau tulis surat tersebut. Tiada bukti bahawa beliau *publish* surat tersebut, sekarang kerana dia tertuduh, dia telah buktikan bahawa beliau tidak tulis surat itu. *He has to prove himself*. Kalau tidak dia terus akan disabitkan kesalahan.

Jadi ini adalah masalah dengan seksyen 6 ini dan saya minta supaya kita sebagai negara yang ingin menjunjung *the best democracy in the world*. Ini adalah perkataan-perkataan daripada Yang Berhormat Pekan, kita hendak mencapai *the best democracy in the world*, sekarang kita menjadi ASEAN *Chairman*, sekarang kita adalah salah satu *member* dalam *United Nation Security Council*.

Kita kena tunjukkan *international* standard kita, tidak boleh biarkan undang-undang zalim ini dikeluarkan, malu kita. Sekarang kita sedang tengok *United Nation Human Right Commission* telah tegur Malaysia bahawa Akta POTA, malam ini pula Akta Hasutan, esok keluar berita, malu Malaysia. Bagaimana kita boleh jadi pemimpin di persada dunia kalau kita tidak *set us international standard* ini.

Jadi saya minta supaya – saya ingin mencadangkan bahawa Fasal 6 di batalkan, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Bayan Baru yang telah beliau bentangkan sebentar tadi sekarang ini terbuka untuk di bahas. Terima kasih.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru dalam kertas pindaan hendaklah disetujui, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan pindaan tersebut kata bersetuju, yang tidak bersetuju kepada pindaan tersebut katakan tidak.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

Fasal 6 [Pindaan oleh Menteri]-

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri.

■1.54 pg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Pengerusi, pindaan dalam jawatankuasa yang dijalankan adalah pada Fasal 6 Rang Undang-undang Hasutan [Pindaan] 2015 seperti berikut;

Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan Fasal 6 dengan fasal yang berikut:

Penggantian seksyen 6.

6. Akta Ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut

“Evidence,

6. No person shall be convicted of any offence under paragraph 4(1)(c) or 4(1A)(c) if the person proves that the publication in respect of which he is charged was printed, published or caused to be published, sold, offered for sales, distributed or reproduced without his authority, consent and knowledge and without any want of due care or caution on his part, or that he did not know and had no reasonable ground to believe that the publication had a seditious tendency.”.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang dibentangkan tadi sekarang ini terbuka untuk di bahas. Terima kasih.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam kertas pindaan hendaklah disetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kepada pindaan itu katakan setuju, yang tidak bersetuju katakan tidak.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Fasal 7 [Pindaan] –

■1.26 pg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Hasutan Fasal 7 dipinda seperti di bawah, Fasal 7 dibatalkan.

Tuan Pengerusi, fasal ini memang penting ya. Saya hendak *stress* bahawa apabila kita baca nampaknya neutral tetapi kalau kita baca dengan baik dan merujuk kepada CPC, saya akan merujuk Bahasa Inggeris ya. *Section 173A of CPC, Magistrate has a power discharge summary offence having regard the travel nature condition of person charge character of extenuating circumstances under which offence was committed.* Seksyen 173A ini telah ditepikan. Seksyen 293 CPC penting sekali kerana ini memberi kuasa kepada mahkamah untuk *discharge youthful offenders*. *Youthful offenders* adalah pemuda berumur 18 sampai 21 tahun. Ini juga diketepikan. Seksyen 294 of CPC adalah di mana *court* boleh *discharge first time offender*. Maknanya pesalah yang kali pertama ini juga diketepikan oleh Fasal 7.

Apa yang jelas Tuan Pengerusi daripada pindaan ini adalah kuasa mahkamah untuk memberi belas kasihan atau pertimbangan kepada orang muda dan juga orang yang merupai *first time offender* ini telah diketepikan langsung. Tuan Pengerusi, kita semua ada anak. *I think all of us here have children, some of us have grandchildren.* Kita pun pernah berusia 18 tahun sampai 21 tahun. Kita pernah membuat benda-benda yang kita boleh kata itu *stupid* lah. *In our youth we make mistake.*

Saya rasa Fasal 7 ini memang terlalu *draconian*, ia terlalu *draconian*, dia tidak beri satu *opportunity* ataupun *chance*, peluang untuk pemuda-pemuda berumur 18 hingga 21 tahun untuk mencari satu *exit*. Kalau semua pindaan dalam Akta Hasutan ini disokong atau pun diluluskan, budak 18 tahun

mungkin masuk jel tiga tahun, sampai 20 tahun. Ini saya rasa minta disokonglah pindaan saya. Mesti ditolak, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah dibentangkan oleh beliau sebentar tadi sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila.

■1.59 pg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Satu prinsip untuk hukuman dan ini diadakan di dalam Kanun Tatacara Jenayah, *Criminal Procedure Code* seksyen 173A, seksyen 293 dan seksyen 294 adalah untuk memberikan kuasa budi bicara kepada hakim dan prinsip pula *punishment is to be proportionate to the offense taking into the consideration the circumstances on the age and the health of the offender*.

■0200

Dengan membatalkan tiga seksyen ini, di mana mahkamah tidak lagi berbudi bicara, ini adalah melanggar prinsip bahawa Hakim adalah orang yang terbaik, dengan latihan yang dia ada dan juga pengalaman dan mengambil kira keadaan untuk memberikan *discharge* atau memberikan *probation*. Kalau ini dikeluarkan dengan mengadakan satu mandatori minimum tiga tahun, pada akhirnya kita boleh berkata bahawa tidak ada keadilan diberikan dan akhirnya tujuan untuk mengadakan akta ini akan gagal. Oleh sebab itu saya setuju dan menyokong pindaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk mengulas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya dalam kertas pindaan dapat disetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

[Fasal 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 8 [Pindaan] –

2.01 pg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mencadangkan pindaan kepada rang undang-undang. Pindaan kepada fasal 8 menurut Peraturan Mesyuarat 57(2).

Tuan Pengerusi, fasal 8 di mana pindaan dilakukan ke seksyen 10 Akta Ibu. Saya memetik terlebih dahulu seksyen 8, fasal 8(a) subseksyen (1), perenggan kedua di mana dia mengatakan, "... *it is shown to the satisfaction of a Sessions Court...*". Saya hendak kaitkan yang ini dengan 8(e) Tuan Pengerusi, bahagian (e), dengan memotong subseksyen (9). Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, subseksyen (9) ini sebenarnya adalah, ini adalah akta yang lama bermaksud, *for the purposes of this section, court means the High Court*.

Tuan Pengerusi, ini bermaksud untuk seksyen baru fasal 8 ini, kuasa yang sebelum ini diberikan kepada High Court, sekarang kita pindahkan kepada Sessions Court. Seperti biasa saya kena mendapatkan penjelasan mengapa dahulu Superior Court yang membuat *ruling*, kini kita memberikan kuasa ini kepada Lower Court *which is* Sessions Court. Saya minta penjelasan walaupun tak akan dapat, tetapi saya rasa Tuan Pengerusi faham hala tuju saya, sebab kuasa yang berat kita akan beri, tetapi kita beri kepada Sessions Court.

Saya teruskan dengan subseksyen (1) subseksyen (a) di mana ada perkataan "*Bodily injury or damage to property*". Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, sebelum ini perkataannya adalah "*unlawful violences*". "*Unlawful violences*" sekarang dikategorikan sebagai "*bodily injury or damage to property*". Saya bagi satu contoh kepada Tuan Pengerusi, contoh ini agak menarik sebab telah digunakan dalam kes kalau tak silap saya, saya ulang lagi sekali, kalau tak silap saya dalam kes Yang Berhormat Rasah, di mana beliau ditangkap semasa berhimpun kalau tak silap saya. Bila dibawa ke mahkamah, IO membawakan isu-isu seperti pasu bunga pecah, ada rumput dipijak. So isu sebegini, pasu bunga pecah dan sebagainya boleh dikaitkan sebagai hasutan sebab definisinya yang amat luas. Tuan Pengerusi, yang ini perkataan "*damage to property*" kalau kita tak beri penerangan dan huraian yang tepat, boleh membawa kepada penyalahgunaan.

Sama juga dengan subseksyen (b) Tuan Pengerusi, "*ill will*" dan "*hatred*" dimasukkan. Tak ada huraian yang terperinci. Ini diberi subjektiviti ataupun penerangan mengikut andaian sendiri. Memberi *lacuna* yang terbuka untuk kita membuat huraian dan definisi sendiri.

Isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Klang tadi pun ada di bahagian (b), "*the classes of the population of Malaysia*". Itu pun boleh disalahgunakan Tuan Pengerusi, kalau kita takrifkan dengan seadil-adilnya, kalau kita gagal takrifkan dalam bentuk yang memadai untuk menjadikannya sebagai satu hasutan.

Saya teruskan dengan bahagian seterusnya, berkenaan dengan subseksyen (b) subseksyen (b) lagi, "*in the case of prohibited publication by electronic means...*". Ini sebenarnya untuk pengetahuan saya Tuan Pengerusi, ini membawa kepada semualah WhatsApp, Twitter, Facebook dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita ada IGP kita, Ketua Polis Twitter kita, hebat dengan mencari kesilapan pemimpin-pemimpin pembangkang.

Saya tempoh hari telah membawakan satu isu di sini, masa itu Tuan Pengerusi tiada, dalam tempoh percutian. Saya membawa isu tentang 'Ayahanda Raja Provokasi' Tuan Pengerusi. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, 'Ayahanda Raja Provokasi' ini dia telah menghina Yang di-Pertuan Agong, dia telah menghina kerabat Diraja Johor, dia telah menghina Polis Diraja Malaysia, dia juga telah menghina IGP sendiri sebagai seorang anak haram, anak babi. Saya telah bawa isu ini dalam Dewan yang mulia ini, dan Menteri sendiri telah menggunakan kenyataan akhbar sebagai contoh yang saya sediakan dan dia telah kata dia akan ambil tindakan.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, sampai hari ini tidak apa-apa tindakan diambil tetapi tidak bermaksud saya hendak sabitkan 'Ayahanda Raja Provokasi' ini di bawah Akta Hasutan. Masih lagi boleh guna banyak akta-akta lain yang sedia ada untuk sabitkan individu ini. Untuk perhatian Tuan Pengerusi,

'Ayahanda Raja Provokasi' ini, dia *delete* Facebook dia, tetapi dua tiga hari yang lepas, dia datang balik dengan 'Ayahanda Raja Provokasi 2.0', saya tak sempat hendak tunjuk kepada Tuan Pengerusi. Akan tetapi kali ini lebih dahsyat Tuan Pengerusi, menghina kaum India, menghina kaum Cina sampai 4 April, dia tulis dekat sini, Saya bacakan tetapi saya minta maaf Tuan Pengerusi, saya hormat Tun Mahathir walaupun saya tak berminat dengan polisi beliau, dasar beliau. Kebanyakan berlakunya kekakisan di negara ini, saya salahkan beliau. Akan tetapi sebagai seorang yang pernah memimpin negara ini, seorang yang umurnya lebih 90 tahun, kita tak perlu aibkan beliau, kita tidak boleh hina beliau, caci beliau. Apa yang kita boleh persoalkan ialah dasar polisi beliau. Akan tetapi di Facebook ini dengan izin Tuan Pengerusi, beliau kata, "*Amaran keras daripada Ketua Polis Negara, syabas IGP. Tangkap sahaja Tun Mahathir. Anak keling paria kuti ini di bawah Akta Hasutan. Sudah tua hendak mampus pun dok ganggu pentadbiran negara lagi...*" dia teruskan dengan perkataan lucah.

Apa yang sedang berlaku Tuan Pengerusi? Mengapa 'Ayahanda Raja Provokasi 2.0', saya terangkan dalam media, saya bawa masuk dalam Dewan dua kali, dia padam dia punya Facebook. Beberapa hari yang lepas dia kembali dengan 'Ayahanda Raja Provokasi 2.0'. Orang yang menghina kerabat Diraja, orang yang menghina Yang di-Pertuan Agong, orang yang menghina IGP, orang yang menghina PDRM, tetapi tiada tindakan.

■0210

Inilah keluhan yang kita kritik dari tadi. Di mana ada *selective prosecution*, yang kita risau, yang kita takut adalah sebegini. Apakah ini agen, boleh saya katakan ini sebagai agen dia biarkan supaya membawa baur-baur perkauman? Mengapa tiada tindakan? Saya tidak boleh terima alasan bahawa pihak polis kita tidak bijak Tuan Pengerusi. Kalau Tuan Pengerusi ada beberapa hari yang lepas, Timbalan Menteri mengatakan sehingga tahun 70an, 80an, polis kita adalah yang terbaik. Saya terima sebab itu adalah didikan mendiang ayah saya mengatakan bahawa polis Malaysia adalah yang terbaik. Kini mereka masih boleh melakukan, tetapi disebabkan mereka memilih, sebab itulah kes-kes sebegini tidak diselesaikan.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sekejap, sekejap. Tuan Pengerusi, pagi tadi saya sudah tekankan dibawa oleh Yang Berhormat Tuaran sebagai contoh. Dia mengatakan di kawasan dia ada isu-isu perkauman. Ramai yang telah membuat laporan polis dan dia tekankan bahawa tidak tahu apakah statusnya. So, saya tekankan kalau pihak polis menjalankan tugas dengan betul, IGP boleh melakukan penyiasatan secara adil dan Kementerian Dalam Negeri boleh memberikan arahan yang sepatutnya dan sewajarnya, peristiwa itu tidak akan berulang, tidak adalah kita membahaskan undang-undang ini pada hari ini. So, saya meletakkan kelemahan ini kepada kementerian. Saya meletakkan kelemahan dan kecuaiannya kepada IGP dan pihak polis yang tidak memberhentikan isu-isu sebegini pada tahap api masih lagi api yang kecil. Mereka membiarkan ia menjadi api yang membara supaya undang-undang ini boleh diluluskan. Ini adalah agenda yang tidak sepatutnya dilakukan Tuan Pengerusi.

Saya masuk seterusnya Tuan Pengerusi, dengan bahagian C. Ya, minta maaf. Dengan izin satu...

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Beberapa minggu yang lepas, lebih kurang dua minggu yang lepas saya telah menerima beberapa rungutan daripada orang di kawasan saya tentang satu artikel yang keluar dalam Sinar Harian oleh seorang kolumnis, Ridhuan Tee. Di mana dalam artikel beliau telah mengeluarkan kenyataan hasutan menghina kaum Cina dengan beberapa tuduhan yang tidak diberi justifikasi *journalist statement* dengan izin yang menggambarkan kaum Cina seperti yang tidak sepatutnya.

Bukan itu sahaja, dalam kolum itu juga Ridhuan Tee telah memberikan nama buruk kepada mendiang ayahnya sendiri di mana dia telah menyatakan ayahnya mengajar dia membuat beberapa perkara yang tidak elok dalam perniagaan dan inilah katanya ajaran yang selalunya dibuat oleh orang Cina. Saya rasa ini adalah dua perbuatan yang amat mendukacitakan dan terhina kerana bukan hanya memberikan nama yang tidak baik kepada kaum Cina dengan tidak adil tanpa justifikasi, tetapi juga memberikan nama yang tidak baik kepada orang Islam kerana orang bukan Islam mengambil atau membuat anggapan bahawasanya apabila seseorang yang bukan Islam memasuki agama Islam, seolah-olah agama Islam membolehkan saudara baru mengutuk ayahnya sendiri.

Saya rasa perkara macam ini tidak sepatutnya berlaku dan saya telah membuat laporan polis di Balai Polis Kuala Terengganu kerana beliau merupakan seorang pensyarah di UniSZA Kuala Terengganu dan sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan. Saya pula telah dipanggil oleh polis di Sentul untuk memberikan keterangan lagi dan saya rasa sudah hampir tiga minggu tidak ada tindakan. Saya rasa beliau adalah satu sumber yang tidak sihat kerana mempunyai satu kolum regular, tiap-tiap minggu di dalam Sinar Harian dan merupakan seorang pensyarah di universiti UniSZA Terengganu. Apa pendapat Yang Berhormat Kapar dalam keadaan yang sama.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu yang saya maksudkan tadi Tuan Pengerusi. Perkara ini memang berlaku. Kepintaran pihak polis yang kita ada mampu melakukan tugas. Masalahnya dengan kita adalah, kita memilih untuk tidak melakukan amanah dan tanggungjawab kita. Kita memang memilih dengan niat untuk melakukannya sebegini.

Tuan Pengerusi, saya minta maaf sebab ada selingan-selingan yang tidak berkaitan dengan Jawatankuasa sebab ini adalah fasal terakhir saya mengambil sedikit kesempatan sebab yang mendengar kami nampak gayanya adalah Tuan Pengerusi. So luahan kami pun kepada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya teruskan dengan subseksyen 4. Tuan Pengerusi ini menarik. Dahulu sebelum ini fasal yang lama, akta lama mengatakan, *not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both*. Sekarang daripada *thousand ringgit* menjadi *five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both*. So daripada *one year* menjadi *three years*. Tambah lagi. Akan tetapi siapa yang akan selaraskan ini semua? *Sessions Court* bukan lagi *High Court*. Selepas itu ada *continuing offence*, dahulu tidak ada. Sekarang sudah ada *continuing offence*. Macam kita sudah boleh agak sudah benda ini akan berlarutan.

Lagi sekali Tuan Pengerusi, macam sudah *plan* ada *continuing offence* sudah. Untuk *continuing offence, a fine of three thousand ringgit for each day during which the offence continues after conviction*. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, pagi tadi saya ingat lagi Yang Berhormat Lenggong, minta maaf dia tidak ada di sini. Dia katakan bahawa kita selalu menggunakan Singapura sebagai contoh. Asyik-asyik Singapura. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, bahagian empat ini adalah *cut and paste* daripada *Sedition Act Singapore*. Siapa yang hari ini menguar-uarkan *Singapore*? Siapa yang hari ini menggunakan *Singapore* sebagai contoh untuk menzalimi rakyat? Bukan di bahagian sini Tuan Pengerusi. Sama juga untuk bahagian seterusnya Tuan Pengerusi.

Saya ingin tekankan sebij, "...do you not exceeding.." bahagian (d), bahagian *offence* dia. *Not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both now* tukar balik kepada macam saya kata tadi, *to a fine not exceeding five thousand ringgit and three years*. Ini pun diambil daripada *Sedition Act Singapore*. Tuan Pengerusi, ini saya dipanggil dan saya mempunyai tanggungjawab dan saya mempunyai amanah untuk memberitahu satu bahagian terakhir sebelum saya berhenti bahas tentang wacana perbahasan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, secara menyeluruh akta ini bukan sahaja di draf dengan cara yang amat teruk untuk seorang peguam, *drafting* dia amat tidak memberi kepuasan hati tetapi juga dengan niat yang berbeza. Saya mengklasifikasikan niat rang undang-undang ini sebagai bukan ikhlas dan bukan jujur. Kalau niat untuk rang undang-undang ini adalah ikhlas dan jujur sepatutnya komitmen yang saya pinta sebanyak dua kali sepatutnya dijawab oleh Menteri, tetapi tidak apa.

Tuan Pengerusi, jika akta ini disalahgunakan oleh pemerintah bermaksud *the Ministry is weighing war against the people of Malaysia. I'm repeating*. Kalau akta ini disalahgunakan untuk menangkap pemimpin-pemimpin pembangkang dan untuk menutup suara-suara kritikan dalam masa depan, ini bermaksud *you are weighing war against the people of Malaysia*. Tuan Pengerusi, terima kasih kerana mendengar, saya hargai masa Tuan Pengerusi. *Thank you so much*. Salam Reformasi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Kapar yang telah dibentangkan oleh beliau tadi sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila.

■0220

2.20 pg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan fasal yang dicadangkan, isu yang berbangkit di sini, Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan apa yang dinyatakan di sana dengan izin, *prohibition order*. Mengikut keseluruhan seksyen tersebut, seksyen tersebut adalah berkenaan dengan bagaimana *prohibition order* itu dikeluarkan dan oleh siapa, *Session Court* dan atas permohonan oleh siapa, *public prosecutor*.

Seksyen-seksyen yang berikut adalah berkenaan dengan apa yang berlaku sekiranya *prohibition order* itu dilanggar dan seterusnya terdapat penalti hukuman tiga tahun, RM3,000 ataupun “*Imprisonment for a term not exceeding one year*” iaitu merupakan hukuman yang dinyatakan di sana di perenggan 4. Akan tetapi apa yang penting Tuan Pengerusi adalah ini, *because* di dalam 8(a) ataupun 10A dengan menggantikan subseksyen 1 dengan subseksyen berikut, dengan izin, “*Where on the application of the public prosecutor it is shown to the satisfaction of a Sessions Court Judge that the making or circulation of a seditious publication is...*”

Akan tetapi di sini Tuan Pengerusi, nampaknya macam *public prosecutor* boleh membuat satu permohonan secara *ex parte*. Itu bermaksud sekiranya beliau, *public prosecutor* mendapati sesuatu ataupun mendapati satu *publication*, dengan izin itu adalah bersifat *seditious publication*. Kuasa mutlak di dalam tangan untuk memohon di Mahkamah Sesyen satu *prohibition order* dan Mahkamah Sesyen boleh membenarkan permohonan tersebut, membenarkan *prohibition order* tersebut terhadap *publication* tersebut.

Apa yang penting di sini Tuan Pengerusi adalah sama ada sesiapa yang bertanggungjawab untuk *publication* tersebut adalah diberi hak untuk didengar. *Whoever, who cause the publication to be published whether or not*, dengan izin beliau mempunyai *right to be heard because* sekiranya kita lihat pada akta asal ataupun akta ibu, seksyen 10(2) di bawah Akta Ibu menyatakan berikut “*an order under this section may be made ex parte on the application of the public prosecutor*”.

So, di dalam akta tersebut, di dalam Akta Ibu dinyatakan dengan jelas bahawa “*It may be made* tetapi di dalam pindaan kes ini atau *on the application of the public prosecutor it is shown to the satisfaction of a Session Court that the making of circulation of the seditious publication and so on*”.

Jadi, itu bermaksud sesiapa yang mencipta ataupun *comes up with that publication, has no*, tidak ada apa-apa peranan ataupun hak untuk didengar dan itu merupakan satu perkara yang penting Tuan Pengerusi. Oeh kerana ini merupakan satu keadaan di mana *public prosecutor* itu memang boleh membuat keputusan berkenaan dengan sama ada *publication* itu ada *seditious* tanpa mendengar sesiapa yang membuat *publication* tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri.

Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk memberikan sebarang ulasan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kapar dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan dan tidak disetujui]

[Fasal 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 9 [Pindaan] –

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat.

2.25 pg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk mencadangkan seperti di dalam kertas pindaan bahawa fasal 9 dibatalkan dan alasannya adalah kerana bercabang tiga. Pertama, saya tidak akan mengambil masa yang begitu lama, *it just three issues* dengan izin, yang timbul di dalam keadaan ini iaitu pertama sekali apa yang dinyatakan di dalam fasal tersebut. Saya *quote*, “*Special power to issue order regarding seditious publication by electronic means. 10A, where on the application of the Public Prosecutor it is shown to the satisfaction of a Sessions Court Judge that the making or circulation of a seditious publication by electronic means by a person who cannot be identified*”.

Ini adalah berkenaan dengan keadaan di mana seseorang yang membuat *publication* itu tidak boleh di *trace* ataupun di *identified* dan dinyatakan di sana, apa yang dinyatakan di akhirnya, “*The Sessions Court Judge shall make an order directing an officer authorized under the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588] to prevent access to such publication*”.

Pertama sekali Tuan Pengerusi, apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong secara amnya berkenaan dengan *constitutionality of the empire statute* adalah bantahan pertama kami. Kedua, seperti yang telah diujahkan ataupun di bahas semasa membahaskan fasal 2 iaitu berkenaan dengan definisi “*electronic means*” telah pun kita dengar tadi Tuan Pengerusi bahawa *electronic means* itu definisinya adalah berpotensi untuk *is too wide*. adalah amat luas. Ketiga, yang pentingnya adalah yang ini Tuan Pengerusi bahawa seksyen ini tidak diperlukan memandangkan ada statut-statut lain termasuk seksyen 298A Kanun Keseksaan dan *the Communication and Multimedia Act 1998* yang mempunyai peruntukan-peruntukan khas yang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan seperti ini yang menyebabkan peruntukan ini tidak perlu. Terima kasih. Saya pohon untuk fasal itu dibatalkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah dibentangkan oleh beliau sebentar tadi sekarang ini terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan dan tidak disetujui]

[Fasal 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■0230

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2015**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.34 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014 telah dibuat bacaan kali yang pertama pada 27 November 2014 dan ditangguhkan untuk bacaan kali kedua dan ketiga ke Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas. Mengambil kira pandangan mesyuarat jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Dewan dan kemampuan kewangan kerajaan, beberapa fasal dalam rang undang-undang ini telah dipinda. Butir-butir pindaan tersebut akan dikemukakan dalam peringkat pindaan dalam peringkat pindaan dalam Jawatankuasa kelak.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sesungguhnya cadangan kadar baharu elaun bulanan ini adalah satu pengisytiharan bahawa Ahli-ahli Parlimen akan bekerja sepenuh masa secara tulus, ikhlas dan berintegriti demi kepentingan rakyat untuk membina masa depan negara yang lebih cemerlang.

Sebagaimana Yang Berhormat semua sedia maklum, elaun bulanan kita semua masih rendah berbanding dengan ADUN di beberapa negeri. Maka, didapati amat wajar dan telah tiba masanya kadar elaun bulanan Ahli Parlimen dikaji semula. Lebih-lebih lagi, kali terakhir semakannya adalah pada tahun 2004.

Dengan persekitaran semasa yang mencabar, maka tanggungjawab Ahli Parlimen juga menjadi bertambah berat. Oleh yang demikian, dengan pengharapan yang tinggi daripada rakyat, maka semakan kadar elaun bulanan Ahli Parlimen akan menambah semangat semua Yang Berhormat untuk bertugas dengan gigih dan berdedikasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

2.33 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Pertama, kita ingin merakamkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan untuk memberi pengiktirafan kepada wakil-wakil rakyat yang menjalankan kewajipan mereka.

Walau bagaimanapun, kita harus melihat pakej ini termasuk juga apabila wakil rakyat bersara iaitu sekarang ini wakil rakyat apabila dia berkhidmat umur tidak mencukupi 50 tahun, kemudian dia tidak terpilih wakil rakyat lagi, dia tidak boleh menerima pensen penuh. Jadi, adalah tidak adil sebab kita ini bukan pesara kerajaan. Pesara kerajaan dia diwajibkan 60 tahun. Kita ini *based on* kita punya *service*. Jadi kalau boleh, ini pun di *review*. Juga, wakil-wakil rakyat kita yang dahulu berkhidmat dengan kita, pensen mereka macam mana? Adakah juga terkategori dan terkandung dalam pakej yang dilaksanakan ini?

Lagi, mungkin Dewan rakyat ini perlu mengesyorkan agar elaun dan gaji kakitangan parlimen ini dibawa di bawah Saraan Ahli Parlimen dan tidak lagi dipegang oleh pihak-pihak yang lain. Ya, sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya nak minta penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kami difahamkan oleh Jabatan Pensen, kenaikan untuk Ahli-ahli Ahli Parlimen ketika ini tidak memberikan impak kepada bekas atau mantan Ahli Parlimen yang telah bersara sebelum ini kerana mereka dikatakan telah mengikut Akta Pensen yang telah dipinda iaitu mereka hanya mendapat kenaikan 2% setahun daripada apa yang mereka dapat terdahulu. Maksudnya, pelarasan sekarang ini tidak akan memberikan impak kepada Ahli Parlimen yang telah bersara.

Saya rasa ini sesuatu yang tak begitu adil kepada mantan Ahli Parlimen kerana selama ini saya difahamkan apa-apa pelarasan gaji Ahli Parlimen juga memberikan impak kepada bekas Ahli Parlimen. Jadi adakah Yang Berhormat Kinabatangan setuju dengan saya bahawa ini perlu dikaji semula dan diberikan pelarasan yang sepatutnya kepada bekas Ahli Parlimen juga. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sebetulnya kita memang setuju sebab kita simpati dengan rakan-rakan kita. Mereka juga telah berkhidmat begitu lama, ada yang empat, lima penggal, tetapi apabila mereka berhenti, mereka terima RM2,000, RM3,000, layak menerima BR1M. Rakan-rakan kita yang dulu wakil rakyat, sekarang pergi berbaris menerima BR1M, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi seharusnya ini diambil kira oleh...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, untuk menguatkan hujah, saya difahamkan apabila ADUN-ADUN di Dewan Undangan Negeri naik pensen untuk tahun sudah, dia melibatkan bekas-bekas ADUN yang lama pun, pencennya turut naik sekali. Akan tetapi kita difahamkan untuk Parlimen ini, bekas-bekas Ahli Parlimen cuma naik 2%. Ini adalah tak betul kerana yang ini mesti bekas-bekas Ahli Parlimen juga, pensen mereka mesti dinaikkan. Jadi saya harap kerajaan pertimbangkanlah kalau betul kedudukan seperti itu ataupun minta pihak kerajaan jelaskan. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gerik, memang kita mengalu-alukanlah.

Lagi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan supaya elaun dan gaji Ahli Parlimen ini di bawah skim Saraan Ahli Parlimen pada masa-masa akan datang. Jadi tidak lagi kita mengemis dengan mana-mana pihak untuk kenaikan kita dan sebagainya. Biarlah kita menentukan *separation of* suruhanjaya kita sendiri, jadi boleh kita berbincang tentang masa depan kita, tidak lagi ditentukan oleh orang lain, termasuk pencen.

Dan yang terakhir, saya juga ingin menyampaikan hasrat Yang Berhormat Senator-senator kita. Mereka juga minta kalau boleh dilihat kebajikan mereka, sebab dari segi protokol, mereka lebih *higher level* daripada Parlimen. Jadi minta juga pihak yang berkenaan mengambil kira. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat, kemudian Menteri menjawab.

2.38 pg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Pada persidangan Dewan Rakyat yang lalu iaitu pada 27 November 2014, ketika saya membahaskan Rang Undang-undang Saraan Ahli Parlimen, saya telah menyentuh seksyen 8(4) akta ibu di mana pencen terbitan untuk balu atau duda, seorang ahli yang berkahwin selepas ahli tersebut berhenti menjadi ahli terhadap kepada 12 setengah tahun sahaja. Yang Berhormat Menteri dalam jawapan beliau telah berkata tempoh tersebut telah dilanjutkan kepada 20 tahun oleh Jemaah Menteri berkuat kuasa 1 Januari 2009. Ini adalah satu langkah ke hadapan dan saya mengalu-alukannya

Akan tetapi apa akan berlaku kepada balu atau duda berkenaan selepas 20 tahun? Mengapa hanya dihadkan kepada 20 tahun? Hakikatnya ialah selepas 20 tahun, balu atau duda atau anak mereka tidak akan menerima apa-apa pencen berikut. Macam manakah mereka akan hidup? Umur mereka sudah pun lanjut, mungkin lebih daripada 70 atau 80 tahun. Bagaimana mereka akan hidup tanpa pencen tersebut? Adakah mereka perlu memohon kepada Jabatan Kebajikan untuk dapatkan elaun untuk hidup ataupun memohon mendapat BR1M?

■0240

Saya syorkan agar balu dan duda dan anak mereka yang tergolong dalam kategori ini diberikan pencen terlibat sehingga tamat hayat mereka seperti mana balu dan Ahli-ahli Parlimen lain yang menerima pencen sehingga 70%. Bilangan yang terlibat adalah kecil dan implikasi kewangan adalah kecil dan terhad. Ini ialah ahli dan munasabah pada zaman ini. Seksyen tersebut telah menjadi undang-undang sejak merdeka tahun 1957 dan perlu dipinda supaya ia menepati keperluan masa sekarang. Kita tidak mahu mereka hidup dalam penderitaan. Kita tidak mahu mereka jual goreng pisang atau bawa teksis seperti disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat pada November dahulu apabila menyentuh mengenai nasib bekas Ahli Parlimen. Berlaku adillah kepada balu dan duda dan juga anak tanggungan ahli-ahli kita. Terima kasih.

Satu lagi adalah mengenai saraan yang dikatakan kali ini. Saya rasa tidak ada dua faktor diambil kira. Satu adalah mengenai *constituency office* yang mana kita perlu *offices* di setiap kawasan. Banyak ADUN negara ini diberi elaun-elaun untuk *constituency office* dan nombor dua adalah untuk *research officer* yang sangat perlu kerana kita memerlukan *research officer* untuk membuat kerja *research* untuk Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan mengambil maklum dan akan memberi perhatian mengenainya. Saya terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk berucap sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal 1 hingga 3 [Pindaan] –

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Pengerusi, fasal 1 rang undang-undang ini dipinda subfasal 1(2) dengan memasukkan selepas perkataan 'akta ini' perkataan 'disifatkan telah'.

Fasal 2 rang undang-undang ini dipinda;

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "tujuh ribu ringgit" dengan perkataan "sebelas ribu ringgit".
- (b) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "sebelas ribu ringgit" dengan perkataan "enam belas ribu ringgit".

Fasal 3 rang undang-undang ini dipinda;

- (a) dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit" dengan perkataan "tiga puluh satu ribu ringgit".
- (b) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "enam belas ribu ringgit" dengan perkataan "dua puluh dua ribu ringgit".

Implikasi Kewangan kepada Huraian dipinda dengan menggantikan perkataan 'RM14,751,981.36' dengan perkataan 'RM31,971,981.36'.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sebelum ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Fasal-fasal 1 hingga 3] sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL-USUL MENTERI

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

2.47 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Gaji sudah naik tidak apalah Yang Berhormat. Tunggulah sekejap. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya akta itu hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 15 Jun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan April 1985, Dewan yang mulia ini telah pun membahaskan satu Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) yang merupakan satu akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap seseorang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung atau yang melibatkan pengedaran najis dadah berbahaya. Usul ini telah pun menarik perhatian ramai Ahli Yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahas dengan panjang lebar, maka ia pun diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta tunggulah di Dewan ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang hendak beredar itu, beredar dengan senyap Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 itu telah dikuatkuasakan mulai 15 Jun 1985 bagi tempoh lima tahun. Akta ini seterusnya telah dilanjutkan oleh Parlimen sebanyak lima kali yang bermula 15 Jun 1990, kali yang kedua pada 15 Jun 1995, kali ketiga pada 15 Jun 2000, kali keempat pada 15 Jun 2006 dan kali kelima pada 15 Jun 2010.

■0250

Cawangan perlanjutan kali ini adalah bagi lanjutan yang ke enam. Akta ini memperuntukkan kuasa kepada menteri dalam negeri untuk menahan mana-mana orang yang didapati pernah dan ada berkaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung ataupun melibatkan pengedaran najis dadah berbahaya bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun lagi setiap lanjutan.

Menteri Dalam Negeri juga boleh mengeluarkan perintah sekatan untuk menyekat kediaman seseorang di kawasan tertentu. Untuk tujuan pengawasan bagi sesuatu tempoh tidak melebihi dua tahun dan boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun lagi setiap lanjutan. Semenjak dikuatkuasakan mulai Jun 1985 hingga Februari 2015, Menteri Dalam Negeri pun mengeluarkan sejumlah 30,672 perintah di mana 19,347 daripadanya adalah perintah tahanan manakala 11,325 lagi adalah perintah sekatan. Masing-masing di bawah seksyen 6(1) dan seksyen 6(3) Akta Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

Mereka yang dikenakan perintah tahanan akan ditempatkan di salah sebuah daripada empat pusat tahanan yang telah ditetapkan iaitu Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah dan Pusat Pemulihan Akhlak Machang. Penentuan tempat tahanan bagi seseorang itu ditentukan berdasarkan kepada fakta seperti tempat asal subjek keluarga, kawasan, kegiatan, jantina, tahap kesihatan dan umur. Sehingga 12 Mac 2015, terdapat seramai 1,280 orang tahanan telah ditempatkan di pusat-pusat tahanan yang disebutkan tadi.

Bagi perintah sekatan pula, subjek berkenaan akan dihantar ke kawasan yang luar daripada aktiviti pengedarannya. Sepanjang tempoh tersebut, mereka akan diletakkan di bawah pengawasan polis dengan syarat-syarat tertentu bagi mengehadkan pergerakan mereka. Ini bertujuan untuk mengelakkan mereka daripada terjebak semula di dalam aktiviti pengedaran dadah dan juga bagi tujuan pemulihan.

Walau bagaimanapun, mereka boleh menjalani rutin hidup yang normal seperti biasa, bekerja, berkeluarga dan melaksanakan tuntutan agama. Walau bagaimanapun, mereka ini telah melanggar undang-undang negara tetapi aspek kebajikan dan pemulihan mereka tidak pernah diabaikan.

Sehubungan dengan itu, program-program pemulihan sentiasa dijalankan secara tetap dan berkala sesuai dengan matlamat kerajaan untuk memulihkan mereka daripada najis dadah.

Program ini memberi fokus kepada pengisian rohani dan jasmani, emosi dan spiritual serta sedikit kemahiran hidup yang boleh digunakan untuk memulakan satu kehidupan baru apabila dia dibebaskan kelak.

Selain itu, program-program yang dijalankan juga bertujuan untuk memupuk sifat jati diri yang tinggi, berdisiplin, berkeyakinan serta mempunyai kekuatan mental dan fizikal yang diperlukan bagi mengharungi hidup yang lebih mencabar di luar nanti. Kemajuan dan keberkesanan aktiviti pemulihan terhadap orang-orang tahanan ini sentiasa dipantau dari semasa ke semasa bagi menilai sejauh mana mereka telah dipulihkan dan bersedia meninggalkan kegiatan lampau sebelum dibebaskan. Jika seorang tahanan didapati masih belum pulih selepas mengikuti program-program pemulihan, dalam tempoh

tersebut, maka Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa di bawah seksyen 11A akta tersebut untuk melanjutkan perintah tahanan itu.

Orang-orang tahanan yang telah berjaya dipulihkan akan dibebaskan sepenuhnya tanpa syarat manakala yang masih memerlukan pemantauan minimum akan diperintahkan menjalani sekatan di luar yang mana syarat-syaratnya ialah sama seperti perintah sekatan di bawah seksyen 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Program pemulihan yang dijalankan bukan hanya tertumpu kepada orang-orang tahanan di dalam pusat pemulihan akhlak sahaja malahan turut di aplikasi kepada orang-orang sekatan yang menjalani perintah sekatan di luar. Bagi meneruskan sokongan terhadap usaha pemulihan mereka, Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama jabatan kerajaan yang lain menjalani Program *Outreach* bersama orang sekatan. Program *Outreach* secara berkumpulan diadakan untuk memberi bantuan kepada orang-orang sekatan dari segi motivasi, nasihat, bantuan kebajikan untuk diri sendiri dan keluarga, peluang pekerjaan, pemeriksaan kesihatan dan penggantian dokumen pengenalan diri seperti MyKad.

Sehingga 12 Mac 2015 terdapat seramai 586 orang yang dikenakan perintah sekatan ini merata-rata tempat di seluruh Malaysia. Walaupun akta ini telah berkuat kuasa sejak Jun 1985 dan tindakan-tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima tetap membimbangkan. Kegiatan pengedaran dadah masih wujud dan dipercayai akan berterusan lagi bertepatan permintaan dari kalangan penagih serta bekalan dan pengedar dadah. Untuk itu usaha bagi memerangi pengedaran najis dadah telah dilaksanakan dengan meluas. Malah bagi menunjukkan dadah sebagai musuh yang sangat berbahaya, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara.

Sejak dari tahun 1983 sehingga kini, negara yang bebas ini, ancaman berbahaya dadah adalah penting demi menjamin kesejahteraan masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Sebagai mencapai maksud negara bebas dadah, jumlah bekalan *supply* oleh pengedar-pengedar dadah dan permintaan (*demand*) oleh penagih dadah hendaklah dihapuskan.

Dalam konteks untuk menghapuskan sumber bekalan (*supply*) dan permintaan (*demand*) tersebut, strategi penguatkuasaan undang-undang adalah mekanisme yang diguna oleh kerajaan bagi memastikan tiada sumber bekalan dadah dapat ditawarkan kepada penagih dadah.

Penguatkuasaan undang-undang yang tegas adalah perlu bertujuan menyekat kemasukan dadah berbahaya dari luar negara. Menghapuskan pengedar dadah, pembekalan dan penguasaan makmal dadah haram, menangkap penagih dadah dan membuat pendakwaan atas pesalah-pesalah dadah. Antara Akta-akta yang berkuat kuasa bagi tujuan tersebut adalah:-

- (i) Akta Dadah Merbahaya 1952;
- (ii) Akta Racun 1952;
- (iii) Akta Penagih Dadah Rawatan dan Pemulihan 1983;
- (iv) Akta Dadah Berbahaya Perlucutan Harta 1988; dan
- (v) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan) 1985.

Setakat ini pihak polis telah berjaya memupuskan beberapa sindiket pengedaran dadah sama ada yang berskala kecil ataupun berskala besar. namun demikian, kedudukan negara ini yang berhampiran dengan *Golden Triangle*, dan keadaan perbatasan darat, laut panjang dan luas telah membuka ruang kepada sindiket-sindiket untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini melalui 'jalan tikus' di sempadan negara.

Terbaharu, pihak polis telah mengesan taktik baru sindiket pengedaran dadah yang menggunakan perkhidmatan *courier* melalui jalan udara untuk menyeludup masuk dadah berbahaya ke dalam negara. Selain daripada penyeludupan dan pengedaran dadah, pihak polis juga telah berjaya membongkar aktiviti pemprosesan dadah berbahaya yang dijalankan dalam makmal-makmal haram di premis-premis sendirian yang disewa. Makmal haram memproses dadah ini wujud untuk memenuhi permintaan dari kalangan penagih dadah serta untuk mengaut keuntungan yang tinggi melalui aktiviti yang tidak sah. Aktiviti memproses dadah dalam makmal-makmal haram ini jelas membuktikan sindiket pengedaran dadah ini mempunyai kepakaran untuk menghasilkan dadah.

■0300

Ancaman bahaya dadah tidak akan dapat diatasi sepenuhnya selagi mana ada penawaran dari pengedar-pengedar dadah. Mereka ini boleh diibaratkan sebagai duri dalam daging terhadap usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas dari ancaman najis dadah. Dengan yang demikian, adalah penting bagi kerajaan untuk menerus dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang bertujuan mengekang ancaman dari terus menular di kalangan masyarakat.

Namun demikian dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini, pihak polis berhadapan dengan beberapa kesukaran sungguhpun anggota pasukan berjaya menahan pengedar dadah, namun didapati adalah orang suruhan, orang bawahan dalam struktur organisasi sindiket pengedaran dadah. Mereka yang ditahan telah didakwa di bawah seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati.

Sungguhpun anggota bawahan tersebut telah berjaya ditahan, namun ketua sindiket pengedaran dadah atau lebih dikenali sebagai "kingpin" masih bebas. Ini adalah kerana sukar bagi pihak penguatkuasaan menangkap ketua-ketua sindiket atau "kingpin" dengan bukti pemilikan dadah secara fizikal. Tanpa pemilikan dadah secara fizikal oleh pengedar ini menyebabkan mereka tidak dapat dibawa ke mahkamah.

Masalah kedua ialah kegiatan pengedaran dadah juga didapati banyak melibatkan sindiket yang turut terlibat dalam kegiatan kongsi gelap dan jenayah terancang. Melalui pendakwaan di mahkamah terbuka akan mendedahkan risiko keselamatan kepada saksi-saksi yang mengetahui kegiatan haram mereka. Oleh yang demikian, pihak penguat kuasa menghadapi kesukaran mendapat kerjasama maklumat dari saksi-saksi berkaitan.

Oleh yang demikian, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah mekanisme terbaik dalam mengatasi masalah ini. Tindakan menahan dan menyekat mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah akan dapat mengurangkan lagi kegiatan sindiket pengedaran dadah berbahaya dan memutuskan jaringan bekalan dadah dari pengedar kepada penagih. Oleh itu, tempoh

berkuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 perlu dilanjutkan selama lima tahun lagi mulai 15 Jun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Sikit, sikit. Kuala Kedah kena cakaplah, kawasan dadah.

3.03 pg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepang boleh baliklah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Presentation* selalunya panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah boleh ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepang...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan mengenai suasana masalah dadah dalam negara kita yang menuntut kerajaan untuk memanjangkan tempoh penguatkuasaan seksyen yang berkenaan ini selama lima tahun lagi dan ini adalah lanjutan lima tahun yang keenam mengikut Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin mengucapkan syabas kerana laporan yang diberikan tadi menunjukkan kejayaan-kejayaan dalam usaha kerajaan membanteras masalah penagihan dadah, pengedaran dan sebagainya. Akan tetapi pelanjutan ini menggambarkan bahawa kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pihak berkuasa seperti pengesanan makmal-makmal, sindiket-sindiket yang telah dapat dibanteras, mungkin merupakan dengan izin *the tip of the iceberg*.

Setiap satu atau dua sindiket yang dapat dibanteras, ada lagi mungkin lima atau enam yang terus berjalan. Jadi saya hendak bertanya sampai bilakah agak-agaknya kita akan dapat mencapai satu kejayaan yang menyeluruh walaupun kita tahu masalah dadah di seluruh dunia Tuan Yang di-Pertua, suatu yang berterusan, yang tidak dapat hendak diselesaikan dengan mudah dengan alasan-alasan yang diberikan tadi. *Prosty of our border, our nearest the golden triangle* dengan izin.

Akan tetapi apa agaknya pemikiran luar kotak yang boleh diambil oleh kementerian bagi menyelesaikan masalah ini kerana nampaknya setelah lima kali pelanjutan dan ini yang keenam, kita rasa lima tahun lagi – *five years on the road*, kita akan berhadapan dengan pelanjutan yang sama. Ini bermakna makin ramai anak-anak kita yang terlibat dengan dadah. Masalah ini menjejaskan ekonomi.

Jadi apa agaknya pendekatan baru yang boleh dicadangkan oleh kementerian dalam hal ini? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

3.06 pg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perlu memberikan maklum balas dan pandangan kerana kawasan saya adalah salah satu kawasan yang paling teruk kena bahana penagihan dadah. Pertamanya, saya hendak sebut bahawa saya tidak memperkecilkan apa yang dilakukan selama ini oleh pihak polis dan juga dari segi yang disebut tadi tentang langkah-langkah pencegahan dari segi undang-undang.

Cumanya saya hendak menyatakan bahawa 22 tahun saya di Kuala Kedah, saya tidak melihat sebarang pengurangan yang *significant* dari segi penagihan dadah. Itu kita kembali kepada punca orang menagih dadah kerana sepanjang saya lihat orang-orang yang menagih dadah dan juga terlibat sebagai penjual dadah, *pusher* yang kita sebut kecil-kecilan, pengedar, mereka masih menggunakan dadah. Tidak ada yang tinggal betul-betul walaupun telah melalui pusat pemulihan.

Akan tetapi ada seorang sahaja yang saya tahu betul-betul yang meninggalkan dadah. Yang lain itu mereka tidak mengambil narkotik tetapi mereka terlibat dalam apa yang dipanggil *substance abuse*. Berbagai-bagai benda. Itu yang ketum datang peranan tadi kerana mereka masih merupakan orang-orang yang bergantung hidupnya, psikologi dan perasaannya dan fizikalnya kepada benda-benda tadi. Cuma pernah ada seorang yang telah meninggal, beliau dapat meninggalkan terus. Apa yang berlaku, ini satu yang saya kaji sendiri, *Out of curiosity* beliau sebenarnya dapat memenuhi kekosongan di dadanya kerana dengan terlibat dengan cukup aktif dan intensif dalam gerakan agama. Jadi kekosongan itu dipenuhi.

Walaupun langkah-langkah tadi penting dan saya bersetuju diteruskan, tetapi kita jangan lupa tentang yang sebenarnya pencegahan dan juga rawatan yang sebenar iaitu kekosongan jiwa, agama, moral dan yang berpunca daripada masalah institusi keluarga yang berlaku cukup teruk. Di kawasan saya dan Alor Setar teruk kerana berlaku pemodenan secara mendadak dan masyarakat tidak bersedia. Institusi keluarga memang runtuh dan itu punca terbesar yang perlu kerajaan jangan lupakan.

Berkenaan dengan langkah-langkah pencegahan dan polis, memang pihak polis memainkan peranan yang baik dan berkesan. Akan tetapi tidak seberkesan yang kita harapkan. Ini kerana kalau kita pergi ke tempat-tempat yang *black area* ini, dalam masa yang singkat berinteraksi dengan penagih dadah dan kita boleh bertanya di mana boleh dapat ... morfin, memang boleh dapat. Jadi mesti ada. Saya ingat sungguh di kawasan saya di pekan Kuala Kedah, di klinik saya memang ada seorang *pusher* yang boleh hidup daripada mula-mula saya buka klinik di sana sehingga beliau meninggal. Diketahui semua orang dia *pusher* dan beliau itu berkawan baik pula dengan polis-polis ketika itu. Pernah beliau ditikam dan luka dan datang ke klinik saya. Yang datang menyelamatkan dia itu polis. Jadi maksudnya ialah diketahui tetapi tidak dapat dicegah.

Satu lagi ialah transparansi. Ketelusan polis dalam mengendalikan kes-kes dadah ini kerana mereka ini banyaknya orang yang tidak tahu hak-hak mereka sebagai yang tertuduh tadi. Jadi perkara biasa dibawa cerita-cerita dan masalah keluarga mereka. Bagaimana ada polis-polis yang tidak bertindak profesional dalam berhubungan dengan mereka, mengugut dan lain-lain lagi.

■0310

Jadi itu perlu dilihat. Jadi saya mengesyorkan supaya dalam kita menambahkan masa untuk langkah-langkah pencegahan ini, kita juga harus melihat kembali dengan teliti, dapatkan lebih banyak maklum balas untuk memperbaiki dan memperbetulkan segala kelemahan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sebutkan bahawa saya berpandangan peribadi dan berinteraksi dengan penagih dadah dan lagi ini bahawa langkah yang ke hadapan, di masa depan ialah kita kena mengikut trend dunia sekarang iaitu kita tidak lagi semata-mata bergantung sungguh-sungguh kepada undang-undang saja tapi yang dilakukan di Barat sekarang, saya agak itu langkah yang agak baik di mana kita membenarkan penagih dadah seolah-olah macam juga *substitution therapy*, kita kawal mereka, kita tengok mereka dan kita membenarkan pada skala yang kecil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskanlah Yang Berhormat. Hendak lagi kah Yang Berhormat Kapar. Ya Yang Berhormat Kapar, ringkas ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya ringkaskan sebab saya hendak wacana saya dalam tiga aspek saja. Aspek pertama adalah kena mengena dengan pencegahan. Yang Berhormat Menteri, saya mahu maklum balas di mana di tempat-tempat pencegahan lah gejala sosial dadah ini berleluasa. Contoh di lokap, contoh di pusat serenti. Bagaimana kita tahu, orang yang keluar maklumkan kepada kami. Saya boleh bidas lebih lanjut tetapi masa tidak memberi saya ruang untuk membidas secara lanjut tapi tolong ambil pengetahuan. Memang di tempat-tempat pencegahan lah gejala ini sedang berleluasa.

Sebab itu sejak tahun 1985, setiap lima tahun kita sedang memperbaharui cadangan ini. Di mana letaknya? Di pihak kita juga sebab di situlah kita dapati kegiatan ini semakin berleluasa.

Aspek kedua yang saya hendak tekankan adalah tentang *post rehabilitation*. Bila dia orang keluar daripada pusat pemulihan, apa yang berlaku kepada mereka. Kawan-kawan mereka tentu, so ramai yang jumpa dengan saya, ada seorang yang dulu menghisap dan juga mengedar, masuk lokap, keluar. Sekarang hendak bekerja dengan saya. Ada kalanya dia sedang ikut saya, di Parlimen saya. Tapi masalah yang dihadapi ialah di luar itu, tekanan menunggu dia untuk tarik dia balik ke gejala ini.

So masalah ialah aspek *post* rehabilitasi saya nampak memang kekurangan. Saya boleh bantu seorang tetapi berapa banyak dekat luar itu yang perlu bantuan. Itu yang kedua. Yang ketiga, aspek ketiga dan aspek terakhir Tuan Yang di-Pertua. Kalau masuk lokap penjara hari ini, kalau kita keluarkan penagih dadah, yang baki tinggal adalah kurang. Maksud saya dalam penjara hari ini penuh dengan penagih-penagih dadah dan saya pernah ulang dalam Dewan yang mulia ini dan saya hendak ulang sekali, jangan anggap yang penagih dadah ini sebagai seorang penjenayah. Itu adalah persepsi yang tidak profesional, tidak waras.

Mereka saya umpamakan sebagai orang-orang yang kurang siuman, orang gila, yang perlukan bantuan perubatan *there and then*. Bila ditangkap, tangan mereka digari, diletakkan macam itu. *Can you imagine* dia orang. Saya cabar dekat sini beberapa Yang Berhormat Menteri yang hisap rokok. Mesti kena keluar hisap rokok. Yang hendak minum teh tarik, mesti hendak keluar minum teh tarik. Ada yang makan tengah hari mesti cari teh tarik. Saya pernah tengok. Saya tidak hisap rokok. Saya tidak minum arak, saya tidak minum teh tarik, so tapi saya pernah tengok ramai dekat sini gejala ketagihan itu ada.

Ini mereka, yang penagih itu memerlukan bantuan tapi kita seksa dia orang dengan keadaan macam itu, 3 hari reman, 4 hari reman dan terus masuk lokap. Benda yang pertama dia orang tanya dekat pegawai polis adalah *can I have this*. So daripada memberi bantuan perubatan, kita menyeksa mereka dan kita anggap mereka sebagai penjenayah. Saya rasa ini adalah cadangan saya tetapi perlu penelitian secara holistik daripada kementerian, cuba berfikir penagih ini adalah mangsa keadaan yang memerlukan bantuan dan mereka bukan penjenayah.

Kalau kita boleh bantu mereka, lokap kita Tuan Yang di-Pertua lebih kurang 60% hingga 70% akan berkurangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merangka menyeluruh, bukan secara khusus. Yang pertamanya cabaran kita mengatasi masalah dadah, kemasukan dadah ke negara kita ialah banyak. Yang pertamanya aktiviti pengeluaran dadah yang berleluasa dipanggil di *Emerald Crescent* iaitu di South Amerika yang mana masih negara-negara tersebut menganggapkan pengeluaran dadah sebagai satu industri dan itu satu. Yang kedua secara ringkas saja pergi, yang kedua ialah dia *Golden Triangle*. Saya banyak berjumpa dengan Menteri-menteri di Myanmar umpamanya meminta supaya menukarkan industri penanaman popi dan sebagainya kepada penanam barang lain.

Tetapi mereka saya cadangkan juga membawa orang Malaysia masuk ke Myanmar untuk menanam *palm oil* tapi masih tidak berkemampuan mereka untuk menukarkan industri penanaman popi ini kepada perkara lain, barang-barang lain. *The Golden Crescent* juga banyak mengeluarkan tradisional *drug* macam popi dan sebagainya iaitu di Iran, Pakistan, Afghanistan. Jadi didapati *research* dibuat oleh pihak Barat mengatakan bahawa *the choice is either* tanam dadah ataupun angkat senjata. Jadi *the second choice is better than* mengangkat senjata. Jadi pihak Barat pun biar mereka menjalankan aktiviti tersebut.

Itu yang pertama, yang kedua ialah pengeluaran sintetik *drug*. Di negeri China, di Afrika, kalau kita dilihat di negara kita, di Philipine mengeluarkan sintetik *drug* begitu banyak dia boleh memasuki sebagaimana yang disebut terma awal tadi iaitu kebolsan sempadan kita. Jadi ini cabaran untuk penguatkuasaan. Itulah kenapa polis bukan saja menubuhkan cawangan narkotik tetapi juga akan bakal menubuhkan apa dikatakan satu unit lagi iaitu dipanggil *borders security*. Orang yang berkepakaran khusus untuk mengetahui pengedar, pembawa dadah dan ataupun sindiket membawa dadah masuk ke negara ini.

Ini akan ditubuhkan *insya-Allah* pada tahun 2015 dan 2016 ini, kalau keanggotaan kita dapat, kita dapat menubuhkan unit ini dan boleh menangani sedikit khususnya di *entry point*, di tiap-tiap *entry point* di seluruh negara. Itu yang pertama, yang kedua, saya ingin menjawab Yang Berhormat daripada...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Iaitu bahawa, memang Yang Berhormat kita sekarang telah sedikit-sedikit bermula. Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua dua tahun ini kita mula hendak membahagikan iaitu pihak pengedar, penjual dan pembawa dadah masuk ke negara ini sebagai jenayah tetapi penagih dadah ini kita akan buat satu, bukan *decriminalize* kan pihak penagih dadah ini bahkan menganggap mereka sebagai pesakit. Dengan pengasingan ini, bahkan saya telah meminta pihak AG untuk meminda undang-undang kita supaya diasingkan dengan secara undang-undang bahawa *the treatment* sama ada *charge* di mahkamah ataupun *the treatment* diberi kepada klinik-klinik yang kita yang kita buat.

Jadi kerangka ini melibatkan beberapa perkara iaitu penggubalan undang-undang dan juga saya mempengerusikan jawatankuasa yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Nasional untuk menangani masalah sosial negara. Jadi saya mempengerusikan jawatankuasa ini dan jawatankuasa saya *insya-Allah* akan membuat laporan kepada Jawatankuasa Kabinet yang di pengerusi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebelum bulan Jun tahun ini untuk melihat apakah *the holistic approach* kepada semua perkara.

Jadi kita melihat ini daripada sudut undang-undangnya, daripada sosialnya dan *to look into the root cause* penagihan dadah ini, bermula dengan saringan anak-anak di sekolah yang kita ketahui ada yang umur 6 tahun, 7 tahun sudah terlibat dengan penagihan dadah. Itulah kenapa kita bimbang betul apabila ibu bapa membekal anak-anaknya dengan minuman daun ketum pergi ke sekolah. Kita dapati rekod yang begitu tinggi sekali yang kita takut kerana *advance* daripada daun ketum itu mereka akan menggunakan sintetik dadah. Oleh kerana daun ketum itu mempunyai ciri-ciri yang tertentu tidak ubah macam miterpetamin dan amfetamin dia punya kesan.

■0320

Akhirnya, pengguna yang lama, lama-kelamaan, berpuluh-puluh tahun dia akan membinasakan otak macam mana **methamphetamine** membinasakan otak manusia juga penggunaan berterusan dadah daripada daun ketum ini.

Daun ketum ini dia *special*, saya sudah meminta Universiti Malaya membuat *research* dan saya mendapat laporan. Laporan itu menunjukkan kesan jangka panjangnya memanglah berbahaya walaupun saya juga mengetahui bahawa daun ketum itu mempunyai *chemical* di dalamnya yang lebih potents lagi kalau dibandingkan dengan *morphine* untuk *pan killing*, dia bagus *clinical use* banyak tetapi dalam masa yang sama *uncontrolled use* akan membahayakan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian saya telah memberi arahan kepada Ketua Pengarah AADK supaya tiap-tiap tindakan kita, tiap-tiap undang-undang kita, kita buat *research*. *What is the outcome of the treatment, what is the outcome the clinical action that we took* dan sebagainya. Kita tidak hendak lagi

selepas beberapa lama kita melaksanakan undang-undang tetapi kesannya tidak kita ketahui. Saya kata tiap-tiap dasar yang kita perkenalkan, tiap-tiap undang-undang yang kita perkenalkan mesti mempunyai kesan-kesan positif kepada *the afford of the government* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam keadaan sekarang saya kata kita kena mentadbirkan negara ini secara intelektual. Kita tidak boleh membuatkan satu *assumption* lagi pada masa-masa yang akan datang. AADK bekerjasama dengan Majlis Profesor Negara untuk merealisasikan kehendak saya ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi jawatankuasa ini akan melihat daripada sudut psikiatri, psikologi yang kita akan bawa sama ada kerajaan boleh meluluskan dengan masa yang singkat tetapi saya kata jawatankuasa ini akan terus membuat *recommendation* dalam masa dua, tiga tahun pelaksanaannya pun alhamdulillah kerana kita mengetahui khususnya untuk menangani masalah dadah masuk ke dalam sekolah dengan saringan tiap-tiap anak sekolah mesti di cek sama ada terlibat dengan dadah atau pun tidak.

Jadi, dalam keadaan sedemikian kita membuat kajian-kajian yang tertentu dan insya-Allah akan berterusan. Saya nampak Yang Berhormat Lenggong berdiri tadi, hendak tanya kah. Saya rasa tidak boleh tidur lagi ini.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya tambah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Cukuplah Yang Berhormat. Jadi, tidak apalah. Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua dengan kajian yang disiapkan insya-Allah pada bulan Jun ini kita akan melihat apakah bantuan sokongan yang patut dibuat untuk menangani masalah dadah ini, ini yang pertama.

Kedua ialah kita juga menggubal semula, melihat semula secara holistik juga IPSOM dikehendaki untuk membuat *study* bersama dengan Majlis Profesor Negara untuk menggubal kan polisi Dadah Nasional Malaysia. Jadi, insya-Allah dengan tindakan yang secara holistik ini kita berharap dengan menangani dadah dengan cara lebih berkesan lagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 4 hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983

3.24 pg

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM39.592 bilion wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) yang diterima di bawah seksyen 3(1)

Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu usul berkaitan ketetapan mengenai pemindahan Wang Terbitan Pelaburan Kerajaan daripada akaun pinjaman yang disatukan pada akaun pinjaman yang disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

Usul ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM39,592 juta wang terimaan bersih daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan iaitu sebanyak RM26,602 juta bagi terimaan bersih 2013 dan RM12,990 juta bagi terimaan bersih 2014 yang pada masa ini berada dalam akaun pinjaman yang disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung keperluan perbelanjaan pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pembangunan ini ialah satu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan. Salah satu sumber dana yang terdapat dalam akaun Kumpulan Wang Pembangunan adalah melalui pindahan dari akaun Pinjaman Yang Disatukan.

Seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan hanya boleh dipindahkan pada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berasaskan syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan antara tujuan utama terbitan berasaskan syariah ialah bagi meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon mencadangkan usul berkaitan ketetapan pemindahan Wang Terbitan Pelaburan Kerajaan sebanyak RM39,592 juta daripada akaun pinjaman yang disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk diluluskan oleh Dewan Rakyat. Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 5 hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957**3.27 pg**

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang 3.27 pagi kita telah melampaui rekod 3.21 pagi sebelum ini. Saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya kerajaan melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 10,000,000 unit saham biasa MyHSR Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (diperbadankan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

Saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] supaya Menteri Kewangan melabur secara pegangan ekuiti dalam MyHSR Corporation Sdn Bhd suatu syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan diperbadankan dengan modal berbayar sebanyak RM10,000,000.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] wang dalam kedudukan kredit persekutuan dengan mana-mana bank atau selainnya dipegang oleh persekutuan boleh dilaburkan oleh menteri dengan resolusi Dewan Rakyat. Sehubungan ini, persetujuan Dewan yang mulia ini adalah dipohon bagi membolehkan kerajaan melabur dalam syarikat MyHSR Corporation Sdn Bhd dengan modal berbayar sebanyak RM10,000,000. MyHSR bermaksud *Malaysia High Speed Rail* dengan izin.

Kerajaan sentiasa komited dalam mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 melalui Program Transformasi Ekonomi. Untuk itu, kerajaan bercadang untuk melaksanakan Projek Kereta api Laju Koridor Selatan antara Kuala Lumpur dengan Singapura yang merupakan salah satu *entry point project APP* yang dikenal pasti sebagai satu daripada *National Key Economic Area (NKEA) Greater Kuala Lumpur Klang Valley*.

Projek ini dapat meningkatkan kedinamikan ekonomi ibu negara Malaysia dan juga meningkatkan kedudukannya sebagai sebuah bandar raya global. Selain itu, kesan pelaksanaan projek ini dijangka dapat memberikan pelbagai faedah kepada negara misalnya penjanaan impak positif ekonomi kepada negara sebanyak RM100 bilion daripada aktiviti pembinaan dan operasi HSR serta penjimatan 40% daripada jumlah masa perjalanan penumpang yang dinilai pada RM310 juta setiap tahun.

Projek HSR merupakan projek infrastruktur negara yang dapat mengukuhkan hubungan antara dua enjin ekonomi yang pesat membangun di rantau Asia Tenggara iaitu Malaysia dan Singapura. Oleh itu, bagi memastikan projek ini dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, sebuah syarikat *Special Purpose Vehicle (SPV)* diwujudkan yang dikenali sebagai MyHSR Corporation Sdn Bhd yang akan bertindak sebagai projek *delivery vehicle* bagi menjaga kepentingan Kerajaan Malaysia dengan memaksimumkan faedah ekonomi kepada negara.

Oleh itu, bagi tujuan merealisasikan projek berkenaan pelaburan kerajaan melalui suntikan modal ekuiti sebanyak RM10 juta diperlukan bagi membolehkan MyHSR Corporation Sdn Bhd dapat beroperasi dengan lancar dan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Pandan.

•0330

3.30pg

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Lain kali kalau tidak mahu hendak bahaskan pada pagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlulah hendak komen begitu Yang Berhormat. Teruskan sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ... Bil-bil yang penting, usul-usul yang penting seperti ini janganlah disumbat dan disegerakan seperti ini. Untuk pengetahuan Dewan, syarikat MyHSR Corporation ini belum pun ditubuhkan lagi. Jadi, usul ini adalah untuk membeli ataupun mendapatkan pegangan ekuiti RM10 juta. Maksudnya, Dewan meluluskan dahulu RM10 juta sebelum pun ada satu syarikat yang ditubuhkan. Ini menjadi amalan kerajaan kebelakangan ini untuk menubuhkan syarikat-syarikat milik penuh untuk membuat projek-projek yang membawa hutang dan juga risiko kewangan yang begitu besar kepada kerajaan dan negara tanpa dibawa dan dibentangkan terlebih dahulu. Jumlah ataupun bilangan syarikat-syarikat seperti ini yang telah ditubuhkan oleh kerajaan, sekarang ini membawa risiko yang besar kepada kerajaan. Tidak cukup dengan 1MDB yang saya pasti dalam tahun 2009 dahulu, begini jugalah dibawa ke Dewan melalui satu usul yang mudah dan diberitakan dan diceritakan bagaimana ia akan membantu ekonomi negara. Akan tetapi lima tahun kemudian, menjadi masalah dan beban yang mungkin akan menjatuhkan Perdana Menteri sendiri.

Kemudian dalam tahun 2011, sama juga. Satu lagi syarikat SRC International. Begitu juga dibawa dengan usul yang mudah, kemudian secara senyap-senyap RM4 bilion wang daripada Kumpulan Wang Amanah Persaraan dipindahkan kepada syarikat itu yang sehingga sekarang kerajaan tidak boleh jawab mana pergi RM4 bilion wang itu. Sekarang pagi ini, kita dapat tahu pula bagaimana kerajaan akan tubuhkan satu lagi syarikat yang akan melabur berpuluh-puluh bilion dalam satu projek yang Dewan ini tidak pasti pun benarkah akan membawa laba ekonomi itu.

Saya tidak akan sambung panjang kerana saya minta Menteri kembali ke Dewan ini dalam sidang yang akan datang, untuk bentangkan secara terperinci mengenai projek ini. Jangan dijadikan amalan, menubuhkan satu syarikat yang dipegang sepenuhnya oleh kerajaan atas dasar syarikat itu swasta, kemudian mengambil hutang berpuluh-puluh bilion yang dijamin oleh kerajaan, kemudian tidak melaporkan kembali ke Dewan ini seperti mana yang telah berlaku dengan 1MDB, SRC, PFI dan syarikat-syarikat lain. Jadi cuma saya hendak ingatkan supaya Menteri kembali dan bincang di peringkat kementerian, wajiblah balik ke Dewan ini dan meyakinkan bagaimana projek kereta api laju ini boleh mendatangkan laba ekonomi. Pada masa yang sama kerajaan juga mengusahakan berpuluh-puluh bilion ringgit di Nusajaya dan juga di Iskandar, sedangkan semasa pembangunan projek Koridor Iskandar ini dilancarkan sebelum pimpinan Yang Berhormat Pekan pun, diberitakan bahawa pembangunan Iskandar ini adalah untuk kegunaan dan menarik pelaburan dari Singapura.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Seremban, hendak mencelah?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya cuma hendak minta penjelasan sedikit. Saya rasa projek ini kalau hendak dilaksanakan, memang merupakan satu projek yang sangat utama dan melibatkan dua kerajaan. Setujukah Yang Berhormat Pandan, bahawa perlu ada satu penjelasan daripada kerajaan secara terperinci bagaimanakah *financing* kepada projek ini. Ini kerana ia melibatkan dua kerajaan, Kerajaan Malaysia dan Singapura. Dari segi peratusannya, dari segi struktur *financing* itu, belum ada apa-apa perincian yang langsung tidak pernah dilaporkan dalam mana-mana laporan dalam kerajaan ataupun *even* dalam media, tidak ada langsung maklumat. Kita diminta untuk menubuhkan syarikat ini, untuk melaksanakan projek ini. Setujukan Yang Berhormat bahawa kita perlu tekan kerajaan supaya memberikan segala perincian dalam Dewan yang mulia ini, sebelum projek ini dapat dimulakan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Oleh sebab itu saya kata soalnya bukan untuk meluluskan RM10 juta, untuk ekuiti di dalam syarikat ini. Soalnya ialah pelaburan yang berpuluh-puluh bilion yang diadakan selepas ini. Oleh sebab itu, mengambil kira pandangan Yang Berhormat Seremban dan juga mengambil kira bahawa telah wujud Wilayah Iskandar, yang tujuannya ialah untuk memberi ruang menarik pelabur dari Singapura. Wilayah Iskandar sekarang ini dipasarkan sebagai koridor kepada Singapura supaya syarikat-syarikat Singapura boleh dipindah di wilayah di Selatan Johor. Bagaimana pula tiba-tiba ada satu lagi projek yang kononnya untuk menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura, dengan membabitkan pembinaan kereta api laju yang berpuluh-puluh bilion ini seolah-olah sekarang yang hendak dibawa pelaburan dipindahkan dari Singapura ke Kuala Lumpur pula. Mana satu kerajaan hendak buat ini? Bangunkan Iskandar atau hendak bangunkan Kuala Lumpur supaya pelaburan Singapura masuk Kuala Lumpur?

Malah saya jamin, selepas ini persoalan yang perlu dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pekan ialah apakah pelaburan yang membabitkan pembinaan kereta api laju ini adalah untuk menyelamatkan pelaburan 1MDB supaya apabila kereta api laju ini, bolehlah syarikat-syarikat dari Singapura itu dipujuk untuk dipindahkan ke Tun Razak Exchange dan juga Bandar Malaysia. Ini soalan-soalan yang akan bergema bukan sahaja pagi ini, tetapi untuk bulan-bulan yang akan datang.

Jadi sebab itu saya tidak mahu panjangkan, usul ini tetap akan diluluskan oleh wakil-wakil rakyat dari Barisan Nasional. Akan tetapi Menteri perlu ingat, kali ini tidak boleh lagi sewenangnyanya-wenangnyanya lepas seperti mana Menteri pernah buat tahun 2009 dengan 1MDB, tahun 2011 dengan SRC kerana kali ini setiap apa yang berlaku dengan MyHSR ini, akan ditilik dan diperhatikan oleh seluruh rakyat Malaysia satu persatu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai, selepas itu Menteri menjawab.

3.37 pg

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja tentang usul ini. Syarikat ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan dan juga ditulis oleh beberapa buah akhbar adalah syarikat yang belum didaftarkan. Kita tidak tahu sama ada syarikat ini nanti akan bergabung pula ataupun mengadakan *join venture* dengan rakan di Singapura dan bagaimana pula kedudukan dua syarikat ini kerana pembinaannya sudah pasti kalau mengikut khabar dahulu, pembangunan bersama dua buah negara. Kita baru ini dinasihatkan oleh *Public Account Committee* kita supaya melihat balik syarikat-syarikat yang dikaitkan dengan kerajaan, Government Link Companies (GLC) yang rugi-rugi. Sepatutnya kita mengambil itu sebagai langkah cepat untuk menjimatkan atau mengelakkan kerugian kerajaan. Hari ini, kita menubuhkan pula ataupun memberikan modal pula satu syarikat lagi yang kalau prestasi adik-beradiknya sebelum ini seperti 1MDB dan SRC tadi tidak dikawal, ia akan menjadi satu lagi *economic financial debacle* yang boleh merugikan negara.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, saya amat keliru sedikit. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Krai. Kita ada 1MDB, persoalan bertubi-tubi sudah ditanya, belum ada jawapan yang jelas. Kita ada SRC, pun belum ada penjelasan. Apakah etika Menteri Kewangan untuk datang dengan MyHSR Corporation inim padahal dua isu masih lagi belenggu rakyat tanpa jawapan. Apakah etika yang diguna pakai untuk Menteri Kewangan untuk *bulldoze* lagi satu benda sebegini. Apa pendapat Yang Berhormat?

■0340

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya yakin Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapannya. Agaknya kalau dua *company* payah hendak jawab, cairkan dengan *company* yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa RM10 juta ini bukanlah besar tetapi kalau RM10 juta ini kita hantar ke Kuala Krai untuk membina rumah-rumah yang runtuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat. Tidak payah bertegang, sudah 3.40 pagi dah ini. Teruskan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya tidak ada jam Tuan Yang di-Pertua, jadi nampak macam jam tidak bergerak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa, kita ada jam.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Pada saya masih lagi belum pukul 12. *[Disampuk]* Yang Berhormat Tenggara bolehlah balik sudah. Rehatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat ya, habiskan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita memerlukan dana yang segera. Kalaulah kita boleh buat satu *company* pada malam ini untuk membuat rumah segera RM10 juta ini, saya rasa boleh membina banyak rumah untuk 200 buah rumah yang berharga RM50,000 satu. Daripada kita letakkan di sini yang belum tahu lagi ke mana yang akan dihalakan dan *reportnya* hari ini sahaja kita dengar RM10

juta lepas itu tidak akan dengar lagi dilaporkan dalam Parlimen ini. Jadi itu yang saya hendak sebut sedikit pada malam ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.42 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih Yang Berhormat Pandan, celahan daripada Yang Berhormat Seremban, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai pencelahan daripada Yang Berhormat Kapar. Kita pernah melakukan juga usul seperti ini untuk MRT Corporation Sdn. Bhd. Contoh pada Oktober 2011 sebanyak RM10 juta dengan suntikan modal ekuiti dan kita tahu sekarang MRT sedang dilaksanakan dengan baik.

Kemudian penubuhan MyHSR Corporation ini perlu mendapat kelulusan Dewan Rakyat terlebih dahulu. Ia selagi belum diluluskan Dewan Rakyat maka syarikat itu tidak boleh ditubuhkan. Dari segi *financing model* dan *business model* sedang diperhalusi dengan terperinci. *Business model* sedang dikaji supaya *financial exposure* kepada kerajaan pada tahap yang minimum dan jajaran *high speed rail* akan menjana impak limpahan ekonomi yang besar dengan mewujudkan *new growth areas* di sepanjang jajaran *high speed rail* itu. Pada saat dan ketika ini hubungan antara Kuala Lumpur dan Singapura adalah seperti berikut:-

Jenis Pengangkutan	Jumlah
Udara	1,752,000,000
Kereta	1,987,000,000
Bas	543,000
Kereta api	42,000
Jumlah	4,324,000,000

Kuala Lumpur-Johor Bahru tambahan lagi 1,182,000,000 setahun. Melihat kepada apa yang penumpang yang begini ramai maka *high speed rail* ini dicadangkan. Menggunakan KTM mengambil masa 9.5 jam antara Kuala Lumpur ke Singapura. Menggunakan bas 6.5 jam antara Kuala Lumpur ke Singapura. Menggunakan kapal terbang campur *check in* dan sebagainya itu melibatkan 4.2 jam tetapi menggunakan *high speed rail* ini 15 minit ke stesen, 15 minit Imigresen, perjalanan 90 minit sampai di sana 15 minit, keluar 15 minit. Jadi 2.5 jam sahaja.

Jenis Pengangkutan	Jumlah Masa
Kereta api	9.5 jam
Bas	6.5 jam
Kapal terbang	4.2 jam
High Speed Rail	2.5 jam

Berdasarkan daripada fakta-fakta ini dan ada banyak lagi fakta-fakta lain maka kerajaan berpandangan ia adalah satu projek yang akan dapat menjana pulangan ekonomi yang baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

AKTA KASTAM 1967

3.44 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut klausa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. ST.81/2014; ST.99/2014; ST.4/2015; ST5/2015; ST26/2015; ST27/2015; ST28/2015 dan ST29/2015 disahkan.”

Pertama Perintah Kastam Duti Anti Lambakan kajian semula dipercepat nombor 2/2014 Kertas Statut Bil. ST81/2014. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk menentukan kadar duit anti lambakan ke atas plat timah, elektrolitik yang diimport dari syarikat Novowell ETP Limited dari negara China. Duti tersebut ditentukan pada kadar nil kerana plat timah elektrolitik yang berasal dari syarikat berkenaan tidak dijual pada harga lambakan dan tidak menyebabkan kemudaratan pada industri tempatan. Penentuan duti anti lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 28B Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1997 dan berkuat kuasa mulai 13 September 2014 hingga 15 November 2015.

Nombor dua, Perintah Kastam Duti Anti Lambakan Sementara 2014 kertas statut bilangan ST99/2014. Perintah ini diwartakan bertujuan mengenakan duti anti lambakan sementara ke atas *hot roll coils* (HRC), *hot roll coils with patent in relieve* dan *pickle and coils* yang diimport dari negara China, Indonesia dan Korea pada kadar 3.15% hingga 29.37%. Duti anti lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1997 dan berkuat kuasa mulai 17 Ogos 2014 hingga 13 Februari 2015.

Nombor tiga, Perintah Kastam Duti Anti Lambakan kertas statut bilangan ST.4/2015. Perintah ini diwartakan bertujuan membatalkan perintah kastam duti anti lambakan nombor 4/2013 PUA/390/213 yang telah diwartakan pada 31 Disember 2013 ke atas konkrit pertegasan lembar tujuh wayar.

Pembatalan perintah ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1997 yang berkuat kuasa pada 5 Januari 2014.

Nombor empat, Perintah Kastam Duti Pelindung Sementara 2014 kertas statut bilangan ST5/2015. Perintah ini diwartakan bertujuan mengenakan duti pelindung sementara ke atas plat keluli gelungan panas yang diimport daripada 42 buah negara pada kadar 23.93%. Duti Anti Lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 22 Akta Perlindungan 2006 dan subseksyen 11 Akta Kastam 1997 yang berkuat kuasa mulai 14 Disember 2014 hingga 1 Julai 2015.

Nombor lima, Perintah Duti Kastam barang-barang berasal dari negara-negara ASEAN. Tatanama tarikh berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN, kertas status bilangan ST/2015. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk meminda perintah asal selaras dengan Perintah Duti Kastam barang-barang di bawah Perjanjian Rangka Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China. Tatanama tarif berharmonis ASEAN 2014 yang telah dipinda ke versi ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature 2012. Pindaan ini sebahagian daripada persediaan ke arah pelaksanaan satu buku yang dijangka dilaksanakan sepenuhnya dalam tahun 2017. Pindaan akan melibatkan 84 baris tarif iaitu berkaitan bahan kimia, seramik, besi dan keluli serta kenderaan.

Nombor 6, perintah duti kastam barang-barang di bawah perjanjian rangka kerja kerjasama ekonomi komprehensif antara ASEAN dan China, tatanama tarif berharmonis ASEAN, kertas status ST27/2015. Perintah ini diwartakan selaras dengan pindaan Harmonized System oleh World Custom Organization bagi menggantikan Perintah Duti Kastam barang di bawah program *early harvest* dan perjanjian rangka kerja kerjasama ekonomi komprehensif antara ASEAN dan China 2008 dalam versi HS2007. Perintah ini juga digubal dalam versi AHDN2012 iaitu dalam versi 10 digit sebagai persediaan untuk pelaksanaan satu buku pada tahun 2017. Perjanjian rangka kerja kerjasama komprehensif ekonomi antara ASEAN dan China telah ditandatangani pada tahun 2004. Maknanya tarif yang berduti antara negara ASEAN dan China mula diturunkan pada 2004 dan penghapusan tarif pada 1 Januari 2006. Antara produk Malaysia yang dihapuskan duti adalah seperti kopi, sabun, *annual and vegetable fats, cocoa and cocoa preparation, mineral fuels, stearic acid, article of rubber and glass envelope for cathode-ray tube*.

■0350

Produk yang masih diletakkan di bawah *sensitive list* adalah seperti *unprocessed agriculture products, tobacco products, plywood, ceramic and glass, iron and steel and automotive products*. Perintah duti kastam barang-barang yang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Negara-negara Anggota ASEAN dengan Jepun, Kertas Status Bil. ST28/2015. Perkara 7, perintah ini diwartakan selaras dengan keputusan mesyuarat jawatankuasa kecil mengenai peraturan asal yang diadakan di Myanmar pada Mac 2014 yang bersetuju supaya nilai FOB dalam Sijil Tempasal Borang AJ ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership (AJCEP) dimansuhkan kecuali apabila nilai kandungan serantau terpakai. Pindaan ini juga selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis AFTA ke-25 pada tahun 2011 yang menetapkan bahawa pelaksanaan mandatori penggunaan dan penerimaan Borang AJCEP yang baru berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Kelapan, akhir. Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 2015 Kertas Statut Bil. ST29/2015. Perintah ini diwartakan bertujuan mengenakan duti anti lambakan muktamad ke atas *Hot Rolled Coils*

(HRC), *Hot Rolled Coils with patterns in the relief* dan... *Oil coils* yang diimport dari negara China dan Indonesia pada kadar 2.49% hingga 25.4%. Duti anti lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1997 dan berkuat kuasa mulai 14 Februari 2015 hingga 13 Februari 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk di bahas. Ya Yang Berhormat Kuala Krai, lepas itu Menteri menjawab.

3.51 pg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit saja, hendak *complaint* sedikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh, boleh.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Hendak *complaint* sahaja. Yang Berhormat Kepong tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Complaint* apa Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Complaint* sedikit.

Seorang Ahli: Tidak mengantuk kah?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kertas Statut 27 tidak ada dalam fail saya. Saya hendak komen 27 tetapi Kertas Statut 27 tidak ada. Jadi saya tidak dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Komen yang ada Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang tidak ada itu yang nak komen, yang lain itu saya puas hati, yang tidak ada itu. *[Ketawa]* Minta penjelasan kenapa ini boleh berlaku.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mengantuk dah ni.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak, tidak, di *compile* sekali. Yang Berhormat Parit Sulong ada.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kapar baliklah, apa tunggu lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain ada tak?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dah pagi dah ni, cukuplah itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling tidur berdengkurlah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Tidak baik Yang Berhormat kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak teruskan Yang Berhormat Kuala Krai?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Edar tekslah, tak payah cakap. Ketua *whip* pun nak balik dah, tapi terpaksa tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tiada ulasanlah Yang Berhormat Timbalan Menteri ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalah ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 7 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil ST.81/2014, ST.99/2014, ST.4/2015, ST.5/2015, ST.26/2015, ST.27/2015, ST.28/2015 dan ST.29/2015 hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

AKTA EKSAIS 1976

3.53 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, setengah minit. Saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 2, seksyen 6 Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2014 yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. ST.30 tahun 2015 disahkan”.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2014 PUA 287 yang diwartakan pada 31 Oktober 2014. Perintah ini bertujuan untuk menaikkan kadar duti eksais bagi produk rokok seperti berikut; *cigar*, cerut dan *cigarillo* dinaikkan daripada RM250 sekilogram dan 20% ... kepada RM280 sekilogram dan 20%... dan *other cigar*, cerut dan *cigarillos* daripada 25 sen sebatang dan... 20% kepada 28 sen sebatang dan 20%... Peningkatan kadar duti eksais ke atas produk rokok ini dibuat untuk menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat. Langkah ini adalah selaras dengan syor *World Health Organization* yang telah menetapkan bahawa kaedah percukaian dan kawalan harga merupakan langkah penting dan berkesan dalam mengawal ketagihan rokok terutamanya di kalangan remaja. Kenaikan kadar duti eksais ini telah berkuat kuasa mulai 1 November 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Muar tidak payah sokong, orang lain sokong.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Patutlah harga *cigar* naik ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat Kuala Krai, ada kertas statut Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Baru jumpa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, okey, ya.

3.55 pg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Buatlah setengah jam *debate* itu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya melihat kenaikan RM30 duti yang dikenakan ini suatu pertambahan yang saya rasa sepatutnya ditumpukan kepada peningkatan sumber pendapatan negara, bukannya bertujuan untuk meningkatkan kesihatan. Ia menjadi satu lawak kalau kita ingat dengan pertambahan sedemikian, kita akan meningkatkan taraf kesihatan dengan maksud kemungkinannya apabila duti naik, maka yang merokok ataupun yang mencerut... *[Disampuk]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sensitif Tuan Yang di-Pertua itu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua hisap cerut kah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Akan berhenti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sekarang ini tak Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua hisap cerut, harga ini naik, akan berhenti kah? Saya rasa tidak akan berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah ambil saya sebagai contoh Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dulu, dulu...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau Tuan Yang di-Pertua pun dah hisap cerut, sampai pagilah ini.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Teruslah, tidak payahlah...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi apakah sebenarnya rasionalnya kerana kalau kita berhasrat untuk meningkatkan kesihatan rakyat, kenaikan harga tidak akan menghalang permulaan perangai merokok dan juga tidak akan menghentikan orang yang sedia merokok. Jadi apabila rokok ini mudah didapati dan kita pula tidak menjalankan suatu kempen yang benar-benar untuk menghalang merokok malah di kawasan Parlimen kita ini Tuan Yang di-Pertua, kita keluar sahaja daripada bilik ini menuju ke kafeteria, kita akan melalui zon asap rokok yang paling teruk sekali. Saya tidak tahu macam mana hendak protes lagi, dulu kita dah bangkitkan di bangunan sana. Ada ruang khas untuk merokok. Hari ini lorong kita ke kafeteria itu menjadi tempat merokok yang cukup dahsyat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Hidup Yang Berhormat Kuala Krai! *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini Tuan Yang di-Pertua pun tak setuju.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krau pun bersetuju dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: / tak selalu duduk sana Yang Berhormat. Lorong yang dikatakan itu, saya tidak selalu duduk sana.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya faham sebab tempat Tuan Yang di-Pertua mencerut di tempat lain. *[Ketawa]* Jadi, saya hendakkan Tuan Yang di-Pertua sebagai orang yang berkuasa di kawasan dalam Dewan dan juga di sekitar Dewan ini mengambil berat kerana di bangunan-bangunan kerajaan awam walau bukan lagi kawasan *air conditioner*, tempat awam tidak dibenarkan merokok. Jadi, saya harap kalau itu kita buat, mungkin kesan pada kesihatan, bukan pada yang merokok, yang merokok itu pada saya dah *gone case* dah, *beyond repair*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini kita yang menjadi *passive smoker* ini. Kita akan *suffer* juga. Jadi, saya yakin Yang Berhormat Tenggara akan menyokong saya, begitu juga Yang Berhormat Parit Sulong. Jadi, saya minta diambil...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: ...Perhatian. Kalau hendak serius bagi orang berhenti merokok, bukan naik RM30, naik banyak sedikit, *double* atau macam mana. Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya setiap kali kenaikan harga rokok mahupun cerut ini, kerajaan mengatakan adalah untuk menambah baik kesihatan dan sebagainya, mencegah penggunaan rokok dan cerut. Akan tetapi apakah mekanisme yang diguna pakai? Setiap kali datang dengan alasan sebegini tetapi kita tengok lebih ramai orang yang menghisap rokok, lebih ramai orang yang terlibat dalam penghisapan cerut, budak-budak sekolah pun terlibat. Kita nampak sekarang pelajar ada yang sampai bawa ke sekolah, kita ada aduan dari guru-guru. So saya tengok dengan naikkan harga, ia tidak akan menyelamatkan kesihatan seseorang ini. Didikan. Balik-balik, didikan itu kena ada.

■0400

Saya tengok dahulu masa saya belajar dahulu, Tuan Yang di-Pertua, lebih sedikit ya. Dahulu masa kita belajar dahulu, ada satu subjek yang dikenali sebagai Ilmu Kesihatan. Dalam topik Ilmu Kesihatan itu dia didik rokok bahaya, lepas itu dia terangkan bagaimana dia boleh ganggu paru-paru dan sebagainya. Dalam topik Sains pun kita tekankan ada satu bahagian dia terangkan... *[Disampuk]* Itu sekejap lagi saya akan sambut. Saya rasa benda itu perlu diperbaiki. Benda itu semua sudah tidak ada sudah.

Tuan Yang di-Pertua, ada seruan tadi tentang arak, tadi. Saya setuju. Saya hari itu pun dah kata *cheap liquor* perlu di *banned* di Malaysia. Pusat pemulihan arak kena ditubuhkan di setiap negeri sebab saya sudah kata gejala daripada arak ini lebih teruk daripada dadah. Betul. Itu untuk jawab Yang Berhormat tadilah.

Balik kepada Yang Berhormat Kuala Krai, jangan guna mekanisme naik harga kita boleh puas hati, tidak boleh. Saya rasa mekanisme dia sepatutnya didikan yang sempurna perlu dibawa. Pendapat Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Menjadi-jadi pula.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Kuala Krai, saya hendak bagi sedikit komen kerana dua orang Timbalan Menteri Pendidikan berada dalam Dewan ini. Saya lihat dahulu zaman-zaman masa muda dahulu, zaman sekolah, saya masih ingat walaupun sekarang Tuan Yang di-Pertua baru umur 32 tahun, zaman-zaman dahulu murid-murid hendak hisap rokok depan cikgu-cikgu amat *impossible. It is impossible to smoke in front of teachers, impossible.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dulu guru garang, Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Guru garang. Jadi saya tidak tahu apa yang berlaku Timbalan Menteri Pendidikan, sekarang ini murid-murid hisap rokok depan guru di luar sekolah. Saya rasa isunya ialah yang pertama, guru-guru sendiri dia kata jangan merokok tetapi banyak guru yang merokok. Itu isunya. Merokok pula...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang menjawab ini Menteri Kewangan, bukan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul. Dah pukul 4.00 pagi ini kadang-kadang tak *balance* sudah.

Baik, sebab itu saya rasakan bahawa harus ada suatu gerakan yang lebih kolektif sementara Menteri Kewangan menaikkan. Setujukah Yang Berhormat Kuala Krai dengan saya bahawa menaikkan *tax* ataupun cukai ini tidak menyelesaikan masalah tetapi harus ada satu gerakan yang bersepadu di antara Kementerian Pendidikan dengan agensi-agensi lain termasuklah juga dengan Kementerian Penerangan, RTM. Kalau boleh tunjuk bagaimana orang yang *suffer* hisap rokok ini paru-paru dia jadi macam mana, orang hisap cerut paru-paru dia jadi macam mana. Kalau boleh hari-hari, Tuan Yang di-Pertua, hari-hari kena tunjuk. Ambil satu hari 15 minit sebelum pukul 1.30 tengah hari dengan pukul 5.00 petang, orang yang tidak hisap rokok dia punya paru-paru cantik, Tuan Yang di-Pertua, dan orang yang hisap rokok paru-paru dia cukup kotor, hitam. Jadi kalau dia tengok hari-hari itu baru mungkin ada kesedaran. Sekarang ini setakat tunjuk di kotak rokok tidak jadi sangat. Dia orang buang kotak itu, dia buat balik.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sungai Petani macam nasihat Tuan Yang di-Pertua sahaja.

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krai]: Yang Berhormat Jasin hisap rokok.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, pasal saya minta pandangan Yang Berhormat Kuala Krai. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar. Sebelum Yang Berhormat Kuala Krai. Walaupun kita berbeza fahaman politik, pada waktu – jam berapa sekarang ini? Pukul 4.00 pagi ini. Pada pukul 4.00 pagi ini, jangan ambil gambar rakan-rakan yang sedang tidur, Yang Berhormat ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Krai, masa hendak GST itu, berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk uar-uarkan GST ini. Akan tetapi dari sudut kesihatan bila hendak selamatkan kanak-kanak kita, warga kita, keluarga kita, dari sudut isu-isu seperti rokok, cerut, mahupun arak, tidak ada apa-apa pun. Yang hanya ada dekat pawagam. Akan tetapi kalau dari sudut iklan-iklan begini dengan satu tujuan holistik menyelamatkan anak-anak muda, belia dan sebagainya, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, masih dalam lingkung perbahasan kah, Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, duti, duti. Boleh. Menteri Kewangan dia boleh jawab itu, dia bukan macam Menteri Dalam Negeri. Menteri Dalam Negeri dia tidak jawab itu. Dia okey. Yang Berhormat Kuala Krai, pendapat Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Kuala Krai, sedikit Yang Berhormat Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai yang berucap sekarang, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit, sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

Kalau kita buat hujah hendak naikan cukai boleh menghalang rokok, kalau kita tengok isu cukai ini pada zaman Umar dahulu, bila berlaku krisis kurang hasil cukai, bukan dengan naikan cukai, dengan kurangkan lagi cukai. Ini bila cukai naikan kepada rokok, orang dapatkan rokok dengan cara yang tidak betul. Menerusi sempadan dengan seludup dan sebagainya. Lagi merosakkan lagi kesihatan rakyat kita. Itu realitinya. Minta pandangan sedikit, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Sungai Petani dan juga Yang Berhormat Kuala Nerus.

Terakhir daripada Yang Berhormat Kuala Nerus itu saya rasa elok kita memperdalam lagi beberapa pendekatan yang tidak biasa kita ambil dalam menyelesaikan masalah kita.

Yang Berhormat Sungai Petani, saya yakin menaikkan cukai dan juga harga rokok ini akan membantu ekonomi tetapi tidak menyelesaikan masalah penagihan rokok ini. Yang Berhormat Pasir Puteh tidak masuk *line* ya? Dia patutnya orang yang paling kuat sekali tentang rokok ini. Ia akan menyebabkan seperti yang disebut tadi itu oleh Yang Berhormat Kuala Nerus, penyeludupan rokok.

Saya tahu di kawasan saya, rokok-rokok yang diseludup ini, rokok keretek-keretek yang haram, memang berleluasa. Jadi bila dapat rokok seludup ini dengan harga yang murah, maka amalan rokoknya makin teruk. Harga biasa kalau RM13, tuan-tuan... Eh, Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah, tuan-tuan pun bolehlah, Yang Berhormat. Sudah pagi sudah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sudah pukul 4.00 ni ya. Masalahnya kita baru lulus kenaikan gaji, jadi kena kerja lebih kuat sedikit, semangat. Motivasi. Bagi tempat saya yang menoreh getah...

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Teruskan sampai pukul 5.00 pagi.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Menoreh getah dengan harga RM2 satu kilo. Satu kilo getah buku RM2 untuk mendapatkan satu kotak rokok RM13 campur GST, tujuh kilo kena toreh satu hari untuk dapat sekotak rokok. Berapa banyaklah tiga ekar tanah boleh dapat getah untuk menyara keluarga. Ini mungkin sikap. Kita tidak boleh hendak *blame* rokok itu tetapi sikap. Akan tetapi kalau sudah *availability* itu sedemikian dan ketagihan tidak dilawan walaupun usaha ada di kotak rokok ini tuan-tuan, saudara-saudara sekalian... [Ketawa] Lama tidak berceramah. Pada kotak rokok itu, apa gambar yang tidak ada? Gambar cukup menakutkan tetapi sudah penagih ini Ahli Yang Berhormat sekalian, *slumber* sahaja. Saya tunjuk gambar itu depan mereka, buat tidak tahu sahaja. Pameran banyak. Kalau pergi klinik kesihatan kita, gambar kesan rokok ini kepada seluruh tubuh kita daripada dalam janin, yang lahir, yang tua, cukup teruk tetapi tidak memberi kesan.

Jadi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Siput tadi – eh, Yang Berhormat Sungai Petani tadi. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Doktor pun pandai silap Yang Berhormat ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, *really tiring*lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah, semangat baru, gaji barukan Yang Berhormat. Tidak habis lagi Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Apa yang disebut tadi itu Kementerian Pendidikan harus masuk *line* lah, harus serius. Kalau tidak, *we have lost friends*, Tuan Yang di-Pertua. Kawan-kawan *batch* kita, muda, 50, *lung cancer*, mereka pergi, *heart attack*. Ini semua telah *research* memang *related to smoking without doubt*. Jadi kalau betul serius Kementerian Kewangan, macam mana kita hendak buat ya? *Banned* rokok, naikan lipa kali ganda betul-betul sampai...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri saya sedikit?

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Kangsar. Orang kuala, orang kuala.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Pandangan Yang Berhormat Kuala Krai sedikit. Terima kasih.

Di sudut yang lain pula kalau kita lihat meletakkan harga rokok yang lebih tinggi, ia meletakkannya dalam satu kategori yang *luxury item*, jadi satu status yang tinggi.

■0410

Jadi tidak memastikan bahawa lagi rendah harga itu, maknanya dikurangkan. Ia ada kaitan dengan zaman sekarang ini, lagi mahal, lagi standard, lagi mereka hendak membeli. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya tidak mencadangkan harga turun. Jangan sesekali ingat kita hendak mencadangkan harga turun. Memang, harga kalau hendak mahal, biar ia *ridiculously high* sampai tidak mampu.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya respons sikit Yang Berhormat Kuala Krai? Sedikit.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Akan tetapi tentulah ada orang akan *corner* juga ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Kuala Krai, sikit-sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tambah sikit sahaja. Saya teringat tiga tahun atau empat tahun lepas, saya pernah jumpa salah seorang daripada top  *therapist* dan bidangnya ialah pengiklanan. Dia sebut bahawa *the only known*, dia kata *where mind is concern*, cara untuk bagi orang tidak merokok ialah bagi kotak rokok itu *plain*. Maksudnya tidak ada apa-apa lambang, cuma nama sahaja. Itu akan menyebabkan hilang minat. Dia ada lah hujahnya dan itu ditentang oleh semua syarikat rokok. Letak gambar-gambar kaki hendak kena kerat, buah pinggang apa segala-galanya, paru-paru rosak, itu tidak ada kesan. Ia jadi *immunize* pula, jadi mangli. Jadi tidak rasa apa-apa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai boleh habiskanlah Yang Berhormat ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, cadangan yang baik dan harusnya mendapat ...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krai]: Yang Berhormat Sik, bangun Yang Berhormat Sik.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: ... perhatian daripada pihak berkuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah. Tidak ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak ada sudah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: [Bangun]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ada pula, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis bangun, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Lipis tidak merokok kan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan. Saya kira pada pagi ini, saya sudah bincang dengan kawan tadi, alang kepalang biar kita sampai ke subuh betul sebab elaun baru sudah diluluskan. Jadi kita bersabar sahajalah kiranya. Bersabar, balik terus subuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dalam Dewan ini tidak semua naik gaji. Yang di belakang, Bentara itu tidak naik gaji Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *[Ketawa] Overtime.* Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Krai sebab Yang Berhormat Kuala Krai tadi ada nampak timbang tara daripada segi harga rokok itu. Maknanya, bagi yang berpendapatan rendah tadi, ada Yang Berhormat Kuala Krai menyebut, maknanya beberapa ekar tanah kena toreh baru dapat beli rokok. Rokok ini ada banyak kategori, murah dan mahal tetapi cuma golongan pertengahan ini yang paling banyak merokok. Orang yang kaya-kaya ini dia kurang merokok sebab dia takut mati. Dia hisap curut, dia tidak tarik dalam. Dia main luar sahaja, orang hisap curut *[Dewan riuh]*. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai berkenaan dengan orang pertengahan ini? Kalau Yang Berhormat kata tadi naik tinggi mungkin boleh menggalakkan daripada segi orang berhenti merokok. Mungkin kerana dia sudah tidak mampu tetapi berbalik pula kepada Yang Berhormat Kuala Nerus cakap tadi akan berlakunya penyeludupan yang amat ketara.

Saya hendak beritahu sebenarnya, saya pernah bercakap dalam Dewan ini berkenaan dengan rokok seludup ini. Jadi, hasil negara itu bila sudah naik tinggi, penyeludupan ini akan menjadi lebih parah lagi. Mungkin daripada pendapatan negara berkurangan. Cuma saya hendak beritahu, perokok ini menyumbang hasil negara.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sebelum Tuan Yang di-Pertua suruh saya menggulung, baik saya gulung.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Sikit sahaja. Alang kepalang pukul lima pagi. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Sudah, sudah. Gulung, gulung.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Terima kasih. Sudah alang-alang hendak pergi pukul lima pagi *[Ketawa]*. Jadi saya hendak minta pandangan sikit ataupun mungkin boleh berkongsi dengan Yang Berhormat Kuala Krai iaitu soal permintaan terhadap rokok ini ia terkecuali daripada teori *supply and demand* yang ada kaitan dengan harga itu. Ia tidak akan ada kesan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Kasihan *driver* di luar itu.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: *[Ketawa]*. Jadi naikanlah setinggi macam mana pun, pasal ia ada elemen ketagihan. Jadi sebab itu harga tidak akan mempengaruhi tahap permintaan kepada rokok dan curut atau Yang Berhormat Kuala Krai kata tadi dia 'mencurut'kah atau 'mencurut'kah?

Seorang Ahli: Mencerut.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Mencerut. Jadi, apakah Yang Berhormat Kuala Krai bersetuju bahawa pendidikan adalah merupakan suatu yang sangat penting daripada peringkat kanak-kanak lagi untuk mengelakkan atau mengurangkan sifat dan minat kepada merokok ini? Apakah Yang Berhormat Kuala Krai bersetuju dengan pandangan itu?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tepat sekali, tepat sekali. Masukkan dalam ucapan saya.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Maka *driver* tidak ada gaji, di luar kasihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskanlah Yang Berhormat, habiskan ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan-cadangan itu baik. Memang harga tidak akan menghalang orang ini daripada ketagihan. Sebab bila sebut ketagihan, *something* yang negatif, *the only way is to compete with another* ketagihan. Baru ketagihan rokok kurang kalau dia ketagih benda lain tetapi saya tidak hendak sebutlah, takut nanti kita mencadangkan benda yang boleh membawa masalah.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Kasihan orang TV itu, kasihan orang kamera itu. Nampak? Merah muka dia.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya yang terakhir buat malam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.15 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Satu muka surat usul didebatkan oleh lapan orang. Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Jelevu. Kita mengambil pandangan-pandangan itu dengan positif. Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi adalah antara kementerian-kementerian yang patut bersama selain daripada Kastam. Saya ada 14 langkah, ini saya tidak hendak bacakan bagaimana kita ...

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Bacalah.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Eh! Suruh baca? *[Ketawa][Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kena baca. Kita sabar menunggu ini.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Tenggara sindir itu, bukan apa.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: [Ketawa] Untuk memastikan penyeludupan rokok dan barang-barang yang tidak patut diseludup. Contoh, Kastam antaranya melaksanakan operasi *outlet* yang bertujuan untuk menyekat sistem *delivery* penyeludupan, melaksanakan Ops Pacak bermula Ogos 2014 bertujuan untuk membanteras pengedaran rokok. Mengadakan Ops Pasti. Jadi Ops *Outlet*, Ops Pacak, Ops Pasti bersama dengan unit AMLATFA, Bahagian Kastam Penguatkuasaan dan Pematuhan melakukan pemantauan rapi mesin pengimbas di pintu-pintu masuk utama, memantau rapi penyalahgunaan kemudahan Pulau Bebas Cukai, Kompleks Bebas Cukai, mengehadkan pengeluaran lesen ke atas pengimport rokok, mengambil tindakan *Anti Money Laundering and Anti Terrorism Financing Act*, arahan mengenakan tindakan mahkamah ke atas semua kes rokok yang diperoleh JKDM.

Tidak ada lagi saman-saman, terus bawa ke mahkamah. Satu arahan Ketua Pengarah dikeluarkan pada 2010 bagi mengenakan tindakan mahkamah bagi semua kes rokok-rokok yang diperoleh. Bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan pertubuhan bukan kerajaan, mengadakan operasi disertai oleh pelbagai agensi. PDRM, APMM, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Imigresen, Alam Sekitar, TUDM meneruskan operasi di kawasan *hot spot*, bekerjasama dengan pihak industri rokok. Itulah antara perkara-perkaranya.

Memang kita ada dua cara iaitu satu cukai, satu lagi bukan cukai. Bukan cukai itu termasuklah pendidikan dan cukai ini mengikut WHO memang boleh menurunkan terutama pada perokok-perokok baru. Saya tidak merokok, rakan saya Yang Berhormat Muar di sebelah ini, dia mula-mula merokok lepas itu dia berhenti, lepas itu dia sambung balik merokok [Ketawa] dan teman-teman yang lain begitu juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang terakhir berhenti merokok ialah jam dua pagi tadi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya [Ketawa]. Terima kasih, terima kasih. **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 8 hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam ketika ini ialah 4.18 pagi dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru, ini merupakan satu catatan sejarah sidang Parlimen yang terpanjang sekali [Tepuk]. Pada sesi yang lalu, rekod terpanjang sesi Parlimen adalah sehingga jam 3.21 pagi.

Antara Ahli-ahli yang berada dalam Dewan ini ketika ini ialah Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Sungai Besar,

Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Hulu Langat yang baru keluar tadi, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Bachok.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah. Sudah sebut dah, sudah sebut dah.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tahniahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang mesyuarat ...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus tidak sebut nama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Nerus, ya Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Kuala Nerus tidak nampak. Kecil sangat, *too small* Yang Berhormat Kuala Nerus *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Kuala Nerus masuk.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak nampak.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Baling sudah tidur terus bangun sekarang.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Baling baru bangun tidurkah? Sembahyang Tahajud.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Semua ini ambil elaun dengan siapalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak habis lagi Yang Berhormat? Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas telah berlangsung selama 20 hari mulai dari 9 Mac 2015 hingga 9 April 2015. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama yang membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat dapat disempurnakan *[Tepuk]*.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang. Akhir

kata, saya mengucapkan selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.21 pagi]